

# **Tinjauan Baru Politik Malaysia**

TELAH DISEMAK

---

## S I R I P O L I T I K M A L A Y S I A

---

Mutakhir ini terlihat jelas kecenderungan sarjana untuk mengupas dan membahaskan pelbagai aspek dan isu politik negara secara ilmiah. Perkembangan sihat ini baik sekali dikembangkan dengan menyediakan suatu siri khusus untuk membariskan judul tersebut. Tulisan yang berbentuk picisan, melulu, juga yang bersifat menghukum dan menfitnah tanpa analisis ilmiah banyak terbit dipasaran. Namun, ahli politik kita wajar menerima tafsiran dan penilaian yang baik, saksama dan betul daripada sarjana kita. Justeru, siri baru ini memberi ruang bagi sebarang tulisan tentang politik Malaysia mencakupi analisis pilihan raya, politik kepartian, kaum dan etnik. Politik adalah seni yang serba mungkin. Maka, kami menjangka siri ini akan hidup dan menerima banyak karya tentang politik Malaysia sama ada tentang demokrasi dan pemerintahan, falsafah dan biografi, hubungan antarabangsa, politik dan pentadbiran, dan ekonomi bahkan apa sahaja yang ada hubung kaitnya dengan politik.

- Aminuddin Mohd. Yusof & Mohd. Ali Kamaruddin. 1998. *Kepimpinan Pemuda UMNO*. ISBN 967-942-135-X
- Jayum A. Jawan. 1994. *Iban Politics and Economic Development: Their Pattern and Change*. ISBN 967-942-301-8, ISBN 967-942-484-4 (pbc)
- Oong Hak Ching. 2000. *Chinese Politics in Malaya: The Dynamics of British Policy*. ISBN 967-942-559-3
- Ghazali Mayudin. 2002. *Politik Malaysia: Perspektif Teori dan Praktik*. ISBN 967-942-559-2
- Mohd. Yusof Kasim & Azlan Ahmad. 2002. *Politik Baru dalam Pilihan Raya Umum*. ISBN 967-942-562-2
- Kamarulnizam Abdullah. 2002. *The Politics of Islam in Contemporary Malaysia*. ISBN 967-942-592-4
- Jamaie Hamil. 2003. *UMNO dalam Politik dan Perniagaan Melayu*. ISBN 967-942-643-2
- Mohd Ashraf. 2004. *Gagasan Bangsa Malayan yang Bersatu*. ISBN 967-942-632-7
- Jayum A. Jawan. 2004. *Ethnicity and Electoral Politics in Sarawak*. ISBN 967-942-679-3
- Maizatul Haizan Mahbob & Mohamad Zain Bin Musa. 2005. *Tinjauan Baru Politik Malaysia*. ISBN 967-942-693-9
-

# **Tinjauan Baru Politik Malaysia**

**MAIZATUL HAIZAN MAHBOB  
MOHAMAD ZAIN BIN MUSA**

PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA  
BANGI • 2005  
<http://www.penerbit.ukm.my>

Cetakan Pertama / First Printing, 2005  
Hak cipta / Copyright Universiti Kebangsaan Malaysia, 2005

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit UKM terlebih dahulu.

*All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical, including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system, without permission in writing from the Penerbit UKM.*

Diterbitkan di Malaysia oleh / Published in Malaysia by  
PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA  
43600 UKM Bangi, Selangor D.E., MALAYSIA  
<http://www.penerbit.ukm.my>  
e-mel: penerbit@pkriscc.ukm.my

Penerbit UKM adalah anggota / is a member of the  
PERSATUAN PENERBIT BUKU MALAYSIA /  
MALAYSIAN BOOK PUBLISHERS ASSOCIATION  
No. Ahli / Membership No. 198302

Dicetak di Malaysia oleh / Printed in Malaysia by  
PERCETAKAN WATAN SDN. BHD.  
26, Jalan Daud, Kampung Bharu  
50300 Kuala Lumpur, MALAYSIA

Perpustakaan Negara Malaysia      Data-Pengkatalogan-dalam-Penerbitan  
Cataloguing-in-Publication-Data

Maizatul Haizan Mahbob

Tinjauan baru politik Malaysia / Maizatul Haizan Mahbob, Mohamad Zain bin Musa.

Bibliografi: ms. 211

I. Malaysia--Politics and government. I. Mohamad Zain Musa.

II. Judul.

320.9595

25 MAY 2005

NASKAH PEMELIHARAAN

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

APB 01177293

320.9595  
MAI

## Kandungan

---

*Prakata ... 7*

- BAB 1: Pendahuluan ... 9  
Maizatul Haizan Mahbob dan Mohamad Zain Bin Musa
- BAB 2: Putrajaya sebagai Wilayah Persekutuan: Isu-isu Perlembagaan dan Politik ... 24  
Mohammad Agus Yusoff
- BAB 3: Pungutan Pendapat Awam Prapilihan Raya Umum 1999: Satu Kajian Kes di Kedah Darul Aman ... 38  
Mohd Fuad Mat Jali, Ahmad Nidzammuddin Sulaiman dan Zaini Othman
- BAB 4: 'Warna Kulit' di Sebalik Penyokong UMNO dan PAS di Sala, Kedah ... 50  
Ghazali Mayudin
- BAB 5: SPR dan Pengurusan Pilihan Raya di Malaysia ... 66  
Maizatul Haizan Mahbob
- BAB 6: Budaya Politik: Perspektif Kepimpinan Politik Melayu daripada Tradisi ke Kontemporari ... 96  
Mohd Ali Kamarudin dan Jamaie Hj. Hamil
- BAB 7: Pandangan Baru Mengenai Penubuhan Persatuan Cina Malaya (MCA) dan Peranan Tan Cheng Lock ... 125  
Oong Hak Ching
- BAB 8: Potret Seorang Nasionalis Kiri: Kamarulzaman Haji Teh ... 144  
Mohamed Salleh Lamry
- BAB 9: Penyelesaian Konfrontasi Indonesia-Malaysia 1966: Isu dan Kontroversi ... 162  
Mohamad Rodzi Abd Razak

*Indeks ... 187*

## Prakata

---

Syukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan izinNya dapat kami menyelesaikan penyuntingan buku ini. Semua bab di dalam buku ini berasal daripada beberapa artikel pilihan yang dibentangkan dalam Seminar Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), UKM pada 2001. Seminar yang diadakan dua tahun sekali ini bertujuan untuk membentangkan hasil penyelidikan yang telah dijalankan oleh para pensyarah dan penyelidik fakulti ini. Artikel-artikel terpilih daripada seminar 2001 itu kemudiannya diperbaiki dan dibentangkan dalam beberapa siri bengkel penerbitan buku yang diadakan di UKM. Bengkel ini dihadiri oleh pegawai dari Penerbit UKM dan wakil Sidang Pengarang Universiti (SPU), UKM, yang banyak memberi input yang bernas lagi membina supaya setiap artikel itu menjadi lebih mantap.

Pada kesempatan ini, kami ingin mengalunkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung sehingga terhasilnya buku ini. Terima kasih yang tidak terhingga kami rakamkan kepada Profesor Dato' Dr. Abdul Rahman Embong, anggota SPU dan Felo Utama Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IKMAS), UKM yang begitu bersungguh-sungguh membimbing para penulis buku ini dan sanggup meluangkan masa untuk mengulas dengan terperinci setiap bab yang terkandung di dalamnya. Kesungguhan dan pengorbanan beliau yang tidak ternilai nampaknya berbaloi dengan terbitnya buku ini. Setinggi-tinggi penghargaan juga ditujukan kepada pihak Penerbit UKM, khususnya Encik Hasrom Haron dan Encik Roosfa Hashim yang banyak memberi idea tentang selok-belok penerbitan buku. Terima kasih juga dirakamkan kepada Dekan FSSK, Profesor Dr. Samsudin A. Rahim dan Timbalan Dekan (Siswazah dan Penyelidikan), Profesor Dr. Ramli Salleh, atas sokongan mereka.

Buku ini tidak akan terhasil tanpa minat dan kerjasama padu yang ditunjukkan oleh para penyumbang bab yang terdiri daripada penulis lama yang berpengalaman dan juga penulis baru. Syabas atas kesungguhan dan kesabaran saudara saudari dalam memperbaiki setiap draf yang dibengkelkan. Tidak ketinggalan, ucapan terima kasih juga ditujukan kepada koordinator yang mengelola seminar FSSK 2001, iaitu

Profesor Madya Dr. Shahrudin Ahmad yang memberikan idea sehingga memungkinkan buku ini diterbitkan. Kepada kakitangan am Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi, Encik Yusuf Ujang, Puan Faizah Mohd. Said dan Puan Zainabon, penghargaan ikhlas kami rakamkan di sini atas dedikasi mereka dalam membantu kerja-kerja teknikal setiap kali bengkel buku ini diadakan. Akhir sekali kepada individu-individu lain yang tidak disebutkan namanya di sini, sokongan dan bantuan yang diberikan amatlah dihargai dan disusuli dengan ucapan terima kasih.

Maizatul Haizan Mahbob  
Mohamad Zain Bin Musa

# Pendahuluan

Maizatul Haizan Mahbob & Mohamad Zain Bin Musa

Dalam melihat senario politik Malaysia masa kini, ramai sarjana cuba memfokuskan kepada fenomena 'politik baru' yang muncul pada akhir abad ke-20. Sudut yang dilihat kebanyakannya tertumpu kepada proses representasi dan amalan *good governance* oleh sektor kerajaan dan swasta. Walau bagaimanapun, buku ini cuba melihat perkara ini dari sudut yang lain. Tujuan utama buku ini adalah membuat beberapa tinjauan baru ke atas proses politik dan hubungannya dengan amalan federalisme. Proses tersebut melibatkan hubungan pusat-negeri, penyertaan politik, budaya dan kepimpinan politik, serta peristiwa sejarah, khususnya dalam konteks hubungan Malaysia dengan Indonesia. Buku ini dihasilkan atas beberapa sebab. Pertama, dalam fenomena baru politik di Malaysia, terdapat banyak isu semasa yang menjadi asas perbincangan politik. Kedua, isu lama dalam aspek sejarah yang disuntik dengan beberapa perkara baru, jarang disentuh oleh penulis tanah air.

Proses politik di negara ini dan hubungannya dengan federalisme telah melalui satu evolusi yang agak panjang sebelum sistem politik dan pentadbiran yang sedia ada sekarang diamalkan. Proses tersebut bolehlah dikatakan bermula dengan pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka pada abad ke-15. Sungguhpun pada ketika itu sistem yang diamalkan tidak dianggap sebagai satu bentuk pemerintahan moden, namun amalan ciri-ciri federalisme tetap ada berdasarkan kuasa yang diagihkan kepada para pembesar daerah bagi menjalankan pentadbiran di kawasan masing-masing. Hal ini bertepatan dengan sebahagian ciri federalisme, iaitu sistem ini sesuai diamalkan di negara yang mempunyai wilayah yang besar bagi memudahkan perjalanan pentadbiran. Sebahagian besar Semenanjung Tanah Melayu pada ketika itu terletak di bawah kekuasaan Kesultanan Melaka. Walau

bagaimanapun, setiap negeri yang dikuasai bukan sahaja bebas mengamalkan adat dan budaya tempatan serta bebas memungut cukai, malah mempunyai elemen pemerintahan sendiri, seperti institusi pentadbiran dan organisasi tentera. Autonomi yang dimiliki oleh pembesar wilayah telah menyuburkan perbezaan kewilayahan sungguhpun wilayah-wilayah itu berada di bawah satu kekuasaan. Autoriti luas yang diberikan oleh kerajaan pusat ke atas wilayahnya kadangkala 'memakan tuan' kerana sering terdapat penentangan daripada sesetengah pembesar negeri yang enggan membayar cukai dan ingin berkerajaan sendiri.

Landskap politik di negara ini kemudiannya berubah dengan tindakan penjajah British pada abad ke-18. Penjajahan British sebenarnya telah mengukuhkan lagi amalan sistem federalisme di negara ini. Bermula dengan pentadbiran negeri masing-masing di bawah sistem Residen yang diamalkan di negeri-negeri seperti Pulau Pinang, Melaka, Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang, pihak Inggeris kemudiannya mewujudkan dasar *unite and rule* bagi mengadakan keseragaman pentadbiran (Simandjuntak 1969) dengan pembentukan Negeri-negeri Selat melalui Perjanjian Inggeris-Belanda pada 1824, Negeri-negeri Melayu Bersekutu pada 1895 dan Negeri-negeri Melayu Tak Bersekutu melalui Perjanjian Bangkok pada 1909. Walau bagaimanapun, pembentukan tiga unit pentadbiran ini dilihat tidak mampu mewujudkan penyatuan di antara negeri, malah telah menyebabkan Tanah Melayu ditadbir secara berasingan dan dengan sendirinya menyuburkan lagi faktor kewilayahan. Tambahan pula setiap negeri (melainkan Negeri-negeri Selat) mempunyai ketuanan masing-masing dengan kewujudan Raja atau Sultan yang memiliki taat setia daripada rakyat negeri masing-masing.

Dasar *unite and rule* telah dilaksanakan oleh Inggeris dalam tempoh yang sangat panjang, melebihi satu abad. Pada 1946 Inggeris bercadang untuk membuat penyatuan semula, kali ini menyatukan semua negeri di bawah satu pentadbiran dengan menggunakan sistem *union* atau kesatuan. Berdasarkan faktor sejarah dan keadaan demografi Tanah Melayu pada ketika itu, sudah tentu cadangan Inggeris tersebut tidak sesuai dan tidak kena pada tempatnya. Hasilnya, cadangan Inggeris tersebut mendapat bantahan keras daripada pelbagai pihak baik raja mahupun rakyat jelata. Selepas dua tahun bantahan besar-besaran dilakukan, maka Inggeris terpaksa akur dengan kehendak masyarakat tempatan pada ketika itu, seterusnya menggantikan

cadangan sistem kesatuan kepada sistem persekutuan atau federalisme pada 1948. Justeru, gerakan ke arah pembentukan persekutuan di Tanah Melayu adalah hasil daripada tekanan ke arah sentralisasi dan desentralisasi (Shafruddin 1987: 1).

Pembentukan Persekutuan Tanah Melayu pada 1948 telah menjadi asas kepada amalan federalisme moden negara ini dan kelahiran Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka pada 1957. Sungguhpun peranan raja telah dikurangkan melalui prinsip Raja Berperlembagaan, namun pengekalannya institusi raja masih mengukuhkan semangat kewilayahan dan amalan federalisme. Seterusnya, dengan penubuhan Malaysia yang membawa penyertaan Sabah dan Sarawak pada 1963 telah melengkapkan lagi amalan federalisme di negara ini.

Justeru itu, ciri-ciri kepelbagaian dan proses politik menjadi asas kepada pembentukan federalisme di Malaysia. Kewujudan negeri beraja dan tidak beraja, perbezaan adat dan budaya antara negeri, perbezaan sejarah yang mewarnai setiap negeri, serta proses politik yang sedemikian rupa menjadi sebahagian ciri penting kepada amalan federalisme. Dengan itu, kepelbagaian dan proses politik ini bukan sahaja mempengaruhi sistem federalisme malah proses berpolitik di negara ini khususnya dari segi amalan hubungan pusat-negeri, penyertaan politik, budaya dan kepimpinan politik, serta peristiwa sejarah khususnya dalam konteks hubungan Malaysia dengan negara jiran.

## Tinjauan Baru Politik Malaysia

Federalisme yang diamalkan di Malaysia telah membahagikan kerajaan kepada dua entiti kuasa, iaitu kerajaan pusat dan kerajaan negeri. Pembahagian ini adalah berdasarkan kepada pengagihan kuasa yang telah ditentukan oleh Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1948 ke atas kerajaan pusat dan kerajaan negeri. Kuasa kerajaan negeri merangkumi dua perkara utama, iaitu hal ehwal agama dan tanah di samping pertanian dan perhutanan. Manakala kuasa kerajaan pusat pula dilihat lebih penting dan lebih dominan dengan merangkumi lebih banyak perkara seperti hubungan luar negeri, pertahanan, keselamatan, pentadbiran, keadilan, kewangan, perdagangan, perhubungan dan pengangkutan, pendidikan, kesihatan buruh dan keselamatan sosial, akhbar, penapisan dan perkara lain. Sementara itu, mana-mana perkara yang tidak dinyatakan dalam Senarai Pusat dan

Senarai Negeri diletakkan dalam Senarai Bersama. Perkara di bawah Senarai Bersama ialah kebajikan masyarakat, biasiswa, perlindungan hidupan liar, kebudayaan dan sukan, perumahan dan Perlembagaan Persekutuan.

Sungguhpun kelihatan jelas akan penyenaaraan kuasa kerajaan pusat dan negeri yang termaktub dalam perlembagaan, namun menurut Wheare (1980), tidaklah sentiasa mudah untuk menentukan apakah perkara yang terletak di bawah bidang kuasa kerajaan pusat dan kerajaan negeri. Perlembagaan kadangkala dilihat oleh beliau sebagai samar, menyangkal dan kabur. Hal ini secara khusus dapat dilihat dalam konteks Malaysia apabila terdapat beberapa peruntukan perlembagaan yang membolehkan kerajaan pusat mengambil alih kuasa perundangan yang dihaskan kepada kerajaan negeri (Shaikh Mohd 1988: 16). Ini boleh dilihat melalui peruntukan Perkara 76 (1) yang menyatakan bahawa parlimen boleh membuat undang-undang mengenai apa-apa perkara yang disebutkan dalam Senarai Negeri dalam hal tertentu. Salah satu daripada hal tersebut dapat dilihat dalam Fasal (4) yang menyatakan parlimen boleh, bagi maksud menentukan persamaan undang-undang dan dasar, membuat undang-undang bagi pemegangan tanah, perhubungan antara tuan tanah dengan penyewa, kepentingan mengenai tanah, mengambil tanah dengan paksa, *rating* dan penilaian tanah, dan kerajaan tempatan. Justeru itu, perkara yang disebutkan dalam Fasal (4) dilihat oleh Shaikh Mohd sebagai meliputi hampir sebahagian besar daripada bidang kuasa perundangan negeri. Beliau melihat kuasa yang dimiliki oleh pusat boleh membahayakan federalisme atau semangat persekutuan.

Lantaran itu, tidaklah menghairankan apabila berlaku masalah *over rule* di antara dua entiti ini dan biasanya kuasa pusat mendahului kuasa negeri. Ini dapat dilihat menerusi kes penubuhan Putrajaya yang dibincangkan oleh Mohd Agus Yusoff dalam Bab 2. Penubuhan Putrajaya oleh kerajaan pusat di Prang Besar, Sepang, Selangor dikatakan menggunakan tindakan *over rule* kerana penubuhannya dibuat tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan daripada Majlis Raja-Raja dan DUN Selangor, sedangkan peruntukan Perkara 2 (b) menyebut bahawa undang-undang yang mengubah sempadan sesuatu negeri tidak boleh diluluskan tanpa persetujuan negeri tersebut. Hal ini jelas menimbulkan masalah campur tangan pusat ke atas kuasa kerajaan negeri dalam hal ehwal tanah.

Apabila masalah ini berlaku, maka ciri federalisme asas seperti yang diutarakan oleh Wheare tidak berlaku. Ciri sistem ini yang asas ialah selain daripada wujudnya dua peringkat kerajaan, iaitu pusat dan negeri, setiap satu kerajaan hendaklah dihadkan bidang kuasa masing-masing, bebas daripada campur tangan yang lain, dan hendaklah tidak lebih rendah tarafnya di antara satu dengan yang lain. Walau bagaimanapun, kes penubuhan Putrajaya dilihat sebagai satu bentuk campur tangan, kerajaan negeri seolah-olah tidak bebas dalam melaksanakan kuasanya dan kelihatan seolah-olah tarafnya lebih rendah daripada kerajaan pusat. Kes ini memperlihatkan bahawa hanya sebahagian daripada ciri asas federalisme diamalkan oleh negara ini khususnya dengan kewujudan dua peringkat kerajaan. Perkara ini dilihat oleh Mohammad Agus (1999) sebagai *quasi-federal*. Beliau melihat *quasi-federal* sebagai amalan yang tidak menepati keseluruhan ciri dan prinsip federalisme seperti yang diutarakan oleh Wheare. Ini kerana kerajaan negeri tidak diberikan autonomi dalam mempraktikkan prinsip yang dijamin secara sah oleh perlembagaan, dan kerajaan pusat pula tidak bertindak dalam garis dan had kuasa yang dibataskan oleh perlembagaan. Beliau juga melihat keadaan ini lebih mengarah kepada *trend* pemusatan kuasa kerajaan pusat ke atas kerajaan negeri.

*Quasi-federal* turut dilihat sebagai sebahagian daripada beberapa versi sistem federalisme yang wujud di dunia. Menurut Bowman dan Kearney (1990: 37), terdapat 326 model federalisme kesemuanya. Model yang pelbagai ini dilihat oleh Weingast (2000: 1) sebagai satu kategori sistem yang dibentuk oleh kepelbagaian ciri ekonomi dan politik secara meluas. Di antara model yang banyak ini, terdapat dua model yang sering dibincangkan, iaitu *cooperative federalism* dan *competitive federalism*.

*Cooperative federalism* mendukung prinsip perkongsian tanggungjawab dan peranan yang dilaksanakan secara kerjasama di antara semua peringkat kerajaan, iaitu pusat, negeri dan tempatan. Model ini juga dirujuk sebagai *overlapping authority* (Bowman & Kearney 1990). Menurut Watts (1970: 7), model ini lahir bagi menjelaskan kerjasama di kalangan unit kerajaan dalam aspek kewangan. Misalnya, di Amerika Syarikat, pada masa dunia dilanda kemelesetan ekonomi yang teruk, keadaan ini telah menggesa kerajaan pusatnya bekerjasama dengan kerajaan negeri dan tempatan bagi menyediakan peluang pekerjaan, melindungi kebajikan sosial dan membangunkan infrastruktur negara dengan tujuan untuk

mengembangkan ekonomi. Walau bagaimanapun pada 1960-an, kerjasama ini bukan lagi tertumpu kepada bidang ekonomi sahaja malah berkembang dalam aspek politik yang lain. Selain kerjasama, terdapat juga tawar-menawar politik, persaingan dan konflik. Justeru itu, keadaan ini tidak lagi dilihat dalam konteks *cooperative federalism* tetapi *interdependent federalism* (Watts 1970).

*Competitive federalism* pula merujuk kepada satu darjah sentralisasi kuasa yang dominan oleh kerajaan pusat berbanding kerajaan negeri atau tempatan. Ini bermakna kerajaan pusat mempunyai kawalan, kuasa, monopoli dan autonomi yang dominan ke atas kewangan. Ini menyebabkan kerajaan negeri tidak mempunyai kuasa ke atas kewangan dan terpaksa bergantung kepada pusat untuk mendapatkan peruntukan kewangan. Dalam model ini, kerajaan negeri biasanya tidak kuat dan berpengaruh berbanding kerajaan pusat yang mempunyai kata putus ke atas semua dasar kewangan dan hal ehwal negara. Menurut Bowman & Kearney, model ini berkembang sejak kewujudan *dual federalism* namun tidak begitu ketara pada waktu itu. *Dual federalism* berpegang pada prinsip bahawa kerajaan pusat dan negeri adalah berdaulat, sama dan seimbang dalam skop dan ruang lingkup autoriti yang telah ditetapkan oleh perlembagaan. Kerajaan pusat melaksanakan kuasa yang secara khusus diperuntukkan kepadanya, dan kuasa selebihnya diberikan kepada kerajaan negeri dan tempatan. Kerajaan pusat dan negeri dilihat sebagai bersaing (*competitive*) dan tidak bekerjasama dalam hubungan di antara dua unit kerajaan tersebut. Justeru itu, model ini dikatakan hampir dengan kerajaan yang berbentuk unitari. *Quasi-federal* pula dilihat sebagai sebahagian daripada ciri model *competitive* ini. Model ini juga hampir dengan amalan di Malaysia. Dengan itu, bolehlah dikatakan bahawa federalisme yang diamalkan oleh negara ini lebih menghampiri sistem unitari berbanding amalan federalisme yang sebenarnya.

Oleh sebab federalisme menjadi teras kepada sistem politik dan pentadbiran negara ini, maka federalisme telah mencorakkan sebahagian besar perjalanan politik di negara ini. Ia bukan sahaja tertumpu kepada hubungan pusat-negeri malah turut mempengaruhi pola penyertaan politik, kepimpinan dan budaya politik, dan perjalanan sejarah negara ini. Atas dasar inilah maka buku ini bertujuan untuk membuat beberapa tinjauan baru politik Malaysia dengan menekankan kepada hubungan pusat-negeri, penyertaan politik, kepimpinan dan budaya politik serta membuat tinjauan semula ke atas peristiwa sejarah di negara ini.

Hubungan pusat-negeri yang dilihat dalam konteks kerjasama, konflik dan tawar-menawar bukanlah satu perkara baru. Tetapi perkara baru yang ingin dilihat di sini ialah isu-isu semasa yang mencorakkan hubungan di antara kerajaan pusat dengan negeri. Corak hubungan yang dilihat ada yang bersifat rundingan dan ada juga yang bersifat ketegangan. Penyertaan politik dan federalisme juga dilihat mempunyai kaitan antara satu sama lain. Dengan wujudnya kebebasan mutlak media melalui internet, sebahagian rakyat negara ini telah disogokkan dengan pelbagai maklumat yang mendedahkan kepincangan pentadbiran kerajaan secara besar-besaran. Sama ada maklumat tersebut sahih ataupun tidak bukanlah satu persoalan. Yang penting, mereka dapat mengetahui sesuatu yang sebelum ini menjadi larangan di kalangan media arus perdana. Maklumat yang diperolehi termasuklah ketidakadilan yang dilakukan oleh kerajaan pusat ke atas kerajaan negeri, khususnya negeri yang diterajui pembangkang. Contohnya ialah isu rampasan tanah penduduk kampung untuk dijadikan pusat pentadbiran kerajaan yang baru di Putrajaya. Pendedahan maklumat yang sebegini rupa sudah tentu membangkitkan rasa ingin tahu rakyat dan mereka mula mempersoalkan isu ketelusan, pertanggungjawaban dan *good governance* pihak kerajaan. Kebangkitan rakyat menyuarakan isu-isu sejagat ini dikatakan oleh sesetengah pihak sebagai bermulanya era politik baru di negara ini. Isu-isu sejagat tersebut seterusnya mempengaruhi pola pengundian di negara ini dan diperlihatkan melalui keputusan pilihan raya umum 1999 dengan kebanyakan majoriti undi BN jatuh ke tangan pembangkang.

Oleh sebab federalisme menjadi tonggak kepada sistem pemerintahan Malaysia, maka federalisme turut dilihat mempengaruhi budaya politik negara ini. Ini kerana budaya politik sesebuah negara banyak dipengaruhi oleh sistem, tatacara dan undang-undang yang diamalkan. Federalisme yang bercirikan *quasi-federal* yang diamalkan Malaysia adalah hasil daripada keadaan struktur sosial negara ini. Struktur sosialnya yang bersifat heterogenus dengan kewujudan negeri beraja dan tidak beraja, perbezaan adat dan budaya antara negeri, perbezaan sejarah yang mewarnai setiap negeri dan kewujudan masyarakat majmuk mungkin menyukarkan untuk mencari titik persamaan dalam mewujudkan perpaduan dalam erti kata yang sebenar. Justeru itu, sistem *quasi* digunakan bagi mengurangkan konflik yang terhasil daripada kepelbagaian ini. Dengan itu, amalan sistem yang sedemikian rupa telah membezakan budaya politik negara ini dengan negara lain.

Peristiwa sejarah di negara ini turut mempunyai hubungan dengan sistem politik yang diamalkan. Misalnya, pembentukan Malaysia dengan menjemput Sabah dan Sarawak untuk turut serta dalam sistem federalisme negara ini telah membangkitkan rasa tidak puas hati di kalangan negara jiran khususnya Indonesia. Indonesia melihat tindakan Malaysia sebagai satu percubaan untuk memperluaskan kuasa dan pengaruh di rantau Nusantara melalui pendekatan neo-kolonialisme. Kesannya, Indonesia telah melancarkan konfrontasi dengan negara ini dari 1963 hingga 1966.

## Tentang Buku Ini

Federalisme menjadi rangka konseptual buku ini dalam meninjau beberapa aspek baru berkaitan politik negara ini. Tinjauan baru politik Malaysia merupakan tema utama buku ini dan dibincangkan dari pelbagai sudut oleh para penyumbang. Bagi membahaskan tema umum ini secara terperinci, maka buku ini dibahagikan kepada empat subtema yang bermula dengan hubungan pusat-negeri di bawah sistem federalisme, diikuti dengan penyertaan politik, seterusnya kepimpinan dan budaya politik, dan terakhir, tinjauan semula ke atas tokoh dan peristiwa sejarah negara ini.

Subtema pertama buku ini, iaitu hubungan pusat-negeri, mengulas amalan federalisme di Malaysia yang dilihat daripada perspektif perlembagaan dan politik. Persoalan yang ditonjolkan ialah sejauh mana amalan federalisme di negara ini berjalan mengikut apa yang diperuntukan oleh perlembagaan, bagaimana peruntukan ini cuba dimanipulasi oleh kerajaan pusat dan kesannya ke atas politik, khususnya dari segi hubungan pusat-negeri dan kecamatan daripada pihak pembangkang. Persoalan ini diketengahkan oleh Mohammad Agus Yusoff dalam Bab 2 dengan mengambil kes penubuhan Putrajaya. Penubuhan Putrajaya sebagai sebuah wilayah persekutuan yang baru bukan sahaja memperlihatkan kelahiran sebuah wilayah baru, dan kawasan pentadbiran baru bagi kerajaan pusat di negara ini, bahkan proses penubuhannya juga dikatakan agak berbeza dengan dua buah wilayah persekutuan yang sedia ada, iaitu Kuala Lumpur dan Labuan. Persoalan baru yang cuba diketengahkan oleh penulis ialah perbezaan kaedah pengambilan tanah oleh kerajaan pusat untuk dijadikan wilayah persekutuan yang baru. Kaedah penubuhan wilayah persekutuan yang baru ini dikatakan bercanggah dengan Perkara 2(b) Perlembagaan

Persekutuan kerana dibuat tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan daripada Majlis Raja-Raja dan DUN Selangor, sedangkan peruntukan Perkara 2(b) menyebut bahawa undang-undang yang mengubah sempadan sesuatu negeri tidak boleh diluluskan tanpa persetujuan negeri itu. Tindakan *over rule* yang dilakukan oleh kerajaan pusat telah menimbulkan beberapa implikasi politik khususnya daripada pihak pembangkang yang mengecam tindakan tersebut sebagai satu pembaziran, merampas hak rakyat miskin dan menggunakan unsur kronisme dan nepotisme dalam pemberian tender projek.

Bantahan dan kritikan rakyat ke atas dasar kerajaan dalam menangani isu pusat-negeri adalah sebahagian daripada aspek penyertaan politik. Walau bagaimanapun, penyertaan politik yang ingin dibahaskan dalam subtema kedua lebih tertumpu kepada pilihan raya. Subtema ini terdiri daripada tiga bab yang membincangkan pelbagai aspek penyertaan politik dalam pilihan raya umum 1999, dan bermula dengan Bab 3 oleh Mohd Fuat Mat Jali, Ahmad Nidzammuddin Sulaiman dan Zaini Othman. Mereka membincangkan persoalan pungutan pendapat awam ketika prapilihan raya umum 1999. Penulisan tentang prapilihan raya di negara ini adalah satu perkara baru kerana kebanyakan aspek yang disentuh oleh penulis dahulu adalah lebih kepada pascapilihan raya. Justeru itu, tinjauan baru yang dilihat oleh penulis berhubung tema ini ialah kaedah pungutan pendapat awam dan kecenderungan pandangan pengundi ke arah prinsip sejagat. Dalam melihat prinsip sejagat ini, antara persoalan yang disentuh ialah pengaruh globalisasi dan kebangkitan politik baru yang mempengaruhi suasana menjelang pilihan raya. Penubuhan BA, isu pemecatan TPM dan kegawatan ekonomi diandaikan sebagai faktor yang memungkinkan parti pemerintah tidak mudah mendapat dua per tiga kerusi parlimen. Kemungkinan lain yang ditimbulkan oleh penulis ialah terdapatnya pemimpin penting dalam BN yang akan kecundang, kemungkinan pemerintahan di beberapa negeri akan bertukar tangan dan kemungkinan parti alternatif menerajui negara selepas pilihan raya umum 1999. Penulis turut menyatakan peri pentingnya kajian tentang pungutan pendapat dalam konteks prapilihan raya kerana dari situ kita dapat mengetahui apakah yang difikirkan oleh pengundi mengenai apa jua tindakan kerajaan. Kajian prapilihan raya juga boleh menjadi asas teori bagi legitimasi politik dalam sesebuah sistem demokrasi.

Bertitik tolak daripada penelitian terhadap kaedah pungutan pendapat awam dalam Bab 3, Ghazali Mayudin cuba menyingkap

persoalan kepentingan kajian politik masa kini dalam Bab 4. Penulis mengaitkan latar belakang sosioekonomi pengundi dengan kecenderungan politik melalui perbandingan warna kulit di antara penyokong UMNO dengan Pas di Sala, Kedah. Penulis menghujah bahawa terdapat perbezaan dari segi tahap sosioekonomi di antara penyokong UMNO dengan PAS. Tahap sosioekonomi yang diketengahkan ialah dari segi pemilikan tanah, pendapatan, pendidikan serta kecenderungan politik mereka. Dari segi pemilikan tanah, penulis mendapati bahawa penyokong PAS memiliki tanah yang lebih luas berbanding penyokong UMNO. Perbezaan ini seterusnya mempengaruhi perbezaan pendapatan di antara kedua-dua penyokong parti ini. Penyokong PAS didapati memperoleh pendapatan yang lebih tinggi berbanding penyokong UMNO. Dari segi pendidikan, kebanyakan penyokong UMNO mendapat pendidikan aliran kebangsaan, sementara penyokong PAS mendapat pendidikan daripada dua jenis aliran, iaitu aliran agama dan aliran agama serta kebangsaan. Seterusnya dari segi kecenderungan politik, kebanyakan penyokong UMNO cenderung untuk memilih UMNO atas pelbagai alasan. Antaranya ialah tertarik dengan perjuangan parti yang memperjuangkan bangsa, dan kerana ibu bapa mereka menjadi ahli atau penyokong parti UMNO. Manakala, sebahagian besar penyokong PAS memberikan alasan tunggal, iaitu untuk memperjuangkan Islam. Dapatan yang diperoleh oleh penulis ini sangat menarik kerana persepsi masyarakat selama ini menganggap penyokong PAS terdiri daripada mereka yang mempunyai kedudukan ekonomi yang rendah, manakala penyokong UMNO sebaliknya. Dapatan ini merupakan satu perkara baru dalam senario politik tempatan.

Penyertaan politik melalui pilihan raya di negara ini mungkin tidak berjalan dengan lancar sekiranya tiada badan bebas yang mengendalikan urusan pilihan raya. Tatacara tentang pengurusan pilihan raya dibahaskan dengan terperinci oleh Maizatul Haizan Mahbob dalam Bab 5. Penulis membahagikan tatacara pengurusan mengikut tiga fungsi SPR yang utama. Salah satu daripadanya ialah menjalankan pendaftaran pemilih. Persoalan baru yang disentuh oleh penulis ialah perubahan tatacara pengurusan khususnya dalam konteks pendaftaran pemilih. Perubahan kaedah pendaftaran bermusim kepada pendaftaran sepanjang tahun dilihat telah memberi impak kepada proses politik. Perubahan ini adalah hasil daripada desakan bukan sahaja daripada parti pembangkang malah parti pemerintah sendiri, orang ramai dan pihak SUHAKAM. Justeru itu, terdapat perubahan dari segi

kecenderungan ke atas kritikan bagi mengadakan perubahan terhadap agensi awam. Jika dahulunya kritikan banyak dilemparkan oleh parti pembangkang tetapi kini kritikan tersebut datang daripada parti pemerintah sendiri.

Perjalanan proses politik di negara ini, baik latar belakang sistem yang digunakan mahupun penyertaan politik di kalangan rakyat, kesemuanya mencerminkan budaya politik yang diamalkan. Sungguhpun sistem yang sama digunakan, namun budaya politik di sesebuah negara mungkin berbeza dengan negara yang lain. Salah satu aspek yang boleh dilihat dalam budaya politik ialah kepimpinan. Persoalan kepimpinan dan budaya politik menjadi inti perbincangan dalam subtema ketiga buku ini. Dalam Bab 6, Mohd Ali Kamarudin dan Jamaie Hj. Hamil membincangkan persoalan kepimpinan politik Melayu yang dilihat dari dua perspektif, iaitu tradisi dan kontemporari. Dari jarak dua perspektif ini, penulis membahagikan kepimpinan politik Melayu kepada tiga era, iaitu era tradisional ke transisi merdeka, era pascamerdeka ke Dasar Ekonomi Baru (DEB), serta era menjelang abad ke-21. Dalam era tradisional ke transisi merdeka, terdapat beberapa perbezaan dari segi struktur kepimpinan di antara transisi ini. Kepimpinan Melayu pada mulanya dicirikan oleh struktur yang bersifat tradisional, iaitu satu hubungan yang berbentuk menegak dengan golongan bangsawan sebagai kelas pemerintah dan rakyat jelata sebagai golongan yang diperintah. Golongan bangsawan dicirikan sebagai manusia yang mempunyai status yang tinggi dalam agama dan dengan itu dianggap berdaulat.

Seterusnya dalam transisi merdeka, penubuhan UMNO menunjukkan bahawa terdapat perubahan struktur kepimpinan Melayu. Golongan bangsawan yang dicirikan dengan ketinggian agama tidak lagi dominan sebagai pihak yang memerintah. Pemimpin UMNO turut didukung oleh golongan bukan bangsawan. Seterusnya dalam era pascamerdeka ke era DEB, perbezaan struktur kepimpinan Melayu dalam zaman ini boleh dilihat dalam konteks ekonomi. Sekiranya dalam era pascamerdeka, ekonomi tidak menjadi agenda utama dalam pemikiran pemimpin Melayu, tetapi dalam era DEB, terdapat perubahan nyata dalam struktur kepimpinan. Pemimpin Melayu kini didukung oleh ahli korporat yang bergiat aktif dalam pembangunan ekonomi negara dan memperoleh pendidikan yang lebih tinggi. Mereka mula memasukkan ekonomi dalam agenda *political will* sehingga mewujudkan gelaran *Malay political hegemony*. Seterusnya dalam era

abad ke-21, struktur kepimpinan Melayu sekali lagi mengalami perubahan apabila ciri korporat dilepaskan daripada struktur tersebut. UMNO bukan lagi bergerak untuk membangunkan ekonomi negara malah tugas tersebut kini diberi kepada pihak swasta. Projek penswastan bukan sahaja diberikan kepada orang Melayu bahkan kaum bukan Melayu yang biasanya mempunyai hubungan dengan parti itu. Isu kronisme, nepotisme dan ketelusan mula dipersoalkan dengan meluas. Inilah perkara baru yang cuba ditinjau oleh penulis dalam bab ini.

Perjuangan UMNO dalam mambangunkan dan mempertahankan hak bangsa Melayu dan Malaysia menerusi kepimpinan politik negara tidak berjalan dengan mudah. Apabila disorot melalui rentetan sejarah, banyak ranjau yang telah ditempuh khususnya dalam menuntut kemerdekaan daripada British. Pelbagai formula telah digunakan bagi mendapatkan kerjasama daripada kaum lain untuk berkerajaan sendiri. Salah satu daripadanya ialah politik *consociational* yang berjalan atas usaha tawar-menawar politik di antara kaum. Selain Tunku Abdul Rahman yang mewakili UMNO dalam usaha tawar-menawar, turut serta dalam proses itu ialah parti MCA yang diketuai oleh Tun Tan Cheng Lock bagi mewakili kaum Cina dan parti MIC yang diketuai oleh Tun Sambanthan bagi mewakili kaum India. Tokoh-tokoh ini bukan sahaja memainkan peranan penting dalam memperoleh kemerdekaan Tanah Melayu pada ketika itu malah menjadi perintis kepada politik permuafakatan di Malaysia menerusi penubuhan Perikatan dan seterusnya Barisan Nasional.

Persoalan tentang tokoh dan peristiwa sejarah dibahaskan dengan terperinci dalam subtema keempat buku ini. Subtema ini mengandungi tiga bab terakhir dengan perbincangan mengenai tokoh sejarah dimulakan oleh Oong Hak Ching dalam Bab 7. Penulis telah merekonstruksi semula sejarah penubuhan MCA dengan memfokuskan kepada tokoh utama parti itu, iaitu Tan Cheng Lock. Apa yang menjadi persoalan penulis ialah siapa sebenarnya yang menubuhkan MCA. Adakah H. S. Lee atau Tan Cheng Lock? Penulis bersandarkan kepada kajiannya dan kajian Low Chin Huat dalam menentukan siapakah sebenarnya pengasas dan tokoh yang memainkan peranan secara langsung dalam penubuhan MCA. Bagi menemukan jawapannya, penulis telah meneliti beberapa surat persendirian Tan Cheng Lock mengenai MCA yang disimpan di ISEAS, Universiti Kebangsaan Singapura dan Arkib Negara Malaysia serta surat yang ditulis oleh Tan

Cheng Lock kepada Haji Ibrahim T. Y. Ma, konsul Republik China di Ipoh, Perak. Penulis juga merujuk kepada surat persendirian dan dokumen kerajaan British yang menyangkut tentang dasar British terhadap MCA. Dokumen tersebut disimpan di Jabatan Palaeografi dan Diplomatik di Universiti Durham. Sumber primer tentang MCA juga disimpan di Public Records Office, London. Selain sumber primer, penulis juga merujuk kepada sumber sekunder yang ditulis oleh beberapa sejarawan termasuk anak perempuan Cheng Lock sendiri. Kesimpulannya, beliau dianggap oleh penulis sebagai tokoh yang menubuhkan MCA kerana hasrat beliau yang telah lama untuk menubuhkan sebuah organisasi politik Cina yang berhaluan tempatan.

Sejarah di Malaysia, selain diwarnai oleh usaha tawar-menawar politik di antara kaum, juga dicorakkan oleh gerakan nasionalisme yang mula berkembang selepas Perang Dunia Kedua. Sejarah gerakan nasionalisme pada ketika itu dibahagikan kepada dua aliran utama, iaitu aliran kanan dan aliran kiri. Seorang lagi tokoh yang diketengahkan dalam subtema keempat buku ini ialah Kamarulzaman Haji Teh. Beliau merupakan seorang tokoh nasionalis kiri dan gerakan nasionalis beliau telah dibahas dengan mendalam oleh Mohamed Salleh Lamry dalam Bab 8. Penulis cuba membuat tinjauan semula gerakan Parti Komunis Melayu (PKM) dengan menyelusuri perjuangan dan pengorbanan yang telah dilakukan oleh Kamarulzaman. Penulis merasakan perjuangan golongan nasionalis kiri perlu diberi pengiktirafan memandangkan mereka juga terlibat dengan perjuangan menuntut kemerdekaan. Sekiranya mereka tidak memainkan peranan ini, pihak Inggeris mungkin tidak akan memberi kemerdekaan kepada Tanah Melayu dengan mudah.

Setelah berhadapan dengan masalah komunis selama 12 tahun, sejarah Malaysia sekali lagi dilanda ketegangan dan kali ini peristiwa konfrontasi dengan Indonesia selama tiga tahun. Kesemua peristiwa ini telah menggugat kestabilan politik dan ekonomi ke atas negara yang baru mengecapi kemerdekaan pada ketika itu. Peristiwa konfrontasi dengan Indonesia telah dihuraikan dengan teliti oleh Mohamad Rodzi Abd Razak dalam Bab 9. Penulis membincangkan penyelesaian konfrontasi dari perspektif baru dengan melihat kepada sumber primer yang jarang-jarang dilakukan oleh pengkaji sebelum ini. Penulis telah meneliti dua jenis perjanjian, iaitu perjanjian terbuka dan perjanjian rahsia antara Malaysia dengan Indonesia dalam usaha menyelesaikan konfrontasi. Sukarno telah membuktikan bahawa selain

rundingan damai secara terbuka yang ditandatangani di Bangkok antara Tun Razak dengan Adam Malik pada ketika itu, terdapat satu pakatan yang dirundingkan secara rahsia antara kedua-dua belah pihak. Walau bagaimanapun, kenyataan Sukarno ini telah disangkal oleh kerajaan kedua-dua belah pihak. Namun, penulis berjaya mendedahkan pakatan rahsia tersebut dengan merujuk sumber dokumen surat M. Walker kepada Pejabat Hubungan Komanwel. Penulis telah mengesahkan bahawa wujudnya pakatan dalam usaha perdamaian ini. Penulis menyimpulkan bahawa Sukarno telah menjadi mangsa konspirasi yang diasaskan oleh Barat sejak berakhirnya Perang Dunia Kedua dan konspirasi tersebut telah membawa kepada kejatuhan beliau dalam arena politik.

## Kesimpulan

Secara keseluruhannya, para penulis membincangkan bab masing-masing mengikut perspektif baru selaras dengan tema utama buku ini yang melihat kepada beberapa tinjauan baru politik Malaysia. Sungguhpun terdapat subtema yang melihat politik Malaysia dalam konteks sejarah, namun tinjauan yang dibuat telah digarap dengan berkesan dan disulami dengan aspek baru yang bersifat semasa. Konsep federalisme menjadi kerangka keseluruhan penulisan bab dalam buku ini. Konsep ini dikaitkan dengan setiap subtema yang dibincangkan yang meliputi aspek hubungan pusat-negeri, penyertaan politik, kepimpinan dan budaya politik serta tokoh dan peristiwa sejarah. Federalisme yang menjadi tulang belakang sistem politik dan pemerintahan Malaysia telah mencorakkan keempat-empat aspek ini dalam bentuk yang sedemikian rupa sehingga menjadikan negara ini unik dari segi praktik berbanding teori yang sama yang diamalkan oleh negara lain.

## Rujukan

- Baradat, L. 1979. *Political ideologies: Their origins and impact*. Englewood Cliff, New Jersey: Prentice-Hall.
- Buchanan, M. J. 2001. Federalism and individual sovereignty. *The Cato Journal*. 15 (2-3): 1-8. <http://www.cato.org/pubs/journal/cj15n2-3-8.html>.
- Chin, J. 1997. Politics of federal intervention in Malaysia, with reference to Sarawak, Sabah and Kelantan. *The Journal of Commonwealth & Comparative Politics*. 35 (2): 96-126.

- Kho0, P. 1999. Thinking the unthinkable: A Malaysia not governed by BN? *Aliran Mohihly*. 19 (5): 2-8.
- Mohamad Agus Yusoff. 1998. *Federalism in Malaysia: A study of the politics of centre-state relations*. Tesis PhD. University of Manchester. (Tidak diterbitkan).
- Mohd. Yusof Kasim & Azlan Ahmad (pnyt). 2002. *Politik baru dalam pilihan raya umum*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shafruddin, B. H. 1988. *The federal factor in the government and politics of Peninsular Malaysia*. Singapura: Oxford University Press.
- Shaikh Mohd Noor Alam. 1988. *Federalisme di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shamsul Amri Baharudin. 1999. *The redefinition of politics and the transformation of Malaysian pluralism*. Kertas seminar dibentangkan di Research Workshop on Southeast Asian Pluralisms: Social Resources for Civility and Participation in Malaysia, Singapore and Indonesia. Ford Foundation (Jakarta)/ISEC/IKMAS, Petaling Jaya. 5-6 Ogos.
- Simandjuntak, B. 1969. *Malayan federalism 1945-1963: A study of federal problems in a plural society*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Umikalsom Mohd Noh. 1991. *Fiscal federalism in Malaysia, 1971-1987*. Tesis PhD. Universiti Malaya. (Tidak diterbitkan)
- Watts, R. L. 1979. *Negara-negara persekutuan yang baharu*. Terj. Zainuddin Bin Awang Ngah. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Weingast, B. R. 2000. *Theory of comparative federalism and the emergence of economic liberalization in Mexico, China and India*. <http://www.stanford.edu/people/weingast.comp.fedm.MSO.OO.pdf>
- Wheare, K. C. 1980. *Kerajaan persekutuan*. Terj. Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

## BAB 2

---

# Putrajaya sebagai Wilayah Persekutuan: Isu-isu Perlembagaan dan Politik

Mohammad Agus Yusoff

### Pengenalan

Malaysia merupakan sebuah negara persekutuan yang mempunyai tiga belas buah negeri. Wilayah Persekutuan bukanlah sebuah negeri tetapi wilayah yang ditadbir oleh kerajaan pusat. Sebelum 1 Februari 1974, Wilayah Persekutuan tidak wujud. Entiti ini hanya wujud selepas itu apabila Yang di-Pertuan Agong bagi pihak kerajaan pusat dan Sultan Selangor bagi pihak kerajaan negeri dengan disaksikan oleh raja-raja dan Yang Dipertua Negeri menandatangani perjanjian penyerahan Selangor kepada kerajaan pusat. Kerajaan pusat kemudiannya menjadikan Kuala Lumpur sebagai pusat pentadbiran dan ibu kota negara untuk seluruh rakyat Malaysia. Kuala Lumpur kemudiannya berkembang dengan pesat sehingga menjadi padat dengan penduduk, sesak dengan pejabat dan gedung perniagaan dan sibuk dengan kenderaan. Kesesakan Kuala Lumpur menyebabkan kerajaan pusat mencari tempat lain untuk mewujudkan sebuah pusat pentadbiran kerajaan persekutuan yang baru. Hasilnya kerajaan pusat mengambil suatu tapak di Prang Besar (Putrajaya) dari negeri Selangor dan menjadikannya Wilayah Persekutuan yang ketiga selepas Kuala Lumpur dan Labuan. Bab ini membincangkan sejarah penubuhan Putrajaya sebagai Wilayah Persekutuan, dengan memberi tumpuan kepada beberapa isu perlembagaan dan politik yang timbul daripada penubuhan wilayah tersebut.

## Latar Belakang Penubuhan Putrajaya

Putrajaya ialah sebuah kawasan terpencil di Sepang, Selangor yang sebelum ini jauh dari pusat kemudahan. Kawasan ini, apabila diisytiharkan sebagai pusat pentadbiran kerajaan persekutuan yang baru, mula mendapat perhatian para pelabur dan harga tanah melambung dengan cepat. Sebelum ini, tapak yang dicadangkan untuk menjadi pusat pentadbiran baru kerajaan pusat ialah Janda Baik, Pahang. Namun, atas beberapa sebab, kerajaan pusat di bawah pentadbiran Perdana Menteri Dr. Mahathir Mohamed menukarkannya ke Putrajaya. Antara sebab utama pertukaran ini ialah kedudukan Putrajaya yang strategik. Bandar itu terletak di antara dua monumen besar negara, kira-kira 25 km dari pusat bandar raya Kuala Lumpur yang menempatkan bangunan berkembar tertinggi di dunia, dan 20 km dari lapangan terbang antarabangsa Kuala Lumpur yang merupakan antara termoden di dunia. Selain itu, Putrajaya juga dipilih kerana kedudukannya yang berdekatan dengan Cyberjaya yang mempunyai jalinan teknologi maklumat yang canggih. Gabungan kedua-dua bandar baru ini, iaitu Putrajaya dan Cyberjaya menjadikannya satu kawasan yang paling sempurna untuk tinggal, berniaga, bekerja, belajar dan beriadah.

Dari segi sejarah, idea untuk membina Putrajaya dicetus oleh Tun Dr. Mahathir Mohamed pada pertengahan 1980-an. Idea ini kemudiannya dikembangkan dengan proses mengenal pasti tapak yang sesuai. Setelah kajian teliti dibuat, akhirnya pada 23 Jun 1993 kabinet meluluskan Prang Besar di Sepang, sebuah kawasan ladang getah dan kelapa sawit seluas 4,931 hektar sebagai pusat pentadbiran baru. Prang Besar kemudiannya diberi nama baru, iaitu Putrajaya pada 12 Oktober 1994 sebagai memperingati Perdana Menteri pertama Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj (*Berita Harian* 8 November 2000).

Setelah tapak dikenal pasti dan diputuskan oleh kerajaan pusat, maka pada 20 Julai 1995 satu perjanjian untuk membangunkan kawasan Putrajaya ditandatangani antara kerajaan Persekutuan dengan kerajaan negeri Selangor. Perjanjian tersebut memperuntukkan penyerahan selama-lamanya kawasan Putrajaya yang terletak dalam daerah Sepang, Selangor kepada kerajaan Persekutuan. Bagi memenuhi maksud di atas, maka pada Ogos 1995, Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor telah meluluskan Enakmen Selangor (No. 1) 1995 (<http://www.putrajaya.gov.my>).

Untuk merancang dan meneruskan usaha pembangunan ini, kerajaan pusat telah menubuhkan sebuah badan di bawah Jabatan Perdana Menteri, dikenali sebagai Perbadanan Putrajaya yang bertujuan "untuk mentadbir dan menguruskan Kawasan Perbadanan Putrajaya bagi pihak Kerajaan Persekutuan" (Seksyen 2, Bahagian II, Akta Perbadanan Putrajaya 1995). Badan ini diwujudkan oleh sebuah Akta Parlimen yang dikenali sebagai Akta Perbadanan Putrajaya 1995 (Akta 536). Mengikut Seksyen 4(1) Akta ini, perbadanan mempunyai kuasa-kuasa berikut:

1. Melaksanakan fungsi-fungsi kerajaan tempatan di dalam kawasan Perbadanan Putrajaya.
2. Memajukan, menggalakkan, memudahkan dan mengusahakan pembangunan ekonomi dan sosial di dalam kawasan Perbadanan Putrajaya.
3. Memajukan, menggalakkan, memudahkan dan mengusahakan pusat komersial, pembangunan infrastruktur serta pembangunan tempat tinggal di dalam kawasan Perbadanan Putrajaya.
4. Mengawal dan menyelaras pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang terdapat di dalam kawasan Perbadanan Putrajaya.

Setelah segala urusan logistik dan pentadbiran diselesaikan, pada 29 Ogos 1995 Dr. Mahathir dengan rasminya melancarkan projek pembinaan Putrajaya sebagai pusat pentadbiran kerajaan persekutuan yang baru. Dalam majlis pelancaran itu, beliau menyatakan hasrat kerajaan untuk menjadikan Putrajaya sebagai bandar raya pintar masa depan dan simbol aspirasi negara "yang mencirikan semangat Malaysia" (*Berita Harian* 30 Ogos 1995). Beliau juga menyatakan Putrajaya adalah sebuah bandar yang bercirikan bandar dalam taman dan harmoni dengan alam sekitar; sebuah bandar moden, futuristik, bijak dan unik; dan bandar yang menggunakan sepenuhnya teknologi baru yang akan diserasikan dengan manusia, sains dan alam melalui perancangan dan reka bentuk (<http://www.putrajaya.gov.my>).

Pada 10 September 1996, perdana menteri melancarkan upacara pecah tanah bagi presint kerajaan. Sebulan kemudiannya, di Pusat Dagangan Dunia Putra, beliau mengisytiharkan Putrajaya sebagai sebuah bandar raya. Pada 31 Mei 2000, Putrajaya sedia untuk diduduki. Bahagian Keselamatan Negara dan Unit Penyelaras Pelaksanaan adalah dua buah agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri yang mencipta sejarah kerana menjadi pejabat kerajaan pertama yang

memulakan operasi di Putrajaya pada tarikh tersebut. Keesokan harinya, ketua setiausaha negara pula memulakan tugasnya di Putrajaya. Pada 21 Jun pula perdana menteri telah memasuki pejabat barunya dan pada 23 Jun 2000, kabinet telah menempa sejarah dengan mengadakan mesyuarat pertamanya di Bangunan Jabatan Perdana Menteri di Putrajaya (*Berita Harian* 8 November 2000).

Setelah hampir setahun Putrajaya berfungsi sebagai pusat pentadbiran persekutuan, usaha dibuat untuk menjadikan Putrajaya sebagai sebuah Wilayah Persekutuan. Tujuannya ialah supaya Putrajaya dilihat "sebagai lebih bercirikan nasional, iaitu kepunyaan semua rakyat Malaysia, bukan hanya untuk rakyat Selangor." Bagi mencapai hasrat ini, pada 7 November 2000 Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah bagi pihak kerajaan persekutuan dan Pemangku Raja Selangor, Raja Idris Shah bagi pihak kerajaan negeri Selangor telah menandatangani satu perjanjian untuk menyerahkan Putrajaya kepada kerajaan pusat. Tun Dr. Mahathir Mohammad selaku perdana menteri menyaksikan upacara menandatangani perjanjian itu bagi pihak kerajaan persekutuan dan Dato' Dr. Mohammad Khir Toyo, Menteri Besar menyaksikannya bagi pihak negeri Selangor.

Setelah perjanjian ini ditandatangani, Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) 2000 yang bertujuan untuk menjadikan Putrajaya sebagai Wilayah Persekutuan dibentangkan untuk bacaan kali pertama di Dewan Rakyat pada 8 November 2000. Sehari kemudian, Majlis Raja-Raja telah memperkenankan pengambilan Putrajaya oleh kerajaan pusat untuk dijadikan sebuah Wilayah Persekutuan. Seminggu selepas itu, DUN Selangor meluluskan undang-undang bagi maksud yang sama. Pada 11 Disember 2000 Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) 2000 diluluskan oleh Dewan Rakyat dengan majoriti dua per tiga. Dewan Negara pula meluluskan rang undang-undang tersebut pada 19 Disember 2000. Antara lain, pindaan ini memberikan hak, tanggungjawab dan status Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan yang sama kepada Putrajaya. Pindaan itu juga memperuntukkan bahawa Putrajaya akan mempunyai seorang ahli parlimen dan senator untuk mewakili kawasannya.

Pada 1 Februari 2001, Putrajaya secara rasminya diisytiharkan sebagai sebuah Wilayah Persekutuan yang ketiga selepas Kuala Lumpur pada 1974 dan Labuan pada 1984. Dr. Mahathir, pada hari pengisytiharan telah menyatakan bahawa Putrajaya adalah pusat pentadbiran masa depan, manakala Kuala Lumpur akan terus menjadi

pusat perniagaan (*Star* 2 Februari 2001). Kata Dr. Mahathir lagi, Kuala Lumpur dan Putrajaya adalah bandar raya mega yang sama seperti Sydney dan Canberra, New York dan Washington dan Tokyo dan Yokohama (*The Age* 11 Mei 1999). Pengisytiharan Kuala Lumpur sebagai Wilayah Persekutuan menimbulkan kesan yang tidak sedikit pada perlembagaan, politik dan sistem persekutuan yang menjadi amalan politik negara. Bab ini seterusnya membincangkan aspek ini.

## Penubuhan Putrajaya dan Isu Perlembagaan

Penubuhan Putrajaya sebagai Wilayah Persekutuan yang bertujuan untuk mewujudkan sebuah pusat pentadbiran baru kerajaan persekutuan telah menimbulkan beberapa isu penting yang perlu dihuraikan. Pertama, penubuhannya dikatakan bercanggah dengan Perkara 2(b) Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan: "Parlimen boleh dengan undang-undang 1. Memasukkan Negeri-negeri dalam Persekutuan; 2. Mengubah sempadan mana-mana Negeri; tetapi undang-undang yang mengubah sempadan sesuatu Negeri tidak boleh diluluskan dengan tiada persetujuan Negeri itu (yang dinyatakan dengan undang-undang yang dibuat oleh Badan Perundangan Negeri itu) dan Majlis Raja-Raja."

Persoalan yang timbul berkaitan dengan peruntukan ini ialah bolehkah rang undang-undang untuk meminda sempadan negeri bagi menjadikan Putrajaya sebagai Wilayah Persekutuan dibuat tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan daripada Majlis Raja-raja dan DUN Selangor? Persoalan ini timbul kerana rekod menunjukkan bahawa rang undang-undang perlembagaan (pindaan) 2000 untuk menjadikan Putrajaya sebagai Wilayah Persekutuan dibentangkan di parlimen tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan badan perundangan negeri dan perkenan Majlis Raja-raja. Rang undang-undang ini dibentangkan di Dewan Rakyat untuk bacaan kali pertama pada 8 November 2000, diperkenankan oleh Majlis Raja-raja hanya sehari kemudian dan pada 16 November barulah DUN Selangor meluluskan undang-undang bagi meletakkan hak kepada kerajaan persekutuan.

Bagi menjawab persoalan ini, sekali lagi Perkara 2(b) Perlembagaan Persekutuan diteliti. Perkara 2(b) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa "undang-undang yang mengubah sempadan sesuatu Negeri tidak boleh diluluskan dengan tiada persetujuan Negeri itu." Dalam bahasa yang mudah, Perkara 2(b) Perlembagaan

Persekutuan menyatakan bahawa persetujuan negeri hendaklah diperoleh terlebih dahulu sebelum undang-undang untuk meminda sempadan sesebuah negeri diluluskan oleh Parlimen. Walau bagaimanapun, pertikaian yang timbul dalam hal ini ialah apakah yang dimaksudkan dengan 'persetujuan negeri'? Apakah perkara itu bermaksud persetujuan Dewan Undangan Negeri atau persetujuan mana-mana pihak yang mempunyai kuasa untuk mewakili negeri terbabit? Tidak ada satu jawapan yang konkrit terhadap persoalan ini. Perkara 2(b) Perlembagaan Persekutuan hanya menyebut persetujuan itu hendaklah "dinyatakan dengan undang-undang yang dibuat oleh Badan Perundangan Negeri itu" tetapi tidaklah pula dengan jelas menyatakan bahawa undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri itu merupakan syarat yang mendahului kelulusan mana-mana undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen.

Terdapat dua kemungkinan dalam mentafsirkan 'persetujuan negeri' dan "...undang-undang yang dibuat oleh Badan Perundangan Negeri" di bawah Perkara 2(b) Perlembagaan Persekutuan. Pertama, sekiranya "persetujuan negeri" itu bermaksud persetujuan mana-mana pihak yang mewakili negeri bagi tujuan mengubah sempadan negeri tersebut, maka mesyuarat Exco Kerajaan Negeri Selangor pada 7 November 2000 yang memutuskan persetujuan perletakan Putrajaya pada Persekutuan boleh dikira sebagai sah bagi memenuhi maksud "persetujuan negeri" di bawah Perkara 2(b) Perlembagaan Persekutuan. Satu undang-undang bolehlah selepas itu diluluskan oleh DUN Selangor bagi menyatakan persetujuan tersebut. Jika penafsiran ini diterima, maka undang-undang yang diluluskan oleh DUN bukanlah menjadi syarat yang mendahului kelulusan satu undang-undang oleh Parlimen untuk meminda sempadan negeri. Kedua, sekiranya "persetujuan negeri" ditafsirkan sebagai persetujuan Badan Perundangan Negeri dan bukannya persetujuan pihak lain yang mewakili negeri, maka "satu undang-undang yang dibuat oleh Badan Perundangan Negeri" merupakan syarat yang mendahului kelulusan satu undang-undang yang dibuat oleh Parlimen bagi meminda sempadan negeri Selangor. Jika penafsiran yang kedua diterima pakai, maka penyerahan Putrajaya kepada Wilayah Persekutuan dianggap sebagai bercanggah dengan peruntukan Perkara 2(b) Perlembagaan Persekutuan. Ini kerana pembentangan rang undang-undang pindaan perlembagaan di Dewan Rakyat pada 8 November 2000 dilakukan lebih awal daripada kelulusan yang dibuat oleh DUN Selangor pada 16 November 2000.

Persoalan kedua yang timbul ialah perlukah persetujuan Majlis Raja-raja diperoleh terlebih dahulu sebelum undang-undang meminda sempadan negeri Selangor diluluskan oleh Parlimen? Perkara 2(b) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa "undang-undang yang mengubah sempadan sesuatu Negeri tidak boleh diluluskan dengan tiada persetujuan Negeri itu (yang dinyatakan dengan undang-undang yang dibuat oleh Badan Perundangan Negeri itu) dan Majlis Raja-raja." Dalam hal ini, kerajaan pusat membentangkan rang pindaan perlembagaan pada 8 November, persetujuan Majlis Raja-raja diperoleh pada 9 November 2000, dan DUN hanya meluluskannya pada 16 November 2000. Kerajaan pusat menghujah ini bukan menjadi masalah kerana walaupun persetujuan Majlis Raja-raja diperoleh sehari lebih lewat dari tarikh mula-mula rang undang-undang pindaan ini dibentangkan namun Majlis Raja-raja tetap memperkenankannya. Tambahan pula rang undang-undang ini hanya diluluskan oleh parlimen pada 19 Disember 2000, iaitu setelah Majlis Raja-raja dan DUN Selangor meluluskannya terlebih dahulu. Justeru itu, kerajaan pusat menghujahkan bahawa Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) 2000 yang diluluskan oleh parlimen adalah selaras dengan peruntukan perlembagaan.

Selain itu, penubuhan Putrajaya sebagai Wilayah Persekutuan juga dikatakan berlawanan dengan peruntukan Perkara 92(1) Perlembagaan Persekutuan dan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172). Menurut Perkara 92(1) Perlembagaan Persekutuan, parlimen mempunyai kuasa untuk meneruskan rancangan pembangunan nasional selepas:

1. Mendapat cadangan daripada suatu jawatankuasa pakar.
2. Membuat rundingan dengan Majlis Kewangan Negara, Majlis Tanah Negara dan kerajaan mana-mana negeri yang berkenaan.
3. Yang di-Pertuan Agong berpuas hati bahawa rancangan tersebut mendatangkan faedah kepada negara. Setelah berpuas hati, baginda bolehlah menyiarkan kawasan tersebut sebagai kawasan pembangunan.

Berkaitan dengan peruntukan Perkara 92(1) perlembagaan, isu timbul apabila kerajaan pusat tidak pernah mengadakan perbincangan dengan Majlis Kewangan Negara dan Majlis Tanah Negara untuk melaksanakan projek pembangunan di Putrajaya yang menelan kos yang tinggi. Urusan hanya dibuat di peringkat kementerian dan setiasusaha kerajaan negeri Selangor. Yang di-Pertuan Agong hanya

dimaklumkan setelah pelan pembangunan diisytiharkan sedia untuk diperiksa. Paling penting adalah dasar dan pelan pembangunan Putrajaya tidak pernah dibentangkan di parlimen, sedangkan peruntukan perancangan dan pembangunan yang memakan belanja besar, memerlukan kelulusan parlimen.

Di samping itu, kesahihan Putrajaya juga dipertikaikan kerana dikatakan tidak mengikut peruntukan dan prosedur Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172). Selaras dengan peruntukan dan prosedur yang dinyatakan di Bahagian III Akta ini, Lembaga Perancangan Tempatan, dalam kes ini Perbadanan Putrajaya dan Jawatankuasa Perancangan Negeri dikehendaki untuk:

1. Mengadakan *survey* di kawasanya untuk memeriksa perkara-perkara yang akan memberi kesan kepada pembangunan (Seksyen 7(1)).
2. Menyedia dan menyerahkan draf rancangan struktur kepada Jawatankuasa untuk kelulusan (Seksyen 8(1)).
3. Menerbitkan dalam tiga keluaran sekurang-kurangnya dua akhbar tempatan, yang salah satunya dalam bahasa kebangsaan, dan satu notis yang menyatakan bahawa salinan rancangan tersedia untuk disemak (Seksyen 9(2)(a)).
4. Menyerahkan kepada pihak berkuasa negeri untuk persetujuan kerajaan negeri terhadap rancangan tersebut (Seksyen 10(6)).
5. Draf rancangan struktur yang dipersetujui kerajaan negeri hendaklah diterbitkan dalam warta negeri dan sekurang-kurangnya dalam dua akhbar tempatan, yang satu daripadanya dalam bahasa kebangsaan (Seksyen 10(7)).

Dalam hal ini, Syed Husin Ali, pengerusi Parti Rakyat Malaysia mendakwa bahawa penubuhan Putrajaya bertentangan dengan Perkara 92(1) Perlembagaan Persekutuan dan juga Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) kerana kehendak peraturan ini tidak dipatuhi (*Harakah* 16 Ogos 1999: 20-1). Haji Husam Musa, ahli Parlimen Kubang Kerian yang mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-Undang Pindaan Perlembagaan Putrajaya juga telah menyentuh mengenai kepincangan yang sama (*Hansard Parlimen* 11 Disember 2000). Huraian di atas menunjukkan bahawa punca pertikaian terhadap kesahihan penubuhan Putrajaya berpaksi kepada satu sebab sahaja, iaitu tindakan kerajaan pusat yang tergesa-gesa dalam segala hal yang berkaitan dengan pembangunan di Putrajaya tanpa mengikuti sepenuhnya kehendak perlembagaan.

## Penubuhan Putrajaya dan Beberapa Isu Politik

Penubuhan Putrajaya adalah hasrat murni kerajaan pusat untuk melihat negara berkembang maju dengan acuan sendiri. Perdana menteri menjelaskan bahawa sangatlah malang setelah hampir separuh abad merdeka, kita masih mempunyai pengaruh penjajah. Oleh itu, Putrajaya ditubuhkan kerana "kita mahu mempunyai bandar raya mega sendiri bercirikan Malaysia tanpa kesan penjajah" (*Star* 21 Julai 1999). Beliau juga menjelaskan bahawa amatlah perlu kita mempunyai sebuah pusat pentadbiran dan perniagaan yang berasingan seperti New York dan Washington D. C. di Amerika atau Sydney dan Canberra di Australia. Di samping itu, Putrajaya juga penting untuk menarik kemasukan pelancong seperti pentingnya No. 10, Downing Street kepada England.

Hujah kerajaan pusat, walaupun ada benarnya, namun hal ini terus dijadikan debat politik oleh pembangkang. Berkaitan dengan dakwaan kerajaan bahawa projek itu bertujuan untuk menghapuskan tinggalan penjajah, Kim Quek, seorang kolumnis pembangkang yang menulis dalam *free Malaysia* (1999) menghujah: "Jika untuk menghapuskan pengaruh penjajah, tidakkah kita perlu malu kerana sehingga kini masih lagi menggunakan sistem parlimen, pentadbiran dan pendidikan British?" Mengenai hujah kerajaan bahawa perlu untuk kita mempunyai pusat pentadbiran dan perniagaan yang berasingan, Kim Quek juga menjawab bahawa terdapat perbezaan ketara antara Putrajaya dengan Washington D. C. atau Canberra. Katanya: "Putrajaya dibina baru, sementara Washington dan Canberra sejak awal adalah pusat bandar semasa kedua-dua bandar raya itu dipilih menjadi ibu kota pentadbiran negara" (Kim 1999).

Tentang hujah kerajaan pusat untuk menjadikan Putrajaya sebagai tarikan pelancong seperti Downing Street di London, MSAM (2001) menyatakan antara Putrajaya dengan Downing Street terdapat satu perbezaan yang besar, iaitu proses "pembinaan Putrajaya melibatkan pengambilan tanah daripada rakyat dan rampasan wilayah dari sebuah negeri berdaulat di dalam Persekutuan Malaysia." Manakala Downing Street didermakan oleh Lord Downing, seorang bangsawan British pada abad kesembilan belas kepada kerajaan British kerana mengenangkan jasa negara itu. Downing juga mendermakan wangnya untuk menubuhkan Universiti Harvard dan Downing College di Universiti Cambridge.

Isu politik berkaitan dengan pembinaan Putrajaya menjadi lebih hangat apabila pihak pembangkang, menjelang pilihan raya umum 1999, mendakwa Putrajaya adalah projek mega membazir yang dibina ketika negara sedang menghadapi krisis ekonomi yang tenat. Projek itu dilihat sebagai lebih membazir apabila rumah perdana menteri di Putrajaya dikatakan berharga RM200 juta. Seorang pemimpin UMNO sendiri menyatakan Putrajaya dibina hanya "sebagai memenuhi ego Mahathir" (*The Age* 11 Mei 1999). Ketua Dewan Pemuda PAS Pusat, Mahfuz Omar menganggap Putrajaya sebagai "istana Mahathir" kerana kediaman rasmi yang dibinanya menunjukkan hasrat beliau "untuk menjadi raja segala raja dan perdana menteri segala perdana menteri. Beliau mahu sejarah melihat beliau sebagai Shah Jahan moden, orang yang membina Taj mahal di India" (<http://www.asiaweek.com/asiaweek/99/0702/nat7.html>). Lim Kit Siang, pengerusi DAP, menyatakan kediaman rasmi perdana menteri di Putrajaya sebagai "lebih besar daripada Rumah Putih dan Nombor 10, Downing Street digabungkan. Walaupun tanpa krisis ekonomi, tiada siapa yang dapat menjustifikasikan [keperluan] projek yang terlalu besar seperti ini" (<http://members.nbci.com/xmcm/renasional2/berita/1999/julai/15/kini1507c.htm>).

Selain itu, nilai pampasan harga tanah adalah satu lagi isu politik yang ditimbulkan pembangkang. Mereka mendakwa nilai pampasan sebanyak RM200 juta tunai serta bayaran tahunan sebanyak RM7.5 juta untuk selama-lamanya yang diterima oleh kerajaan Selangor daripada kerajaan pusat adalah satu harga yang murah berbanding nilai harga semasa, iaitu harga sekaki per segi tanah di Putrajaya adalah lebih murah daripada sebuku roti di kedai mamak (<http://www.members.tripod.com/mahazalimtwo.html>). Mereka menghujah nilai tanah seluas 4,931 hektar di Putrajaya yang dijual dengan harga 39 sen sekaki sangat rendah berbanding harga tanah di kawasan sekitar seperti Sungai Merab dan Sepang yang nilainya RM18 hingga RM20 sekaki, Bandar Baru Bangi antara RM20 hingga RM25 sekaki, Puchong antara RM25 hingga RM30 sekaki, dan Nilai, Negeri Sembilan antara RM15 hingga RM20 sekaki (*Tamadun* Disember 2000: 8-9). Anehnya, hujah pembangkang, walaupun harga tanah murah, tetapi harga rumah di Putrajaya adalah RM100 ribu hingga RM150 ribu seunit, iaitu lebih mahal berbanding harga rumah di Bandar Baru Bangi, Selangor yang nilai tanahnya adalah di antara RM20 hingga RM25 satu kaki per segi (*Harakah* 16-30 November 2000: 8).

Isu kronisme dan nepotisme adalah satu lagi isu politik. Pembangkang mendakwa terdapat banyak syarikat di Malaysia, sama ada bumiputera atau bukan bumiputera yang bertaraf Kelas A yang boleh melaksanakan projek yang sebesar itu, namun kenapakah hanya syarikat yang mempunyai kaitan dengan pemimpin kerajaan dan parti pemerintah sahaja yang mendapat pakej pembinaan *Parcel 1* hingga 7? (Ucapan Dr. Tan Sieng Giaw di Dewan Rakyat, *Hansard Dewan Rakyat* pada 11 Disember 2000). Syarikat-syarikat yang dimaksudkan ialah lima syarikat besar, iaitu Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB), Peremba, Hong Leong, SP Setia Berhad dan Malaysian Plantation Berhad yang kesemuanya dikuasai oleh kalangan ahli politik dan tokoh-tokoh usahawan yang rapat dengan pemimpin negara. Abdul Rahman Yusof, ahli Parlimen Parti Keadilan Kemaman, semasa membahaskan Rang Undang-Undang Ahli Parlimen (Saraan) Pindaan 2000 pada 7 Disember 2000, telah menyatakan bahawa Tun Daim Zainuddin selaku Menteri Kewangan mempunyai kepentingan peribadi dalam Malaysian Plantation Berhad melalui Syarikat Maluri Sdn. Bhd. dan Langkah Bahagia Bhd. Ini dapat dilihat semasa proses *restructuring exercise* syarikat ini pada 27 November 2000 yang jelas Tun Daim mempunyai kepentingan melalui proksinya, iaitu isteri dan anak-anaknya (*Hansard Parlimen* 7 Disember 2000). Pemegang saham syarikat ini adalah Daan Bhd. (syarikat keluarga Menteri Kewangan), Asnida Abdul Daim (anak Menteri Kewangan), Aslinda Abdul Daim (anak Menteri Kewangan), Toh Puan Mahani Idris (isteri Menteri Kewangan) dan Daza Holding Sdn. Bhd. (syarikat keluarga Menteri Kewangan) (*Hansard Dewan Rakyat* 7 Disember 2000).

Menjawab kritikan di atas, kerajaan pusat mendakwa bahawa tuduhan pembangkang adalah satu tuduhan liar yang sengaja direka untuk memburukkan imej kerajaan dan pemimpinnya. Mereka menyatakan kos pembinaan kediaman rasmi perdana menteri hanyalah RM17.5 juta dan ada juga yang menyatakan cuma RM80 juta, bukannya RM200 juta sebagaimana yang didakwa (*FEER* 10 Mei 2000). Dr. Mahathir sendiri mengatakan, "kita tidak membina monumen [sebaliknya] kita membina bangunan yang boleh digunakan" (<http://www.pas.org.my/pas/harakah/919981106/1026b1h01.html>). Dan bagi menafikan tuduhan pembangkang bahawa Putrajaya adalah satu projek membazir, maka kerajaan pusat membawa rakyat dari seluruh pelosok kampung untuk datang sendiri melihat wajah Putrajaya supaya mereka tidak mudah termakan dengan hasutan pembangkang.

Berkaitan dengan dakwaan pembangkang bahawa kerajaan mewujudkan amalan kronisme dan nepotisme dalam pembahagian projek pembinaan Putrajaya, kerajaan pusat menjawab pembahagian projek bukanlah tugas kerajaan kerana proses itu adalah dalam bidang kuasa Putrajaya Holding yang telah diamanahkan untuk memberikannya kepada mana-mana syarikat yang difikirkan layak dan sesuai. Tentunya dalam menjalankan tanggungjawab ini, Putrajaya Holding telah mengikuti prosedur pemberian tender dan peraturan kewangan kerajaan. Bagi menyanggah dakwaan pembangkang bahawa Putrajaya adalah satu projek membazir, kerajaan pusat menegaskan Putrajaya dibina sebagai pusat pentadbiran masa depan, untuk imej negara dan untuk membina jati diri bangsa yang tidak lagi menampakkan pengaruh penjajah dalam sistem pentadbiran dan pembangunannya.

## Kesimpulan

Perbincangan di atas menunjukkan bahawa satu isu penting yang timbul berkaitan dengan penubuhan Putrajaya sebagai Wilayah Persekutuan ialah legitimasinya. Keadaan ini timbul disebabkan oleh kekeliruan berkaitan dengan penafsiran ke atas Perkara 2(b) Perlembagaan Persekutuan, iaitu adakah persetujuan badan perundangan negeri dan Majlis Raja-raja diperlukan terlebih dahulu sebelum parlimen boleh meluluskan undang-undang untuk mengubah sempadan sesebuah negeri? Hasil perbincangan menunjukkan walaupun Perkara 2(b) Perlembagaan Persekutuan mengenai "persetujuan negeri" boleh ditafsirkan sebagai "persetujuan mana-mana pihak yang mewakili negeri", namun penafsiran ini mempunyai kelemahan dari segi kewibawaan proses perundangan. Selain perbezaan tafsiran ke atas Perkara 2(b) perlembagaan, isu ketidakpatuhan kerajaan pusat kepada peruntukan Perkara 92(1) Perlembagaan dan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 176) juga adalah punca kenapa rakyat mempersoalkan kesahihan projek pembangunan Putrajaya, sekaligus mempertikaikan kesahihan penubuhannya sebagai Wilayah Persekutuan. Secara umumnya, hasil analisis menunjukkan timbulnya isu-isu perlembagaan dan politik berkaitan dengan penubuhan Putrajaya adalah disebabkan oleh tindakan kerajaan pusat yang tergesa-gesa membangunkan dan mengisytiharkan Putrajaya sebagai Wilayah Persekutuan tanpa terlebih dahulu mendapat pandangan rakyat, badan perundangan negeri dan parlimen.

Dalam konteks sebuah negara persekutuan, tindakan tergesa-gesa kerajaan pusat adalah satu tindakan yang tidak demokratik kerana membelakangi amalan demokrasi berperwakilan di negara ini. Walaupun tindakan ini tidak demokratik dan ditentang sebilangan rakyat, namun kedua-dua kerajaan pusat dan negeri mudah melakukannya kerana kerajaan-kerajaan itu dikuasai oleh parti yang sama. Ini menunjukkan apabila hubungan kerajaan pusat-negeri baik, dan wujudnya hegemoni politik parti yang memerintah, maka mereka boleh melakukan apa sahaja kerana mempunyai kuasa perlembagaan. Dilihat dalam konteks ini, bolehlah dikatakan keputusan kerajaan pusat menjadikan Putrajaya sebagai Wilayah Persekutuan adalah satu keputusan politik parti, bukannya keputusan rakyat yang menjadi simbol demokrasi berperwakilan di negara ini.

Namun, dilihat dalam konteks yang lain, walaupun terdapat beberapa kritikan ke atas penubuhan Putrajaya sebagai Wilayah Persekutuan, sesuatu yang pasti ialah pembinaan Putrajaya telah membuktikan bahawa Malaysia mampu membina sebuah bandar pentadbiran baru yang serba moden dan futuristik. Kejayaan ini adalah sejarah gemilang jati diri bangsa yang membuktikan 'Malaysia Boleh'. Daripada kawasan ladang getah, Putrajaya bertukar menjadi kawasan pembangunan serba canggih dengan pelbagai kemudahan dan teknologi terkini. Dengan Putrajaya semakin berkembang, maka peranan Kuala Lumpur sebagai pusat pentadbiran dan perniagaan negara perlu dinilai semula.

## Rujukan

- Dewan Undangan Negeri Selangor. 1995. Enakmen Selangor (No. 1).  
*Federal Constitution*. 2000. Kuala Lumpur: International Law Book Services.  
*Hansard Persidangan Dewan Rakyat*. 2000.  
Holland, L. 2000. Malaysia (Putrajaya): birth of a city. *Far Eastern Economic Review*. 10 Mei 2000.  
Kanasen, V. 2000. Pembangunan Putrajaya dan impaknya kepada penduduk ladang Sedgeley. Kertas Projek, Jabatan Geografi, Universiti Kebangsaan Malaysia.  
Kim Quek. 1999. Putrajaya justification: Is Putrajaya really an antidote to colonialism? [http://www.freemalaysia.com.archive/putrajaya\\_colonial.htm](http://www.freemalaysia.com.archive/putrajaya_colonial.htm). Atas talian (18 Jun 2001).  
Laman Web Perbadanan Putrajaya: <http://www.putrajaya.gov.my>. Atas talian (18 Jun 2001).

- Laman Web Putrajaya Holding Sdn. Bhd: <http://www.putrajayaholding.my>. Atas talian (18 Jun 2001).
- Lee Min Keong. 2000. Redefining Kuala Lumpur. *Asiafeatures.com*. 15 Mei. Dalam <http://www.asiafeatures.com/business/html>. Atas talian (18 Jun 2001).
- Malaysia. 1965. *Kanun Tanah Negara* (Akta 56).
- Malaysia. 1976. *Akta Kerajaan Tempatan* (Akta 171).
- Malaysia. 1976. *Akta Perancangan Bandar dan Desa* (Akta 172).
- Malaysia. 1995. *Akta Perbadanan Putrajaya* (Akta 536).
- Malaysia. 2000. Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan). *Warta Kerajaan*. 44 (23 tambahan 12).
- Mohamed Arif Nun. 1996. Putrajaya the intelligence city: A strategy towards the digital economy. Kertas kerja dibentangkan pada seminar Infotech 1995. Kuala Lumpur. 1-3 November.
- MSAM. 2001. Putrajaya dan No. 10 Downing Street. <http://ma.s.a.m.tripod.com/archive/1002.5.html>. Atas talian (18 Jun 2001).
- Raja Petra Kamarudin. 2000. From Prang Besar to Putrajaya. [http://members.nbci.com/\\_xmcm/gerakan/putrajaya.html](http://members.nbci.com/_xmcm/gerakan/putrajaya.html). Atas talian (18 Jun 2001).
- Ranawana, A. 1999. Putrajaya: Mahathir is determined to build his new capital. *Asiaweek*. <http://www.asiaweek.com/asiaweek/99/0702/nat7.html>. Atas talian (18 Jun 2001).
- Shahanaaz Sher Habib. 2001. Putrajaya is the future. *Star* 2 Feb.
- Syed Husin Ali. 1999. Is Putrajaya legal? *Harakah* 16 Ogos: 20-21.
- Tan Seng Giaw. 2000. Ucapan Ahli Parlimen Kepong ketika Mengambil Bahagian dalam Perbahasan Rang Undang-Undang Meminda Perlembagaan Persekutuan 2000 di Dewan Rakyat pada 11 Disember.

#### **Akhbar dan Majalah**

*Asiaweek* (Hong Kong)

*Berita Harian* (Kuala Lumpur)

*Far Eastern Economic Review (FEER)* (Hong Kong)

*Harakah* (Kuala Lumpur)

*Massa* (Kuala Lumpur)

*Star* (Kuala Lumpur)

*Tamadun* (Kuala Lumpur)

*Utusan Malaysia* (Kuala Lumpur)

## BAB 3

---

# Pungutan Pendapat Awam Prapilihan Raya Umum 1999: Satu Kajian Kes di Kedah

Mohd Fuad Mat Jali  
Ahmad Nidzammuddin Sulaiman  
Zaini Othman

### Pengenalan

Kaedah pungutan pendapat awam telah lama wujud dan digunakan di Eropah dan Amerika tetapi baru bagi Malaysia, khususnya dalam kajian pilihan raya atau prapilihan raya. Dewasa ini, kaedah itu telah bertukar status sebagai hobi baru ahli akademik dan alat komersial, dan menjadi satu disiplin tersendiri yang terus berkembang dan penting. Penerbit surat khabar dan majalah dengan pantas menyedari nilai laporan pungutan suara awam sebagai wadah apa yang difikirkan oleh negara. Ahli sains sosial berpendapat bahawa pungutan pendapat awam memainkan peranan penting dalam politik negara demokrasi. Pendapat awam mestilah diambil kira oleh pihak pemerintah kerana daripadanya lahirnya pernyataan, pandangan, tafsiran, keputusan dan sikap terhadap polisi dan kepimpinan. Sehubungan itu, kaedah ini juga boleh dipraktikkan di Malaysia kerana dapatan kajian boleh meramalkan antara lain kemenangan atau kekalahan sesebuah parti politik atau calon dalam sesuatu pilihan raya dan terbukti selaras dengan *trend* dan perubahan budaya politik di kalangan pengundi.

Malaysia mengadakan pilihan raya umum yang kesepuluh pada penghujung 1999. Seperti biasa menjelang pilihan raya pelbagai isu disuarakan dan didebatkan. Kebiasaannya pada saat inilah parti pemerintah menyalurkan projek pembangunan di samping bakal calon atau penyandang-turun padang menemui pengundi. Rakyat atau

pengundi menjadi fokus terpenting dan undi mereka amat bernilai untuk dihitung dan dikekalkan oleh calon dan parti. Undi rakyat di luar bandar dan di bandar dianggap sebagai 'kuasa keramat' yang menentukan hidup matinya politik parti dan institusi kepimpinan.

Suasana menjelang pilihan raya yang kesepuluh jauh berbeza dengan pilihan raya sebelumnya. Secara kebetulan pilihan raya itu diadakan semasa kegawatan ekonomi, pengaruh globalisasi dan 'krisis politik'. Penduduk Malaysia dikatakan dilanda kegelisahan dan ketidakpastian terhadap perkembangan ekonomi dan politik semasa. Sebahagian besar rakyat dikatakan kurang berpuas hati dengan polisi kerajaan, kepimpinan parti dan isu-isu politik dalam negara. Kegawatan ekonomi, isu pemecatan TPM, dan penubuhan parti alternatif (BA) menjadi premis yang mengandaikan bahawa kemungkinan parti pemerintah (BN) tidak mudah untuk mendapat majoriti dua per tiga, kemungkinan ada pemimpin penting kecundang, kemungkinan juga pemerintahan beberapa negeri bertukar tangan dan ada juga yang menyatakan parti alternatif akan menerajui negara selepas pilihan raya umum 1999.

Persoalannya adakah fenomena tersebut wujud dan boleh berlaku? Bagaimanakah pengundi di peringkat akar umbi menerima dan melahirkan pendapat apabila terdedah kepada isu baru negara? Adakah mereka telah siap sedia untuk mengundi dan membuat pilihan parti atau pemimpin mereka? Atau adakah mereka sanggup menghadapi perubahan pucuk pimpinan dan pemerintahan negara? Inilah antara permasalahan yang cuba dikaji melalui pemerhatian dan pungutan pendapat awam mengenai pelbagai isu tersebut menjelang pilihan raya umum 1999. Oleh itu, tujuan kajian ini adalah untuk mendapatkan pandangan mereka mengenai sumber maklumat politik, isu semasa dan pilihan parti politik menjelang (pra) pilihan raya umum 1999.

### Pendapat Awam dan Pilihan Raya

Pendapat awam didefinisikan sebagai perspektif awam atau pandangan umum tentang isu atau polisi yang akan dipertimbangkan oleh pegawai atau yang diambil kira dalam membuat sesuatu keputusan. Pendapat awam dinyatakan melalui beberapa cara, umpamanya dalam penulisan kepada editor atau pegawai awam, mesyuarat, demonstrasi awam, rencana pengarang, keputusan pilihan raya, pertemuan dengan Ahli Majlis, pungutan suara rakyat dan rancangan di media massa. Key (1967) mendefinisikan pendapat awam sebagai pendapat persendirian

dan diberi perhatian dengan berhati-hati oleh pihak kerajaan. Pernyataan atau pendapat ini adalah suatu yang kompleks mengenai sesuatu isu atau kumpulan isu penting yang bersangkutan dengan masyarakat (Hennessy 1981) dan dijadikan sebagai dorongan bertindak (Weissberg 1976). Mohd Hamdan (1987) menyatakan bahawa pendapat awam adalah pendapat majoriti, suara rakyat dan ada yang menyatakan sebagai buah fikiran orang ramai yang menjadi bahan perbualan yang hangat dan dibincangkan serta mendapat kata putus secara *musyawarah*. Oleh itu, pendapat awam adalah pendapat yang dirujuk mengenai hal-hal awam dan kepentingan awam serta dipegang oleh masyarakat umum. Perkara itu juga menjadi asas teori bagi legitimasi politik dalam demokrasi moden dan pilihan raya dalam usaha menghitung pendapat awam iaitu menukarkan perkataan ke nombor (Lewis 2001). Di Amerika Syarikat dan Eropah, andaian pendapat awam secara implisitnya mengandungi had-had keistimewaan mengundi dan yang mendekati pendapat awam dari sudut kelas.

Oleh itu, melalui kajian pungutan pendapat awam kita dapat mengetahui apakah yang difikirkan oleh pengundi mengenai pelbagai polisi kerajaan, institusi politik, pilihan raya umum dan sebagainya. Secara tidak langsung kita boleh mengetahui isu yang paling hangat diperkatakan oleh masyarakat semasa. Analisis atau keputusan pendapat boleh digunakan oleh pihak kerajaan sebagai panduan untuk menilai keberkesanan kepimpinan dan polisi yang dijalankan. Pendapat awam yang popular amat berguna dan penting untuk dijadikan polisi dan ramalan. Umpamanya kita boleh meramalkan kemenangan atau kekalahan seseorang calon dalam pilihan raya, sama ada sesebuah parti politik itu popular atau tidak dan perakuan pengundi antara kaum. Bagi media massa pula maklumat yang dikumpul adalah penting dan dijadikan bahan berita. Dapatan yang dikumpul amat bernilai kepada wartawan sebagai bahan berita dan disebarkan ke seluruh negara.

Di Malaysia, kajian pendapat awam kurang berkembang dan kajian banyak tertumpu kepada kajian pengguna, komersial dan perilaku politik yang dilakukan oleh NGO, sayap parti politik, individu, ahli sains sosial dan media. Grenfell (1979) adalah salah seorang pengkaji yang telah menjalankan pungutan pendapat di Malaysia pada 1959 mengenai penggunaan media massa dan mendapati pungutan pendapat awam berkembang dengan tertubuhnya indeks media pada 1967. Adam dan Ferber (1980) mengkaji senarai panggilan undi ahli Dewan

Pemilihan Texas dan mendapati satu pandangan yang selaras dengan undi di kawasannya. Pungutan pendapat bersifat komersial seperti yang dijalankan oleh Gallup dan Harris turut diadakan dan keputusannya disiarkan pada setiap minggu di akhbar (Oskamp 1977). Laporan mengenai 'niat untuk mengundi' juga dipaparkan di samping sebilangan besar tokoh politik menggunakan firma pungutan pendapat swasta untuk meninjau sejauh mana mereka menarik dan diiktiraf oleh pengundi.

Hall et al. (1978) mendapati dapatan pungutan pendapat awam di Britain mengenai peningkatan kes jenayah kecurian telah memaksa kerajaan bertindak dalam bentuk operasi polis dan perundangan. Hasil pungutan pendapat awam telah memainkan peranan yang signifikan dalam meningkatkan suasana 'kekecohan moral' di kalangan penduduk semasa krisis dadah di Amerika Syarikat pada akhir 1980-an (Reeves & Campell 1994). Sussman (1988) pula mendapati tokoh-tokoh politik kebiasaannya tidak mengambil kira keputusan pungutan pendapat awam kerana tidak memberi maklumat mengenai harapan dan cita-cita mereka. Walaupun kita menerima pendapat awam sebagai telus namun masih terdapat jurang antara golongan elit dengan pendapat massa (Page 1996). Oleh itu, sekiranya pendapat umum tidak sesuai dengan keinginan golongan elit maka sudah tentu analisis akan diketepikan.

Syed Arabi Idid dan Safar Hasim (1993) telah memaparkan pertalian antara institusi politik dengan media serta pandangan awam terhadap iklan karikatur dalam konteks pilihan raya umum 1986. Mohd Fuad Mat Jali (1996) dalam kajian pungutan pendapat awam di kawasan Parlimen Tg. Karang Selangor semasa prapilihan raya 1990 dan pilihan raya umum 1995, menunjukkan bahawa dapatan daripada hasil kajiannya menepati keputusan pilihan raya umum sebenar. Peratusan (68.2 peratus) yang menyatakan akan menyokong BN semasa prapilihan raya tidak banyak bezanya dengan peratusan (65.3 peratus) yang mengundi BN semasa pilihan raya sebenar pada 1990. Begitu juga bagi pilihan raya umum 1995, BN masih lagi memperoleh peratusan undi yang tinggi. Kajian prapilihan raya umum 1999 juga telah dilakukan oleh Mohd Yusuf Kasim (1999) di kawasan Dewan Undangan Negeri Sg. Burung, Selangor. Beliau mendapati bahawa pilihan parti BA (PAS) yang dinyatakan oleh pengundi di kawasan tersebut semasa soal selidik dijalankan menepati dengan keputusan pilihan raya sebenar dan PAS telah memenangi kawasan Sg. Burung. Ketepatan pilihan parti politik semasa prapilihan raya dengan keputusan

sebenar pilihan raya umum 1999 berlaku di sembilan kawasan DUN mengikut wilayah di Semenanjung Malaysia. Pengundi di kawasan Permatang Pasir, Kuala Besut, Hulu Besut, Pengkalan Berangan, Chempaka, Kelaboran, Kemahang, Tendong dan Pulau Condong yang menyatakan akan mengundi parti BA (PAS) semasa prapilihan raya selaras dan terbukti dengan keputusan pilihan raya umum 1999 sebenar. Kesemua kawasan tersebut dimenangi oleh PAS (Mohd Fuad dan Sabihah 1999).

### Profil Politik Parlimen Jerlun dan Kubang Pasu

Kawasan Parlimen Jerlun (P5) dan Kubang Pasu (P6) dipilih sebagai kawasan kajian (Rajah 1). Kawasan Jerlun mempunyai jumlah pengundi seramai 43,877 dan Kubang Pasu mempunyai 44,843 pengundi berdaftar pada 1995. Kedua-dua kawasan ini adalah kawasan majoriti Melayu (89.2 peratus Melayu di kawasan Jerlun dan 90.6 peratus di kawasan Kubang Pasu) dan bukan Melayu hanya mewakili antara 2 hingga 9 peratus sahaja. Sejak pilihan raya umum 1974, kawasan ini adalah kubu kuat parti UMNO (BN) dan pada pilihan raya 1995, Kubang Pasu telah dimenangi oleh BN (calonnya Dr. Mahathir Mohamad) dengan majoriti 17,226 undi mengalahkan calon parti PAS (Ahmad bin Ma'alim @ Mohd Alim). Begitu juga dengan kawasan Jerlun yang dimenangi oleh BN (calonnya Hanafi Ramli) dengan majoriti 3,576 undi mengalahkan calon PAS (Halim bin Arshat). Majoriti (48 peratus) daripada penduduk di kawasan kajian bergiat dalam sektor pertanian, 17.8 peratus bidang pengeluaran dan berkaitan dan 9.2 peratus bekerja dalam bidang profesional dan teknikal.

Seramai 579 responden disoal selidik di kawasan parlimen Kubang Pasu dan Jerlun, Kedah. Sampel yang dipilih secara rambang terdiri daripada Kaum Melayu (91.2 peratus), Cina (8.3 peratus) dan India (0.5 peratus) yang berumur 21 tahun ke atas. Mereka disoal selidik untuk mendapatkan maklumat seperti isu semasa, masalah ekonomi, sosial, politik dan pilihan raya umum yang akan diadakan. Satu set soal selidik digunakan untuk mendapatkan data primer ini. Data sekunder pula diperolehi daripada bahan cetak, laporan kerajaan dan laporan Suruhanjaya Pilihan Raya. Pemerhatian juga dilakukan di kawasan kajian untuk melihat perubahan landskap budaya politik yang relevan dengan kajian.

## Isu dan Sumber Maklumat Politik Prapilihan Raya

Pengundi yang ditemui menyatakan bahawa mereka sentiasa mengikut perkembangan politik setiap hari menjelang pilihan raya umum melalui media cetak dan elektronik. Surat khabar ialah media yang popular sebagai sumber mereka mendapatkan maklumat terkini. Akhbar *Utusan Malaysia* dan *Harakah* menjadi rujukan utama di kalangan orang Melayu dengan peratusan masing-masing 53 peratus dan 11 peratus. Manakala akhbar berbahasa Inggeris seperti *New Straits Times* dan akhbar Cina atau Tamil majoritinya digunakan (dibaca) oleh bukan Melayu. Suatu perkara yang menarik ditemui ialah penggunaan internet sebagai sumber maklumat politik dan terdapat lima peratus daripada mereka melayarinya setiap hari untuk mengikuti perkembangan politik semasa. Sebaliknya televisyen dan radio tidak menjadi pilihan utama bagi mereka. Fenomena ini memperlihatkan kepada kita bahawa penduduk (pengundi) di kawasan parlimen Kubang Pasu dan Jerlun telah mula menggunakan IT untuk memperoleh maklumat politik semasa. Ini bermakna mereka mempunyai pilihan yang luas dalam mengumpul maklumat politik. Di samping media cetak dan elektronik mereka juga memperoleh maklumat politik daripada rakan sekerja, kawan-kawan atau saudara-mara, pemimpin tempatan dan keluarga sendiri.

Menjelang pilihan raya umum 1999, pelbagai isu muncul dan menjadi perbincangan hangat di kalangan pengundi. Isu yang paling popular dibincangkan berkisar tentang pilihan raya umum yang akan diadakan. Antaranya adalah bila tarikh pilihan raya akan diadakan, calon dan parti yang bertanding, perjalanan pilihan raya, serta kemungkinan yang akan berlaku sekiranya BN tidak mendapat majoriti. Kegawatan ekonomi adalah isu kedua popular yang dibincangkan. Responden menyatakan mereka bersimpati kepada pekerja kilang yang diberhentikan dan pelbagai jenis perniagaan yang terpaksa ditutup atau mengalami kerugian. Mereka juga berpendapat bahawa keadaan ini tidak dapat dielakkan kerana negara kita berdagang dengan dunia luar dan ini adalah salah satu impak globalisasi yang melanda dunia. Apabila ditanya adakah mereka berpuas hati dengan langkah kerajaan mengawal kegawatan ekonomi, 80 peratus menyatakan berpuas hati dengan usaha kerajaan menangani isu ekonomi dan berpendapat kerajaan boleh mengatasi masalah ekonomi secara perlahan.

Isu semasa yang ketiga popular dibincangkan ialah kes pemecatan Timbalan Perdana Menteri (TPM). Mereka mempersoalkan pertuduhan yang dibuat kerana TPM dilihat sebagai seorang yang berhemah tinggi, mempunyai pengetahuan agama yang baik, sentiasa memperjuangkan golongan miskin dan mempunyai ketokohan menerajui negara. Peristiwa ini diterima sebagai satu kejutan kepada pengundi dan menjadi topik perbualan harian. Ada yang menggelarnya sebagai 'gawat politik' dan peristiwa pemecatan TPM menambahrumitkan lagi suasana politik yang melanda negara. Apabila ditanya adakah keadaan ini akan memberi kesan terhadap keputusan memilih parti politik, 51.4 peratus menyatakan keadaan tersebut akan memberikan kesan terhadap pola pengundian.

### Pilihan Parti Politik Prapilihan Raya

Secara tradisinya *trend* pemilihan parti politik di Malaysia dipengaruhi oleh faktor etnik dan kawasan. Kawasan majoriti Melayu di luar bandar atau di bandar diidentifikasikan sebagai kawasan yang menyokong UMNO (BN). *Trend* ini masih wujud di kawasan Kubang Pasu dan Jerlun. Hasil kajian menunjukkan bahawa 78 peratus daripada responden mengenalkan diri mereka sebagai penyokong UMNO (BN) dan 22 peratus menyatakan mereka penyokong parti alternatif (PAS). Fahaman politik juga ditanyakan kepada isteri mereka dan didapati 75 peratus menyatakan menyokong BN. Keadaan ini membuktikan bahawa isteri kebiasaannya mengikut fahaman politik suami (Jadual 3.1). Walau bagaimanapun, jumlah anak mereka yang mengikuti fahaman politik ibu bapa adalah 50 peratus. Selebihnya menyokong parti Alternatif (15.5 peratus) dan tidak tahu (34.5 peratus). Apa yang menarik ialah jumlah jawapan tidak tahu atau tidak pasti adalah tinggi di kalangan anak mereka. Mungkin kita boleh mengandaikan mereka juga penyokong parti alternatif atau yang di atas pagar tetapi takut atau tidak mahu menyatakan pilihan sebenar mereka. Kalau keadaan

JADUAL 3.1. Fahaman politik keluarga (%)

Hubungan	UMNO (BN)	PAS	DAP	Bebas	PRM	Tidak tahu/pasti
Bapa	78.2	13.5	0.2	1.7	-	6.4
Suami/Isteri	75.6	13.4	0.2	0.3	1.2	9.3
Anak	50.0	14.8	0.7	-	-	34.5

ini betul, bermakna golongan muda ramai yang berhaluan kiri dan berbeza dengan fahaman politik ibu bapa mereka. Proses pendidikan, sosialisasi dan kemudahan teknologi (IT) untuk mendapat maklumat politik dan isu-isu semasa memungkinkan fenomena tersebut berlaku.

Responden juga diajukan dengan pertanyaan, *'Sekiranya pilihan raya diadakan pada esok hari, apakah parti yang akan anda undi?'* Majoriti (68 peratus) menyatakan akan memilih parti BN, 19.4 peratus akan mengundi parti BA, enam peratus tidak pasti dan selebihnya tidak mahu mengundi. Mereka memilih BN kerana parti itu telah banyak berjasa dan memberi pelbagai bantuan dan parti yang memerintah sahajalah yang dapat memulihkan kegawatan ekonomi dan kestabilan politik. Bagi suri rumah, mereka mengikut pilihan suami. Salah satu faktor yang perlu diambil kira ialah cara pilihan mengundi itu dilakukan, iaitu adakah pengundi di kawasan kajian memilih parti atau calon parti? Hasil kajian mendapati 66.3 peratus memilih lambang atau parti (BN) dan 33.7 peratus memilih calon. Faktor ini mempengaruhi pola pengundian atau pilihan parti di kalangan pengundi.

Sebaliknya, golongan yang memilih BA menyatakan mereka berbuat demikian kerana berpendapat apa jua bantuan dan pembangunan yang diberi adalah tanggungjawab hakiki pemerintah tidak kira apa jua fahaman politik atau jenis pemerintahan. Mereka juga memberi alasan mahukan pihak pemerintah menjalankan pengurusan dengan lebih telus dan adil. Keadaan ekonomi dan peristiwa pemecatan TPM telah menjadi faktor sampingan yang menyebabkan mereka mahukan perubahan. Sehubungan itu, apabila ditanya adakah mereka sanggup menukar kerajaan, didapati hanya mereka yang menyokong BA (30 peratus) yang mahu pemerintahan baru, sembilan peratus tidak pasti dan 61 peratus menyatakan tidak sanggup menukar kerajaan dan tetap mahukan UMNO (BN) memerintah semula. Peratusan yang agak tinggi mahukan perubahan dan sanggup menukar kerajaan ditakrifkan sebagai satu fenomena baru dalam percaturan politik di kalangan pengundi. Kesedaran politik mereka semakin meningkat, terbuka dan mula mengambil berat dan menilai fungsi kerajaan. Justeru, mereka membuat keputusan yang berhati-hati dan lebih rasional. Oleh itu *trend* perlakuan yang baru ini perlu diambil perhatian oleh parti politik dalam mengatur strategi perjuangan parti.

Akhir sekali, mereka ditanyakan siapakah yang paling sesuai mengambil alih jawatan perdana menteri sekiranya Dato' Seri Dr.

Mahathir Mohamad bersara kelak. Seramai tujuh nama telah disenaraikan dan mendapati Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi adalah calon yang paling layak menjawat jawatan tersebut (Jadual 3.2). Berpandukan jadual tersebut, didapati bahawa Anwar Ibrahim ialah calon ketiga dan masih mendapat sokongan di kalangan pengundi. Manakala Rafidah Aziz, Daim Zainuddin dan Tengku Razaleigh tidak mendapat sokongan untuk menjawat jawatan Perdana Menteri.

JADUAL 3.2. Calon yang layak menggantikan perdana menteri apabila bersara

Calon	Peratus
Abdullah Badawi	51.4
Najib Tun Razak	11.8
Daim Zainuddin	0.5
Tengku Razaleigh Hamzah	0.4
Rafidah Aziz	0.9
Anwar Ibrahim	10.9
Nik Aziz	8.9
Tidak pasti	15.2

### Pilihan Raya Umum 1999: Beberapa Penemuan Baru

Hasil kajian pungutan pendapat mengenai isu-isu semasa, pilihan parti dan fahaman politik menjelang atau prapilihan raya umum 1999 memperlihatkan bahawa sokongan BN merosot dan secara puratanya 30 peratus pengundi Melayu lebih cenderung memilih parti pembangkang (PAS). Wujud dua pola kecenderungan di kalangan pengundi Melayu, iaitu mereka yang sukakan UMNO tetapi menolaknya kerana tidak sukakan calon atau kepimpinan parti dan golongan yang menolak UMNO tetapi tetap mengundi parti tersebut kerana tertarik dengan kewibawaan dan ketokohan calonnya. Fenomena ini jelas telah dimanifestasikan dalam keputusan pilihan raya umum 1999. Calon BN di kawasan parlimen Jerlun telah ditewaskan oleh calon PAS dengan majoriti 595 undi dan kawasan Kubang Pasu pula statusnya tidak berubah, masih dimenangi oleh BN tetapi majoritinya berkurangan sebanyak 7,088 undi berbanding pilihan raya 1995 (17,226 undi). Kemenangan diperoleh kerana calon di Kubang Pasu ialah Perdana

Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad sendiri dan kemungkinan juga BN akan tewas sekiranya BN meletakkan calon lain. Keputusan tersebut memaparkan bahawa hasil pungutan pendapat prapilihan raya menunjukkan keselarasan dengan keputusan pilihan raya sebenar dan andaian pengundi yang menyatakan beberapa kerusi di Kedah akan direbut oleh parti BA jelas terjadi (parlimen Jerlun). Ini bermakna hasil kajian pungutan pendapat di kalangan penduduk Malaysia boleh dipercayai dan perlu diberi perhatian terutamanya bagi memahami perasaan, harapan dan pola pengundian dalam menghadapi pilihan raya akan datang.

Perlakuan politik baru dikesan dari aspek keberanian pengundi berterus terang menyatakan pilihan parti politik mereka. Mereka tidak takut menyatakan yang mereka akan mengundi parti pembangkang apabila ditanya. Keadaan ini berbeza daripada pola tradisi pengundi yang tidak mahu atau berani menyatakan parti politik pilihan atau parti politik yang akan diundi terutamanya apabila mereka menyokong parti pembangkang. Ini bermakna pengundi prapilihan raya umum 1999 tidak takut dibuang kerja atau ditukarkan tempat kerja, diambil tindakan disiplin parti dan dilucutkan keahlian parti apabila menyatakan parti politik pilihan mereka (pembangkang). Perubahan budaya politik baru juga ditunjukkan dengan mengibarkan bendera atau melekatkan pelbagai logo parti pembangkang atau parti pemerintah pada kenderaan dan di rumah mereka. Agak biasa di kalangan kanak-kanak sekolah, belia, beliawanis dan dewasa memakai *t-shirt* parti dan menggunakan *key chain* parti untuk menunjukkan yang mereka adalah penyokong setia parti tersebut. Tunjuk perasaan di jalanan dengan merosakkan harta awam dan mengkritik polisi kerajaan dan kepimpinan adalah kemuncak perlakuan politik yang tidak disangka akan berlaku semasa prapilihan raya umum 1999.

## Kesimpulan

Kaedah pungutan pendapat awam adalah berguna dan tidak terlalu kompleks untuk dipraktikkan semasa menjalankan kajian prapilihan raya. Proses itu adalah satu langkah yang baik dilakukan bukan sahaja untuk mengetahui pola sokongan atau pengundian malahan membolehkan kita mengetahui pelbagai maklumat semasa dari akar umbi. Hasil kajian ini jelas menunjukkan bahawa pilihan atau kenyataan pengundi prapilihan raya boleh dipercayai dan selaras dengan keputusan

sebenar pilihan raya. Dapatan ini juga boleh digunakan sebagai panduan dalam merangka strategi parti di samping dijadikan unjuran dan ramalan *trend* sebenar pilihan raya sesebuah negara.

### Rujukan

- Adam, W. C. & Ferber, P. H. 1980. Measuring legislator-constituency congruence: liquor, legislator and linkage. *Journal of politics*. 202-8.
- Bardes, B. A. & Oldendick, R. W. 2000. *Public opinion*. New York: Wadsworth Thomson Learning.
- Grenfell, N. 1979. *Switch on : Switch off, mass media audiences in Malaysia*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Hall et al. 1978. *Policing the crisis mugging, the state and law and order*. London: MacMillan.
- Herbst, S. 1998. *Reading public opinion*. Chicago: University of Chicago Press.
- Hennessy, B. 1981. *Public opinion*. California: Brooks/Cole Publishing Company.
- Ippolito, D. S., Walker, T. G. & Kolson K. L. 1976. *Public opinion and responsible democracy*. New Jersey: Prentice Hall.
- Johnston, R. J. 1979. *Political, electoral, and spatial systems*. Oxford: Clarendon Press.
- Lewis, J. 2001. *Constructing public opinion*. New York: Columbia University Press.
- Miller W. E. & Stokes, D. E. 1963. Constituency influence in Congress. *American Political Science Review* 57: 45-56.
- Mohd Fuad Mat Jali. 1996. Persekitaran dan pengundi: Kajian awal ke arah pembentukan tingkah laku pengundi dalam pilihan raya umum 1990 dan 1995 di kawasan Tg. Karang, Selangor. Dlm. Mohd Fuad Mat Jali, Abd. Rahman Adam, Nordin Hussin, Mahfudzah Mustapha & Rahim Aman (Penyt.) *Sejarah, politik dan keselamatan negara*. Prosiding Seminar 25 Tahun FSKK Bangi: UKM: 71-84
- Mohd Fuad Mat Jali & Sabihah Osman. 2000. Politik wilayah dan politik nasional dalam pilihan raya umum 1999. Kertas kerja dibentangkan pada Bengkel Penulisan Buku Pilihan Raya Umum 1999 dan Politik Baru Malaysia. Bukit Tinggi, Pahang. 11-13 Ogos.
- Mohd Yusof Kasim. 2000. Pembinaan bangsa Melayu: Pancaran keputusan pilihan raya umum 1999. Kertas kerja dibentangkan pada Bengkel Penyelidikan Pilihan Raya Umum Malaysia 1999. Bangi: UKM.
- Oskamp, S. 1991. *Attitudes and opinions*. Englewood Cliffs: Prentice Hall.
- Page, B. 1996. *Who deliberates? Mass media in modern democracy*. Chicago: University of Chicago Press.

- Painter, J. 1995. *Politics, geography & political geography*. London: Arnold.
- Reeves, J. & Campbell, R. 1994. *Cracked coverage: Television news, the anti-cocaine crusade, and the reagan legacy*. Durham, NC: Duke University Press.
- Richard, M. & Paddison, R. 1981. *Politics, geography and behaviour*. London: Methuen.
- Rubenstein, S. M. 1995. *Surveying public opinion*. Boston: Wadsworth Publishing.
- Sussman, B. 1988. *What Americans really think and why our politician pay no attention*. New York: Pantheon.
- Syed Arabi Idid & Safar Hasim. 1993. *Pilihan raya umum: Satu perspektif komunikasi politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

## 'Warna Kulit' di Sebalik Penyokong UMNO dan PAS di Sala, Kedah

Ghazali Mayudin

### Pengenalan

UMNO dan PAS sering digambarkan sebagai parti yang sering bertentangan. UMNO menekankan kebangsaan dan kemelayuan sementara PAS melandaskan perjuangannya kepada agama Islam. UMNO dianggap sebagai parti yang pragmatik dalam tindakannya, anjal dari segi dasarnya dan lebih liberal dari segi tindakannya. PAS pula lebih tegar dan terikat kepada ideologi dan matlamatnya untuk menegakkan negara Islam.

Walaupun terdapat perbezaan dan pertentangan tersebut, tetapi kedua-dua parti itu mempunyai kumpulan sasaran yang sama, iaitu orang Melayu. Oleh sebab kebanyakan orang Melayu tinggal di kawasan luar bandar, maka asas sokongan dan kumpulan sasarannya juga adalah sama, iaitu orang Melayu. Oleh sebab sebahagian besar orang Melayu tinggal di kawasan luar bandar, maka kedua-dua parti itu dominan di kawasan tersebut. Malahan, sehingga akhir-akhir ini, orang Melayu di luar bandar yang terlibat dalam politik kepartian pada umumnya menjadi ahli dan penyokong PAS atau UMNO (istilah penyokong yang digunakan selepas ini merujuk kepada penyokong dan juga ahli).

Oleh sebab adanya pertentangan dari segi dasar dan orientasi dan kedua-duanya pula mempunyai kumpulan sasaran yang sama, maka wujud persaingan untuk mendapatkan sokongan dan meluaskan pengaruh. Di kalangan penyokong parti pula berlaku pergeseran dan permusuhan, yang kadangkala sengit, sebagaimana berlaku di beberapa tempat seperti di Besut, Terengganu dan Baling, Kedah.

Bab ini tidak akan membincangkan pergeseran itu tetapi lebih menumpukan kepada penyokong kedua-dua parti berdasarkan kajian

lapangan yang dilakukan di Sala, Kedah pada 1997. Kajian ini bertujuan untuk melihat latar belakang atau 'warna kulit' penyokong UMNO dan PAS. 'Warna kulit' yang dimaksudkan di sini bukan sahaja merujuk kepada latar belakang sosioekonomi tetapi juga kecenderungan dan persepsi penyokong kedua-dua parti tentang isu-isu tertentu. Kajian yang dibuat pada 1970-an dan 1980-an menunjukkan kecenderungan politik ditentukan oleh faktor sosioekonomi. Kajian yang dibuat di Sala ini ingin melihat sama ada keadaan yang sama masih wujud atau telah berlaku perubahan dari segi 'warna kulit' penyokong UMNO dan PAS.

### Pengaruh Sosioekonomi Terhadap Sokongan Politik

Beberapa pengkaji telah menerangkan mengapa orang Melayu yang berada dalam persekitaran yang sama menjadi penyokong parti yang bertentangan dasar dan ideologinya. Penjelasan yang diberikan itu nampaknya tidaklah berasaskan pilihan bebas, di antara PAS dengan UMNO, tetapi perlu ditelusuri kepada latar belakang sejarah, perselisihan lama dalam keluarga, penindasan dan reaksi menentangnya serta penerusan dan keperluan hidup. Perkara asas kepada masalah yang dinyatakan ialah pentingnya pengaruh ekonomi dalam menentukan pendirian dan sokongan kepada parti politik.

Beberapa kajian mendapati UMNO didominasi dan mewakili kepentingan golongan berada dan atasan dalam strata masyarakat desa, sementara PAS pula dianggotai dan didukung oleh golongan bawahan. Dalam kajiannya tentang masyarakat desa di Kelantan pada 1960-an, Kessler (1974: 277; 1978: 182) berpendapat bahawa perbezaan politik perlu dilihat dalam konteks pemisahan dan pertentangan politik dalam masyarakat yang wujud semenjak zaman penjajah, khususnya pertentangan di antara petani dengan elit tradisional. Pertentangan itu berterusan dan muncul dalam bentuk politik kepartian apabila elit tradisional dan keturunannya bercita-cita mengembalikan zaman kegemilangan mereka melalui UMNO.

Kajian yang dibuat oleh Scott juga menunjukkan pendirian politik diwarnai oleh kedudukan ekonomi. Menurut Scott (1985: 132-33), UMNO dan PAS disokong oleh pelbagai lapisan masyarakat tetapi PAS lebih disokong oleh orang miskin. 54 peratus daripada isi rumah yang berpendapatan rendah menyokong PAS berbanding cuma 22 peratus isi rumah yang berpendapatan lebih tinggi menyokong PAS. Walaupun

terdapat petani yang berada menyokong PAS tetapi sokongan mereka itu disebabkan oleh permusuhan keluarga yang telah lama wujud. Pada pihak yang lain pula, petani miskin yang menyokong UMNO disebabkan oleh ikatan persaudaran atau pekerjaan dengan keluarga ahli UMNO yang kaya. Dengan kata lain, tanpa faktor dan ikatan keluarga, kemungkinan besar golongan berpendapatan rendah akan menyokong PAS.

Walaupun terdapat garis pemisah yang berasaskan kedudukan ekonomi di kalangan mereka yang menyokong UMNO dan PAS, tetapi tarikan kepada PAS, menurut Scott, adalah gabungan di antara isu kelas, sentimen etnik dan agama serta satu bentuk penentangan terhadap dasar-dasar kerajaan (Scott 1985: 134-5). Shamsul pula berpendapat bahawa faktor kelas dan peribadi seperti permusuhan lama di kalangan dua pihak yang bertentangan adalah faktor yang membawa kepada penubuhan dan sokongan kepada UMNO dan PAS (Shamsul 1986).

Walau bagaimanapun, tidak semua kajian yang dibuat merumuskan terdapatnya perbezaan yang jelas dari segi kedudukan ekonomi di antara penyokong UMNO dengan PAS. Mohamad Salleh Lamry pula mendapati UMNO dan PAS didukung oleh pelbagai lapisan masyarakat, sama ada yang berada atau tidak. Namun begitu menurut Mohamad Salleh (1994), lebih ramai penyokong PAS yang bekerja sendiri kalau dibandingkan dengan penyokong UMNO. Kajian yang dibuat oleh Mansor Haji Othman pada 1970-an di kawasan Muda menunjukkan tuan tanah yang memiliki tanah yang luas bukanlah terdiri daripada penyokong UMNO sahaja. Menurut beliau, bilangan tuan tanah yang menjadi penyokong UMNO dan PAS hampir sama banyaknya (Scott 1985: 136).

Di samping garis pemisah yang berasaskan ekonomi dan kedudukan sosial, kajian dan pemerhatian yang lepas juga menunjukkan terdapatnya perbezaan yang berkaitan dengan agama di antara penyokong UMNO dengan PAS. Dalam kajiannya di beberapa buah kampung yang terdiri daripada penyokong UMNO dan PAS, Husin Ali mendapati penduduk dalam kampung yang kuat pengaruh PAS menampakkan komitmen yang lebih tinggi dalam melaksanakan suruhan agama dibandingkan dengan kampung yang kuat pengaruh UMNO (Husin Ali 1975: 133). Kuatnya pengaruh PAS dalam kawasan berkenaan mempunyai kaitan dengan kewujudan sekolah-sekolah pondok. Pengaruh PAS subur di kalangan penuntut dan pengunjung serta di kawasan sekitar dan berhampiran sekolah pondok berkenaan.

Kessler pula melihat pertentangan di antara UMNO dengan PAS adalah pertentangan di antara nafsu dengan akal. Penyokong UMNO lebih didorong oleh nafsu dalam tumpuan dan penekanan parti dan ahlinya dengan perkara yang berkaitan dengan kebendaan. Sementara ahli PAS pula dikemudikan oleh akal yang mengutamakan soal baik buruk dan halal haramnya sesuatu perkara atau tindakan (Kessler 1978: 204). Oleh itu, tumpuan kegiatan mereka bukanlah mendapatkan ganjaran di dunia tetapi lebih mengutamakan ganjaran di akhirat. Oleh sebab penekanan yang berlainan inilah maka cara dan pendekatan UMNO memujuk penyokong PAS tidak berhasil. Misalnya tawaran sebanyak RM546 juta untuk pembangunan di Kelantan sekiranya Perikatan menang dalam pilihan raya 1969 di negeri itu tidak berjaya mempengaruhi rakyat negeri itu.

Kajian yang dibuat setakat ini pada umumnya menunjukkan terdapatnya perbezaan di antara ahli UMNO dengan PAS dari segi kedudukan sosioekonomi mereka. Pada umumnya, ahli PAS terdiri daripada golongan miskin yang penyertaan mereka dalam PAS didorong antara lain oleh ketidakadilan dan penindasan yang wujud dalam masyarakat. Penyertaan itu juga dianggap sebagai satu bentuk protes dan penentangan terhadap pihak atasan dan pemerintah. Sebaliknya ahli UMNO terdiri daripada mereka yang lebih berada sama ada bekerja sendiri atau makan gaji. Ringkasnya ahli UMNO dan PAS bukan sahaja berbeza dari segi kepartian tetapi juga dari segi kedudukan dan kelas sosial.

### Latar Belakang UMNO dan PAS di Sala

Beberapa dekad selepas kajian di atas dilakukan, berlaku perubahan dan perkembangan yang pesat dari segi ekonomi dan sosial di Malaysia, termasuklah di kawasan luar bandar. Kajian yang dibuat di Sala, Kedah ini cuba membandingkan di antara ahli UMNO dengan PAS dari aspek sosioekonomi yang telah mengalami perubahan tersebut dan sikap mereka terhadap beberapa isu tertentu.

Dari segi pentadbiran, Sala termasuk dalam Daerah Yan yang sebahagian besarnya berada dalam wilayah MADA (77.2 peratus). Oleh itu, cuma 22.8 peratus daripada kawasan dalam daerah ini yang berada di luar wilayah MADA. Daerah Yan mengandungi lima buah mukim, iaitu Mukim Dulang, Sala Besar, Singkir, Sungai Daun dan Yan. Keluasan daerah ini ialah 152.2 km per segi dan jumlah penduduk pada 1991 ialah 60,823 (Majlis Daerah Yan 1996: 2-1,2-5).

Kawasan ini juga mempunyai pengaruh UMNO dan PAS yang hampir seimbang sebagaimana yang digambarkan oleh keputusan beberapa pilihan raya yang lepas (Jadual 4.1). Oleh sebab pengaruh kedua-dua parti hampir sama, maka kawasan ini sesuai untuk dibuat kajian perbandingan di antara dua buah parti tersebut. Tambahan pula sebahagian besar penduduk Sala adalah petani yang mengusahakan tanaman padi. Sebahagian kecil yang lain pula menjadi nelayan, berkhidmat dalam sektor awam dan swasta dan berniaga. Dengan itu hampir semua responden dalam kajian ini adalah petani. Oleh yang demikian, perbandingan yang dibuat di antara ahli dan penyokong UMNO dengan PAS adalah di kalangan mereka yang terlibat dalam kegiatan ekonomi yang sama dan juga dalam kawasan yang pengaruh kedua-dua parti adalah seimbang.

JADUAL 4.1 Parti yang menang di DUN Sala dalam pilihan raya 1978-1999

Pilihan raya	Parti menang	Majoriti
1978	PAS	631
1982	BN	611
1986	PAS	118
1990	BN	587
1995	PAS	196
1999	PAS	2621

*Sumber:* Laporan pilihan raya umum bagi tahun berkenaan yang dikeluarkan Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.

Persaingan dan usaha meluaskan pengaruh PAS dan UMNO di Sala bukanlah sesuatu yang baru tetapi telah berlaku sekian lama kerana kedua-dua parti itu telah bertapak di Daerah Yan sejak awal lagi. Beberapa cawangan UMNO di Daerah Yan dan sekitarnya adalah antara cawangan terawal yang ditubuhkan di Kedah. Cawangan UMNO itu ialah Padang Lumat, Yan Besar, Teroi, Ulu Sedaka, Bukit Besar, Sg. Limau, Kuala Sala, Guar Chempedak dan Kuala Sedaka (Ahmad Fauzi 1996: 81). Pengaruh PAS di Kedah bermula di Sala apabila cawangan PAS pertama di negeri itu ditubuhkan di Bukit Besar pada 6 September 1952 (Ridzuan 1998: 37; *Risalah Kronologi* t.th.: 1; Buku Cenderemata 1976). Pengasasnya ialah Tuan Guru Haji Othman

Alyunussi yang telah menubuhkan pondok pengajian yang terkenal di Bukit Besar pada 1946, iaitu Madrasah Nahdzah. Pondok pengajian ini menjadi markas PAS Kedah sebelum berpindah ke Guar Chempedak dan kemudiannya ke Alor Setar pada 1968. Haji Othman lebih dikenali dengan panggilan Tok Guru Lebai Man Bukit Besar.

Oleh itu, terdapat hubungan yang rapat antara kewujudan sekolah pondok dengan bertapak dan merebaknya pengaruh PAS di Sala. Kampung di sekitar pondok pengajian ini mempunyai ramai penyokong PAS dan menjadi kubu kuat parti tersebut. Di antara kampung tersebut ialah Kg. Bukit Besar, Kg. Chorus dan Sg. Limau di dalam Mukim Sala Besar.

Data dalam bab ini diperolehi melalui pengedaran soal selidik kepada penyokong PAS dan UMNO di Sala, Kedah berdasarkan kajian yang dilakukan dalam tahun 1997. Seramai 169 responden daripada PAS dan 163 responden daripada UMNO telah melengkapkan soal selidik dan data yang diperolehi dianalisis secara deskriptif. Pada umumnya penduduk kampung mengetahui siapa penyokong PAS atau UMNO dan kampung mana yang menjadi kubu atau mempunyai ramai penyokong parti tertentu. Oleh itu, untuk mengetahui siapa menyokong PAS atau UMNO bukanlah suatu masalah. Tambahan pula, pembantu penyelidik yang membantu responden mengisi borang soal selidik berasal dari Sala dan sekitarnya. Selain biasa dengan kawasan berkenaan, mereka juga dikenali oleh sebahagian responden dan ini memudahkan mereka diberikan kerjasama. Sebahagian besar responden PAS tinggal di Kg. Bukit Besar, Kg. Chorus dan Sg. Limau dalam Mukim Bukit Besar. Sementara responden UMNO pula kebanyakannya menetap di Kg. Sg. Dulang Kechil, Kg. Sg. Dulang dan Kg. Sedaka di dalam Mukim Dulang.

### **'Warna kulit' Penyokong UMNO dan PAS di Sala**

Perbandingan 'warna kulit' di antara penyokong UMNO dengan PAS akan dibuat dalam dua aspek, iaitu dari segi sosioekonomi serta kecenderungan dan pendirian politik mereka. Di antara perkara yang akan disentuh ialah kedudukan ekonomi seperti pemilikan tanah dan peralatan rumah, pendapatan, latar belakang pendidikan serta kecenderungan dan pendirian politik mereka terhadap beberapa isu.

## Ekonomi

Sebagai masyarakat tani, tanah ialah sumber kehidupan dan pendapatan yang penting bagi kebanyakan penduduk Sala. Pemilikan serta keluasan tanah yang dimiliki serta disewa memberi kesan kepada pendapatan, taraf hidup, pemilikan peralatan dan kemudahan di rumah serta kemampuan untuk ke tanah suci Mekah sama ada menunaikan ibadat haji atau umrah. Pemilikan tanah penyokong UMNO dan PAS dapat dilihat dalam Jadual 4.2.

JADUAL 4.2 Pemilikan tanah (dalam peratus)

Parti	Status Pemilikan (%)		Keluasan Milik Sendiri (%)		Keluasan yang Disewa (%)		
	Milik Sendiri	Sewa	Milik Sendiri dan Sewa	Kurang 3 Relong	Lebih 3 Relong	Kurang 5 Relong	Lebih 5 Relong
UMNO	48.7	41.7	9.6	46.5	53.6	81.3	18.6
PAS	48.9	26.2	24.8	30.9	69.1	66.7	33.2

Berdasarkan jadual di atas, peratus penyokong UMNO dan PAS yang mengusahakan tanah milik sendiri adalah sama, iaitu 48 peratus. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan dalam aspek yang lain seperti penyewaan dan keluasan tanah yang dimiliki dan disewa. 41.7 peratus penyokong UMNO menyewa sementara 26.2 peratus penyokong PAS menjadi penyewa.

Bagi yang memiliki tanah sendiri pula, 53.6 peratus penyokong UMNO memiliki lebih tiga relong berbanding dengan 69.1 peratus penyokong PAS. 33.2 peratus penyokong PAS menyewa tanah lebih lima relong berbanding 18.6 peratus penyokong UMNO.

Data di atas menunjukkan peratus penyokong PAS yang tidak memiliki tanah tetapi mengusahakan tanah yang disewa adalah rendah berbanding penyokong UMNO. Sebaliknya pula, peratus penyokong PAS yang memiliki dan menyewa tanah yang luas adalah lebih tinggi berbanding penyokong UMNO.

Perbezaan dalam pemilikan dan penyewaan tanah memberi kesan kepada pendapatan yang diperolehi petani. Jadual 4.3 menunjukkan pendapatan bersih semusim yang diperolehi oleh penyokong PAS dan UMNO.

JADUAL 4.3 Pendapatan bersih semusim

Parti	Kurang RM2,000 (%)	RM2,000-RM3,999 (%)	RM4,000 ke atas (%)
UMNO	39.3	30.8	29.9
PAS	32.9	28.8	38.4

Dapatlah diperhatikan bahawa peratus penyokong UMNO yang memperoleh pendapatan kurang RM\$2,000 semusim lebih tinggi daripada penyokong PAS. Sebaliknya peratus penyokong UMNO yang memperoleh pendapatan lebih RM\$4,000 lebih rendah daripada penyokong PAS.

Dengan melihat kepada pemilikan tanah dan pendapatan, didapati penyokong PAS bukan sahaja seimbang dengan penyokong UMNO tetapi dalam aspek tertentu seperti yang dibincangkan di atas, penyokong PAS berada dalam kedudukan yang lebih baik. Oleh itu dalam konteks Sala, tidak tepat kalau dikatakan bahawa penyokong PAS terdiri daripada mereka yang rendah kedudukan ekonominya berbanding penyokong UMNO. Sebagaimana penyokong UMNO, terdapat juga di kalangan penyokong PAS yang memiliki tanah sawah yang luas dan memperoleh pendapatan yang tinggi.

Ini berbeza dengan pemerhatian dan kesimpulan yang dibuat oleh beberapa penyelidik seperti yang dibincangkan di atas, iaitu terdapat perbezaan dari segi sosioekonomi di antara penyokong PAS dengan UMNO. Kedudukan sosioekonomi penyokong PAS pada umumnya dikatakan lebih rendah berbanding UMNO. Kajian yang terdahulu juga menunjukkan penyokong PAS terdiri daripada mereka yang bekerja sendiri seperti petani dan berniaga sementara penyokong UMNO pula terdiri daripada golongan yang makan gaji. Ada kemungkinan faktor ini menjadikan penyokong PAS lebih berdikari untuk berusaha menambahkan pendapatan mereka dan tidak bergantung kepada satu sumber pendapatan sahaja sebagaimana mereka yang makan gaji.

Oleh sebab ramai di antara responden yang memperoleh pendapatan yang tinggi, maka sebahagian besar daripada mereka mampu memiliki kemudahan dan barang-barang peralatan dalam rumah (Jadual 4.4).

Oleh sebab lebih ramai penyokong PAS memiliki tanah yang luas dan pendapatan yang tinggi, maka peratus yang memiliki kemudahan

JADUAL 4.4 Pemilikan kemudahan dan peralatan rumah

Peralatan	UMNO (%)	PAS (%)
Kereta	21.5	28.4
Motosikal	81.5	84.6
Peti sejuk	83.4	81.7
Televisyen	93.2	90.0
Telefon	52.1	59.8
Mesin basuh	66.9	72.2

dan alat-alat tertentu seperti kereta, motosikal, mesin basuh dan telefon adalah lebih tinggi daripada yang dimiliki penyokong UMNO.

### Pendidikan

Selain keluarga, pendidikan formal juga memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi proses sosialisasi. Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.5, terdapat perbezaan dari aspek pendidikan formal di antara penyokong PAS dengan UMNO.

JADUAL 4.5 Aliran pendidikan formal

Parti	Pernah bersekolah	SUAMI			ISTERI		
		Aliran kebangsaan	Aliran agama	Aliran agama & kebangsaan	Aliran kebangsaan	Aliran agama	Aliran agama & kebangsaan
UMNO	77.3	75.0	17.4	7.6	81.0	3.8	15.2
PAS	88.2	36.0	19.1	44.9	41.6	12.0	46.4

Jadual di atas menunjukkan bahawa sebahagian besar penyokong UMNO dan isteri mereka (75.0 peratus suami dan 81.0 peratus isteri) mendapat pendidikan dalam aliran kebangsaan. Bagi penyokong PAS pula, peratus yang mendapat pendidikan di sekolah kebangsaan ialah 36.0 peratus bagi suami dan 41.6 peratus bagi isteri.

Perbezaan dapat juga dilihat dari segi peratus mereka yang mendapat pendidikan dalam kedua-dua aliran, iaitu aliran kebangsaan dan aliran agama. Bagi penyokong PAS, sebanyak 44.7 peratus suami

dan 46.4 peratus isteri belajar di sekolah agama dan kebangsaan berbanding penyokong UMNO, iaitu 7.6 peratus (suami) dan 15.2 peratus (isteri).

Kesedaran terhadap agama mungkin memainkan peranan yang mendorong ibu bapa menghantar anak-anak mereka ke sekolah agama di samping belajar di sekolah kebangsaan. Ekoran itu, pengetahuan dan pendedahan terhadap agama menimbulkan kesedaran dan bagi sesetengah golongan boleh mengukuhkan lagi keyakinan mereka terhadap peranan dan kedudukan agama dalam politik.

Kesedaran terhadap agama juga memberi kesan kepada komitmen seseorang dalam melaksanakan suruhan agama. Dalam konteks ini, penyokong PAS lebih peka untuk melaksanakan suruhan agama, misalnya melaksanakan ibadat haji dan umrah di Mekah. Tidak dinafikan, kemampuan memainkan peranan sama ada seseorang boleh mengerjakan ibadat tersebut atau tidak. Data empirikal di Sala menunjukkan peratus penyokong PAS yang telah ke Mekah sama ada menunaikan ibadat haji atau umrah hampir sekali ganda daripada penyokong UMNO (Jadual 4.6).

JADUAL 4.6 Menunaikan haji dan umrah

Penyokong	Pernah (%)
UMNO	15
PAS	29

### Kecenderungan dan persepsi politik

PAS sering dikaitkan dengan Islam sementara UMNO pula dikaitkan dengan kemelayuan, kebangsaan, pembangunan dan kepemimpinan, sesuai dengan kedudukannya sebagai ahli yang dominan dalam gabungan parti yang memerintah. Hakikat ini nampaknya mempengaruhi dan menjadi sebab kepada sokongan yang diberikan kepada sesebuah parti (Jadual 4.7).

Pengaruh dan tarikan agama kepada penyokong PAS ternyata begitu kuat (89.9 peratus daripada responden) dan menjadi sebab mereka bernaung di bawah parti tersebut. Oleh sebab memperjuangkan Islam menjadi alasan, maka tidak hairanlah sekiranya penyokong PAS menghayati perjuangan parti dan sanggup membuat pengorbanan kerananya. Bagi UMNO pula terdapat kepelbagaian sebab penyokongnya

JADUAL 4.7 Soalan: Mengapa menjadi ahli atau menyokong parti  
(sama ada UMNO atau PAS)

Sebab	UMNO (%)	PAS (%)
Ibu bapa ahli	15.3	3.0
Jiran ahli	15.3	4.8
Tertarik dengan ideologi	4.3	0.6
Tertarik dengan perjuangan parti	26.4	0.6
Tertarik dengan pemimpin	8.6	0.6
Kerana memperjuangkan bangsa	24.5	0.6
Kerana memperjuangkan Islam	3.7	89.9

memilih parti tersebut seperti kepentingan bangsa, perjuangan serta pengaruh ibu bapa dan jiran sekeliling. Walau bagaimanapun, sebahagian besar (55 peratus) menyokong UMNO kerana faktor yang berkaitan dengan kebangsaan, iaitu perjuangan bangsa (24.5 peratus), perjuangan parti (26.4 peratus) dan ideologi (4.3 peratus). Orang di sekeliling terutamanya ibu bapa dan jiran juga mempengaruhi penyokong UMNO untuk memilih parti tersebut. 30.6 peratus daripada responden menyatakan faktor ini mempengaruhi mereka.

Walaupun terdapat perbezaan dari segi sebab menjadi ahli atau menyokong parti, tetapi penyokong UMNO dan PAS setia kepada parti dan mengundi parti masing-masing dalam setiap pilihan raya dan juga yang akan diadakan (lihat Jadual 4.8).

JADUAL 4.8 Soalan: Sekiranya pilihan raya diadakan esok,  
saya akan mengundi calon...

	UMNO (%)	PAS (%)
Penyokong UMNO	95.7	-
Penyokong PAS	-	98.2

JADUAL 4.8a Soalan: Dalam pilihan raya yang lepas,  
saya mengundi...

	Mengundi UMNO dalam semua pilihan raya	Mengundi PAS dalam semua pilihan raya
Penyokong UMNO	89.0%	-
Penyokong PAS	-	97.6%

Berdasarkan Jadual 4.8 dan 4.9, penyokong UMNO dan PAS sentiasa setia kepada parti masing-masing atau dikatakan mempunyai darjah identifikasi parti yang tinggi. Parti akan sentiasa menjadi penentu pilihan dalam pilihan raya, bukannya calon atau isu kecuali ada isu besar dan signifikan. Sebagaimana dapat dilihat dalam Jadual 4.1, dalam enam pilihan raya yang lepas kecuali pada 1999, kemenangan calon UMNO dan PAS adalah dengan majoriti yang kecil.

Kesetiaan kepada parti bukan sahaja membawa kepada pengundian yang berulang kepada parti yang sama tetapi mungkin juga mempengaruhi pendirian politik tentang isu-isu tertentu. Penyokong kuat parti cenderung mempunyai pendirian dan memberikan tafsiran terhadap isu politik yang hampir sama dengan pendirian parti. Ini tidak pula bermakna yang ahli parti tidak mempunyai pandangan mereka sendiri. Oleh yang demikian, penyokong PAS dan UMNO didapati mempunyai pendirian yang berbeza terhadap isu tertentu tetapi hampir sependapat dalam isu yang lain.

Beberapa isu semasa yang hangat diperkatakan telah ditimbulkan bagi melihat pendirian politik penyokong UMNO dan PAS. Di antara isu tersebut adalah yang berkaitan dengan kegawatan ekonomi, kepimpinan Dr. Mahathir Mohamad dan penerapan nilai-nilai Islam.

JADUAL 4.10 Soalan: Kegawatan ekonomi sekarang adalah disebabkan kelemahan pengurusan ekonomi dalam negara dan bukannya faktor luaran

Penyokong	Setuju (%)	Tidak pasti (%)	Tidak setuju (%)
UMNO	19.8	33.3	46.9
PAS	61.3	28.0	10.7

Pandangan kedua-dua kelompok itu adalah berbeza sebagaimana pendirian parti masing-masing. Seperti yang diketahui, UMNO sebagai parti yang memerintah, menyalahkan pihak luar sebagai punca kegawatan ekonomi yang melanda pada 1997. Sebaliknya PAS pula berpendirian bahawa kegawatan itu berpunca daripada kegagalan kerajaan menguruskan negara dan ekonomi dengan baik, yang terhindar daripada masalah penyelewengan, korupsi dan kronisme (Jadual 4.10).

Salah satu aspek yang menampakkan pertentangan di antara PAS dengan UMNO ialah pelaksanaan undang-undang Islam. Bagi PAS, pelaksanaan undang-undang Islam mestilah berlandaskan al-Quran

dan hadis yang dilaksanakan oleh parti yang tujuan penubuhannya adalah untuk menegakkan sebuah negara yang akan melaksanakan undang-undang tersebut. Bagi menyaingi PAS dalam isu ini, kerajaan memperkenalkan dasar penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran. Sebagaimana kegawatan ekonomi, pendirian penyokong UMNO dan PAS adalah seiring dengan agenda parti masing-masing. Peratus penyokong UMNO yang bersetuju bahawa penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran akhirnya akan membawa kepada pelaksanaan undang-undang Islam adalah sekali ganda daripada penyokong PAS (Jadual 4.11).

JADUAL 4.11 Soalan: Dasar penerapan nilai-nilai Islam akhirnya boleh membawa kepada pelaksanaan undang-undang Islam di negara ini

Penyokong	Setuju (%)	Tidak pasti (%)	Tidak setuju (%)
UMNO	77.9	20.3	1.9
PAS	36.5	16.8	46.7

Walaupun ada perbezaan tentang aspek di atas, tetapi kedua-dua kelompok mempunyai persepsi yang sama tentang dua isu yang berkaitan di antara satu dengan yang lain iaitu isu dunia dan akhirat serta isu murtad.

JADUAL 4.12 Perbandingan persepsi terhadap keperluan dunia dan akhirat di antara penyokong PAS dan UMNO

Parti	n	Min	S.P	dk	t
UMNO	163	14.59	2.20	330	1.197
PAS	169	14.90	2.42		

Keputusan analisis ujian t dalam Jadual 4.12 menunjukkan bahawa kedua-dua kumpulan PAS dan UMNO tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan pada aras kebarangkalian 0.05 tentang sikap mereka terhadap kepercayaan keperluan kehidupan di dunia dan akhirat, dengan ( $t(330)=1.197$ ;  $k > 0.05$ ). Keputusan ini memberikan gambaran bahawa kedua-dua ahli PAS dan UMNO mempunyai kepercayaan yang

tidak berbeza dari sudut pandangan mereka bahawa di samping memenuhi tuntutan kehidupan kekal di akhirat, mereka tidak seharusnya meninggalkan keperluan meningkatkan taraf kehidupan di dunia.

JADUAL 4.13 Perbandingan sikap terhadap isu murtad di antara ahli PAS ahli UMNO

Parti	n	Min	S.P	dk	t
UMNO	163	14.12	1.97	330	.87
PAS	169	14.30	1.78		

Jadual 4.13 pula adalah ringkasan keputusan analisis ujian t yang menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada aras kebarangkalian 0.05 terhadap isu murtad di antara penyokong UMNO dengan penyokong PAS, dengan  $(t(330)=0.087; k > 0.05)$ . Hasil analisis min menunjukkan bahawa kedua-dua kumpulan penyokong PAS dan UMNO menunjukkan sikap yang tidak berbeza terhadap isu murtad, iaitu mereka mempersepsikan isu murtad sebagai sesuatu yang perlu diberi perhatian oleh pihak berkuasa. Secara tidak langsung data di atas menunjukkan bahawa responden, sama ada penyokong UMNO atau PAS, melahirkan rasa tidak puas hati dengan cara kerajaan menangani isu murtad dalam masyarakat Melayu. Dalam konteks ini, kerajaan dianggap tidak cukup tegas bagi mengatasi masalah tersebut. Selain itu, langkah-langkah yang diambil berhubung isu tersebut juga dianggap tidak begitu berkesan. Walaupun ada perbezaan tentang kedua-dua aspek di atas tetapi kedua-dua kelompok itu mempunyai pendirian yang sama tentang kepemimpinan Dr. Mahathir Mohamad.

Berdasarkan Jadual 4.14 dapatlah disimpulkan bahawa penyokong UMNO dan PAS mengakui Dr. Mahathir Mohamad telah membawa

JADUAL 4.14 Soalan: Semenjak Dr. Mahathir Mohamad menjadi perdana menteri, Malaysia telah membangun dengan pesatnya

Penyokong	Ya (%)	Tak pasti (%)	Tidak (%)
UMNO	96.2	1.9	1.8
PAS	90.4	3	6.6

kemajuan di negara ini. Dalam konteks ini, penyokong PAS nampaknya mempunyai pemikiran yang lebih terbuka dan mengakui hakikat sumbangan Dr. Mahathir kepada negara.

## Kesimpulan

Setelah lebih 20 tahun berlalu, 'warna kulit' penyokong UMNO dan PAS telah mengalami perubahan. Berdasarkan data empirikal di Sala, faktor agama dan kedudukan ekonomi tidak lagi menjadi indikator kepada kecenderungan dan sokongan politik orang Melayu di kawasan luar bandar. PAS dan UMNO disokong oleh pelbagai lapisan masyarakat tanpa garis pemisah berdasarkan kedudukan ekonomi mereka. Golongan yang berada dan tidak berada menjadi penyokong kedua-dua parti berkenaan. Kegawatan ekonomi 1997 dan kegawatan politik 1998 berikutan pemecatan Dato' Seri Anwar Ibrahim daripada jawatannya dalam kerajaan dan parti menyebabkan ramai orang Melayu, terutamanya golongan menengah di bandar menyokong PAS atau sekurang-kurangnya bersimpati dengan parti itu. Perkembangan ini menjadikan 'warna kulit' penyokong UMNO dan PAS semakin sukar dibezakan, tidak seperti yang dinyatakan dalam tulisan dan kajian yang dibuat pada 1960-an dan 1970-an.

Bagi penyokong PAS, faktor agama menjadi penyebab mereka menyertai parti, menghayati perjuangannya dan berkorban masa, tenaga dan wang ringgit kerananya tanpa mengharapkan balasan. Bagi UMNO pula, daya tarikannya adalah dari segi kebangsaan dan perjuangan parti yang ingin meningkatkan kedudukan orang Melayu. Walaupun ada perbezaan dari aspek ini, tetapi penyokong UMNO dan PAS adalah setia kepada parti masing-masing. Kesetiaan itu digambarkan oleh pilihan mereka semasa pilihan raya serta pendirian mereka terhadap isu yang sering seiring dengan pendirian parti seperti isu kegawatan ekonomi dan penerapan nilai-nilai Islam.

## Rujukan

- Ahmad Fauzi Mohd. Basri. 1996. *UMNO Kedah 1970-1996: Tiga dekad penuh cabaran*. Dlm. Md. Nor Salleh & Haji Bakri Haji Ali Mahamad (pngr.). *Demi martabat bangsa*. Alor Setar: Badan Perhubungan UMNO Negeri Kedah Darul Aman.
- Buku cenderamata upacara perasmian bangunan PAS Kedah pada 12 Jun 1976.

- Ghazali Mayudin. 1999. Pengundian dan identifikasi parti. Dlm. Ghazali Mayudin (penyt.). *Teori sains politik pilihan: Aplikasinya dalam konteks Malaysia*. Bangi: Jabatan Sains Politik UKM.
- Husin Ali, S. 1975. *Malay peasant society and leadership*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Ismail Yaakop. 1987/1988. Tuan Guru Haji Othman Al-Yunusi: Peranan dan pengaruhnya terhadap masyarakat Islam di negeri Kedah. Latihan Ilmiah Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Bangi: UKM.
- Kessler, C. S. 1974. Muslim identity and political behaviour in Kelantan. Dlm. W. R. Roff. *Kelantan: Religion, society and politics in a Malay state*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- \_\_\_\_\_. 1978. *Islam and politics in a Malay state: Kelantan 1838-1969*. Ithaca: Cornell University Press.
- Mahadzir Mohd. Khir. 1980. The UMNO-PAS contest in Kedah. Dlm. H. Crouch, Lee Kam Hing & M. Ong (penyt.). *Malaysian politics and the 1978 election*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Majlis Daerah Yan. 1996. *Laporan pemeriksaan rancangan struktur Majlis Daerah Yan 1995-2020*.
- Majlis Daerah Yan dengan kerjasama Pejabat Projek Alor Setar, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, Kementerian Perumahan dan Keajaian Tempatan.
- Mohamad Salleh Lamry, 1994. *Konflik politik UMNO dan PAS: Kajian kes di Daerah Besut Terengganu*. Bangi: Terbitan Tak Berkala Dunia Melayu No. 14. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu UKM.
- Nash, M. 1974. *Peasant citizens: Politics, religion, and modernization in Kelantan, Malaysia*. Center for International Studies. Papers in International Studies, Southeast Asian Series No.31, Athen: Ohio University. (Monograph).
- Ridzuan Zainal Abidin. 1998. Kebangkitan Parti Islam Se-Malaysia (PAS) sebagai parti pembangkang di negeri Kedah: Satu kajian kes di Dewan Undangan Negeri (DUN) Belantek. Latihan Ilmiah Jabatan Sains Politik, Bangi: UKM.
- Risalah kronologi peristiwa-peristiwa penting sepanjang 40 tahun PAS sempena perayaan 40 tahun PAS.
- Scott, J. C. 1985. *Weapons of the weak: Everyday forms of peasant resistance*. New Haven and London: Yale University Press.
- Shamsul, A. B. 1986. *From British to bumiputera rule: Local politics and rural development in Peninsular Malaysia*. Singapura: Institute of Southeast Asian Studies.
- Taklimat pembangunan sempena lawatan kerja YAB Datuk Seri Sanusi Bin Junid, Menteri Besar Kedah Darul Aman ke Daerah Yan pada 21 Julai 1996.

## BAB 5

---

# SPR dan Pengurusan Pilihan Raya di Malaysia

Maizatul Haizan Mahbob

### Pengenalan

Bab ini membincangkan pengurusan pilihan raya di Malaysia berdasarkan tiga subtopik utama, iaitu pertama, tatacara pengurusan pilihan raya yang dijalankan oleh SPR, kedua, pandangan orang ramai dan parti-parti politik terhadap SPR dan ketiga, langkah SPR memperkemaskan sistem pengurusan pilihan raya. Tatacara pengurusan pilihan raya akan dilihat dari segi tatacara sedia ada yang diguna pakai oleh SPR. Tatacara yang sekian lama digunakan ini bagaimanapun telah menimbulkan persoalan tentang keberkesanan dan kekecualian orang ramai ke atas badan ini. Pandangan orang ramai dan parti-parti politik ke atas persoalan ini dibincangkan dalam subtopik kedua bab ini. Kritikan dan pandangan tersebut telah menyebabkan SPR meminda beberapa tatacara pengurusan pilihan raya yang sedia ada bagi memperkemaskan sistem tersebut, dan ini dibincangkan dalam subtopik ketiga. Ketiga-tiga perbincangan ini akan dikaitkan dengan fungsi utama SPR iaitu menjalankan pendaftaran pemilih, menjalankan pilihan raya serta mewujudkan dan mempersempadankan bahagian pilihan raya.

### Sistem Pilihan Raya di Malaysia

Umumnya, terdapat dua jenis sistem pilihan raya, iaitu:

1. Sistem *first past the post* (FPTP)
2. Sistem *proportional representation* (PR)

Sistem FPTP dikenali juga sebagai sistem majoriti majmuk. Dalam sistem ini, calon yang mendapat undi terbanyak walaupun dengan

kelebihan satu undi, akan dikira pemenang. Sistem ini diandaikan seperti perlumbaan kuda, iaitu mana-mana kuda yang terlebih dahulu melepasi garisan penamat akan dikira pemenang. Secara umum sistem ini mempunyai dua ciri, pertama, kaedah untuk calon dikira sebagai pemenang, sama ada dengan majoriti mudah atau majoriti mutlak. Ciri kedua ialah kaedah pengundian, iaitu pengundian satu kawasan-satu undi dan pengundian satu kawasan-banyak undi. Penentuan calon sebagai pemenang melalui kaedah majoriti mudah ialah apabila seseorang itu mendapat undi terbanyak walaupun tidak melebihi 50 peratus. Bagi kaedah majoriti mutlak, calon itu akan dikira menang apabila mendapat undi  $50 \text{ peratus} + 1$ . Kaedah pengundian satu kawasan-satu undi pula ialah seseorang pengundi atau pemilih itu hanya boleh membuang undi sekali sahaja, iaitu di kawasan yang didaftarkan dalam daftar pemilih. Seterusnya, bagi kaedah pengundian satu kawasan-banyak undi, pengundi boleh membuang undi beberapa kali di kawasan yang didaftarkan. Kaedah majoriti mudah biasanya dilaksanakan secara satu kawasan-satu undi, manakala kaedah majoriti mutlak dilaksanakan secara satu kawasan-banyak undi.

Sistem kedua, iaitu sistem PR adalah bertentangan dengan sistem FPTP. Sistem FPTP hanya memberi peluang kepada calon yang mendapat undi terbanyak memenangi kerusi parlimen, manakala sistem PR pula memberi peluang kepada setiap parti yang bertanding memenangi kerusi parlimen, bergantung kepada peratusan undi yang diperolehi parti masing-masing. Sekiranya parti utama memenangi 40 peratus undi, maka parti tersebut juga akan mendapat 40 peratus kerusi parlimen. Begitu juga sekiranya parti kecil memperoleh 10 peratus undi, maka 10 peratus kerusi akan diperuntukkan kepada parti tersebut (Reeve & Ware 1992).

Walau bagaimanapun, Malaysia mengamalkan sistem FPTP dengan kaedah majoriti mudah dan dilaksanakan secara satu kawasan-satu undi. Sistem ini digunakan di negara ini sejak pilihan raya umum yang pertama, iaitu pada 1955. Sistem ini nyata sesuai digunakan terutama dalam keadaan negara yang baru merdeka, dan pada ketika itu 65 peratus penduduknya buta huruf. Sistem ini mampu membentuk kerajaan yang stabil. Sistem PR dianggap tidak sesuai kerana akan berakhir dengan penubuhan kerajaan campuran. Kerajaan campuran dikatakan akan membantutkan kelicinan pentadbiran negara lebih-lebih lagi apabila terdapat fahaman dan keinginan yang berbeza di kalangan parti politik.

Justeru, pemilihan sistem FPTP dirasakan tepat oleh pemerintah dalam keadaan demografi Malaysia yang bersifat heterogenous. Sungguhpun perpaduan gabungan parti politik dalam BN agak kukuh, namun tidak pernah ada cadangan oleh kerajaan untuk mengubah sistem yang sedia ada kepada sistem PR. Lebih-lebih lagi dalam keadaan sekarang, iaitu majoriti undi yang diperoleh oleh parti kerajaan (BN) semakin merosot dalam kebanyakan kawasan pilihan raya negeri dan parlimen. Justeru itu, jika sistem PR dijalankan, mungkin sukar untuk parti ini mengekalkan kemenangan dua per tiga kerusi parlimen. Kemenangan satu per tiga adalah penting bagi parti ini supaya dapat menguatkan pengaruh dan mengekalkan kedudukannya. Dengan itu, penggunaan sistem FPTP adalah salah satu daripada faktor penting bagi parti ini terus menang dan mengekalkan kedudukannya.

### SPR dan Tatacara Pengurusan Pilihan Raya

Fungsi pilihan raya sudah tentulah untuk memilih individu yang akan membuat dasar politik. Fungsi ini diletakkan pada sebuah badan bebas yang seharusnya bersifat berkecuali dan tidak melaksanakan fungsinya untuk menentukan siapa yang akan menang dan siapa pula yang akan tewas dalam pilihan raya. Badan bebas yang mengendalikan jentera serta menjalankan fungsi pilihan raya ini biasanya dikenali sebagai Suruhanjaya Pilihan Raya.

Jentera pilihan raya di Malaysia dikenali sebagai Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR). Badan ini ditubuhkan pada 1957 oleh perlembagaan di bawah Perkara 114. Badan ini pada dasarnya menjalankan pilihan raya yang bebas dan adil di negara ini. Dari segi strukturnya, SPR Malaysia diletakkan di bawah badan eksekutif, iaitu Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan beribu pejabat di Wilayah Persekutuan Putrajaya. SPR adalah satu-satunya jentera pilihan raya yang menguruskan hal ehwal pilihan raya di Malaysia.

Perlembagaan Persekutuan menggariskan tiga fungsi penting SPR seperti berikut:

1. Menjalankan pendaftaran pemilih.
2. Menjalankan pilihan raya sama ada pilihan raya umum atau pilihan raya kecil.
3. Mewujudkan dan mempersempadankan bahagian pilihan raya.

Untuk menjalankan ketiga-tiga fungsi utama di atas, SPR telah menubuhkan urusetia yang diketuai oleh seorang setiausaha yang bertindak sebagai ketua eksekutif dan ketua pentadbir badan ini. Beliau dibantu oleh sekumpulan pegawai yang kesemuanya adalah kakitangan awam. Beberapa bahagian ditubuhkan di bawah Urusetia Suruhanjaya Pilihan Raya. Antaranya ialah Bahagian Pengurusan, Bahagian Operasi dan Bahagian Teknologi Maklumat. Urusetia SPR turut menubuhkan cawangan yang dikenali sebagai Pejabat Pilihan Raya Negeri di semua negeri melainkan Perlis (diletakkan di bawah Pejabat Suruhanjaya Negeri Kedah) dan Wilayah Persekutuan Labuan (ditempatkan di bawah pentadbiran Pejabat Pilihan Raya Negeri Sabah) (Abd. Rashid 1994: 4-5).

Tatacara pengurusan pilihan raya akan dibincangkan mengikut tiga fungsi SPR seperti yang dinyatakan, iaitu menjalankan pendaftaran pemilih, menjalankan pilihan raya dan mempersempadankan kawasan pilihan raya. Daftar pemilih ialah senarai nama pengundi yang didaftarkan sebagai pemilih dan telah disahkan oleh SPR. Daftar ini akan diterima pakai dalam sebarang pilihan raya atau bagi sebarang tugas SPR seperti penyemakan pendaftaran pemilih atau penyusunan semula daerah mengundi, lokaliti dan sebagainya. Dalam menjalankan fungsi ini, terdapat beberapa tatacara yang harus diikuti oleh badan ini.

Pertama, SPR perlu menjalankan pendaftaran pemilih dengan menggunakan peraturan (daftar) asas yang dibuat di bawah Akta Pilihan Raya 1958 dan Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 1971, Perlembagaan Persekutuan. Kedua, melalui daftar asas inilah maka SPR boleh menjalankan urusan penyemakan dan pendaftaran pemilih. Urusan penyemakan dan pendaftaran ini dibuat secara bermusim iaitu dalam tempoh antara 21-42 hari dalam setahun ([www.spr.gov.my](http://www.spr.gov.my)). Seseorang yang layak mendaftar pada masa tersebut ialah apabila telah mencapai umur 21 tahun, warganegara dan syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh perlembagaan di bawah Perkara 119. Setelah mendaftar, nama orang tersebut akan disahkan dan dimasukkan ke dalam senarai pendaftaran pemilih baru.

Tatacara ketiga, nama individu yang berkenaan kemudiannya akan dipamerkan di kawasan yang telah didaftarkan dalam daftar pemilih. Pameran senarai pemilih tersebut akan dibuat selama 30 hari mengikut peraturan pilihan raya (pendaftaran pemilih) 1971. Pameran dibuat dengan tujuan supaya individu lain atau parti politik di kawasan

berkenaan mengetahui jumlah pemilih baru di kawasan tersebut, nama-nama pemilih berserta tempat tinggalnya.

Seterusnya dalam tatacara keempat, sekiranya terdapat bantahan, misalnya tiada nama pemilih di kawasan tersebut, SPR akan mengemukakannya ke mahkamah pilihan raya untuk membuat penyiasatan. Proses undang-undang ini akan berlangsung selama beberapa bulan dan pendaftaran tidak akan selesai selagi bantahan tidak dapat diselesaikan oleh mahkamah. Kerana itulah proses pendaftaran pemilih mengambil masa yang panjang sehingga lapan bulan atau lebih untuk disahkan. Hal ini sekaligus berbeza dengan apa yang terdapat di New Zealand kerana di negara itu pendaftaran pemilih dikatakan hanya memakan masa satu hari (*Warta KL* 1999).

Selepas tatacara di atas dilaksanakan oleh pihak SPR, maka langkah seterusnya adalah menyusun daftar pemilih tersebut mengikut kod yang digunakan (bagi kawasan parlimen, kawasan negeri, daerah mengundi dan tempat mengundi). Setelah penyusunan daftar pemilih dibuat, tatacara berikutnya adalah memecahkan setiap daerah mengundi mengikut jumlah pengundi (maksimum undi bagi satu tempat mengundi ialah 700 orang). SPR juga akan turut menyediakan senarai pengundi pos bagi tentera, polis, pemilih seberang laut dan lain-lain.

Walau bagaimanapun, sejak sekian lama tatacara ini digunakan, tetapi dalam pilihan raya umum kesepuluh, tatacara pengendalian pendaftaran pemilih mula dipersoalkan oleh banyak pihak. Pihak yang mempersoalkan tatacara ini bukan sahaja datang daripada parti pembangkang malah daripada parti pemerintah sendiri seperti UMNO dan pihak Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM). Persoalan tentang tatacara ini sedikit sebanyak menggugat kredibiliti SPR sehingga keberkesanan badan ini dalam menguruskan hal ehwal pilihan raya mula diragui. Ini adalah satu cabaran baru kepada badan ini dan dengan itu memerlukan satu reformasi bagi mengubah tatacara yang sedia ada supaya semua pengundi baru boleh mengundi sekaligus mengubah pola penyertaan politik di negara ini. Proses pendaftaran pemilih yang memakan masa yang lama perlu diperbaiki selaras dengan perubahan dunia yang memasuki era teknologi maklumat. Isu ini akan dihuraikan dengan lebih lanjut lagi dalam subtopik seterusnya.

Dalam melaksanakan fungsi kedua pula, iaitu menjalankan pilihan raya, terdapat tatacara tertentu bagi beberapa aspek yang terlibat dengan perjalanan pilihan raya. Aspek tersebut ialah pencalonan, kempen pilihan raya, pengundian, pengiraan undi serta pewartaan dan

tindakan selepas pilihan raya. Dengan itu, perjalanan pilihan raya meliputi tempoh sebelum, semasa dan selepas pilihan raya. Perjalanan sebelum pilihan raya merangkumi aspek pencalonan dan kempen pilihan raya. Perjalanan semasa pilihan raya pula merangkumi aspek pengundian. Manakala perjalanan selepas pilihan raya merangkumi aspek pengiraan undi dan pewartaan. Dari segi tatacara bagi fungsi kedua ini, SPR perlu mengisytiharkan tarikh pilihan raya selepas kerajaan membubarkan parlimen. Perisytiharan itu perlu dibuat dalam tempoh 90 hari dari tarikh pembubaran parlimen. Selepas tarikh itu diisytiharkan, maka bermulalah proses pilihan raya yang melibatkan lima aspek seperti yang dinyatakan di atas.

Aspek pertama ialah pencalonan. Dari segi tatacaranya, pencalonan melibatkan tiga perkara, iaitu penamaan calon, bantahan terhadap calon dan perlantikan agen pilihan raya bagi membantu calon yang bertanding. Bagi penamaan calon, tatacara yang ditetapkan oleh SPR mengikut undang-undang pilihan raya 1958 adalah menetapkan tarikh, tempat dan masa penamaan calon; mengeluarkan kertas penamaan calon (borang 4 bagi pilihan raya parlimen dan 4A bagi pilihan raya negeri) dan borang akuan berkanun (borang 5 bagi pilihan raya parlimen dan 5A bagi pilihan raya negeri); menghadkan masa pencalonan dari pukul 9.00 hingga 11.00 pagi; memungut borang pencalonan sebelum pukul 11.00 pagi; dan terakhir menolak pencalonan apabila terdapat kepincangan seperti menyerahkan borang selepas pukul 11.00 pagi.

Perkara kedua bagi aspek pencalonan ialah bantahan terhadap calon. Tatacara yang digariskan oleh SPR adalah menetapkan tempoh bantahan antara pukul 11.00 pagi hingga 12.30 tengah hari; memproses dan memutuskan bantahan; mengisytihar dan menghebahkan keputusan penamaan calon; dan terakhir, membatalkan notis pengundian apabila calon hilang kelayakan menjadi ahli dewan rakyat dan dewan undangan negeri.

Perkara ketiga bagi aspek pencalonan ialah perlantikan agen pilihan raya. Tatacara di bawah perkara ini ialah SPR akan mengemukakan syarat kelayakan perlantikan dan syarat perlantikan; menggariskan kuasa dan tugas agen pilihan raya; menggariskan tugas agen tempat mengundi; dan menggariskan tugas agen mengira undi.

Seterusnya bagi aspek kedua, iaitu kempen pilihan raya, tatacaranya merangkumi enam perkara yang meliputi apa yang perlu dipatuhi dan diharamkan semasa kempen pilihan raya dijalankan. Tatacara yang

digariskan oleh SPR dalam konteks kempen pilihan raya adalah menghadkan tempoh berkempen (tempoh berkempen berbeza antara satu pilihan raya dengan pilihan raya yang lain, biasanya tidak kurang tujuh hari); menggariskan bentuk dan cara kempen yang dibenarkan dalam pilihan raya; mewujudkan had tertentu bagi kebebasan berucap dalam perjumpaan politik atau sebarang bentuk perkumpulan; serta mewajibkan permit atau lesen dalam berkempen (Akta Polis 1967). Perkara yang diharamkan pula merangkumi melarang apa jua bentuk kempen semasa waktu pengundian serta menegah perkara seperti menjamu, mengugut dan merasuah pengundi semasa berkempen.

Seterusnya bagi aspek pengundian (iaitu semasa hari mengundi), tataranya terbahagi kepada empat perkara, iaitu penyediaan tempat mengundi; waktu pengundian; pengundian pos dan pengundian bergerak. Dalam konteks penyediaan tempat mengundi, SPR perlulah menentukan bilangan (700 pengundi) dan susunan pemilih bagi setiap tempat mengundi; menentukan had kawasan tempat mengundi; mengenakan syarat bagi membolehkan pondok calon dibina di tempat mengundi; serta melantik kerani penyemak atau pemandu bagi membantu pemilih menentukan tempat yang betul (sekiranya pusat pengundian mempunyai lebih daripada satu tempat mengundi).

Perkara kedua, iaitu semasa waktu pengundian, tatacara yang dikenakan oleh SPR adalah menentukan tempoh masa pengundian (7.30 pagi hingga 5.00 petang di Sabah dan Sarawak, dan 8.00 pagi hingga 5.30 petang di Semenanjung; memastikan ketua tempat mengundi dan kerani pengundian bersedia di tempat mengundi sebelum jam 8.00 pagi, menentukan orang yang boleh mengundi dalam pilihan raya (namanya perlu ada dalam daftar pemilih); memberi kuasa kepada ketua tempat mengundi untuk tidak membenarkan orang yang tidak layak mengundi (memiliki kad pengenalan merah/hijau, dll); menyediakan kertas undi; memberi pertimbangan sama ada sesuatu kertas undi diterima atau ditolak; menentukan (setelah berunding dengan agen pilihan raya) sama ada undi yang meragukan diterima atau ditolak; menentukan tugas kerani pengundian dan memastikan pengundi beratur di luar pintu bilik tempat mengundi.

Perkara ketiga adalah berkenaan pengundian pos. Tatacara bagi pengundian pos ialah SPR menentukan cara undi pos diselenggarakan; menjalankan seperti yang diperuntukkan oleh undang-undang mengenai siapa yang dibenarkan mengundi secara pos; menetapkan pengiraan undi pos dijalankan (3.00 hingga 7.00 petang); serta menjalankan

seperti yang diperuntukkan oleh undang-undang mengenai proses dan tatacara pengiraan undi pos.

Perkara keempat, iaitu bagi pengundian bergerak, tatacara yang ditetapkan adalah menyediakan pasukan pengundian bergerak di kawasan pedalaman yang sukar dihubungi melalui jalan raya; serta menetapkan bagaimana pengundian secara bergerak dijalankan.

Pengiraan undi, iaitu aspek keempat dalam fungsi menjalankan pilihan raya, meliputi pengiraan semula undi; pengiraan undi yang ditangguhkan dan penjumlahan undi. Dalam melaksanakan tugas ini, SPR melaksanakan tatacara berikut, iaitu membuat pengiraan undi seberapa segera yang praktik (undi dikira di tempat mengundi atau pengiraan dibuat secara kelompok); menentukan peranan agen calon (agen pilihan raya) dalam proses pengiraan undi dan menetapkan tatacara pengiraan undi.

Dari segi pengiraan semula atau ulang kira undi, SPR menetapkan syarat dan prosedur tertentu. Seterusnya dari segi pengiraan undi yang ditangguhkan, SPR mengenakan syarat bagaimana sesuatu pengiraan undi boleh ditangguhkan atau diberhentikan, dan kemudian menetapkan tatacara seterusnya setelah pengiraan tertangguh. Sementara itu, bagi penjumlahan undi, antara tanggungjawab SPR adalah menetapkan tatacara bagaimana penjumlahan undi perlu dilakukan, menetapkan orang yang layak hadir ke tempat mengundi, menentukan keputusan pilihan raya dan bila keputusan itu diisytiharkan, serta menetapkan cara menentukan pemenang apabila jumlah undi yang diterima oleh dua calon adalah sama banyak.

Aspek terakhir dalam fungsi menjalankan pilihan raya ialah pewartaan dan tindakan selepas pilihan raya. Pewartaan akan mengambil tempat setelah penjumlahan undi dibuat, dan pemenangnya diketahui. Pegawai pengurus akan mengisi writ pilihan raya dengan keputusan berkenaan untuk diserahkan kepada pegawai pilihan raya. Dalam konteks pewartaan, tatacara yang ditetapkan oleh SPR adalah mewartakan keputusan pilihan raya kira-kira sebulan selepas pilihan raya, mewajibkan seseorang calon atau agen pilihan raya menyediakan dan mengemukakan penyata perbelanjaan pilihan raya; mengambil tindakan undang-undang ke atas calon yang berbelanja untuk pilihan raya melebihi had yang dibenarkan dan kegagalan mengemukakan penyata perbelanjaan di bawah Seksyen 19 Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954; mengeluarkan laporan pilihan raya umum; menghapuskan kertas undi selepas tempoh enam bulan kecuali jika ada petisyen

pilihan raya yang belum diselesaikan oleh mahkamah dan akhir sekali memulangkan deposit pilihan raya kepada calon yang bertanding kecuali jika calon gagal mendapat lebih daripada satu per lapan daripada jumlah undi.

Fungsi kedua SPR, iaitu menjalankan pilihan raya kelihatan memperlihatkan begitu banyak tatacara kerana melibatkan banyak aspek yang bermula dengan pencalonan hinggalah kepadaewartakan keputusan pilihan raya. Walaupun perhatian orang ramai ke atas isu perjalanan pilihan raya agak kurang berbanding isu pendaftaran pemilih namun terdapat beberapa aspek dalam isu ini yang masih memerlukan pembaharuan. Cabaran paling nyata yang dihadapi oleh SPR berhubung isu ini adalah dari aspek kempen pilihan raya dan aspek pengundian. Dari segi kempen pilihan raya, isu yang mendapat *rating* tertinggi dalam pilihan raya umum kesepuluh ialah isu agama. Agama menjadi isu paling panas kerana isu ini dianggap paling berkesan untuk memancing undi. Keberkesanan dan pengecualian SPR dalam menangani aspek ini akan dibincangkan dalam subtopik berikutnya.

Akhir sekali, bagi fungsi ketiga SPR, iaitu mempersempadankan kawasan pilihan raya, juga akan diketengahkan tatacara badan ini dalam menjalankan fungsi tersebut. Persempadanan semula kawasan pilihan raya biasanya dibuat lapan tahun sekali dan siap dalam tempoh dua tahun. Ini bermakna persempadanan semula kawasan pilihan raya akan dilakukan selepas lapan tahun. Persempadanan dibuat berdasarkan dua aspek, iaitu mengikut bilangan penduduk atau pemilih dan saiz kawasan.

Laporan persempadanan akan dibentang dan dibahaskan di Dewan Rakyat. Persempadanan terakhir dibuat pada 2003. Hasil daripada persempadanan semula tersebut, kerusi Dewan Rakyat telah bertambah daripada 192 kepada 219, manakala jumlah kerusi Dewan Undangan Negeri pula telah bertambah daripada 498 kepada 567 (Laporan SPR 2003).

Dalam menjalankan fungsi ketiga ini, beberapa tatacara telah ditetapkan oleh undang-undang. Terdapat lapan tahap yang perlu diikuti oleh SPR ketika menjalankan persempadanan kawasan pilihan raya. Pertama, pihak SPR perlu menyediakan laporan awal tentang persempadanan. Laporan tersebut kemudiannya akan diserahkan kepada Yang Dipertua Dewan Rakyat dan perdana menteri. Tahap kedua, laporan tentang persempadanan berkenaan akan disiarkan sebagai notis awam dalam akhbar tempatan. Seterusnya, pada tahap ketiga,

SPR mempamerkan cadangan persempadanan di tempat awam di seluruh negara selama sebulan untuk semakan dan bantahan orang ramai. Setelah pameran dibuat dan didapati terdapat bantahan mengenai cadangan persempadanan tersebut, maka pihak SPR akan memproses bantahan daripada orang ramai dengan menjalankan penyiasatan. Tindakan penyiasatan ini berada pada tahap keempat. Pada tahap kelima, SPR membuat pengubahsuaian kepada cadangan persempadanan berdasarkan keputusan yang dibuat semasa penyiasatan. Seterusnya pada tahap keenam, SPR mengadakan pameran kedua selama sebulan untuk semakan dan bantahan orang ramai. Walau bagaimanapun, pameran ini terhad di bahagian yang mengalami perubahan sahaja. Sekiranya terdapat bantahan, maka SPR memproses bantahan tersebut sekali lagi, dan tindakan ini sudah pun berada pada tahap ketujuh. Akhir sekali pada tahap kelapan, laporan akhir persempadanan yang lengkap akan dibawa ke Dewan Rakyat untuk dibentangkan dan dibahaskan.

Seperti pelaksanaan dua fungsi SPR yang lain, fungsi ketiga ini turut menerima kecaman daripada pihak tertentu, khususnya parti pembangkang. SPR dituduh tidak menjalankan fungsinya dengan berkesan dan berkecuali memandangkan persempadanan kawasan pilihan raya banyak menguntungkan parti pemerintah. Ini ditambah pula dengan isu *gerrymandering* yang sekaligus menjejaskan peluang parti pembangkang untuk bersaing dengan parti pemerintah. Sungguhpun isu *gerrymandering* bukannya satu isu baru tetapi kesedaran masyarakat terhadap politik yang agak tinggi dalam era ICT telah mewujudkan satu cabaran baru kepada institusi politik dan kerajaan di negara ini termasuk SPR. Hal ini akan dibincangkan dalam subtopik berikutnya.

## Pandangan Orang Ramai dan Parti Politik Terhadap SPR

Desakan ke arah perubahan oleh pihak tertentu ke atas tatacara pengendalian pilihan raya khususnya pada alaf baru ini, telah menjadi satu cabaran baru kepada SPR untuk meneliti semula fungsinya agar kredibilitinya sebagai sebuah badan bebas tidak dicemari oleh tohmahan yang berpanjangan. Hasil daripada rungutan dan bantahan orang ramai, baik orang perseorangan, parti politik, badan kerajaan mahupun NGO, maka SPR telah mengambil langkah dengan merombak semula

tatacara tertentu berhubung pengurusan pilihan raya di negara ini sesuai dengan perubahan semasa. Perubahan tatacara ini bersama-sama dengan persoalan isu keberkesanan dan kekecualian SPR akan dibincangkan kemudian.

Sesuai dengan penubuhan badan ini sebagai sebuah suruhanjaya, maka badan ini dianggap bebas dan berkecuali. Kerana ingin mengekalkan sifatnya yang bebas, maka ahli suruhanjaya tidak dilantik oleh badan eksekutif. Bayaran gaji dan elaun juga tidak dibuat oleh pihak kerajaan. Ahli suruhanjaya dilantik oleh Yang di Pertuan Agong selepas berunding dengan Majlis Raja-raja untuk menentukan bahawa suruhanjaya ini bebas daripada campur tangan kerajaan. Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa seseorang ahli suruhanjaya tidak boleh dipecat daripada jawatannya melainkan atas alasan dan cara yang sama seperti seorang hakim. Ahli suruhanjaya juga boleh memegang jawatan sehingga umur 65 tahun (Tun Mohamed Suffian 1984: 120). Ahli-ahli Suruhanjaya Pilihan Raya terdiri daripada seorang pengerusi, seorang timbalan pengerusi dan tiga orang ahli yang lain.

Subtopik ini akan membincangkan sejauh mana badan ini berkesan dan bebas dalam menjalankan tanggungjawabnya. Sungguhpun dari segi perlantikan dan saraan, ahli suruhanjaya ini dikatakan bebas daripada pengaruh eksekutif namun ini dilihat oleh beberapa sarjana masih tidak cukup untuk mewujudkan sifat berkecuali badan ini. Lim Hong Hai (2003) dan Norani Othman (2003) melihat perlantikan ahli suruhanjaya sebagai tidak bebas dan berpihak kerana ahli dan kakitangannya merupakan penjawat awam di jabatan kerajaan atau dipinjamkan dari jabatan tertentu. Dengan itu, matlamat yang diperjuangkan oleh organisasi dan kakitangannya adalah berbeza. Matlamat SPR adalah cuba mengelakkan bayangan kerajaan supaya sifatnya menjadi lebih berkecuali, manakala matlamat kakitangannya pula adalah untuk meningkatkan kerjaya, lantaran itu berkhidmat dengan setia kepada kerajaan. Apabila badan ini didukung oleh individu yang masih mempunyai pertalian erat dengan birokrasi awam, maka fungsinya juga akan condong kepada parti yang memerintah. Apabila perkara asas, iaitu manusia yang mengendalikan organisasi ini dilihat condong kepada kerajaan maka persoalannya, adakah fungsi yang dijalankan oleh badan ini juga condong kepada parti yang memerintah. Fungsi SPR ini akan dibincangkan satu per satu bagi melihat sejauh mana pilihan raya diurus dengan berkesan dan bebas oleh badan ini.

Isu pendaftaran pemilih begitu hangat dibincangkan dalam pilihan raya umum 1999 kerana lebih sejuta pemilih baru yang mendaftar tidak dapat mengundi dalam pilihan raya tersebut (*Warta KL* November 1999). DAP pula mendakwa SPR sengaja melambatkan pengesahan daftar pemilih baru (1999) dengan memberi alasan bahawa SPR menghalang pemilih yang mendaftar antara 2 April hingga 13 Mei 1999 yang lalu, daripada mengundi jika pilihan raya diadakan tahun tersebut (*Berita Harian* November 1999). SPR telah disaman kerana tidak mendaftarkan nama pemilih baru tersebut (*Berita Harian* November 1999). SPR turut disaman kerana gagal membersihkan nama pengundi yang didakwa memiliki kad pengenalan palsu (*Berita Harian* November 1999). Dalam hal ini, SPR mendapat banyak kritikan dan badan bebas ini dituduh tidak berkesan dan tidak berkecuali dalam menjalankan fungsinya. Sejauh manakah pernyataan ini benar?

Berdasarkan tatacara bagi pendaftaran pemilih seperti yang dibincangkan sebelum ini, tempoh bagi seseorang pemilih baru untuk didaftarkan sebagai pemilih mengambil masa di antara lima hingga sembilan bulan. Tempoh memproses pemilih baru ini mengambil masa yang tidak tetap kerana proses tersebut bergantung kepada bantahan yang diterima oleh SPR setelah daftar pemilih baru dipamerkan dan juga bergantung kepada tempoh penyiasatan yang dibuat oleh mahkamah apabila terdapat bantahan. Kaedah pendaftaran pemilih yang diguna pakai oleh negara ini sejak pilihan raya pertama pada 1955 hingga 1999 ialah kaedah daftar asas atau pendaftaran secara bermusim. Kaedah ini menetapkan pendaftaran dalam tempoh tertentu, biasanya di antara 21 hingga 42 hari setahun (Jadual 5.1).

Misalnya, pendaftaran pemilih baru dalam pilihan raya lepas (1999) mengambil masa lapan bulan sehingga menyebabkan lebih sejuta pemilih baru tidak dapat mengundi. Ini kerana berlaku banyak bantahan sehingga di sesetengah kawasan, SPR menerima lebih 2,000 bantahan (Temu bual Pengerusi SPR 2001). Kesannya, daftar pemilih baru tidak sempat dibersihkan sebelum pilihan raya akan datang bermula. Kelemahan ini dilihat oleh orang ramai sebagai SPR tidak cekap sungguhpun berada pada zaman teknologi maklumat. Melalui kajian secara tinjauan yang dilakukan oleh penulis mengenai keberkesanan SPR dalam konteks pendaftaran pemilih, 59 peratus daripada responden memberi pandangan yang rendah dari segi keberkesanan, manakala hanya 8.5 peratus memberi pandangan yang tinggi berkenaan isu ini. Selebihnya, iaitu 32.5 peratus memberi

JADUAL 5.1 Tempoh memproses dan mengesahkan daftar pemilih

Tahun/Tempoh Pendaftaran	Jumlah Borang Diterima	Tempoh Memproses
1990 (27 hari)	595,447	5 bulan
1991 (42 hari)	314,603	5 bulan
1992 (42 hari)	332,473	5 bulan
1993 (42 hari)	829,519	8 bulan
1994 (21 hari)	707,442	6 bulan
1995 (30 hari)	174,930	7 bulan
1996 (30 hari)	283,853	7 bulan
1997 (32 hari)	373,778	7 bulan
1998 (30 hari)	676,011	9 bulan
1999 (42 hari)	1,148,511	8 bulan
Dis 2001		
(sepanjang tahun)	8,347,107	3 bulan

Sumber.: Diadaptasi daripada *Berita Harian* 9 November 1999 & Laporan SPR, 2003.

pandangan yang sederhana terhadap keberkesanan SPR melaksanakan fungsinya dalam konteks pendaftaran pemilih.

Kaedah daftar asas mempunyai beberapa kelemahan, iaitu proses pendaftaran memakan masa yang lama (sehingga sembilan bulan) dan pendaftaran pemilih dilakukan dalam tempoh yang singkat akibat sistem bermusim tersebut (21-42 hari) (diadakan dari bulan April hingga Mei 1999). Ini bermakna menjelang pilihan raya, ramai pemilih baru tidak dapat disahkan pendaftarannya, dan apabila ini terjadi, mereka tidak boleh mengundi. Kerana itu SPR terpaksa menggunakan daftar pemilih terakhir 1998 yang disahkan pada 7 Januari 1999 kerana daftar pemilih pada 1999 hanya dapat disahkan pada Januari 2000, iaitu selepas pilihan raya dijalankan (29 November 1999).

Kelemahan pendaftaran pemilih di negara ini juga hebat diperkatakan akibat berlakunya fenomena pengundi hantu dalam pilihan raya umum dan kecil yang lepas. Isu ini menjadi lebih hangat apabila pilihan raya kecil di Likas, Sabah dibatalkan oleh mahkamah akibat kewujudan pengundi hantu. Adakah hal ini juga dapat dikaitkan dengan kelemahan dan ketidakkecualian SPR? Sejauh manakah pernyataan ini benar?

Isu pengundi hantu sebenarnya mempunyai kaitan dengan sistem pendaftaran pemilih, undang-undang pendaftaran negara, Jabatan

Pendaftaran Negara, pihak polis dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Dalam konteks Malaysia terdapat empat jenis pengundi hantu. Dua daripadanya dianggap sebagai pengundi hantu yang sah, manakala dua lagi dianggap sebagai pengundi hantu yang tidak sah (Temu bual Pengerusi SPR 2001).

Pengundi hantu yang tidak sah ialah pengundi yang menjalankan kaedah penipuan bagi membolehkan mereka mengundi dalam pilihan raya. Pengundi hantu yang tidak sah ini ialah pertama, pengundi yang bukan warga negara dan menggunakan kad pengenalan palsu. Kad pengenalan palsu ini ialah seperti menggunakan kad pengenalan orang yang telah mati atau memperolehnya di pasaran gelap.

Pengundi hantu tidak sah yang kedua ialah pengundi yang menggunakan kad pengenalan orang yang mati untuk membuang undi lebih daripada sekali. Ini berlaku apabila nama pengundi yang mati tidak dibuang daripada senarai pemilih. Kelemahan ini dikatakan berpunca daripada pihak polis yang menyimpan salinan sijil kematian terlalu lama dan tidak dilaporkan terus kepada JPN. Apabila JPN tidak mendapat maklumat tersebut, maka nama orang yang mati itu akan terus tersenarai sebagai orang yang masih hidup. SPR pula akan terus menggunakan senarai tersebut selagi nama orang yang mati tidak dibatalkan oleh JPN. Hal inilah menyebabkan berlakunya masalah pengundi terapung dan senarai daftar pemilih yang tidak kemas kini.

Pengundi hantu yang sah pula ialah pengundi hantu yang bukan menggunakan kaedah penipuan untuk mengundi dalam pilihan raya. Mereka merupakan warga negara dan memiliki syarat-syarat yang melayakkan mereka untuk mengundi. Pengundi hantu yang sah ini juga terbahagi kepada dua. Pertama ialah pengundi hantu yang telah mendaftar tetapi tidak lagi tinggal di kawasan atau di alamat tempat dia mendaftar tersebut. Misalnya, individu itu menyewa rumah dan selepas mendaftar sebagai pemilih, dia berpindah ke tempat lain. Justeru kerana telah lama berpindah, penduduk di kawasan berkenaan tidak lagi mengenali individu berkenaan. Bagi parti politik, mereka menganggap hal ini sebagai pengundi hantu.

Kelemahan ini pula dikatakan berpunca daripada peraturan pendaftaran negara yang tidak dikuatkuasakan oleh kerajaan. Justeru itu, orang ramai tidak peduli untuk menukar alamat apabila mereka berpindah. Selagi peraturan ini tidak dikuatkuasakan, maka selagi itulah fenomena pengundi hantu yang didakwa oleh parti-parti politik wujud di negara ini.

Seterusnya, pengundi hantu sah yang kedua ialah pengundi hantu yang dicipta sendiri oleh parti-parti politik. Mereka merupakan orang yang menukar pendaftaran individu tertentu atas sebab tertentu tanpa pengetahuan SPR. Salah satu sistem pendaftaran yang dibenarkan oleh SPR pada masa dahulu ialah sistem pendaftaran berlonggok. Tujuannya adalah untuk menggalakkan orang ramai supaya mendaftar sebagai pemilih dan memudahkan urusan pertukaran alamat dibuat. Justeru itu, tugas ini diberi kepada parti politik untuk melaksanakannya. Walau bagaimanapun, kemudahan ini telah disalah guna oleh parti politik. Ada yang berpakat dengan kerani yang dilantik oleh SPR dengan mengambil borang pertukaran alamat secara berlonggok dan mengeluarkan nama pemilih yang memohon untuk bertukar alamat. Pertukaran alamat bukan dibuat berdasarkan alamat baru pemilih tersebut tetapi ditukarkan ke kawasan lain yang tidak diketahui oleh pemilih berkenaan. Justeru, apabila mereka pergi mengundi, nama mereka sudah tiada lagi di situ. Ini pernah berlaku misalnya, seseorang yang mendaftar di Kelantan, tetapi tidak dapat mengundi di situ kerana namanya berada di Kedah. Hal ini berlaku disebabkan adanya agenda tertentu oleh parti politik yang berkenaan (Temu bual Pengerusi SPR 2001).

Kelemahan ini mempunyai kaitan dengan sistem pendaftaran pemilih SPR. Sistem pendaftaran berlonggok yang dibenarkan oleh SPR bukan sahaja memberi kebaikan dengan menggalakkan orang ramai menjalankan pendaftaran pemilih tetapi turut mengundang kelemahan. Hasilnya ialah penyalahgunaan kuasa demi kepentingan parti masing-masing.

Fenomena pengundi hantu juga berlaku apabila pendaftaran dibuat secara beramai-ramai dengan menggunakan satu alamat. Rumah-rumah di kawasan luar bandar dan kawasan setinggan biasanya tidak mempunyai alamat. Justeru itu, penduduk menggunakan alamat yang sama apabila mendaftar. Ini dilihat oleh parti-parti politik sebagai pengundi hantu kerana tidak mungkin penghuni yang pelbagai bangsa tinggal di dalam satu rumah atau satu alamat. Maka, perkara ini dianggap penipuan oleh mereka. Walau bagaimanapun pada hakikatnya, ini bukan penipuan kerana pemilih tersebut berada di rumah masing-masing dan bukannya tinggal berlonggok di dalam satu rumah. Kelemahan ini dikaitkan dengan sistem perumahan yang tidak tersusun yang terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Dalam konteks menjalankan pilihan raya pula, bermula daripada proses pencalonan hinggalah kepada kemenangan calon diisytiharkan, masih juga menjadi isu di kalangan orang ramai. Persoalannya, sejauh manakah SPR berkesan dan berkecuali dalam menjalankan tugas ini? Melalui kajian yang dilakukan oleh penulis, majoriti daripada responden (41 peratus) berpendapat keberkesanan SPR dari segi menjalankan pilihan raya berada pada tahap sederhana. 28.18 peratus lagi berpendapat keberkesanan SPR berada pada tahap yang tinggi, manakala selebihnya (30.82 peratus) berpendapat keberkesanan SPR berada pada tahap yang rendah.

Dari segi pencalonan, lebih separuh daripada responden (52.3 peratus) memberi pandangan yang tinggi terhadap keberkesanan tugas SPR ini. Begitu juga dengan keberkesanan dalam penyediaan tempat mengundi, hampir separuh daripada responden (48.8 peratus) memberi pandangan yang tinggi ke atas tugas tersebut. Walau bagaimanapun, keberkesanan pelaksanaan fungsi SPR dari aspek kempen pilihan raya dan aspek pengundian berada pada tahap yang rendah. Ini dapat dilihat daripada peratusannya dengan masing-masing mencatatkan 50 peratus dan 55.2 peratus berbanding hanya 15.5 peratus dan 8.0 peratus responden yang memberi pandangan yang tinggi. Justeru, aspek kempen pilihan raya dan pengundian akan diberi tumpuan di sini memandangkan majoriti responden melihat fungsi SPR ini sebagai kurang berkesan atau berada pada tahap keberkesanan yang rendah.

Aspek pengundian mempunyai kaitan secara langsung dengan kempen pilihan raya kerana kempen diandaikan mampu mempengaruhi pengundi untuk membuang undi semasa pengundian dijalankan. Perkara yang menjadi isu di sini adalah dari segi pemantauan yang rendah oleh pihak SPR ke atas perbuatan membeli undi dan mengugut pengundi oleh parti-parti politik. Parti Barisan Nasional (BN) misalnya sering dikaitkan dengan perbuatan membeli undi atau merasuah, manakala pembangkang seperti PAS misalnya dikaitkan dengan perbuatan mengugut pengundi.

Perbuatan merasuah ini didefinisikan oleh SPR sebagai penyogokan secara langsung atau tidak langsung bahan tertentu seperti wang, alat berharga, kedudukan dan sebagainya, dan niat untuk memberi rasuah itu hendaklah dibuktikan (Abd. Rashid 1994: 61). Manakala mengugut pula sebagaimana yang dilarang oleh Akta Kesalahan Pilihan Raya ialah:

1. Menggunakan kekerasan, halangan dan paksaan.
2. Menggunakan bencana, kerosakan, kecacatan, kerosakan atau kerugian keduniaan atau kerohanian.

Dalam kes ugutan untuk mengenakan bencana berbentuk kerohanian, adalah menjadi kesalahan jika seseorang menyatakan atau mengugut bahawa jika ada orang tidak mengundi baginya atau calonnya, dia akan memutuskan hubungan orang itu dengan Tuhannya (jadi kafir) dan dia akan ke neraka atau rumahnya akan terbakar. Sebaliknya adalah tidak menjadi kesalahan jika ugutan itu hanya sekadar menyebut bahawa jika orang itu tidak mengundi calon atau partinya, maka orang itu akan berdosa.

Rasuah dan ugutan seperti ini berlaku dalam pilihan raya yang lepas (1999) dan sering kedengaran dalam kempen-kempen pilihan raya. Misalnya PAS menggunakan agama sebagai senjata untuk memikat pengundi dalam kempen mereka. Rata-rata mengetahui bagaimana mereka menyebut "seseorang akan mati syahid jika mengundi PAS dan sesiapa yang mengundi UMNO mati dalam keadaan kafir" (*Berita Harian* 14 Disember 1999). Kempen sebegini boleh menimbulkan provokasi di kalangan orang lain dan hal ini tidak dipantau oleh SPR. Maka inilah yang dilihat oleh orang ramai bahawa SPR tidak begitu berkesan dalam menjalankan tanggungjawabnya. Walau bagaimanapun, Akta Kesalahan Pilihan Raya menganggap bahawa kempen sebegini tidak menjadi kesalahan melainkan calon dan partinya mengugut bahawa jika tidak mengundi mereka, maka hubungan orang itu dengan Tuhannya akan terputus (jadi kafir) dan dia akan ke neraka. SPR pula menjalankan tugasnya berdasarkan apa yang diperuntukkan oleh perlembagaan dan bentuk kempen yang sedemikian dianggap tidak menjadi kesalahan kepada badan ini. Justeru itu, orang ramai mencadangkan agar Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 dikaji semula dan perlu dipinda supaya agama tidak diseret dalam kempen dan ceramah politik.

Berkaitan dengan aspek kekecualian pula, orang ramai beranggapan bahawa semasa menjalankan pilihan raya, SPR lebih tunduk kepada parti pemerintah, maka, badan ini dianggap tidak berkecuali. Ini dinafikan oleh SPR dengan menyatakan bahawa mereka hanya menjalankan apa yang diperuntukkan oleh undang-undang (Temu bual Pengerusi SPR 2001). SPR menganggap bahawa mereka tidak boleh menentukan parti pemerintah boleh menang atau parti pembangkang

akan kalah. Misalnya, SPR tidak melarang untuk berkempen di media dan dalam perhimpunan umum. Walau bagaimanapun, dalam masa yang sama, terdapat pelbagai akta yang menyekat parti-parti politik khususnya parti pembangkang untuk berbuat demikian. Antaranya ialah Akta Polis 1962, Akta Hasutan 1948 (Pindaan 1970), Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 dan Akta Rahsia Rasmi 1972 (Pindaan 1984, 1986). Justeru itu, kempen pilihan raya dikawal oleh pihak keselamatan melalui undang-undang di atas dan bukannya SPR yang condong kepada parti pemerintah.

Berikutan sekatan ini, kempen pilihan raya telah dihadkan kepada cara berikut sahaja, iaitu:

1. Poster
2. Risalah bercetak
3. Ceramah tertutup
4. Memancing undi dari rumah ke rumah
5. Cara-cara lain yang dibenarkan oleh pihak polis dari semasa ke semasa

Walaupun bagaimanapun, parti kerajaan mendapat faedah yang lebih banyak termasuk menggunakan jentera kerajaan dalam pilihan raya. Ini bukan sahaja berlaku di Malaysia malah di kebanyakan negara termasuk negara maju. Ini kerana kerajaan dianggap menjaga keamanan dan keselamatan. Dengan itu, kerajaan boleh mengembleng apa jua jentera kerajaan bagi tujuan keamanan dan keselamatan walaupun dilihat menguatkan pengaruh dan mengekalkan kuasa mereka. SPR, walaupun dianggap badan bebas tetapi masih tetap merupakan jentera kerajaan. Dengan itu, SPR tertakluk kepada undang-undang yang dibuat oleh kerajaan. Sungguhpun penggunaan jentera kerajaan dalam pilihan raya dilihat sebagai tidak adil tetapi dianggap adil oleh parti pemerintah (Temu bual Pengerusi SPR 2001).

Dari aspek pengundian pula, sesetengah pihak berpendapat bahawa ciri keselamatan kurang dititikberatkan oleh SPR semasa pengundian dijalankan. Ini dilihat apabila kurangnya anggota polis yang berkawal di tempat-tempat seperti pondok penyokong parti yang hanya dipisahkan pada jarak dua meter. Jarak tersebut perlu dilebarkan bagi mengurangkan suasana tegang dan dorongan provokasi. Selain itu, terdapat juga penyokong parti yang membawa kayu dan buluh tajam yang panjang untuk memancang bendera. Ini amat merbahaya khususnya apabila terjadi pergaduhan. Kaedah penyemakan daftar

undi juga masih dianggap kuno. Proses mencari nama sangat sukar kerana terdapat ratusan nama dalam senarai berkenaan. Proses ini boleh mencetuskan perbalahan sekiranya pengundi tidak sabar menunggu lama. SPR juga disaran mengurangkan pegawai di saluran membuang undi tetapi menambah pegawai di kaunter semakan daftar. Ini kerana anggota polis yang bertugas kelihatan serba salah dan sukar mengawal keadaan terutama jika mereka yang hendak ditegur adalah pengundi tua yang kerap mengerumuni meja kaunter semakan daftar (*Berita Harian* 14 Disember 1999). Isu yang dicetuskan di atas dikaitkan dengan masalah ketidakberkesanan SPR kerana tidak memantau dengan berkesan dan tidak prihatin dengan perkara yang boleh mencetuskan perbalahan ketika waktu pengundian.

Akhir sekali di bawah fungsi ketiga SPR, iaitu mempersempadankan kawasan pilihan raya, juga akan dilihat dari segi isu yang berkait dengan keberkesanan dan kecekualian badan ini dan adakah terdapat perubahan dalam tatacara mengendalikan fungsi ini. Seperti yang telah dinyatakan, persempadanan semula kawasan pilihan raya akan dilakukan oleh SPR lapan tahun sekali. Persempadanan dibuat berdasarkan kriteria jumlah pemilih dan keluasan kawasan. Kriteria lain yang digunakan ialah nisbah wakil rakyat dengan jumlah penduduk. Walau bagaimanapun, kriteria jumlah pemilih dan saiz kawasan merupakan kriteria yang sering digunakan dan merujuk kepada kawasan besar, pemilihnya kecil, manakala kawasan kecil, pemilihnya besar. Sejauh manakah penggunaan kriteria ini dilihat sebagai berkesan dan berkecuali oleh parti-parti politik dan orang ramai?

Kajian penulis mendapati majoriti responden (48.3 peratus) memberi pandangan yang rendah ke atas keberkesanan isu ini. Sebahagian lagi (40.2 peratus) memberi pandangan yang sederhana, sementara sebahagian kecil daripada responden (11.5 peratus) memberi pandangan yang tinggi ke atas keberkesanan isu persempadanan ini. Bagi parti-parti politik khususnya pembangkang, mereka menuduh berlakunya ketidakseimbangan pemilih bandar dan luar bandar. Kriteria jumlah pemilih dan saiz kawasan hanya memberi keuntungan kepada orang Melayu dan parti yang kuat. Ini kerana kaum bukan Melayu ramai yang tinggal di kawasan bandar dengan saiz kawasan yang kecil tetapi jumlah pemilihnya besar. Manakala kaum Melayu ramai yang tinggal di luar bandar dengan saiz kawasan yang besar tetapi jumlah pemilihnya kecil (Temu bual Pengerusi SPR 2001).

Namun begitu, kriteria ini harus digunakan oleh SPR memandangkan Artikel 13 Perlembagaan telah menetapkan prinsip ini diguna pakai dalam membuat persempadanan kawasan pilihan raya. Hal ini jelas, iaitu penentuannya dibuat mengikut pemilih dan kawasan. Di kawasan bandar, persempadanan terpaksa dibuat secara *gerrymandering*. *Gerrymandering* ialah perbuatan menentukan had sempadan, tetapi wujud perbezaan di antara yang terdapat di atas peta dengan had sempadan yang sebenarnya. Menurut *Dictionary of Political Science and Law* (1967: 71), *gerrymandering* ialah perbuatan menzonkan semula kawasan pilihan raya bagi meningkatkan peluang parti yang memerintah untuk mendapatkan undi. Malah perkataan tersebut berasal dari Massachusetts (1812) semasa di bawah pentadbiran Gabenor Elbridge Gerry, apabila satu daripada kawasan di negeri itu telah dibentuk semula hingga kelihatan seperti seekor *salamander*. Perkataan *gerry* dan *salamander* kemudiannya digabungkan lalu menjadi *gerrymandering*. *Gerrymandering* dianggap sebagai penyalahgunaan kuasa politik dan salah aplikasi pembahagian semula. Cara ini sering digunakan di bawah sistem pilihan raya 'satu kawasan satu undi' dan jarang sekali digunakan dalam sistem perwakilan nisbah (*A Dictionary of Political Analysis* 1971: 88). Perbuatan membentuk semula kawasan pilihan raya boleh dilakukan sama ada di peringkat pusat mahupun tempatan. Semua sistem demokrasi mungkin sudah biasa dengan *gerrymandering*, namun kecenderungan untuk mengamalkannya dengan lebih meluas mungkin boleh dikurangkan dengan memberikan tugas ini kepada sebuah badan bebas. Badan ini mungkin berbeza di sebuah negara dengan negara yang lain, namun sekuat manapun usaha untuk membataskannya, unsur kepentingan politik masih lagi tidak dapat dipisahkan dalam membuat pemetaan kawasan (*A Dictionary of Modern Politics* 1993: 208-9). Misalnya di Britain, tugas untuk membuat pemetaan semula kawasan pilihan raya telah diberikan kepada Suruhanjaya Persempadanan sungguhpun kerajaan yang memerintah masih mempunyai peluang untuk mempengaruhi massa dalam membuat sebarang laporan persempadanan. Di Amerika Syarikat, sungguhpun mahkamahannya memastikan agar kawasan yang diwakili kongres, negeri dan tempatan adalah sama rata atau menghampiri saiz yang sama, namun masih terdapat kes yang menunjukkan bahawa kawasan bandar kurang perwakilan berbanding kawasan luar bandar dan kebanyakan golongan minoriti di bandar

(kulit hitam dan Hispanik) tidak dilayan dengan adil oleh undang-undang (*A Dictionary of Modern Politics* 1993).

Owen dan Groftman (1988) (Cohen 1991: 2-3) membahagikan *gerrymandering* kepada tiga komponen, iaitu pertama, *concentration gerrymander* (tumpuan ke atas kekuatan pihak lawan di wilayah yang mempunyai majoriti besar), kedua, *dispersal gerrymander* (serakan kekuatan lawan dengan cara memecahkan kawalan majoriti ke atas sebanyak mungkin wilayah) dan ketiga, *incumbent displacement gerrymander* (menghapuskan kerusi yang dipunyai oleh parti lawan dan menggabungkan kawasan parti lawan menjadi satu wilayah). Owen dan Groftman turut membincangkan tentang *sophisticated political gerrymandering* yang dilihat oleh mereka sebagai kecenderungan untuk mengekalkan kawasan selama beberapa dekad tidak kira berlakunya turun naik sokongan undi agregat yang diperoleh parti.

Berdasarkan definisi yang diberikan, ternyata *gerrymandering* mempunyai unsur kepentingan politik pihak tertentu dan perkara ini dilihat sebagai tidak demokratik. Amalan ini sering dilakukan dalam politik yang berunsurkan partisan. Sungguhpun amalan *gerrymandering* dikawal oleh badan bebas namun masih terdapat kes yang sering berpihak kepada parti yang memerintah. Malaysia tidak terkecuali dalam hal ini. Justeru, isu *gerrymandering* dianggap sebagai satu penipuan oleh parti pembangkang kerana amalan itu memberi kelebihan kepada parti pemerintah.

Persempadanan yang dibuat oleh SPR dikatakan bukan sahaja mengikut daerah mengundi dan tempat mengundi tetapi juga menggunakan asas *gerrymandering*. Ketiga-tiga komponen *gerrymandering* yang diberikan oleh Owen dan Groftman dilihat turut diamalkan di negara ini. Perkara ini tidak boleh dielakkan kerana pembahagian sempadan tersebut terpaksa dibuat mengikut prinsip komunikasi, misalnya sungai dan jalan raya. *Gerrymandering* juga akan berlaku kerana had sempadan yang dibuat tidak boleh memecahkan hubungan tempatan. Misalnya, satu kampung tidak boleh dipecahkan kepada dua kerana di dalam kampung tersebut mungkin terdapat hubungan kekeluargaan.

*Gerrymandering* turut dijalankan oleh SPR kerana tidak mahu membiarkan satu kawasan terdiri daripada satu kaum tertentu sahaja. Misalnya kawasan Cina terdiri daripada sebahagian besar pengundi Cina, manakala kawasan Melayu terdiri daripada sebahagian besar

pengundi Melayu. Tujuan dilakukan demikian adalah untuk mewujudkan permuafakatan antara kaum. Kaum yang berbeza diharap boleh menerima calon parti daripada kaum yang lain bagi membolehkan wakil rakyat dan pengundi bekerjasama antara satu sama lain dan secara tidak langsung mewujudkan interaksi antara kaum.

Malaysia dibina atas dasar politik permuafakatan antara kaum dan tawar-menawar politik. Justeru itulah terbentuknya Barisan Nasional, iaitu parti politik yang berasaskan kepada perkauman itu bergabung menjadi satu parti besar atas dasar tawar-menawar politik bagi mewujudkan perpaduan dan menjaga keharmonian negara. Inilah perkongsian kuasa yang diamalkan oleh parti pemerintah. Walau bagaimanapun, hal ini tidak berlaku di kalangan parti pembangkang. Walaupun parti pembangkang terdiri daripada parti multietnik tetapi kecenderungan politik mereka adalah berasaskan perkauman, dengan DAP yang ingin menegakkan prinsip Malaysian Malaysia (yang berasaskan merit dan bukannya kuota – termasuk menghapuskan hak istimewa orang Melayu) dan PAS yang memperjuangkan pembentukan negara Islam, dan ini tidak dipersetujui oleh DAP. Perjuangan yang sebegini dilihat oleh kerajaan atau BN tidak mengarah kepada perpaduan kaum serta tidak berasaskan kepada inti pati kemerdekaan dan semangat pembentukan Malaysia yang berteraskan politik permuafakatan dan tawar-menawar.

Inilah yang menyebabkan apabila berlakunya *gerrymandering*, tidak ada satu kawasan pun yang didominasi oleh sebahagian besar kaum tertentu. Biasanya, bagi kawasan yang dilihat menjadi kubu kuat kepada BN, sungguhpun kawasan tersebut majoritinya adalah Melayu tetapi BN sengaja meletakkan calon daripada kaum lain bagi mewakili penduduk di situ. Misalnya, kawasan parlimen Kapar, Klang, diletakkan calon India bagi pihak BN sedangkan majoriti penduduk di situ terdiri daripada kaum Melayu. Namun begitu, BN masih terus menang dengan mengekalkan majoriti undi yang banyak. Inilah yang dilihat oleh kerajaan sebagai satu bentuk perpaduan hasil daripada politik permuafakatan.

Walaupun bagaimanapun, hal ini tidak berlaku kepada parti pembangkang. Sungguhpun terdapat pakatan pembangkang di bawah Barisan Alternatif (BA) namun BA masih selesa meletakkan calon daripada kaum yang sama dengan majoriti kaum yang terdapat di satu-satu kawasan pilihan raya. Justeru, pakatan pembangkang di bawah BA dianggap tidak tulen kerana penyatuan mereka hanya didasari oleh isu tertentu khususnya ketika menjelang pilihan raya.

## Langkah SPR Memperkemaskan Sistem Pengurusan Pilihan Raya

Akibat kritikan yang dilemparkan oleh orang ramai serta parti-parti politik kerana kelemahan sistem pendaftaran pemilih yang digunakan, maka SPR telah mengemukakan cadangan kepada kerajaan untuk mengadakan dua sistem pendaftaran yang baru, iaitu:

1. Pendaftaran sepanjang tahun
2. Pendaftaran secara automatik

Hasil daripada cadangan ini, perlembagaan kemudiannya dipinda, dengan memasukkan peraturan tambahan ke dalam daftar pemilih. Di bawah peraturan tambahan ini, pendaftaran pemilih tidak lagi menggunakan sistem bermusim, tetapi pendaftaran sepanjang tahun. Untuk melaksanakan pendaftaran pemilih sepanjang tahun, beberapa agensi kerajaan telah dilantik oleh SPR seperti Pejabat Daerah dan Pejabat Pos untuk melaksanakan tugas tersebut. Di bawah peraturan tambahan ini, tempoh pendaftaran sehingga sembilan bulan dapat dipendekkan menjadi tiga bulan. Ini kerana apabila pendaftaran sepanjang tahun dibuat, SPR tidak perlu berhadapan dengan senarai daftar pemilih baru yang panjang. Dengan itu, bantahan tidak banyak diterima dan ini memudahkan SPR membersihkan senarai daftar pemilih dengan segera berbanding pendaftaran secara bermusim yang dilaksanakan dahulu. Hasilnya, proses pendaftaran dapat dipendekkan sehingga enam bulan. Melalui pindaan perlembagaan dengan kemasukan peraturan tambahan ke dalam daftar pemilih, maka tatacara asas berkaitan dengan pendaftaran pemilih telah pun berubah. Perubahan ini diharap dapat memuaskan hati semua pihak khususnya pengundi baru yang akan mengundi dalam pilihan raya umum kesebelas akan datang. Perubahan ini juga diharap dapat memperbaiki tanggapan negatif masyarakat terhadap kredibiliti SPR, seterusnya dapat meningkatkan mutu pengurusan pilihan raya di negara ini agar menjadi lebih cekap.

Pendaftaran secara automatik pula ialah sistem pendaftaran yang dibuat apabila seseorang itu genap berumur 21 tahun, dan individu berkenaan secara automatik layak mengundi. Ini dibuat hasil daripada kerjasama SPR dengan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) secara atas talian. Walau bagaimanapun, kaedah ini belum dapat diterima oleh kerajaan kerana pendaftaran ini membabitkan beberapa perkara.

Pertama, dari segi undang-undang pendaftaran negara yang menyebut bahawa seseorang yang bertukar alamat perlu melaporkan pertukaran tersebut dalam tempoh 90 hari. Jika tidak dilakukan, seseorang itu boleh didenda sehingga RM3,000. Namun begitu, peraturan ini tidak pernah dikuatkuasakan oleh kerajaan. Budaya masyarakat Malaysia yang berpindah-randah khususnya di kalangan golongan muda, dengan tujuan mencari pekerjaan dan sebagainya, memungkinkan peraturan tersebut berat untuk dikuatkuasakan. Kerana tidak dikuatkuasakan, maka ramai orang yang tidak mementingkan peraturan tersebut.

Perkara kedua, sekiranya dilaksanakan pendaftaran secara automatik, setiap individu apabila berumur 21 tahun akan menerima kad pengenalan pemilih secara automatik daripada SPR. Kad tersebut akan dihantar mengikut alamat yang tertera dalam kad pengenalan. Apabila budaya pindah-randah wujud, maka pendaftaran secara automatik tidak berkesan kerana individu tidak boleh mengundi di kawasan atau tempat tinggal yang terkini. Sekiranya jarak perpindahan itu jauh maka akan berlaku kesukaran untuk mengundi di kawasan asalnya. Maka kaedah kedua ini tidak dapat dilakukan selagi undang-undang pertukaran alamat tidak dikuatkuasakan oleh kerajaan. Dengan itu, kaedah pendaftaran sepanjang masa paling sesuai digunakan dalam konteks sekarang.

Seperti yang telah dinyatakan, pengurusan ke atas pendaftaran pemilih mempunyai kaitan dengan fenomena pengundi hantu. Bagi menangani fenomena ini khususnya pengundi hantu yang tidak sah, SPR telah menggunakan pendekatan atas talian dengan JPN dan menggunakan alat pengesan kad pengenalan. Mereka yang membuat penipuan kad pengenalan akan terus diserahkan ke balai polis apabila SPR menyemak dan tiada pengenalan mereka di JPN semasa mereka membuat pendaftaran. Pengundi hantu yang sah, yang dibuat melalui sistem pendaftaran berlonggok oleh parti politik bagaimanapun telah dihapuskan oleh SPR. Justeru, SPR berharap tiada lagi masalah penyelewengan kuasa oleh parti-parti politik dalam soal pendaftaran pada masa akan datang. Walau bagaimanapun, pengundi hantu yang sah, yang sering bertukar alamat, dan penggunaan satu alamat dalam pendaftaran bagi penduduk luar bandar dan kawasan setinggan sukar diatasi oleh SPR kerana perkara itu berada di luar bidang kuasa badan ini. Selagi undang-undang pendaftaran negara mengenai pertukaran alamat tidak dikuatkuasakan dan rumah-rumah tidak beralamat terus wujud, maka selagi itulah wujud fenomena pengundi hantu.

Huraian di atas menunjukkan bahawa SPR tidak boleh menjalankan fungsi pendaftaran pemilih dengan berkesan dan berkecuali selagi tiadanya kerjasama daripada agensi kerajaan yang lain. Yang pasti, badan ini sungguhpun dianggap bebas tetapi aktivitiya masih lagi tertakluk di bawah undang-undang yang digubal oleh ahli parlimen. Perlu diingatkan bahawa sistem *fusion of power* yang diamalkan oleh negara ini memberi kekuatan yang cukup besar kepada ahli kabinet. Pengaruh dua per tiga kerusi di parlimen membolehkan parti pemerintah membuat apa sahaja dasar yang memusatkan kepada kepentingan mereka. Justeru, SPR hanyalah sebagai satu aktor yang bertindak demi kepentingan tersebut.

Dari segi menjalankan pilihan raya, rungutan dan bantahan daripada orang ramai turut diambil perhatian oleh pihak SPR. Badan ini mencadangkan kepada kerajaan supaya meminda beberapa akta yang berkaitan dengan pilihan raya khususnya Akta Pilihan Raya 1958 dan Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954. Hasilnya beberapa pindaan telah dibuat dengan mencakupi kebanyakan perkara dalam aspek perjalanan pilihan raya. Walau bagaimanapun, pindaan yang akan dibincangkan ini hanya tertumpu kepada aspek kempen pilihan raya dan aspek pengundian sahaja.

Dari segi kempen pilihan raya, seksyen 2(1) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 (AKPR) (pindaan 2002) telah memasukkan perkara baru berkaitan dengan kempen, yang menyebut bahawa tempoh berkempen ditetapkan bermula dari masa pegawai pengurus mengisytiharkan sesuatu pengundian diadakan sehinggalah ke pukul 12.00 tengah malam sebelum hari pengundian. Ini bermakna selepas pukul 12.00 tengah malam sebelum hari pengundian, aktiviti berkempen diharamkan. Langkah ini bertujuan untuk mewujudkan tempoh bertenang di kalangan pengundi supaya mereka dapat membuang undi pada keesokan harinya dalam keadaan rasional dan tenang.

Seksyen 24B AKPR (pindaan 2002) juga membenarkan agen pilihan raya mengadakan kempen selain daripada calon itu sendiri. Seksyen 24B(3) pula menyebut, perhimpunan dan syarahan terbuka boleh diadakan dengan kelulusan permit. Kelemahan SPR yang dikatakan tidak memantau keadaan ketika kempen pilihan raya diadakan juga telah diperbaiki melalui penambahan subseksyen kepada akta yang sama. SPR telah menubuhkan pasukan pemantau kempen pilihan raya. Anggota pasukan pemantau terdiri daripada pegawai SPR, wakil PDRM, wakil calon yang bertanding dan wakil pihak berkuasa tempatan.

Dari segi pengundian pula, beberapa perkara baru telah dimasukkan dalam AKPR 1954, iaitu di bawah seksyen 3(1)(n) yang menyebut bahawa adalah menjadi satu kesalahan menghalang seseorang pengundi yang berhak untuk mengundi dalam sesuatu pilihan raya. Seksyen 3(1)(o) pula menyebut bahawa adalah menjadi kesalahan apabila seseorang mengundi lebih daripada satu tempat mengundi dalam sesuatu pilihan raya yang sama atau berlainan. Seksyen ini bertujuan untuk mengelakkan kewujudan pengundi hantu. Di bawah seksyen 9(1) (pindaan 2002), dinyatakan bahawa seseorang tidak boleh mengancam atau memaksa orang itu mengundi atau tidak mengundi dalam mana-mana bahagian pilihan raya, sama ada sebelum, semasa atau selepas pilihan raya, sama ada secara langsung atau tak langsung, dan sama ada dengan sendiri atau melalui orang lain. Semasa hari mengundi pula, seksyen 26(1)(a)(b)(c)(d)(e) (pindaan 2002) menyebut bahawa:

- Seksyen 26(1)(a) – tiada seseorang boleh memanggil, mengadakan perhimpunan atau syarahan awam
- Seksyen 26(1)(b) – tidak boleh membekal alat muzik atau pembesar suara
- Seksyen 26(1)(c) – tidak boleh membuka atau menubuhkan barung kecuali tempat yang ditetapkan
- Seksyen 26(1)(d) – tidak boleh menggunakan rumah kediaman, kedai dan premis lain
- Seksyen 26(1)(e) – tidak boleh menyemak mana-mana pengundi, merayau, menunggu dalam jarak 50 meter dari tempat mengundi.

Di bawah pindaan AKPR 1954, hukuman yang dikenakan ke atas pesalah yang melanggar akta ini adalah lebih berat. Seksyen 27(1) (pindaan 2002) menyebut bahawa hukuman jika sabit dengan perbuatan menyalahi undang-undang pilihan raya, maka pesalah akan dikenakan denda RM5,000 dan hilang kelayakan sebagai pengundi atau calon selama lima tahun (satu penggal pilihan raya) dan bagi calon, jika telah dipilih dalam mana-mana pilihan raya, kerusinya hendaklah dikosongkan. Pindaan lain bagi AKPR 1954 (pindaan 2002) bolehlah dirujuk pada akta tersebut.

Mungkin kerana persempadanan kawasan pilihan raya memberi banyak kelebihan kepada parti pemerintah, maka tiada cadangan untuk mengubah tatacara dan kaedah sedia ada yang diguna pakai oleh SPR. Sungguhpun isu *gerrymandering* telah lama dibangkitkan dan data

tinjauan menunjukkan hampir separuh daripada responden yang dikaji tidak berpuas hati dengan cara SPR melaksanakan fungsi ketiganya ini, namun kaedah ini mungkin akan diteruskan dalam jangka masa yang panjang, memandangkan keadaan demografi negara ini tidak memungkinkan kaedah yang sedia ada diubah. Di samping itu, *gerrymandering* bukanlah menjadi satu isu besar kerana amalannya turut dilakukan di negara demokrasi yang lain termasuk Britain dan Amerika Syarikat. Justeru, kelemahan bukan terletak pada isu ini tetapi pada undang-undang tentang persempadanan yang dibuat oleh parlimen. Undang-undang yang berkaitan dengan persempadanan merangkumi Perkara 113, Fasal 2,3,3A,6,7,8,9,10; Perkara 116; Perkara 117; dan Bahagian I & II Jadual 13 Perlembagaan. Kesemua undang-undang ini tidak menyatakan had pemilih dalam satu-satu kawasan pilihan raya sebaliknya hanya menentukan kriteria yang digunakan dalam membuat persempadanan. Dengan itu, dalam menjalankan fungsinya yang ketiga ini, SPR dikatakan tidak mempunyai kuasa dalam memberi kepentingan kepada parti pemerintah, sebaliknya undang-undang dilihat condong kepada pemerintah (Temu bual Ketua Pengarah Setiausaha, Bahagian Persempadanan 2003).

## Kesimpulan

Bab ini membincangkan sistem pilihan raya yang diguna pakai di Malaysia, fungsi SPR, tatacara pengendalian pilihan raya yang dijalankan oleh SPR, pandangan orang ramai dan parti politik terhadap badan ini, dan langkah SPR memperkemas sistem pengurusan pilihan raya. Sistem pilihan raya yang digunakan di negara ini ialah sistem *First Past The Post* dengan kaedah majoriti mudah melalui pelaksanaan satu kawasan-satu undi. Sistem ini juga adalah salah satu faktor yang membantu parti pemerintah memenangi majoriti dua per tiga kerusi parlimen pada setiap kali pilihan raya diadakan. Ini kerana sistem ini memberi banyak kelebihan kepada parti yang besar dan kuat.

Fungsi SPR turut dibincangkan berdasarkan apa yang ditetapkan dalam perlembagaan. Fungsi ini dibincangkan menurut urutannya, iaitu bermula daripada menjalankan pendaftaran pemilih, diikuti pelaksanaan pilihan raya sehinggalah kepada fungsi mempersempadankan kawasan pilihan raya. Melalui ketiga-tiga fungsi ini, perbincangan terus diperluaskan kepada tatacara pengendalian pilihan raya, pandangan orang ramai dan parti politik terhadap badan ini, serta

langkah SPR memperkemaskan sistem pengurusan pilihan raya di negara ini. Daripada kajian yang dilakukan oleh penulis melalui kaedah tinjauan, temu bual dan kajian perpustakaan, kedua-dua pandangan, iaitu daripada pihak pengundi dan SPR telah diambil.

Perubahan semasa dengan peningkatan pengetahuan dan teknologi telah menunjukkan bahawa kesedaran masyarakat tentang politik di negara ini semakin meningkat. Dengan kesedaran ini mereka mula mempersoalkan isu ketelusan badan bebas seperti SPR dalam mengendalikan pilihan raya. SPR dituduh tidak berkesan dan tidak berkecuali dalam mengendalikan fungsinya. Akhirnya mereka mendesak supaya badan ini mengubah tatacara pengendalian pilihan raya yang sedia ada kepada satu tatacara yang lebih telus dan cekap. Ini dianggap sebagai satu cabaran kepada badan ini dalam menangani arus perubahan baru yang melanda politik Malaysia akhir-akhir ini.

Penulis membuat kesimpulan bahawa pengundi tidak meletakkan SPR sebagai sebuah badan yang benar-benar berkesan dan berkecuali kerana mereka tidak memahami fungsi dan tugas SPR yang sebenar. Pihak SPR menjalankan fungsinya berdasarkan peruntukan undang-undang oleh perlembagaan kepadanya. Badan yang membuat dan meminda undang-undang ialah parlimen. Ahli parlimen pula terdiri daripada sebahagian besar parti pemerintah. Maka tentulah undang-undang yang digubal dan dipinda memberi kelebihan kepada parti ini.

SPR juga merupakan sebahagian daripada alat kerajaan dan sudah tentulah sedikit sebanyak badan ini digunakan oleh parti pemerintah untuk mengekalkan pengaruh dan kedudukannya. Dengan itu, tidak adil sekiranya badan ini dilabel sebagai tidak berkecuali. Yang tidak berkecuali ialah parti pemerintah kerana menggunakan kuasanya membentuk SPR sedemikian rupa sehingga badan yang dianggap bebas tidak berfungsi sebagaimana sepatutnya.

### Rujukan

- Abdul Ghani Osman. 1992. *Pilihanraya dan demokrasi: Satu kajian ke atas sistem pilihan raya di Malaysia*. Latihan Ilmiah, Sekolah Pentadbiran Awam. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Abdul Rashid Abdul Rahman. 1994. *Perjalanan pilihan raya Malaysia*. Kuala Lumpur: Berita Publishing.
- Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 (pindaan 2002).
- Akta Pilihan Raya 1958 (pindaan 2002).

- Anon. 1990. *Conduct of elections*. Kuala Lumpur: Election Commission Malaysia.
- Anon. 1990. *Elections acts and regulations*. Kuala Lumpur: Election Commission Malaysia.
- Anon. 1990. *Election in Malaysia: A handbook of fact and figures on the election 1955-1986*. Kuala Lumpur: Balai Berita.
- Anon. 1992. *Perlembagaan pesekutuan*. Kuala Lumpur: International Law Book Services.
- Anon. 1994. *Berita SPR*. Bil 1/94.
- Anon. 2003. *Laporan SPR mengenai kajian semula persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya parlimen dan negeri-negeri Tanah Melayu*. Jilid 1-Syor. Putrajaya: SPR.
- Carstairs, A. M. 1980. *A short history of electoral systems in Western Europe*. London: Allen & Unwin.
- Cohen, L. M. 1991. *Gerrymandering and the cube law of election*. Fairfax, Virginia: George Mason University.
- Farrell, D. 1997. *Comparing electoral systems*. London: Prentice Hall.
- Heimanson, R. 1967. *Dictionary of Political Science and Law*. New York: Oceana Publications, Inc.
- Lijphart, A. 1968. *Politics of accommodation: Pluralism and democracy in the Netherlands*. California: University of California Press.
- Lijphart, A. & Grofman, B. 1984. *Choosing an electoral system: Issues and alternatives*. New York: Praeger Publishers.
- Lijphart, A. 1985. The field of electoral systems research: A critical survey. *Electoral Studies. An International Journal*. 3 (1): 3-14.
- Lim Hong Hai, 2003. Making the Malaysian electoral system work: The importance and performance of the Election Commission (revised paper April 2003 for workshop on the electoral system, IKMAS Project).
- Mohamed Suffian Hashim, Tun. 1989. *An introduction to the legal system of Malaysia*. Edisi Kedua. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Mohd, Salleh Abas. 1984. *Pilihan Raya Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nohlen, D. 1996. *Elections and electoral systems*. New Delhi: MacMillan.
- Rachagan S. Sothi. 1990. *The development of the electoral system: Malaysia politics and the 1978 election*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Reeve, A & Ware, A. 1992. *Electoral systems: A comparative and theoretical introduction*. London: Routledge.
- Roberts, G. K. 1971. *A dictionary of political analysis*. Aylesbury: Longman.
- Robertson, D. 1993. *A dictionary of modern politics*. Kent: Europa Publications Limited.
- Taagepera, R. & Shugart, M. S. 1989. Designing electoral systems. *Electoral Studies: An International Journal*. 8 (1): 49-58.

**Akhbar**

*Berita Harian*. 9 November 1999.

*Berita Harian*. 19 November 1999.

*Berita Harian*. 14 Disember 1999.

*Warta KL*. 18 November 1999.

**Temu bual**

Dato Abdul Rashid Abdul Rahman, Pengerusi SPR Malaysia, 9 Ogos 2001,  
Pejabat SPR, Putrajaya.

Encik Abdul Hamid Ali, Ketua Penolong Setiausaha, Bahagian Persempadanan,  
30 Julai 2003, Pejabat SPR, Putrajaya.

## BAB 6

---

# Budaya Politik: Perspektif Kepimpinan Politik Melayu daripada Tradisi ke Kontemporari

Mohd Ali Kamaruddin  
Jamaie Haji Hamil

### Pengenalan

Kajian tentang budaya politik, bersifat sejagat kerana setiap bangsa dan negara memiliki elemen budaya yang berbagai-bagai dan tidak sama. Persoalan budaya politik menjadi isu penting untuk dibincangkan kerana budaya politik mencorak kepimpinan politik sesuatu bangsa dan kepimpinan pula mewarnai corak budaya politik. Konsep budaya politik dikaitkan dengan kewujudan suatu rangkaian sikap, kepercayaan, emosi dan nilai yang mampu mempengaruhi, mencorak dan menentukan orientasi dan sikap politik anggota masyarakat di sesebuah negara (Almond & Powell 1966: 50). Orientasi dan sikap politik berkenaan mudah dipengaruhi oleh tingkah laku politik yang ditentukan oleh faktor seperti tradisi, sejarah, motif, norma, perasaan dan simbol (Kavanagh 1987: 3). Budaya politik lazimnya mengandungi suatu sistem kepercayaan empiris, seperti simbol yang menunjuk dan menyentuh perasaan, serta nilai yang boleh menjelaskan situasi tindakan politik itu berlaku (Pye & Verba 1965: 513)

Almond dan Powel (1966) mencirikan budaya politik kepada tiga bentuk, iaitu budaya politik parokial, subjek dan partisipan. Budaya politik parokial wujud apabila masyarakat tidak ambil tahu tentang urusan politiknya. Mereka hanya pentingkan keluarga, lingkungan sendiri dan mengutamakan urusan peribadi. Budaya subjek pula merujuk kepada masyarakat yang hanya menerima *output* pemerintah tanpa mempersoalkan apa, mengapa dan bagaimana. Masyarakat jenis ini

dianggap taat melulu, mendengar dan mempercayai hanya sebelah pihak sahaja. Partisipan pula merujuk kepada masyarakat yang mempunyai tahap kesedaran politik yang terbuka. Mereka ingin turut serta dalam aktiviti politik sama ada di peringkat akar umbi atau sebagai pemimpin dengan fungsi tertentu.

Dimensi budaya politik yang merujuk kepada rangkaian nilai bukanlah suatu yang statik. Proses sejarah sering kali mengubah kedudukan dan peranan nilai tersebut, sama ada ia bertindak sebagai suatu nilai dominan ataupun sebaliknya dalam mempengaruhi orientasi dan tingkah laku politik anggota masyarakatnya. Bab ini bertujuan untuk melihat ciri-ciri budaya politik Melayu tradisional dan kontemporari, serta bagaimana budaya politik tersebut mengalami transformasi terhadap nilai asas orientasi politik Melayu. Bagi memenuhi tujuan ini tinjauan akan dilakukan ke atas beberapa tahap utama yang mempengaruhi perkembangan politik Melayu.

## Budaya Politik Melayu Tradisional

Sukar untuk menentukan tarikh bermulanya penempatan masyarakat Melayu di Semenanjung Tanah Melayu, serta golongan mana yang telah diberi kuasa untuk mentadbir dan memerintah masyarakatnya. *Sejarah Melayu* yang membicarakan tentang sistem politik dan sosio-ekonomi masyarakat tersebut antara lain mencatatkan bahawa masyarakat Melayu terbahagi kepada dua golongan, iaitu golongan bangsawan sebagai 'kelas' pemerintah, dan rakyat jelata sebagai golongan yang diperintah. Klasifikasi ini menyebabkan hubungan mereka berada dalam bentuk menegak.

Pemisahan kepada dua golongan ini turut diperkuatkan oleh tradisi beragama yang dikaitkan dengan mitos. Golongan bangsawan dianggap sebagai manusia yang tinggi status serta martabatnya. Ketika beragama Hindu-Budha, golongan bangsawan dianggap sebagai jelmaan dewa ataupun keturunan dewa. Sesiapa sahaja yang terpilih menjadi pemimpin utama dalam kelompok masyarakatnya dilihat sebagai manusia yang suci, mulia dan kudus (Shaharuddin 1988: 1-7; Haron Daud 1993: 90). Justeru itu, orang Melayu percaya bahawa pemimpin mereka mempunyai pelbagai sifat yang istimewa serta kuasa yang sukar ditandingi. Sistem kepercayaan ini kemudiannya dipercayai oleh mereka sebagai daulat (Gullick 1978: 72-75).

Apabila masyarakat Melayu berubah agama kepada Islam, persepsi terhadap golongan bangsawan tetap tidak berubah. Daripada jelmaan dewa, kepimpinan bangsawan Melayu dipercayai mempunyai pertalian keturunan dengan *Alexander the Great*, yang telah 'disamakannya' dengan Iskandar Zulkarnain. Daripada percampuran tradisi beragama ini, maka tidak luar biasa sekiranya masyarakat Melayu tradisional melihat pemimpinnya itu sebagai 'khalifah Tuhan' ataupun 'wakil Tuhan' di dunia ini. Bahkan, ada juga yang beranggapan pemimpin sebagai 'bayang-bayang Allah' di dunia (Haron Daud 1993: 89-91). *Sejarah Melayu* meletakkan raja-raja Melayu 'setaraf' dengan nabi yang digambarkan sebagai 'pengganti Allah' di muka bumi ini (*Sejarah Melayu* 1977: 141). Serentak dengan itu, baginda turut diterima dan diiktiraf sebagai ketua agama Islam di dalam masyarakatnya, serta diberi pula gelaran sebagai sultan, seperti yang digunakan oleh para pemerintah Islam di Timur Tengah.

Pengiktirafan sedemikian memperkukuhkan lagi konsep daulat raja dalam pemikiran dan emosi orang Melayu. Bagi mereka, menderhaka kepada raja merupakan suatu kesalahan besar. Ini kerana perbuatan itu akan mendatangkan tulah kepada setiap penderhaka, iaitu suatu bentuk pembalasan daripada kuasa ghaib akibat kemurkaan raja yang diderhakainya (Gullick 1978: 77-8; Haron Daud 1993: 89-102). Kepercayaan ini secara perlahan-lahan telah meresap dan menjadi nilai sosial yang kemudiannya menjadi asas kewibawaan kepada kepimpinan bangsawan, serta institusi istana Melayu. Dalam waktu yang sama kewibawaan itu ditokok tambah pula dengan pelbagai alat kebesaran, peraturan, larangan diraja dan undang-undang yang menggambarkan baginda dan ahli golongan bangsawan yang lain sebagai manusia yang berbeza dan istimewa daripada rakyat jelata.

Darjat ini tertanam dalam pemikiran masyarakat Melayu yang menyebabkan kepimpinan menjadi hak mutlak golongan bangsawan atau sesiapa sahaja yang mendapat restu daripada institusi istana. Sebagai rakyat, mereka dituntut memberikan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada pemimpinnya. Apabila kedua-dua pihak terlibat dalam suatu kontrak sosial, golongan bangsawan boleh mendekati rakyat, dan rakyat pula akan terhindar daripada tulah raja. Elemen taat setia menjadi asas utama dalam perjanjian tersebut.

*Sejarah Melayu* mencatatkan tentang kesediaan golongan rakyat untuk menjadi hamba kepada raja atau golongan bangsawan sebagai balasan kepada perlindungan yang diberikan kepada mereka. Manakala

golongan bangsawan pula hanya meminta agar rakyat jelata tidak menderhaka kepadanya (*Sejarah Melayu* 1977: 19-20). Kontrak ini menggambarkan tentang kesetiaan yang menjadi salah satu unsur penting dalam pembentukan budaya politik Melayu tradisional yang berpaksikan kepada sistem pemerintahan beraja. Akibatnya, dari sudut psikologi, institusi kesultanan dan kepimpinan bangsawan menjadi begitu penting kepada kehidupan politik Melayu. Nilai inilah yang membentuk sikap dan orientasi politik mereka.

Meskipun demikian, wujud juga penentangan yang lahir daripada golongan bawahan terhadap golongan pemerintah. *Sejarah Melayu* sendiri mencatatkan bahawa penentangan terhadap raja bukan perkara yang asing. Sultan Mahmud Syah digambarkan sebagai sultan yang buruk akhlak, mudah mempercayai fitnah, mementingkan nafsu sendiri dan tidak mempedulikan kesusahan rakyat. Manifestasi ini berlaku apabila Sultan Mahmud membunuh Bendahara Seri Maharaja kerana takut kedudukannya terugat serta kerakusannya menerima syarat peminangan Puteri Gunung Ledang. Tindakan beliau ini menimbulkan protes atau bantahan oleh kalangan pembesarnya sendiri seperti Tun Hassan Temenggung, Tun Bijjid, Seri Dewa Raja dan Maulana Yusuf. Protes ini adalah bantahan terhadap kuasa raja yang memerintah tanpa mengikut prinsip keadilan dan kebijaksanaan sebagaimana yang terkandung dalam *wa'dat* (Rahman 2000: 74-76). Namun, bantahan ini tidak menjadikan institusi istana runtuh malah tetap terus disanjung oleh masyarakat Melayu.

Hal ini kerana sejarah politik Melayu tradisional belum dapat menjelaskan tentang wujudnya suatu gerakan massa yang mahu menghapuskan institusi raja atau menyingkirkan kepimpinan bangsawan daripada tampuk pemerintahan kerajaan oleh rakyatnya sendiri. Gerakan yang timbul seperti perang saudara bukanlah krisis yang terbuka di antara rakyat dengan pemimpinnya. Sebaliknya konflik itu tercetus di kalangan anggota bangsawan itu sendiri seperti kisah Sultan Mahmud atau pembesar yang mahu mendapatkan kuasa politik peribadi. Manakala keterlibatan rakyat dalam sengketa itu adalah manifestasi daripada kesetiaan mereka terhadap pemimpin yang bertindak sebagai penaung kehidupan mereka.

Ketaatan dan hormat terhadap raja dalam budaya politik Melayu lebih menjadi teguh apabila kedudukan dan peranannya dikaitkan dengan Islam. Satu elemen mempertahankan ciri-ciri Melayu serta mengidentifikasikan dirinya sebagai manusia muslim ialah dengan

mengekal serta mempertahankan kepimpinan bangsawan. Tindakan ini dianggap sebagai turut sama mempertahankan agama Islam yang dianuti sejak kurun ke-15. Ini kerana raja-raja Melayu yang memakai gelaran sultan juga menjadi ketua agama Islam di negeri masing-masing. Oleh yang demikian, selain mempertahankan raja sebagai unsur penting dalam budaya Melayu, Islam turut menjadi nilai asas dalam mencorakkan sikap dan orientasi politik Melayu.

## Warna Budaya Politik Melayu Transisi Kemerdekaan

Apabila penjajah Inggeris mengambil alih pentadbiran negeri-negeri Melayu pada abad ke-19, masyarakat Melayu sebahagiannya tidak melihat perkara itu sebagai suatu tindakan penjajahan kuasa Barat. Ini dapat dijelaskan apabila melalui dasar adaptasinya di negeri-negeri tersebut pihak Inggeris tidak memusnahkan nilai-nilai asas budaya politik Melayu. Inggeris berada di negeri-negeri Melayu sekitar 1874 hingga 1957 dan kuasa eksekutif raja berpindah ke tangan Residen atau Penasihat Inggeris. Dalam konteks ini, nampaknya pihak Inggeris telah berjaya menyesuaikan kehendak nilai budaya dan politik masyarakat tempatan dengan kedudukan raja dan pembesar Melayu. Raja masih lagi menjadi ketua kerajaan secara simbolik dan pada orang Melayu kedudukan raja dan pembesar seolah tidak terjejas.

Kedudukan raja terus kekal sebagai simbol ketuanan Melayu apabila baginda diberi peluang pula untuk mengetuai Majlis Negeri yang terlibat secara langsung dalam proses membuat undang-undang di dalam negerinya (Abdul Rashid 1969: 84). Setiap undang-undang yang diperkenalkan dibuat atas nama baginda. Keadaan ini seolah-olah baginda dan para pembesar Melayu dalam Majlis Negeri turut terlibat secara langsung dalam proses membuat undang-undang negeri walaupun pada hakikatnya mereka berada di bawah telunjuk Residen atau Penasihat Inggeris. Bagi pembesar Melayu, walaupun mereka telah dilucutkan daripada kedudukannya sebagai pembesar tradisional namun dalam hierarki pentadbiran moden, pihak Inggeris masih lagi memberi peluang kepadanya untuk berada di kedudukan yang penting sebagai ketua kampung, penghulu dan penggawa.

Walaupun Inggeris anti-Islam tetapi mereka bersikap toleransi terhadap masyarakat Melayu dan tidak menghalang penubuhan institusi agama di dalam setiap negeri. Bahkan Inggeris membenarkan

penubuhan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu, yang diletakkan di bawah kawalan dan bidang kuasa sultan melalui pengiktirafannya sebagai ketua agama Islam dan adat istiadat Melayu. Dalam masa yang sama, penubuhan Majlis tersebut dijadikan strategi dan sebagai suatu tindakan Inggeris untuk mengekang kebangkitan rakyat tempatan yang tidak berpuas hati terhadap dasar pentadbirannya dengan meletakkan sultan sebagai simbol ketuanan Melayu yang menjadi unsur utama budaya politik Melayu. Dalam konteks ini, mereka yakin bahawa tiada halangan untuk meneruskan tradisi beragama. Fenomena ini dilihat melalui manifestasi pihak Inggeris yang mengiktiraf kedudukan sultan sebagai ketua agama Islam dan adat istiadat Melayu di negeri masing-masing. Keadaan ini meyakinkan mereka bahawa Inggeris adalah pelindung dan bukannya seteru yang perlu dihalau atau diperangi.

Persepsi ini mula terganggu apabila Inggeris memperkenalkan gagasan *Malayan Union* pada 1946. Orang Melayu merasakan bahawa gagasan tersebut yang bertujuan untuk menyatukan kesemua negeri Melayu dan negeri-negeri Selat, kecuali Singapura bukanlah suatu idea atau tindakan politik yang menguntungkan mereka. Sebaliknya, gagasan tersebut telah dilihat oleh masyarakat Melayu sebagai suatu ancaman kepada budaya politiknya (Means 1976: 20-23). Gagasan ini bukan sahaja meletakkan negeri-negeri Melayu di bawah kawalan Gabenor Inggeris tetapi juga menghapuskan kedaulatan raja-raja Melayu yang selama ini menjadi unsur penting dalam budaya politik mereka. Begitu juga dengan kedudukan raja dalam konteks agama Islam, bidang kuasa mereka sangat terbatas. Dalam Majlis Mesyuarat Agama Islam yang akan ditubuhkan dalam *Malayan Union*, fungsi baginda dikurangkan dengan hanya dilantik sebagai ahli biasa sahaja sedangkan pengerusi majlis tersebut dipegang oleh Gabenor Inggeris.

Tindakan mengurangkan peranan raja Melayu sama ada sebagai pemerintah utama negeri ataupun sebagai ketua agama Islam adalah sesuatu yang tidak dapat diterima oleh orang Melayu. Tindakan ini dilakukan oleh pihak Inggeris terhadap raja-raja Melayu melalui tipu helah secara paksaan ketika idea *Malayan Union* diperkenalkan (Zainal 1971: 121, Khong 1984: 77-9). Situasi ini ditambah lagi dengan sikap liberalisasi Inggeris dalam memberikan hak kerakyatan yang begitu longgar kepada bukan Melayu yang dianggapnya sebagai kaum pendatang melalui prinsip *jus soli* (Zainal 1971: 120). Tindakan ini dianggap sebagai suatu ancaman terhadap masa depan mereka dan

telah ditafsir sebagai suatu usaha untuk menghapuskan kedaulatan Melayu secara perlahan.

Sebagai respons terhadap gagasan *Malayan Union* maka UMNO ditubuhkan. Penubuhannya mendapat sokongan padu daripada masyarakat Melayu kerana kemunculan UMNO adalah sebagai suatu tanda permulaan proses transformasi budaya politik Melayu dari zaman tradisional kepada moden. Sungguhpun UMNO muncul sebagai sebuah parti politik Melayu moden, namun kepimpinannya masih lagi dikuasai oleh golongan bangsawan. Oleh itu, ciri-ciri feudalisme tetap utuh dalam parti tersebut. Malahan, Perlembagaan UMNO sendiri dengan jelas menyatakan hasratnya untuk mempertahankan kedudukan raja, Islam, budaya dan bahasa Melayu.

Dengan slogan 'Hidup Melayu', kepimpinan UMNO berjaya memobilisasikan orang Melayu untuk mendesak pihak Inggeris agar menarik balik gagasan *Malayan Union*, dan menggantikannya dengan satu konsep bernegara yang dapat memartabatkan kepentingan Melayu. Apabila gagasan Persekutuan Tanah Melayu diperkenalkan pada tahun 1948, orang Melayu berpuas hati dengan gagasan tersebut. Ini kerana melalui 'negara baru' ini, kedudukan raja sebagai ketua negeri dan agama Islam akan terus kekal, walaupun kuasa eksekutifnya dikurangkan. Raja juga diberi tugas melindungi perkara-perkara yang berkaitan dengan kepentingan masyarakat Melayu (Means 1976: 57; Milne & Mauzy 1982: 39). Penentangan yang melampau itu adalah manifestasi daripada sikap British yang dianggap cuba merampas segala hak Melayu. Gejala yang merugikan Melayu itu telah menyebabkan mereka bergabung membentuk UMNO yang bersifat kebangsaan untuk menentang Inggeris secara sepadu. Fenomena ini menjadi petanda awal bahawa budaya politik Melayu mula dinamis apabila majoriti masyarakat Melayu bersedia bersatu dan bergiat aktif dalam aktiviti politik yang membawa kesan jangka panjang kepada politik Tanah Melayu.

Sikap dan komitmen politik ini juga terus diperjuangkan oleh UMNO apabila parti itu terlibat dalam penggubalan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu Merdeka pada pertengahan 1950-an. Ternyata, kepimpinan UMNO tidak mengecewakan orang Melayu walaupun parti itu terpaksa berkompromi dengan kaum bukan Melayu berhubung dengan prinsip *jus soli* dalam pemberian kerakyatan kepada mereka melalui Perlembagaan baru ini. Namun begitu, sebagai balasannya, UMNO berjaya mendapat peruntukan Perkara 153 yang

memperuntukkan kedudukan istimewa Melayu dalam perkhidmatan awam, ekonomi dan pendidikan. Begitu juga dengan kedudukan Raja-raja Melayu, Islam dan bahasa Melayu. Masing-masing diperkukuhkan melalui Perkara 181 dan 152 Perlembagaan Persekutuan 1957.

Implikasi daripada komitmen kepimpinan UMNO, parti tersebut berjaya memenangi 34 daripada 35 kerusi yang ditandinginya dalam pilihan raya ke arah berkerajaan sendiri yang diadakan pada 1955. Manakala rakan-rakan bukan Melayunya yang bertanding di 17 buah kerusi yang lain turut juga memenangi pilihan raya tersebut. Kemenangan calon bukan Melayu sudah tentulah melalui sokongan para pengundi Melayu yang merupakan 84 peratus daripada jumlah pengundi yang berdaftar pada ketika itu (Zainal 1971: 172). Sokongan yang diperolehi oleh calon bukan Melayu secara langsung menunjukkan bahawa tiada halangan bagi orang Melayu untuk mengundi calon bukan Melayu, asalkan mereka menyokong perjuangan UMNO yang mahu mempertahankan kepentingan Melayu. Kerjasama politik dengan bukan Melayu menjadi salah satu perubahan kepada budaya politik Melayu yang selama ini hanya menganggap kuasa politik adalah milik mereka secara mutlak. Kompromi politik dengan bukan Melayu menjadi unsur baru yang terbuka dalam mewarnai politik Melayu transisi merdeka.

Sokongan yang sama juga turut dinikmati oleh UMNO dan Perikatan dalam pilihan raya 1959 dan 1964. Tindakan kepimpinan UMNO terus mempertahankan kepentingan Melayu khususnya yang berkaitan dengan nilai asas budaya politik mereka telah menyebabkan majoriti masyarakat Melayu masih lagi memberikan taat setia mereka kepada UMNO. Melalui kedua-dua pilihan raya tersebut, Perikatan berjaya mengekalkan kelebihan dua per tiga kerusinya di Dewan Rakyat. Namun begitu pada pilihan raya umum 1969, keadaan berubah apabila pengundi Melayu mula menunjukkan sikap kritisnya terhadap Perikatan, khususnya UMNO. Ini kerana menjelang pilihan raya tersebut, UMNO mula dilihat tidak serius lagi untuk mempertahankan kepentingan Melayu, khususnya yang berkaitan dengan soal menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara yang tunggal pada 1967, seperti yang dikehendaki oleh Perlembagaan. Implikasinya, UMNO dan Perikatan hanya mampu memperoleh 66 kerusi di Dewan Rakyat. Hanya kerusi-kerusi dari Sabah dan Sarawak yang membantu Perikatan mempertahankan kedudukan dua per tiga majoriti di dewan tersebut. Manakala di Kelantan, Terengganu, Kedah

dan Perlis, majoriti pengundi Melayu memberikan undi mereka kepada PAS. Bagi kepimpinan UMNO, pelanggaran syarat menerima bahasa Inggeris selain bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi adalah untuk menunjukkan bahawa UMNO cuba membuka ruang yang terbuka supaya politik Melayu tidak dilihat oleh etnik lain sebagai tidak demokrasi. Namun, niat UMNO itu nampaknya belum dapat diterima sepenuhnya oleh sebahagian besar masyarakat Melayu yang melihat tindakan tersebut sebagai *merugikan* ketuanan Melayu.

Tragedi 13 Mei 1969 turut mengubah senario politik negara secara drastik. Peristiwa itu mempengaruhi pembentukan orientasi nilai politik Melayu apabila persoalan yang berkaitan dengan tuntutan meningkatkan sosioekonomi Melayu perlu diberikan perhatian serius oleh pemimpin Melayu. Nilai-nilai yang berkaitan dengan kedudukan raja, Islam dan bahasa Melayu semakin kental dan tetap tidak berubah. Masyarakat Melayu dan pemimpin UMNO masih lagi memperlihatkan komitmennya dalam mempertahankan nilai-nilai tersebut. Ini dibuktikan apabila kepimpinan UMNO yang menguasai kerajaan selepas 13 Mei 1969 telah menggunakan pendekatan politik paksaan untuk memperkukuhkan nilai-nilai berkenaan dengan menguatkuasakan undang-undang. Pindaan Perlembagaan 1971 digunakan untuk melarang isu ketuanan Melayu daripada dibicarakan dan dipersoalkan secara terbuka oleh sesiapa sahaja. Akta Hasutan yang juga diperkenalkan pada tahun tersebut memperuntukkan hukuman kepada sesiapa sahaja, termasuk ahli-ahli parlimen yang membicarakannya dalam Dewan Perundangan Negara (Means 1991: 14). Ahli-ahli parlimen tentunya merujuk kepada parti pembangkang seperti PAS, Gerakan, DAP dan Bebas.

## Budaya Politik Melayu Pasca Merdeka dan Transisi Dasar Ekonomi Baru

Secara praktiknya sering kali juga terjadi konflik dan kontroversi di antara orang Melayu dengan kepimpinan UMNO, terutamanya yang berkaitan dengan kedudukan raja-raja Melayu seperti yang berlaku pada 1980-an dan 1990-an serta manipulasi kerajaan dalam melaksanakan undang-undang yang berkaitan dengan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara. Walaupun konflik ini berpanjangan tetapi tidak pula sampai berlakunya penghapusan institusi raja dan UMNO ditolak oleh majoriti Melayu. Dalam usaha menghalal dan melegitimasi tindakan parti itu yang

kadangkala bermasalah dengan raja-raja Melayu, kepimpinan UMNO sering kali menggunakan ungkapan "demi untuk kebaikan institusi raja", "memperjelaskan bidang kuasa baginda" dan kadangkala ugutan "istana jangan campur urusan kerajaan" sebagai mengelakkan tentangan daripada orang Melayu terhadapnya. Walaupun dalam konflik ini kepimpinan Melayu dalam parti oposisi sering kali menyebelahi raja tetapi dengan bantuan media massa yang berada di bawah kawalan UMNO, peranan mereka langsung tidak ditonjolkan, sebaliknya tindak tanduk kepimpinan UMNO tetap dipertahankan. Media digunakan secara konsisten untuk memainkan isu-isu negatif terhadap institusi istana yang kemudian akan mengundang simpati masyarakat untuk menyokong segala tindakan yang diambil oleh UMNO.

Kepimpinan Tunku yang bersikap liberal terhadap ekonomi dan hanya mementingkan penguasaan politik menyebabkan ekonomi tidak dilihat sebagai suatu unsur yang mampu melahirkan suatu nilai yang mampu membentuk sikap dan orientasi politik Melayu. Walaupun adanya desakan di kalangan kepimpinan UMNO seperti Dr. Mahathir dan Aziz Ishak melalui akhbar yang menuntut Tunku mempertingkatkan kedudukan sosioekonomi Melayu supaya tidak terus terpinggir berbanding bukan Melayu, namun tindakan yang dilakukan oleh pemimpin Melayu untuk mengubah kedudukan ekonomi masyarakatnya adalah bersifat *monotone*. Tidak seperti nilai-nilai yang berkaitan dengan ketuanan Melayu, persoalan ekonomi gagal dikaitkan oleh kepimpinan Melayu dengan aspek *survival* dan masa depan politiknya. Ini boleh dibuktikan dengan sebahagian besar sikap mereka yang gagal melihat pendidikan sebagai langkah utama yang mampu mempertingkatkan ekonomi Melayu.

Mereka cukup berpuas hati apabila pihak Inggeris membuka peluang pendidikan vernakular kepada anak-anak Melayu sehingga darjah empat sahaja. Misalnya, sekitar 1948 barulah muncul kesedaran di kalangan masyarakat Melayu tentang perlunya pendidikan Melayu diperluaskan hingga ke peringkat universiti sebagai suatu usaha untuk membawa keluar orang Melayu daripada konotasi kemiskinan. Kesedaran yang dipelopori oleh Kesatuan Persekutuan Guru-guru Melayu Semenanjung (KPGMS) tidak pula diikuti dengan kesungguhan *political will* oleh kepimpinan politik Melayu sendiri. Hasrat itu tenggelam dalam dasar diskriminasi acuan pendidikan kolonial yang tidak mahu melihat anak-anak Melayu maju apabila mereka memperkenalkan sistem pendidikan vernakular Melayu (Ali 1976: 1-

16). Pendauletan Bahasa Melayu dalam sistem pendidikan adalah perjuangan utama UMNO tetapi gagal direalisasikan dalam konteks ekonomi dan politiknya. Kegagalan ini ditambah pula apabila golongan elit Melayu, iaitu pemimpin UMNO sendiri lebih senang dan bangga menghantar anak-anak mereka ke sekolah Inggeris kerana nilai ekonominya lebih terjamin. Tindakan ini membuktikan bahawa tahap pendidikan tinggi yang diperoleh oleh anak-anak golongan elit kepimpinan UMNO akan membolehkan mereka menjawat jawatan yang lebih baik berbanding golongan yang bersekolah Melayu. Mereka juga kemudiannya terus menguasai dan mewarisi kepimpinan UMNO lantaran mendapat pendidikan tinggi di Barat kerana dianggap lebih dekat dengan model British.

Keadaan yang sama juga berlaku pada 1920-an dan 1930-an, apabila Za'ba dan Abdul Kadir Adabi memperjuangkan penubuhan sebuah 'Universiti Melayu' untuk orang Melayu. Perjuangan ini juga pada awalnya tidak mendapat sokongan dan perhatian daripada pemimpin Melayu. Kepimpinan Melayu di istana sendiri tidak mempedulikan cita-cita tersebut sedangkan pada masa yang sama, para peniaga Cina di negeri Melayu dan negeri Selat terus mengirinkan dana ke China untuk membiayai institusi pendidikan bagi masa depan generasi mereka.

Ekoran daripada dualisme ekonomi Inggeris yang tidak bersedia mendedahkan orang Melayu kepada kegiatan ekonomi komersial maka sektor ini tidak menjadi buruan orang Melayu. Justeru itu, tidak banyak penglibatan orang Melayu dalam sektor perdagangan, perindustrian dan perniagaan. Mereka hidup dalam budaya selesa dengan kehidupannya di kampung sebagai petani, nelayan dan pekebun kecil. Manakala yang tinggal di bandar pula, mereka berpuas hati dengan menjadi kerani dan *peon* di peringkat rendah sama ada di sektor awam ataupun swasta. Fenomena ini menyebabkan orang bukan Melayu mengambil kesempatan dan terus menjadi tenaga penting dengan memonopoli kegiatan ekonomi moden, sama ada di bandar ataupun luar bandar. Walaupun orang Melayu luar bandar mendominasi aktiviti pertanian tetapi modal dan jaringan pemasaran dikuasai oleh bukan Melayu, khususnya Cina. Faktor ini juga menjadikan orang Melayu dilabelkan sebagai miskin dan mundur.

Kepimpinan UMNO yang menguasai kerajaan tidak pula melihat persoalan ekonomi orang Melayu dan hubungannya dengan politik negara secara serius. Walaupun perkara 153 dalam Perlembagaan

Persekutuan menyediakan peluang yang luas kepada masyarakat Melayu untuk melibatkan diri dalam dunia perniagaan dan perdagangan namun tidak banyak program susulan yang drastik dilaksanakan bagi tujuan pembangunan ekonomi orang Melayu. Bukan Melayu pula mengambil kesempatan daripada peruntukan ini yang banyak mendatangkan peluang ekonomi kepada mereka. Misalnya, melalui gagasan "Ali Baba", ahli politik Melayu yang berjaya mendapat lesen perniagaan atau permit melalui peruntukan Perlembagaan telah menyewakan kepada bukan Melayu bagi mendapat wang secara cepat dan mudah.

Kegagalan pembangunan sosioekonomi orang Melayu bukanlah suatu yang luar biasa dalam sejarah perkembangan politik dan ekonomi Melayu. Kegagalannya bukan sahaja berpunca daripada ketiadaan *political will* di kalangan kepimpinan Melayu yang mahu menggerakkan anggota masyarakatnya agar menjadikan ekonomi sebagai suatu agenda politik yang mempunyai serampang dua mata, iaitu memperkukuhkan ekonomi dan jaminan kepada survival politik Melayu tetapi juga berkait rapat dengan sikap dan persepsi kepimpinan Melayu dan UMNO sendiri. Mereka seolah-olah percaya kepada gagasan dualisme ekonomi, dengan andaian orang Melayu amat berpuas hati dengan ekonomi desa yang serba mundur itu. Minat masyarakat Melayu dikatakan lebih tertumpu kepada hal ehwal politik. Manakala bukan Melayu pula pada tanggapan kepimpinan UMNO tidak berminat dengan politik tempatan. Sebaliknya mereka lebih berminat dengan kegiatan ekonomi yang menjanjikan keuntungan kepadanya (Shaharuddin 1988: 124).

Pendekatan Tunku yang sedia berkompromi dengan elit politik bukan Melayu dalam Perikatan gagal menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara yang tunggal melalui Akta Bahasa Kebangsaan pada Mac 1967 (Means 1976: 391-2). Ini kerana Tunku gagal melihat pertalian antara isu bahasa dengan kepentingan ekonomi Melayu. Bagi beliau persoalan bahasa hanya sekadar suatu isu yang berkaitan dengan ketuanan Melayu semata-mata yang terkandung dalam Perkara 152 Perlembagaan yang mencatatkan bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan. Ketika itu golongan muda dalam UMNO yang diketuai oleh Dr. Mahathir dan golongan muda di luar UMNO yang dipelopori oleh Anwar Ibrahim melihat isu bahasa dalam konteks kepentingan ekonomi dan *survival* politik Melayu. Tuntutan daripada golongan muda ini menjadikan Tunku tertekan melalui gabungan tenaga Mahathir-Anwar pada penghujung 1960-an.

Tragedi 13 Mei 1969 menyebabkan berlaku anjakan paradigma dalam pembentukan budaya politik Melayu yang tidak lagi didominasi oleh nilai-nilai yang berkaitan dengan ketuanan Melayu sahaja, tetapi nilai yang berkaitan dengan ekonomi juga mendapat perhatian yang serius, serta diberikan dimensi politik oleh orang Melayu dan kepimpinan politik Melayu dalam UMNO khususnya. Sebelum kepimpinan UMNO menjadikan ekonomi sebagai suatu agenda politik Melayu menjelang kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu pihak Inggeris sudahpun melihat soal ekonomi Melayu dalam konteks masa depan politik negara baru merdeka. Templer yang menjadi Pesuruhjaya Tinggi pada 1952 sudahpun beranggapan bahawa kestabilan politik Persekutuan Tanah Melayu merdeka hanya dapat dinikmati sekiranya Melayu diberi peranan yang lebih besar dalam kegiatan ekonomi. Langkah ini akan mengurangkan ketidakseimbangan ekonomi antara Melayu dengan bukan Melayu (Milne & Mauzy 1982: 409).

Melalui desakan Dato' Onn pada 1950, pihak Inggeris menubuhkan Lembaga Kemajuan Perusahaan Luar Bandar (RIDA) dengan dipengerusikan oleh beliau sendiri. Kemudian diikuti oleh Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) pada 1956. Kedua-dua institusi ini tidak banyak membantu kemajuan sosioekonomi orang Melayu. Begitu juga apabila kerajaan menubuhkan beberapa institusi ekonomi selepas merdeka sebagai *respons* kepada Kongres Ekonomi Bumiputera Pertama pada 1965 dan Kedua pada 1968 yang mahu membentuk orang Melayu sebagai masyarakat perniagaan dan perdagangan. Penubuhan institusi ekonomi seperti Bank Bumiputra, PERNAS, MARA, UDA dan FAMA juga tidak membawa kejayaan kepada usaha berkenaan. Kegagalan ini dikaitkan dengan kewujudan fenomena pertandingan tidak sempurna apabila pada waktu yang sama kegiatan ekonomi bukan Melayu juga turut berkembang tanpa kawalan. Selangkah Melayu bergerak untuk memulihkan ekonomi mereka, orang Cina sudahpun bergerak tiga langkah ke hadapan (Means 1982: 413). Fenomena ini menjadikan orang Melayu berada dalam situasi tidak bersemangat dan rendah diri serta gagal menyesuaikan dirinya dengan kegiatan ekonomi moden. Di samping itu, kegagalan ini dikaitkan juga dengan ketiadaan golongan profesional Melayu untuk menjadi mentor kepada orang Melayu lain.

Walaupun punca kegagalan ini dapat dikesan, namun faktor sebenar yang menyumbang kepada kegagalan itu ialah ketiadaan *political will* di kalangan para pemimpin politik Melayu yang mendominasi

kekuasaan. Ini dapat dibuktikan apabila UMNO mengambil jalan mudah dengan mengatakan bahawa UMNO tidak boleh berbuat apa-apa lagi dalam hal membantu ekonomi orang Melayu. Selebihnya terserah kepada individu itu sendiri sama ada memberi sambutan atau tidak terhadap usaha kerajaan untuk memperbaiki ekonomi mereka (Means 1982: 412). Hakikatnya, orang Melayu pada waktu itu memerlukan sokongan dan dokongan yang kuat daripada pemimpin mereka untuk meningkatkan ekonominya. Ini kerana mereka tidak pernah didedahkan kepada kegiatan ekonomi moden. Anehnya pemimpin UMNO gagal melihat agenda ekonomi ini sebagai suatu prasyarat kepada kestabilan dan keselamatan negara pada masa depan.

Apabila laporan rasmi kerajaan mengenai Tragedi 13 Mei 1969 menyenaraikan ketidakseimbangan ekonomi di antara Melayu dengan bukan Melayu sebagai salah satu punca yang menyebabkan berlakunya tragedi tersebut, maka kepimpinan UMNO terpaksa memberikan perhatian yang serius terhadap kedudukan ekonomi orang Melayu dan hubungannya dengan politik negara. Kesungguhan ini semakin terserlah apabila Tun Razak mengambil alih kepimpinan parti dan kerajaan daripada Tunku, namun beliau percaya bahawa polisi kerajaan pada masa hadapan harus mengambil kira langkah menangani kemunduran ekonomi orang Melayu (Means 1991: 11). Masa depan negara baginya tidak bergantung semata-mata kepada kekuatan pertahanan tetapi juga kemajuan ekonomi rakyatnya.

## Era Dasar Ekonomi Baru

Dasar Ekonomi Baru (DEB) diperkenalkan dan melalui tempoh pelaksanaannya selama 20 tahun dengan dua matlamat utama dikenal pasti, iaitu menghapuskan kemiskinan dan menyusun semula masyarakat tanpa dikaitkan dengan kegiatan ekonomi tertentu. Tun Razak menyedari bahawa tidak mudah untuk melaksanakan matlamat ini sekiranya kekuatan politik Melayu tidak disatukan dan bukan Melayu pula tidak memberi kerjasama mereka terhadap usaha menangani ekonomi orang Melayu. Situasi ini akan bertambah buruk sekiranya UMNO dan Perikatan gagal menguasai dua per tiga majoriti di Dewan Rakyat. Oleh itu, untuk mengurangkan *politiking* dan menggerakkan semua tenaga ke arah pencapaian matlamat DEB, Tun Razak telah memperluaskan konsep Perikatan kepada Barisan Nasional (BN) bagi memberi peluang kepada parti lawan berada dalam kelompok parti pemerintah.

Dalam situasi kritikal tersebut, penyertaan PAS amat diperlukan oleh UMNO memandangkan kemampuan parti tersebut mendapat sokongan besar pengundi Melayu dalam pilihan raya umum 1969, khususnya di utara Semenanjung yang majoriti penduduknya adalah Melayu. Konflik yang berterusan dengan PAS dilihat boleh menghalang pencapaian DEB kerana sebilangan besar orang Melayu yang ditangani ekonominya itu berada di utara Semenanjung yang menjadi kubu kuat PAS. Pemimpin PAS juga menyedari kepentingan DEB dalam usaha memulihkan ekonomi orang Melayu. Pada 1972, PAS telah bersedia menubuhkan Kerajaan Campuran dengan Perikatan di semua peringkat dan diikuti pula dengan kesediaannya menganggotai Barisan Nasional pada 1974. Kebanyakan parti politik menyertai BN kecuali DAP, PSRM dan Pekemas. Pada peringkat ini kepimpinan politik Melayu benar-benar berfungsi sebagai *Malay political hegemony*. Melalui gabungan UMNO-PAS, politik Melayu lebih mendominasi parti politik bukan Melayu melalui gagasan BN. Oleh itu, tidak ada sebarang halangan bagi kepimpinan Melayu untuk melaksanakan kehendak DEB.

Dalam usaha membasmi kemiskinan, pihak kerajaan dan UMNO melalui Rancangan Malaysia Kedua (1971-1976) memberikan penekanan kepada langkah-langkah menstrukturkan semula masyarakat (RMK 1971). Tanpa melalui proses penyusunan semula masyarakat, usaha ke arah membasmi kemiskinan sukar dicapai. Berikutan itu, peruntukan Perkara 153 Perlembagaan telah dimanfaatkan dengan sebaiknya. Melalui sistem kuota, orang Melayu diberi peluang untuk memasuki pelbagai bidang pendidikan dan pekerjaan profesional yang selama ini dimonopoli oleh bukan Melayu. Untuk membolehkan anak-anak Melayu di luar bandar yang menerima pendidikan melalui bahasa Melayu mendapat pendidikan di peringkat universiti, maka bahasa Melayu telah dijadikan bahasa pengantar di semua institusi pengajian tinggi awam. Dengan cara ini mereka berpeluang memperbaiki kemunduran yang selama ini menjadi sinonim dengan orang Melayu di luar bandar.

Sejak penglibatan secara langsung yang tegas dan konsisten daripada kepimpinan Melayu dan kerajaan, secara perlahan-lahan nilai ekonomi mula menjadi sebahagian daripada nilai yang mempengaruhi pembentukan budaya politik. Sikap dan orientasi politik Melayu mula bergerak selari dengan pencapaian matlamat DEB. Tindakan mereka pada ketika itu adalah menentukan bahawa dalam tempoh 20 tahun, orang Melayu sekurang-kurangnya mampu menguasai 30 peratus

ekuiti negara. Ini kerana sebelum 1969 ekuiti Melayu hanya sebanyak 1.5 peratus (RMK 1971: 46). Walaupun secara individu, orang Melayu tidak mampu menguasai jumlah yang dirancangan itu tetapi melalui institusi amanah yang ditubuhkan oleh kerajaan untuk menjaga kepentingan Melayu dalam sektor tersebut serta peraturan yang menetapkan 30 peratus peluang pemilikan harta yang diperuntukkan kepada orang Melayu, pelbagai pihak di kalangan orang Melayu percaya bahawa mereka mampu mencapai matlamat tersebut. Oleh yang demikian, dalam era ini penglibatan orang Melayu dalam sektor ekonomi yang berasaskan perniagaan dan perdagangan begitu mendadak. Kegiatan ini tidak lagi tertumpu di kawasan luar bandar tetapi juga mula menempatkan diri di bandar.

Sebagai peneroka bandar, mereka mula menceburkan diri dalam pelbagai bidang dan peringkat pekerjaan yang sebelum ini merupakan suatu yang asing kepadanya. DEB membuka peluang pekerjaan dalam setiap institusi yang dahulunya dimonopoli oleh bukan Melayu. Pada era ini, masyarakat Melayu percaya bahawa kekuatan ekonomi adalah jaminan kepada masa depan politikinya. Mereka mula sedar bahawa kemampuan bukan Melayu dalam Perikatan yang menuntut kehendaknya ke atas UMNO misalnya dalam pembentukan dasar kerajaan dan peruntukan kerusi pilihan raya adalah berpunca daripada kekuatan ekonomi yang dimiliki oleh golongan tersebut. Nilai inilah yang memperkukuhkan gabungan UMNO dan BN sehingga dalam pilihan raya umum 1974, pembangkang hanya mampu menang 19 kerusi (Kamarudin 2000: 46). Dalam pilihan raya tersebut, sebahagian besar pengundi Melayu memberikan undi mereka kepada UMNO-PAS.

PAS kemudiannya meninggalkan BN berikutan krisis kepimpinan yang berlaku pada 1977. UMNO menjadi punca perpisahan ini kerana cuba meletakkan calon Menteri Besar Kelantan yang pro-UMNO sedangkan dalam masa yang sama PAS terus ingin mengekalkan calon Menteri Besarnya sendiri yang sangat disenangi oleh kepimpinan PAS dan rakyat Kelantan. Bagi UMNO, perpecahan ini masih tidak menjejaskan sokongan Melayu kepada UMNO-BN. Krisis dalaman yang dihadapi oleh UMNO di antara 1977 hingga 1990 tidak juga menjejaskan peluang parti itu dan rakan-rakannya dalam BN untuk memenangi pilihan raya umum 1978, 1982, 1986 dan 1990 dengan majoriti dua per tiga di Dewan Rakyat.

Pada era 1980-an, UMNO tidak lagi menjadi parti yang didominasi oleh guru-guru Melayu ataupun pegawai-pegawai kerajaan. Golongan

menengah Melayu yang lahir daripada pelaksanaan DEB juga semakin ramai mendekati UMNO. Sebahagian besar mereka pernah mendapat biasiswa daripada kerajaan ketika melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti di dalam atau luar negara. Manakala sebahagian pula mendapat peluang berupa permit, tender, lesen perniagaan dengan bantuan kerajaan di bawah peranan institusi amanah yang dibentuk oleh kerajaan. Ini menyebabkan mereka menganggap bahawa parti itu dilihat peka kepada kepentingan ekonomi dan *survival* orang Melayu. Tambahan pula kekosongan yang ditinggalkan oleh PAS diisi pula oleh kehadiran Anwar Ibrahim dan pengikutnya yang sebelum itu sinikal dan kritis terhadap kerajaan. Kemasukan Anwar ke dalam UMNO pada 1982 memberi kelebihan kepada UMNO yang sedang berhadapan dengan kebangkitan PAS yang konsisten dan baru mengalami proses perubahan pucuk pimpinan daripada golongan nasionalis kepada golongan ulama. Kemasukan Anwar turut menyelamatkan kedudukan Dr. Mahathir daripada ditumbangkan oleh Razaleigh dan saingan daripada pemimpin kanan UMNO pada 1987.

Namun, kemasukan ramai golongan menengah Melayu ke dalam UMNO turut membawa kesan negatif. Dalam politik, pemimpin dan pengikut mempunyai hubungan yang erat kerana kedua-duanya mempunyai kepentingan. Pemimpin perlu kepada pengikut untuk memenuhi kehendak bagi mendapat kuasa dan mengekalkan kedudukannya. Pengikut pula perlu mempunyai hubungan rapat dengan pemimpin untuk mendapatkan jawatan, kepentingan atau paling tidak mereka bangga mempunyai hubungan rapat dengan seseorang pemimpin. Secara perlahan-lahan mereka mula mengatur berbagai-bagai strategi bagi mengambil alih kepimpinan UMNO di peringkat cawangan dan bahagian. Ketika proses pertukaran kepimpinan UMNO berjalan, parti itu terdedah pula kepada gejala politik wang yang menjadi satu kaedah paling popular untuk mendapatkan kuasa dalam parti. Wang menyebabkan ciri-ciri elitis semakin menyerap ke dalam parti sehingga UMNO kelihatan sebagai sebuah parti orang kaya dan menjadi saluran terbaik untuk cepat menjadi kaya raya. Walau bagaimanapun, oleh sebab perjuangan ekonomi Melayu belum selesai, UMNO masih menerima sebahagian sokongan daripada orang Melayu. Selepas berakhir DEB dan digantikan dengan DPN pada 1990, sifat eletis UMNO semakin parah tetapi faktor itu bukan pula menjadi sebab untuk ditolak oleh sebilangan Melayu. Ini mungkin kerana UMNO terus kekal mendominasi kerajaan.

## Budaya Politik Melayu Pasca DEB dan Kontemporari

Walaupun dikotomi bandar-luar bandar, miskin-kaya dan maju-mundur sering kali mengheret Melayu ke dalam gejala dan konotasi yang negatif tetapi pada penghujung era DEB, gejala negatif ini sedikit sebanyak berjaya dikurangkan melalui usaha kepimpinan UMNO yang berjaya membangunkan ekonomi orang Melayu. Bandar yang dahulunya disifatkan sebagai penempatan bukan Melayu kini berhadapan dengan mobilisasi Melayu dari kampung dengan gelombang besar. Kaya tidak lagi dikaitkan dengan orang Cina semata-mata malah jutawan Melayu juga mula muncul dalam pelbagai sektor ekonomi. Kemajuan tidak lagi dimonopoli oleh bukan Melayu tetapi masyarakat Melayu juga telah maju setanding dengan mereka. Situasi ini tidak pula bererti tanggungjawab UMNO terhadap ekonomi orang Melayu telah berakhir.

Melalui dominasi kekuasaannya dalam kerajaan tidak mustahil untuk UMNO mengubah paradigma untuk melibatkan orang Melayu sebagai aktor utama dalam ekonomi negara. Misalnya, ini mula terbukti dalam sistem perbankan. Sebelum 1969, tiada satu bank di negara ini yang dimiliki oleh orang Melayu tetapi dalam tempoh pelaksanaan DEB, para peniaga Melayu sudah mula menunjukkan kemampuan mereka untuk menguasai sektor tersebut. Pertumbuhan ekonomi negara pada purata sekitar 5 hingga 8% setahun menjadikan pengangguran dan kemiskinan bukan lagi masalah besar kepada orang Melayu (Jomo 1995). Melalui penglibatan langsung daripada kerajaan, orang Melayu mampu menangani masalah itu. Pada penghujung era DEB sudah terdapat peneroka FELDA yang mampu menguruskan ladangnya secara sistematik dengan menggaji buruh asing sebagai pekerja di ladang mereka. Ada sebilangan daripada mereka yang menjadi jutawan apabila tanah mereka dibangunkan secara usahasama dengan syarikat projek hartanah sama ada dengan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri atau pihak swasta.

Satu kesilapan besar dilakukan oleh kepimpinan UMNO apabila kemajuan ekonomi mengubah persepsi mereka terhadap tanggungjawabnya kepada masyarakat Melayu yang menjadi penyokong setianya. Gejala ini semakin parah apabila kepimpinan UMNO mula terpengaruh dengan aliran *New Right* yang menguasai pemikiran liberalisasi ekonomi Barat seperti yang terjelma dalam era *Reaganism* di Amerika Syarikat dan era *Thatcherism* di Britain. UMNO mula bertindak mengurangkan

peranan sebanyak mungkin dalam kegiatan ekonomi. Tanggungjawab itu dibebankan kepada pihak swasta melalui konsep penswastaan seperti yang berlaku di Britain pada waktu itu. Tugas ini bukan sahaja terletak kepada kapitalis Melayu tetapi juga membuka peluang kepada bukan Melayu. Perubahan sosioekonomi masyarakat daripada homogeneous kepada heterogeneous tidak berjalan dengan cepat dan mudah. Kesukaran lebih dirasai dalam proses ini apabila setiap etnik tidak senang dengan pembauran ini kerana Melayu inginkan ia terus diberi keistimewaan manakala bukan Melayu merasakan hak monopoli ekonominya cuba dirampas daripada genggamannya. Tindakan ini menjejaskan usaha pembangunan ekonomi khususnya di kawasan luar bandar.

Golongan kapitalis Melayu baru yang lahir daripada DEB lebih memberi tumpuan kepada aktiviti ekonomi di bandar dan projek mega yang memberikan keuntungan yang besar. Perumahan kos rendah untuk mereka yang berpendapatan kecil tidak lagi diberikan perhatian. Hanya Menteri Kewangan pada ketika itu, Anwar Ibrahim yang lantang memperjuangkan tentang projek perumahan ini tetapi pemaju hartanah tidak melihatnya sebagai suatu tanggungjawab sosial mereka kepada golongan miskin dan melarat. Keadaan menjadi bertambah kacau apabila dalam proses pengagihan projek penswastaan ini UMNO dituduh mengamalkan kronisme dan nepotisme sehingga dianggap mengkayakan sekelompok Melayu sahaja. Implikasinya, UMNO dan kerajaan terdedah kepada kegiatan rasuah yang semakin sukar dibendung. Anwar terpaksa mengkaji semula undang-undang yang berkaitan dengan kegiatan tersebut. Implikasi kajian ini diputuskan oleh Anwar ketika memangku jawatan Perdana Menteri selama tiga bulan pada awal 1997. Dalam keputusan itu terkandung perakuan bahawa mana-mana individu yang pernah terlibat dalam rasuah akan dihadapkan ke mahkamah walaupun telah 10 tahun meninggalkan jawatan kerajaan atau politik. Ini menimbulkan kegelisahan kepada penjawat awam dan ahli politik yang mempunyai kepentingan berkenaan.

Gejala negatif yang mula lahir daripada proses penswastaan itu telah memberi kesan jangka panjang terhadap usaha untuk meningkat dan memperbaiki ekonomi orang Melayu, terutamanya selepas tempoh pelaksanaan DEB tamat. Fenomena ini menyebabkan secara perlahan-lahan orang Melayu menjauhi UMNO. Namun, mereka masih belum menunjukkan protes terbuka terhadap UMNO. Ini kerana nilai asas

orientasi politik Melayu masih lagi berkisar kepada pembangunan ekonomi dan mereka percaya kepimpinan UMNO tidak akan membiarkan asas yang dibina sejak 1971 musnah. Dalam masa yang sama, Anwar Ibrahim yang dilihat sebagai bakal mewarisi kepimpinan utama UMNO menunjukkan komitmen yang tinggi untuk menghapuskan kemiskinan terutama di kalangan orang Melayu. Sedihnya, kepimpinan UMNO yang lain sengaja gagal menghidu perubahan ini, sebaliknya masih menganggap kedudukannya bertambah kuat kerana terus mengekalkan majoriti dua per tiga di Dewan Rakyat dalam pilihan raya 1995.

Akibat persepsi ini dan ditambah dengan jangka masa yang lama parti itu memerintah, UMNO dan kepimpinannya mula berpegang kepada budaya baru, iaitu:

1. Setiap teguran terutama daripada orang Melayu akan ditafsirkan sebagai suatu penentangan terhadap kerajaan.
2. Memisahkan dirinya daripada para pengundi Melayu.
3. Kurang pertimbangan sehingga bersedia mengurangkan beberapa kepentingan Melayu atas nama persaingan.
4. Menyemak undang-undang apabila kritikan daripada orang Melayu menggugat kepimpinannya.
5. Menyalahkan orang Melayu apabila kerajaan dikritik dalam gelombang besar dengan menjadikan orang lain sebagai 'kambing hitam'.

Implikasi daripada budaya baru ini, pelbagai NGO turut muncul daripada reaksi rakyat kepada kerajaan, khususnya kesan yang berkaitan dengan proses penswastaan. Rasa tidak puas hati kian memuncak apabila kegawatan ekonomi yang berlaku pada 1997 membawa pula kepada kegawatan politik. Ekoran daripada itu, tercetus pula perbezaan pendekatan di antara Dr. Mahathir dengan Anwar dalam menangani kegawatan tersebut (Uhlir 2002: 151). Akhirnya dalam konflik tersebut, Anwar dimatikan fungsinya daripada kedudukan kerajaan pada September 1998. Penyingkiran ini kemudiannya diikuti pula dengan pelbagai tuduhan di mahkamah yang mengakibatkan beliau dihukum penjara selama 15 tahun, iaitu enam tahun penjara atas kesalahan rasuah dan sembilan tahun penjara atas kesalahan salah laku seks.

Tindakan kepimpinan UMNO sukar diterima oleh rakyat terutamanya generasi muda Melayu dan golongan menengah Melayu. Konflik ini berlaku ketika dunia sedang dilanda proses globalisasi

yang menghasilkan ledakan maklumat yang cukup cepat dan sukar dikawal (Sorensen 2002). Budaya politik Melayu turut berubah apabila 'persoalan politik hanya urusan politik' sudah terkeluar daripada melingkari kehidupan mereka. Orang Melayu semakin terbuka untuk berpartisipasi dalam politik praktik. Dalam tempoh yang singkat sahaja, melalui teknologi komputer, satu kesepaduan persepsi di kalangan mereka berhubung dengan kes Anwar berjaya dibentuk. Dalam hal ini isu pemecatan dan pendakwaan terhadap Anwar dilihat dalam konteks konspirasi politik, kezaliman, ketidakadilan dan penyalahgunaan kuasa oleh golongan pemerintah yang dikuasai UMNO (Kinvall & Jonson 2002). Keadaan ini diburukkan lagi apabila Anwar Ibrahim dibelasah semasa dalam tahanan polis oleh Rahim Noor, Ketua Polis Negara. Bagi golongan ini, secara logiknya Ketua Polis tidak mungkin bertindak ganas tanpa mendapat restu daripada pemimpin atasan. Persepsi ini kemudiannya disokong pula dengan kenyataan Anwar yang membenarkan persepsi tersebut. Ini sudah tentu menambahkan lagi sikap kritikal golongan muda dan profesional Melayu terhadap UMNO dan pihak kerajaan. Sikap kritis ini semakin terserlah kerana Anwar dianggap sebagai pemimpin unggul masa depan mereka.

Implikasi pemecatan Anwar secara drastik turut mewarnai nilai asas yang membentuk budaya politik Melayu yang tidak lagi berkisar kepada ketuanan Melayu dan ekonomi. Sebaliknya mula menyerap nilai-nilai sejagat ke dalam agenda politik Melayu sebagai satu usaha untuk menentang tindakan kerajaan dan UMNO yang dianggapnya tidak telus, zalim dan tidak adil kepada Anwar (Chandra Muzaffar 1998). Elemen penting nilai-nilai sejagat, seperti keadilan, ketelusan, hak asasi, kebebasan dan Islamik disuarakan dengan begitu lantang. Faktor globalisasi, pengaruh IT, perkembangan politik dunia menjana minda Melayu untuk menjadi lebih berani, progresif, kompetatif dan kesedaran tinggi yang menjadi babak baru kepada politik Melayu (Mahathir 2003).

Perjuangan sebegini mudah mendapat sokongan dan simpati daripada golongan muda Melayu. Ini kerana golongan muda mempunyai idealisme mereka yang tersendiri dan kritis berhubung dengan bentuk dan perjalanan sesebuah kerajaan. Mereka lazimnya bersifat anti-*establishment*. Bagi UMNO, komuniti belia dilihat sebagai unsur yang boleh menggugat *status quo* pemerintah. Oleh itu, pertumbuhan dan gerakan golongan ini perlu dikawal oleh kerajaan supaya semua

aktiviti mereka selari dengan idealisme penguasa. Kawalan itu tentunya menjadi satu cabaran dan bukan halangan kepada kreativiti anak muda, semakin ingin diterokai. Ini sangat bersesuaian dengan darah muda golongan berkenaan. Melalui penggabungan dua golongan Melayu ini kesedaran politik di kalangan masyarakat Melayu pada awal abad ke-21 sangat memberangsangkan.

Apa yang menarik ialah partisipasi yang dimanifestasikan daripada tindakan dan sikap ini wujud juga di kalangan masyarakat bukan Melayu. Lanjutan daripada itu, dalam tempoh yang singkat sahaja seramai 670,000 anak muda Melayu dan bukan Melayu mendaftarkan diri sebagai pengundi baru bagi pilihan raya umum yang bakal diadakan pada 1999. Sebelum itu sambutan sangat dingin diberikan terhadap proses pendaftaran pengundi. Oleh yang demikian, dengan membaca secara abstrak kekuatan golongan ini, maka menjelang pilihan raya tersebut, pihak pemerintah telah menggunakan strategi dengan bertindak menafikan hak golongan ini untuk keluar sebagai pengundi walaupun proses pendaftaran mereka sudah pun selesai berbulan-bulan sebelum tarikh pilihan raya diadakan.

Perkembangan ini menyebabkan setiap golongan yang memperjuangkan penerapan nilai-nilai sejagat dalam kehidupan rakyat telah bergabung pula dalam NGO yang dikenali sebagai ADIL yang kemudiannya membawa kepada penubuhan Parti KeADILan yang diketuai oleh Wan Azizah (Uhlir 2002: 154). Apa yang menarik ialah parti yang didokong oleh golongan menengah Melayu ini turut didokongi oleh bukan Melayu dan menampakkannya sebagai parti pelbagai etnik yang cukup mantap. Parti itu secara langsung memperlihatkan bahawa peranan perkauman dalam politik berjaya dikurangkan dalam mendominasi politik berparti di Malaysia. Wujud pandangan yang menyatakan bahawa KeADILan adalah parti golongan menengah.

Senario yang berlaku ini menyebabkan UMNO terpaksa berhadapan dengan golongan menengah dan golongan muda Melayu yang berada dalam KeADILan. Dalam masa yang sama, muncul penentangan secara senyap dari dalam UMNO yang sudah tidak bersedia lagi untuk berjuang dalam parti tersebut. Bagi mereka yang bukan anggota UMNO dan dianggap sebagai golongan atas pagar, krisis kepimpinan UMNO menjadikan mereka bersimpati dengan perjuangan PAS atau KeADILan. Ada di antara mereka kemudiannya memilih KeADILan dan PAS sebagai wadah politik yang baru sehinggakan PAS berubah

wajahnya daripada imej parti kampung kepada parti profesional Melayu yang menjadi cabaran baru kepada UMNO-BN (Kamarudin 2000). Dalam suasana yang tertekan inilah UMNO memasuki pilihan raya umum 1999.

Walaupun UMNO-BN mendapat majoriti dua per tiga di Dewan Rakyat namun jumlah undi dan kerusi yang dimenangnya berkurangan. Kelantan dan Terengganu ditawan oleh BA manakala di Kedah BN tidak mendapat majoriti dua per tiga kerusi Dewan Undangan Negeri. Daripada 88 kerusi yang dimenangi dalam pilihan raya 1995, jumlah kerusi UMNO di dewan tersebut pada 1999 merosot kepada 72 kerusi. Kebanyakan kerusi yang dimenangnya baik parlimen atau DUN majoritinya menurun dengan begitu mendadak. Misalnya, di Shah Alam pengundinya terdiri daripada golongan menengah Melayu dan majoriti undi yang dipungut oleh calon UMNO hanya 1,440, sedangkan pada 1995, majoriti undinya adalah 40,715 undi (Kamarudin 2000: 21 & 104).

KeADILan walaupun hanya mampu memenangi lima kerusi Parlimen sahaja tetapi pencapaian ini sangat memberangsangkan kerana ketika pilihan raya 1999 diadakan parti itu baru berusia tujuh bulan. Dalam usia yang muda itu, parti tersebut berjaya mengurangkan sejumlah besar majoriti undi UMNO di setiap kawasan yang ditandinginya, sehinggakan jumlah undi popular yang diperolehi UMNO-BN hanya 56.1 peratus, sedangkan pada pilihan raya 1995, undi popular parti itu adalah 65.0 peratus (Kamarudin 2000: 26). Perangkaan ini menunjukkan bahawa hampir separuh para pengundi memberi sokongan mereka kepada keADILan-BA. Ini membuktikan bahawa kepentingan dan keperluan nilai-nilai sejagat yang diperjuangkan oleh golongan menengah dan golongan muda Melayu mula diterima serta berjaya menjadi nilai asas yang dominan dalam menentu, mencorak dan mempengaruhi sikap serta orientasi politik masyarakat Melayu.

Persoalan ini timbul apabila pencapaian yang diperolehi pada 1999 menunjukkan bahawa KeADILan dan BA mempunyai harapan lebih baik untuk memenangi lebih banyak kerusi dalam pilihan raya umum yang akan diadakan pada 2004 nanti. Jika ditelusuri secara logiknya ketika itu, golongan menengah Melayu kian meningkat. Pada 1999 golongan ini adalah seramai 37 peratus daripada jumlah rakyat Malaysia, sedangkan pada 1995 jumlahnya ialah sebanyak 32.2 peratus (*Berita Minggu* 2000). Ini memberi isyarat bahawa selagi kumpulan ini memperjuangkan penghayatan nilai-nilai sejagat maka mereka akan

terus diterima oleh masyarakat. Tambahan pula UMNO gagal menyesuaikan dirinya dengan tuntutan tersebut dan golongan muda Melayu akan menjauhkan diri daripada UMNO kerana parti tersebut dilihat tidak relevan lagi dengan ketelusan yang diharapkan. Disebabkan UMNO menjadi parti dominan dalam gagasan BN, implikasinya turut juga dihadapi oleh gabungan bukan Melayu dalam BN. Fenomena ini dibuktikan dalam pilihan raya kecil di kawasan Lunas, Kedah apabila sebahagian pengundi baru, Melayu dan bukan Melayu tidak memberikan undi mereka kepada BN sehingga parti itu gagal mempertahankan kawasan tersebut. Sedangkan dalam pilihan raya 1999 BN menang dengan majoriti yang cukup selesa. Manakala dalam pilihan raya kecil Teluk Kemang, Negeri Sembilan undi pos telah memihak kepada parti KeADILan yang menyebabkan undi majoriti yang diperolehi BN jauh merosot berbanding majoriti yang dimenangi ketika pilihan raya umum 1999. Begitu juga dalam pilihan raya kecil Pendang 2002, walaupun PAS kalah kepada BN tetapi undi yang mereka peroleh lebih besar daripada jumlah undi yang mereka peroleh dalam pilihan raya umum 1999.

Sejak mengalami kemerosotan undi dari 1999 sehingga kini, UMNO belum menemukan suatu strategi yang boleh menarik kembali sokongan tulen golongan muda kepadanya. Semasa merasmikan Perhimpunan Pemuda UMNO 2001, Timbalan Presiden UMNO mengakui bahawa orang Melayu sudah ada parti alternatif untuk menggantikan UMNO dalam kerajaan. Namun, satu hakikat bahawa untuk menumbangkan UMNO sebagai parti dominan dalam pemerintahan bukanlah mudah. Dengan kuasa yang ada, UMNO mampu melahirkan suasana yang kondusif untuk mencipta berbagai-bagai strategi yang akan memihak kepadanya untuk terus mengekalkan kuasa. Beberapa pendekatan klasik cuba dilakukan oleh UMNO melalui sikap antagonistik dan kuat kuasa undang-undang dalam usaha memulihkan kembali kedudukannya.

Sebaliknya, kepimpinan UMNO harus mengakui dan memperbaiki kesilapan sendiri serta akur dengan ledakan teknologi maklumat yang sukar dikawal. Perkembangan teknologi IT menyebabkan pemikiran rakyat berubah dalam menimbangkan segala manipulasi tingkah laku pemimpin yang telah diamanahkan oleh mereka. Tindakan menyalahkan pihak lain terutama golongan menengah Melayu sebagai punca kemerosotan undi terhadapnya adalah suatu tindakan yang mesti dielakkan. Dalam suasana yang dihadapi sekarang, kepimpinan UMNO

seharusnya mempunyai *political will* yang kuat untuk merubah sikapnya sendiri. Kritikan daripada orang Melayu tidak harus dilihat sebagai penentangan. Jika amalan sengaja mencari kesalahan orang lain untuk melindungi kesilapannya berterusan, lambat laun UMNO akan berhadapan dengan gelombang penentangan yang berterusan daripada pendukungnya sendiri dan generasi muda Melayu. Faktor bimbang akan berulang rusuhan kaum seperti 13 Mei 1969 yang sering dijadikan alasan untuk membolehkan kerajaan mengenakan hukuman dan sekatan adalah anggapan strategi klasik yang perlu dihindari oleh kepimpinan UMNO.

Kecenderungan UMNO-kerajaan menggunakan ISA terhadap pengkritiknya akan memperluaskan keregangan di antara parti itu dengan golongan menengah dan generasi muda Melayu. Ini kerana ISA dilihat oleh mereka sebagai bertentangan dengan nilai-nilai sejagat manusia yang diperjuangkan mereka (Uhlir 2002). Sedangkan dalam masa yang sama, UMNO masih memperhebatkan penggunaan ISA. Peluang untuk meminda atau memansuhkan ISA dianggap tertutup dan ini akan memperkuat persepsi mereka bahawa UMNO tidak relevan kerana masih mempertahankan dan menggunakan undang-undang yang jelas melanggar hak asasi tamadun manusia. Dalam konteks pembentukan budaya politik Melayu, mangsa ISA itu, terutama para pemimpin muda Parti keADILan, akan dilihat sebagai hero yang lahir pada zamannya. Mereka ini dianggap memperjuangkan nilai-nilai sejagat untuk kepentingan Melayu dan ketelusannya. Usaha mereka berakhir pula dengan penahanan di bawah ISA yang menjadi antitesis kepada nilai-nilai tersebut.

Tingkah laku kepimpinan UMNO memperlihatkan suatu kekeliruan dan kecelaruan dalam pendekatan dan strategi UMNO sendiri. UMNO menyedari cabaran berat yang menantinya sehingga mahu menonjolkan sikapnya yang mesra rakyat tetapi pada masa yang sama pendekatan antagonistik semakin diperhebatkan. Kumpulan akademik daripada kalangan pelajar, guru, pensyarah serta penjawat awam turut menjadi sasaran pendekatan tersebut. Sedangkan sebahagian mereka ini mampu memberi idea bernas melalui kritikan kepada pemerintah dan mereka juga yang akan membentuk generasi baru Melayu dan juga golongan menengah Melayu yang kian membesar itu. Namun, melalui pendekatan tersebut pemikiran dan kreativiti politik mereka ditekan. Tindakan ini bakal mewujudkan budaya politik subjek, iaitu menerima sahaja *output* daripada kerajaan yang akan melahirkan tingkah laku politik yang

tidak matang dan *monotone*. SUHAKAM yang ditubuhkan oleh kerajaan untuk mengawasi dan menasihatkannya tentang hak asasi manusia turut diperlekeh kerana laporan badan itu yang dianggap lebih memihak kepada aspirasi golongan yang memperjuangkan penerapan nilai-nilai sejagat (*Berita Harian* 2001).

Adalah tidak tepat sekiranya UMNO dan kepimpinannya melihat persoalan dan isu golongan menengah Melayu serta KeADILan dapat diselesaikan dengan mudah melalui formula yang sama seperti yang berlaku terhadap Parti Melayu Semangat 46. Semangat 46 adalah parti serpihan daripada pemimpin dan anggotanya yang kecewa dalam UMNO. Ciri dan budaya politiknya adalah sama dengan UMNO tetapi keADILan berlainan kerana tidak mewarisi tradisi tersebut. KeADILan bukan parti perkauman walaupun parti itu parti serpihan UMNO. Sifatnya adalah pelbagai etnik yang berteraskan keadilan, ketelusan dan sejagat. Oleh sebab itu, ciri dan budaya politiknya berlainan. Walaupun orang Melayu masih setia kepada autoriti tradisional tetapi dalam masa yang sama mereka menerima juga idealisme dan amalan politik moden. Oleh itu, UMNO memerlukan suatu pendekatan yang lebih rasional dan berbeza dalam menyelesaikan krisis dalaman dan menghilangkan imej eletisnya sekiranya parti itu mahu mendapat tempat semula di hati golongan muda dan golongan kelas menengah Melayu.

## Kesimpulan

Pembentukan budaya politik Melayu telah melalui suatu proses yang cukup panjang dan dinamik. Tahap perkembangannya tidak akan berakhir dan itu adalah selaras dengan tahap perkembangan pemikiran masyarakat Melayu sendiri. Daripada sikap mementingkan nilai-nilai ketuanan Melayu yang mempunyai pertalian rapat dengan ego, emosi dan psikologi Melayu, mereka telah mengambil nilai yang baru selaras dengan perkembangan ekonomi semasa tetapi tidak meninggalkan nilai yang sedia ada. Perkembangan pada era DEB memperlihatkan bahawa ketuanan Melayu baginya tidak mempunyai apa-apa erti tanpa kekuatan ekonomi. Peranan kepimpinan Melayu secara bersungguh-sungguh dan konsisten sangat penting untuk membina kekuatan ekonomi tersebut. Apabila arus globalisasi dan industrialisasi melanda dunia, nilai-nilai politik Melayu juga turut berubah. Selain ketuanan Melayu dan kemajuan ekonomi, budaya politik mereka semakin dinamis

dengan munculnya tuntutan keadilan, kebebasan, ketelusan dan jaminan hak asasi manusia dalam kehidupan seharian. Dengan dipelopori oleh golongan menengah Melayu hasil DEB, mereka memperjuangkan gagasan sejagat yang mahukan sebuah kerajaan yang lebih bertanggungjawab, telus dan mesra rakyat.

Dalam setiap perkembangan ini, UMNO sebagai parti politik Melayu yang terbesar mempunyai tugas yang amat berat untuk merealisasikan setiap tuntutan dalam proses pembentukan budaya politik Melayu. Tanpa komitmen dan *political will* daripada kepimpinan UMNO, masyarakat Melayu akan menemui jalan yang sukar dalam memenuhi tuntutan budaya politiknya. Meskipun demikian, diakui bahawa suasana politik kini telah bertukar. Pembentukan budaya politik Melayu tidak lagi perlu menunggu komitmen daripada kepimpinan UMNO. Sebaliknya golongan menengah Melayu ataupun golongan muda Melayu kini mampu mendahului dan mempelopori pembentukan budaya politik Melayu baru. Sekiranya UMNO gagal mengadaptasikan dirinya dengan perubahan ini serta gagal menghayati nilai asas budaya politik tersebut, maka UMNO akan dianggap terus tidak relevan. Justeru itu, UMNO memerlukan *political will* yang tidak hanya bertujuan untuk mempertahankan nilai-nilai politik Melayu yang sedia wujud tetapi juga untuk mengubah dirinya selaras dengan tuntutan nilai-nilai baru dalam budaya politik Melayu baru.

## Rujukan

- Abdul Rahman Embong. 2000. *Negara bangsa: Proses dan perbahasan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Rashid Ahmad. 1969. Bureaucracy negeri Kelantan: Satu kajian perubahan perkembangannya. *Tesis M.A.* Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Almond & Powell. 1966. *Comparative politics: A developmental approach*. Boston: Little Brown.
- Berita Harian*. 2001. 23 Ogos.
- Berita Minggu*. 2000. 7 Julai.
- Chandra Muzaffar. 1998. The Anwar episode: an analysis. *Journal Indonesia and the Malay World*. 26 (76): 234-8.
- Enloe, C. H. 1970. *Multi-ethnic politics: The case of Malaysia*. Bekerley: Center for Southeast Asian Studies.
- Faaland, Pakinson & Rais B. Saniman. 1991. *BEB: Pertumbuhan dan ketaksamarataan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Ghazali Mayudin (Penyt). 2002. *Politik Malaysia: Perspektif teori dan praktik*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Gullick, J. M. 1978. *Sistem politik bumiputera Tanah Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Haron Daud. 1993. *Sejarah Melayu: Suatu kajian daripada aspek persejajaran budaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jamaie Haji Hamil. 2000. Politik dan perniagaan: Peranan UMNO dan implikasinya terhadap sistem sosiopolitik Melayu. *Desertasi M.A.* Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Jomo Kwame Sundaram. 1995. *Privatizing Malaysia: Rents, rhetoric, realities*. Boulder: West View Press.
- Kamaruddin Jaffar, 2000. *Pilihan raya 1999 dan masa depan politik Malaysia*. Kuala Lumpur: IKDAS Sdn. Bhd.
- Kavanagh, D. 1987. *Budaya politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khong Kim Hong. 1984. *Merdeka: British rule and the struggle for independence in Malaya 1945-1957*. Kuala Lumpur: INSAN.
- Mahathir Mohamad. 1982. *Dilema Melayu*. Kuala Lumpur: Federal Publication.
- \_\_\_\_\_. 2003. *Globalization and the new realities*. Subang Jaya: Pelanduk Publications.
- Means, G. P. 1976. *Malaysian politics*. London: Hodder & Stoughton.
- \_\_\_\_\_. 1991. *Malaysian Politics: The second generation*. Singapura: Oxford University Press.
- Milne, R. S & Mauzy, K. 1982. *Politik dan kerajaan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- \_\_\_\_\_. 1999. *Malaysian politics under Mahathir*. New York: Routledge.
- Mohd Ali Kamaruddin. 1981. *Sejarah penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia*. Bangi: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- \_\_\_\_\_. 1976. Universiti Kebangsaan Malaysia di dalam perjuangan Kesatuan Persekutuan Guru-Guru Melayu Semenanjung: Tinjauan dari Tahun 1946-1958. *Akademika*: 1-17. Bil. 8. Percetakan Negara Malaysia.
1971. *Rancangan Malaysia Kedua 1971-1975*. Kuala Lumpur: Percetakan Negara Malaysia.
- Pye, L. W. & Verba, S. 1965. *Political culture and political development*. New Jersey: Princeton University Press.
- Qasim Ahmad. 2000. *Karya sejarah: Pendekatan dan persoalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Robert, R. S. 1974. *Kelantan 1890-1939: Government in transition*. Thesis M.A University Malaya.
- Roszman Hussin. 2000. *Globalisasi: Beberapa pendekatan sains sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Shaharudin Maaruf. 1988. *Malay ideas on development*. Kuala Lumpur: Times Books International.
- Shellabear, W. G. 1977. *Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Sorensen, Georg. 2002. The global polity and changes in statehood. Dlm. Morten Ougaard & Richard Higgot Sunt. *Towards a global polity*. New York: Routledge. 40-58.
- Syed Husin Ali. 1979. *Orang Melayu: Masalah dan masa depan*. Kuala Lumpur: Adabi.
- Uhlir, Anders. 2002. Globalization, democratization and civil society in Southeast Asia: Observation from Malaysia and Thailand. Dlm. Catarina Kinvall & Kristina Jonsson. Sunt. *Globalization and democratization in Asia*. New York: Routledge. 149-67.
- Zainal Abidin Wahid (ed), 1971. *Sejarah Malaysia sa-pintas lalu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

## Pandangan Baru Mengenai Penubuhan Persatuan Cina Malaya (MCA) dan Peranan Tan Cheng Lock

Oong Hak Ching

### Pengenalan

Bab ini mengimbas kembali sejarah penubuhan Persatuan Cina Malaya (MCA) dengan menumpukan kepada peranan Tan Cheng Lock berdasarkan sumber primer sebagai rujukan utama. Sumber-sumber yang dimaksudkan termasuk surat-surat persendirian Tun H. S. Lee, Malcolm MacDonald, Tun Tan Cheng Lock dan dokumen-dokumen rasmi dan tidak rasmi, terutamanya dalam siri CO 717/182. Kebanyakan sumber berkenaan telah pun diteliti dan digunakan dalam penulisan tesis kedoktoran penulis yang bertajuk *British Policy and Chinese Politics in Malaya, 1955-1957*. Tesis ini telah pun diterbitkan pada 2000 dengan tajuk *Chinese Politics in Malaya: The Dynamics of British Policy, 1942-1955*. Walaupun begitu, penulis mendapati masih banyak butir yang belum disentuh secara terperinci, terutamanya mengenai perkembangan semasa penubuhan MCA. Penulis juga mengambil kesempatan daripada penulisan ini untuk menjelaskan beberapa kesilapan teknikal yang terdapat dalam buku di atas. Tulisan ini juga diharapkan dapat menyelesaikan teka-teki yang ditimbulkan oleh Low Chin Huat mengenai siapa yang mengasaskan MCA. Low Chin Huat menekankan peranan H. S. Lee tetapi tulisan ini menegaskan bahawa Tan Cheng Lock sememangnya memainkan peranan penting atau terlibat secara langsung dalam penubuhan MCA.

Dalam 1989, Low Chin Huat telah menghasilkan sebuah tulisan yang bertajuk 'Sejarah Perjuangan Tun H. S. Lee dalam bidang Politik 1900-1955.' Tulisan ini merupakan sebuah latihan ilmiah yang dikemukakan sebagai syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Muda

dengan Kepujian dalam bidang sejarah. Tulisan ini sangat menarik, bukan kerana isi atau tafsiran penulisnya tetapi kerana sumber-sumber yang digunakan. Penulis berkenaan menemukan satu koleksi sumber primer atau dokumen mengenai MCA dalam simpanan keluarga Tun H. S. Lee yang belum dirujuk oleh sebarang penulis. Dalam latihan ilmiah berkenaan terdapat beberapa gambar foto. Dalam satu gambar foto, tertera gambar mendiang Dato' Alex dan Datin Lady Lee yang sedang membuka dokumen H. S. Lee untuk diteliti oleh penulis berkenaan dan juga menunjukkan Dato' Alex Lee memberi kebenaran kepada Low untuk menggunakan dokumen berkenaan. Sebuah lagi gambar foto yang diambil oleh penulis berkenaan menunjukkan Dato' Prof. Khoo Kay Kim daripada Jabatan Sejarah Universiti Malaya sedang memerhatikan dokumen berkenaan dan kehadiran beliau turut meningkatkan kewibawaan Low sebagai seorang penyelidik dan penulis. Penemuan ini sungguh bermakna bagi penulisan sejarah politik Malaysia, khasnya mengenai asal usul penubuhan MCA yang masih kabur sampai kini.

Dalam tulisannya, Low Chin Huat menjelaskan bahawa H. S. Lee dan bukannya Tan Cheng Lock yang memainkan peranan penting dalam penubuhan MCA. Low juga cuba memberi huraian secara terperinci urutan peristiwa yang membawa kepada pembentukan MCA. Penulis ini juga cuba mensintesiskan beberapa kajian yang beragam mengenai sejarah penubuhan MCA seperti tulisan Margaret Roff, Chang Heng Chee, K. G. Tregonning, Lim San Kok dan tulisan H. S. Lee sendiri. Dengan merujuk tulisan tersebut, Low Chin Huat berpendapat ada lima versi yang berbeza mengenai sejarah penubuhan MCA. Versi pertama yang berasaskan tulisan Margaret Roff menekankan peranan H. S. Lee dan Leong Yew Koh dalam penubuhan MCA. Mereka berdua dikatakan mengambil inisiatif memanggil mesyuarat untuk menubuhkan Persatuan Cina Malaya selepas menerima cadangan daripada Henry Gurney, Pesuruhjaya Tinggi Tanah Melayu dalam satu majlis jamuan makan malam di tempat kediaman Yong Shook Lin. Versi kedua pula menyatakan H. S. Lee sendiri dan bukan Henry Gurney yang mencadangkan agar ditubuhkan MCA. Henry Gurney dikatakan memberi persetujuan dan H. S. Lee bersama-sama dengan 16 anggota Majlis Perundangan Persekutuan termasuk Lee memanggil mesyuarat untuk membentuk MCA. Versi ketiga, keempat dan kelima juga menekankan peranan H. S. Lee, yang berbeza cuma dari segi perincian.

Low Chin Huat sangat bernasib baik kerana selepas H. S. Lee meninggal dunia, anaknya Dato' Alex Lee membenarkannya meneliti koleksi mendiang bapanya. Tetapi Low pula tidak dapat merujuk maklumat lain yang boleh dirujuk oleh penulis lain seperti Heng Pek Khoon. Tulisan ini memang diakui memberi sumbangan penting dalam penulisan sejarah penubuhan MCA dan juga mengenai ketokohan H. S. Lee dalam kepimpinan masyarakat Cina. Tulisan ini dapat memperluaskan pengetahuan pembaca mengenai perkara ini. Tetapi malangnya Low tidak dapat menghargai peranan dan sumbangan Tan Cheng Lock dan menekankan dengan amat sangat peranan H. S. Lee dalam penubuhan MCA. Menurut Low:

Sesungguhnya dapatlah diputuskan bahawa Lee sebenarnya pengasas penubuhan MCA. Selama ini masyarakat umum lazimnya menganggap Tan Cheng Lock sebagai pengasas MCA. Walau bagaimanapun, telah jelas terbukti bahawa Tan Cheng Lock sememangnya tidak terlibat langsung dalam usaha sebenar yang boleh dianggap melahirkan MCA pada hari ini.

Rumusan Low Chin Huat bahawa H. S. Lee adalah pengasas MCA dan Tan Cheng Lock seolah-olah tidak berperanan langsung memanglah kurang wajar. Low Chin Huat kelihatan kurang keupayaan untuk menggunakan sumbernya secara berkesan. Penulis ini juga tidak mempunyai kesempatan meneliti sumber primer yang lain bagi mendapat data tambahan. Dengan demikian, Low telah memberi penilaian yang tidak wajar atau terlalu merendahkan peranan Tan Cheng Lock dalam penubuhan MCA. Sungguhpun begitu, perlu ditegaskan bahawa Low telah memberi sumbangan yang penting dalam konteks historiografi Malaysia dengan menghasilkan sebuah latihan ilmiah dan beberapa salinan dokumen yang sangat berguna untuk pengkaji kemudian. Perlu disebutkan di sini bahawa belum banyak penulis yang berkesempatan meneliti sumber mengenai H. S. Lee, terutama koleksi tinggalannya. Harper yang menulis *The End of Empire and the making of Malaya* jelas tidak merujuk sumber tersebut. Sumber-sumber lain termasuk sumber primer mengenai penubuhan MCA masih banyak dan ada yang belum disentuh oleh penulis dahulu.

Tun Tan Cheng Lock yang merupakan Presiden MCA pertama dan tokoh Cina Peranakan yang penting dalam gerakan dan kegiatan politik masyarakat Cina di Tanah Melayu juga meninggalkan banyak surat persendirian mengenai MCA. Sebahagian besar surat dan dokumen koleksi Tun Tan Cheng Lock disimpan di Perpustakaan Institut Kajian

Asia Tenggara (ISEAS), Universiti Kebangsaan Singapura (NUS) dan sebahagian lagi dalam simpanan Arkib Negara Malaysia. Dokumen yang paling berguna untuk dirujuk termasuklah surat-menyurat Tan Cheng Lock dengan Tuan Haji Ibrahim T. Y. Ma, Konsul Republik China di Ipoh, Perak.

Malcolm MacDonald yang pernah menjadi Gabenor-Jeneral dan kemudian Pesuruhjaya Jeneral British di Asia Tenggara (1946-1955) telah meninggalkan satu koleksi surat persendirian dan dokumen kerajaan British yang menyangkut dengan dasar British dan MCA. Dokumen berkenaan telah dikumpul oleh Persatuan Komanwel DiRaja (*Royal Commonwealth Society*) dan disimpan di Jabatan Palaeography and Diplomatic di Universiti Durham, England. Sebarang tulisan yang mengkaji tentang asal usul dan perkembangan MCA dan politik komuniti Cina di Tanah Melayu tidak akan lengkap sekiranya tidak menggunakan sumber primer ini. Surat-surat persendirian ini mengandungi surat yang diterima atau dikirim kepada tokoh-tokoh politik Cina termasuk Tan Cheng Lock dan juga kepada Henry Gurney, Pesuruhjaya Tinggi British Tanah Melayu dan pegawai-pegawai lain. Butir-butir perbincangan menyentuh tentang MCA yang menjadikan dokumen itu sangat relevan dengan penulisan sejarah MCA.

Sumber primer mengenai MCA juga boleh diperolehi dengan banyaknya di Public Records Office (PRO) di London, United Kingdom. Sumber-sumber yang penting, termasuk Laporan Tahunan dan Tinjauan Bulanan Mengenai Hal Ehwal Orang Cina daripada Sekretariat Hal Ehwal Orang Cina dikumpulkan dalam siri *Colonial Office (CO 717)*. Maklumat mengenai komuniti Cina, termasuk yang menyentuh lapangan politik cukup banyak dan dapat membantu memberi penjelasan mengenai penubuhan dan perkembangan MCA dan politik komuniti Cina. Dokumen yang paling berguna adalah dokumen yang ditutup sehingga 1980. Perpustakaan-perpustakaan universiti tempatan seperti Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan Malaysia mempunyai salinan dokumen *CO 717*, terutama dalam bentuk mikrofilem dan dibuka kepada para penyelidik. Walau bagaimanapun, dokumen yang ada memang tidak lengkap dan para penyelidik yang serius perlu meneliti dokumen di PRO. Perlu disebutkan di sini bahawa Heng Pek Koon dalam penulisannya mengenai asal usul MCA banyak juga merujuk dokumen dalam siri CO terutama *CO 537*, termasuk *Review of Chinese Affairs* tetapi penulis berkenaan tidak merujuk fail *CO 717*. Dokumen-dokumen mengenai MCA juga dapat diteliti di Public Office Records, Kew Gardens.

Tulisan mengenai MCA memang banyak dan penulis tidak bertujuan meninjau satu persatu. Tulisan yang dianggap paling komprehensif tentang MCA telah dihasilkan oleh Heng Pek Koon pada 1988, bertajuk *Chinese Politics in Malaysia: A History of Malaysian Chinese Association*. Heng Pek Koon cuba menjelaskan peranan Tan Cheng Lock. Walau bagaimanapun, penjelasannya agak kabur kerana penulis ini mengalami kekurangan data. Tindakan dan usaha Tan Cheng Lock untuk menubuhkan MCA, terutama perkembangan pada akhir 1948 tidak disentuh. Bahkan peranan H. S. Lee dan tokoh Kuomintang pula dibincangkan dengan lebih mendalam. Memandangkan adanya lompang dalam penulisannya, maka persoalan tentang siapa yang memainkan peranan penting dalam penubuhan MCA tidak dapat dipecahkan. Low Chin Huat yang menemui koleksi Surat-surat Persendirian dan mendapat data baru berasa yakin bahawa Tun H. S. Lee ialah pengasas MCA. Low sama sekali menolak peranan Tan Cheng Lock sehingga beliau menganggap Tan tidak terlibat langsung dalam usaha menubuhkan MCA. Tan Cheng Lock sendiri tidak menjelaskan secara terbuka bahawa beliau menjadi pengasas atau memainkan peranan penting dalam pembentukan MCA. Alice Scott-Ross yang menulis biografi *Tun Dato' Sir Cheng Lock Tan* juga tidak memberi gambaran yang jelas mengenai peranan Tan Cheng Lock. Alice Scott-Ross telah menambah kekeliruan mengenai peranan Tan Cheng Lock dengan memetik kata-kata bapanya bahawa: *It was with these twin purposes that sixteen Chinese members of the Federal Legislative Council took the lead to form on that historic day February 27<sup>th</sup> 1949, at Kuala Lumpur, the Malayan Chinese Association*. Kenyataan ini memberi gambaran seolah-olah Tan Cheng Lock tidak memainkan peranan penting dalam usaha pembentukan MCA kerana ia bukan ahli Majlis Perundangan Persekutuan. Tan Cheng Lock sendiri memang seorang yang suka merendahkan diri dan perjuangannya dibuat secara ikhlas dan bukan mencari publisiti.

## Latar Belakang Tan Cheng Lock

Keluarga Tan Cheng Lock berasal daripada keturunan Tan Hay Kwan yang dilahirkan pada 1751 di Chiang Chew di wilayah Fukien, Selatan China. Tan Hay Kwan seorang pelaut dan saudagar yang merantau dan berniaga di gugusan pulau-pulau Melayu, termasuk Melaka. Tan Hay Kwan kemudian mengambil keputusan menetap di Melaka dan

mengahwini seorang gadis Cina Peranakan. Beliau meninggal dunia pada 1801 dan disemadikan di Ayer Leleh, Melaka. Tan Cheng Lock sendiri dilahirkan pada 5 April 1883. Bapanya hidup dalam keadaan serba kekurangan walaupun datuknya seorang hartawan yang sangat berjaya. Segala kekayaan diwarisi oleh bapa saudaranya yang dianggap anak yang baik dan berbakti kepada orang tua. Ayah Tan (Tan Keong Ann) sebaliknya ...*was a pain in the neck to his father* [Tan Choon Bock]... *he was a 'drop-out' and took to drinking and gambling at the age of thirteen which in those bygone days was an indictment of the long standing Chinese tradition.* Dengan demikian, Tan Cheng Lock dibesarkan dalam keadaan serba kekurangan dan terabai.

Tan Cheng Lock mendapat pendidikan asas di Sekolah Tinggi Melaka dan melanjutkan pelajaran di Raffles Institution di Singapura. Dia berjaya lulus dengan cemerlang dalam peperiksaan *Senior Cambridge* dan bercita-cita melanjutkan pelajaran dalam bidang undang-undang di United Kingdom. Tetapi malangnya bagi Tan, keputusan peperiksaan untuk mendapat *Queen's Scholarship* agak kurang memuaskan dan gagal mendapat biasiswa berkenaan. Tan Cheng Lock mengambil keputusan untuk mendapatkan pekerjaan. Beliau menerima tawaran menjadi guru di Raffles Institution pada 1902 semasa berusia 19 tahun. Tetapi Tan Cheng Lock mendapati bidang pendidikan tidak begitu mencabar atau tidak mempunyai masa depan yang cerah. Beliau meninggalkan pekerjaan sebagai guru dan pulang ke Melaka pada 1908. Kemudian beliau menceburkan diri sebagai usahawan dalam industri getah dengan berkongsi bersama rakannya Chang Kang Swi dan mereka berjaya menyatu dan menguruskan tiga buah ladang getah di Melaka: *Malacca Pinda Rubber Estate*, *United Malacca Rubber Estate* dan *Bukit Bulat Rubber Estate*. Daripada perniagaan getah Tan Cheng Lock memperluaskan bidang usahawan kepada kewangan, insurans, perkapalan, percetakan dan persuratkhabaran. Beliau berjaya menjadi tokoh korporat dan konglomerat terkemuka dan menjadi pengarah berbagai-bagai syarikat dan firma besar seperti *Oversea Chinese Banking Corporation Ltd.*, *Overseas Assurance Corporation Ltd.*, *Sime Darby and Company Ltd.*, *Malaya Tribune Press Ltd.*, *Cycle & Carriage*, *Malacca Guardian* dan lain-lain (Alice 1990).

Kejayaannya dalam bidang keusahawan menyebabkan Tan Cheng Lock dikenali dan disegani oleh masyarakat Cina dan pegawai-pegawai kolonial, terutamanya di Melaka. Tan dilantik sebagai Pesuruhjaya

Munisipal pada 1912 dan menjadi ahli Majlis Perundangan Negeri-Negeri Selat pada 1923. Pada 1933, beliau dilantik ke dalam Majlis Eksekutif Negeri-Negeri Selat (Alice 1990). Tan Cheng Lock juga menjadi Naib Presiden dan Presiden Dewan Perniagaan Cina Melaka beberapa kali dan juga Presiden *Straits Chinese British Association* (SCBA) atau Persatuan Cina Peranakan Selat, *Malayan Estate Owner's Association* dan lain-lain.

Tan Cheng Lock dikenali sebagai pengkritik dasar British yang lantang, terutamanya dasar desentralisasi yang cuba diperkenalkan oleh pentadbiran kolonial British dalam 1920-an dan 30-an. Tan juga mengkritik dasar British yang dianggap sebagai 'pro-Melayu' dan 'anti-Cina' kerana dasar-dasar berkenaan menutup peluang penyertaan orang Cina ke dalam badan perkhidmatan awam dan dasar diskriminasi terhadap orang Asia. Di samping itu, Tan Cheng Lock cuba menimbulkan kesedaran cintakan Tanah Melayu di kalangan masyarakat Cina, terutama mereka yang berketurunan China yang pada waktu itu lebih terdedah kepada politik berorientasikan China. Tan Cheng Lock juga seorang nasionalis Malaya yang memperjuangkan perkembangan dan kemajuan politik ke arah berkerajaan sendiri. Dalam satu ucapannya di Majlis Perundangan Negeri-Negeri Selat pada 1926, Tan mengatakan:

Our ultimate political goal should be a self-governing British Malaya with a Federal Government and Parliament for the whole of it, functioning at a convenient center, say, at Kuala Lumpur, and with as much autonomy in purely local affairs as possible for each of its constituent parts (Tan Liok Ee 1997: 200).

Mengikut Tan Liok Ee, Tan Cheng Lock mempunyai semangat sebagai 'anak Melaka jati' atau seorang patriot yang tidak pernah meninggalkan Melaka kecuali pada 1937 hingga 1941. Pada tahun-tahun berkenaan Tan Cheng Lock berada di Switzerland kerana ingin bersama isterinya yang ketika itu menghadapi masalah kesihatan. Pada masa Perang Dunia Kedua dan pendudukan Jepun di Tanah Melayu, Tan Cheng Lock bersama keluarganya menetap di India buat sementara waktu. Perlu disebutkan bahawa kerana perasaan cinta dan bangga sebagai anak jati Melaka jugalah Tan Cheng Lock tidak pernah berusaha mempelajari bahasa Cina atau memulihkan identiti kecinaannya. Sedangkan waktu itu terdapat usaha yang serius di kalangan masyarakat Cina termasuk beberapa pemimpin Cina Peranakan seperti Dr. Lim Boon Keng untuk memulihkan sifat kecinaan orang Cina di Tanah Melayu dan Singapura (Oong Hak Ching 2000: 37).

Semasa di India, Tan Cheng Lock telah membentuk Persatuan Cina Seberang Laut yang ahlinya terdiri daripada orang Cina yang melarikan diri dari wilayah-wilayah yang diduduki oleh Jepun seperti Burma, Tanah Melayu dan Indonesia. Tan Cheng Lock menulis dan mengirim kepada Pejabat Tanah Jajahan British di London sebuah memorandum mengenai masa depan Tanah Melayu. Tan Cheng Lock menuntut supaya *the people of Malaya should after the War, be given a measure of self-government which they are capable of exercising, and in shortest possible time be granted... full response government under the Crown...* (Oong Hak Ching 2000: 57). Dalam memorandumnya, Tan juga mencadangkan agar orang bukan Melayu diberikan peluang menjadi warganegara berasaskan prinsip *jus soli* dan syarat-syarat yang longgar. Tan Cheng Lock berpendapat syarat kewarganegaraan yang longgar akan menarik lebih ramai orang Cina untuk menjadi warga negara dan berorientasi ke Tanah Melayu. Tan Cheng Lock juga memberitahu Setiausaha Tanah Jajahan hasratnya untuk menubuhkan Persatuan Cina Malaya (MCA) sekembalinya ke Tanah Melayu. Pintu keanggotaan persatuan ini terbuka kepada orang Cina yang menganggap rantau ini sebagai tanah air mereka. Perlu dijelaskan bahawa nama ini digunakan selepas pembentukan persatuan tersebut dan kemudian ditukar kepada Persatuan Cina Malaysia selepas pembentukan Malaysia.

### Idea bagi Penubuhan Persatuan Cina Malaya

Penubuhan Persatuan Cina Malaya melibatkan banyak tokoh dan pemimpin masyarakat Cina seperti Tan Cheng Lock, H. S. Lee, Yong Shook Lin dan Leong Yew Koh. Pegawai-pegawai British seperti Malcolm MacDonald, Pesuruhjaya-Jeneral British di wilayah-wilayah British di Asia Tenggara, Henry Gurney, Pesuruhjaya Tinggi Tanah Melayu dan pegawai-pegawai daripada Sekretariat Hal Ehwal orang Cina. Bahkan pemimpin-pemimpin Melayu seperti Dato' Onn Jaafar juga ada perannya. Tanpa perkenan daripada Dato' Onn dan pemimpin-pemimpin Melayu, MCA mungkin tidak muncul atau diharamkan oleh British.

Tan Cheng Lock, seorang tokoh Cina peranakan telah lama berhasrat untuk menubuhkan sebuah organisasi politik Cina yang berhaluan tempatan. Tan Cheng Lock mengemukakan idea untuk membentuk Persatuan Cina Malaya pada bulan September 1943 semasa

beliau tinggal di India. Seperti yang disebutkan, perkara ini telah dimaklumkan kepada Setiausaha Negara Bagi Tanah Jajahan di London. Tetapi hasrat Tan Cheng Lock untuk menubuhkan MCA tidak dapat direalisasikan kerana tiada sokongan daripada pihak British dan masyarakat Cina. Tan Cheng Lock kemudian cuba membentuk Liga Cina Tanah Melayu pada awal bulan Mei 1948 dengan tujuan untuk menarik orang Cina kelahiran China daripada melibatkan diri dalam politik berhaluan Cina dan menggalakkan mereka memindahkan perasaan cinta mereka kepada Tanah Melayu untuk manfaat semua pihak yang mengharapkan Tanah Melayu muncul sebagai sebuah *dominion* dalam empayar dan komanwel British. Tan Cheng Lock juga melihat kemungkinan Liga Cina Tanah Melayu akan bercantum atau bersekutu dengan Liga Perpaduan Tanah Melayu yang akan dianggotai oleh semua kaum. Tetapi cita-citanya tidak dapat dilaksanakan.

### Perbincangan dan Usaha Awal bagi Penubuhan MCA

Cita-cita Tan Cheng Lock untuk membentuk MCA dihidupkan kembali pada bulan Disember 1948. Maklumat mengenai perkara ini boleh diteliti daripada kandungan surat MacDonald kepada Tan Cheng Lock bertarikh 15 Disember 1948 yang menyatakan:

Thank you for sending me a copy of your speech delivered to the Malacca Chinese Chamber of Commerce on December 5<sup>th</sup>. I read with both interest and admiration. It is a constructive declaration and strike a tone which is helpful at the present time.

*As I think you know I believe there is much to be said for the formation of the sort of association which you have in mind, but I'm personally averse to steps being taken in this direction at the moment (Malcolm MacDonald Papers).*

MacDonald menambah:

*I think it would be wise to have the proposed talks with some of our Malay friends in the first instance. Propaganda in favour of the formation of the Association before that might be misunderstood and arouse suspicions amongst the Malays. After the preliminary talks have taken place, there could be no such misunderstanding (Malcolm MacDonald Papers).*

Dengan merujuk kenyataan di atas, Tan Cheng Lock telah pun menyatakan hasratnya untuk membentuk MCA dalam ucapannya kepada

Dewan Perniagaan Cina Melaka pada 5 Disember 1948 dan satu salinan ucapannya dikirim kepada MacDonald untuk mendapat pandangan dan persetujuan. Orang ramai di Melaka terutama komuniti saudagar dan peniaga Cina telah didedahkan dengan rancangan penubuhan persatuan Cina. Persoalannya adakah persatuan yang dicadangkan itu akan dinamakan *Malayan Chinese Association* atau *Malacca Chinese Union*. Kedua-dua nama ini kelihatan dalam dokumen-dokumen lain termasuk surat Gurney kepada MacDonald dan surat Tan Cheng Lock kepada Tuan Haji Ibrahim Ma, Konsul Republik China di Ipoh. MacDonald dan Gurney juga pernah berbincang mengenai penubuhan MCA. Dalam suratnya bertarikh 6 Januari 1949 Gurney menyatakan: *As I said to you at the airport here recently I do not think there is any time to lose in getting the Malayan Chinese Association formed and into active operation* (Malcolm MacDonald Papers). Tarikh perbincangan di antara MacDonald dengan Gurney tidak dapat dipastikan dengan jelas. Tetapi peristiwa ini berlaku dalam jangka masa 15 Disember 1948 hingga 19 Disember 1948. Seperti yang dinyatakan, MacDonald mengirim surat pada 15 Disember 1948 yang mengandungi maklumat bahawa ia meminta Tan Cheng Lock menanggunghkan usaha untuk membentuk persatuan Cina. Pada atau sebelum 19 Disember 1948 pula, Gurney telah pun mengadakan perbincangan dengan pemimpin-pemimpin persatuan Cina bagi membentuk MCA. Low Chin Huat yang berpeluang meneliti dokumen-dokumen H. S. Lee termasuk *The history of the formation of the MCA in 1949* memetik kenyataan bahawa H. S. Lee telah mengemukakan idea bagi penubuhan organisasi Cina semasa mesyuarat Majlis Perundangan Persekutuan dalam bulan Disember 1948. Dengan memetik pandangan Lee, penulis ini menyatakan:

Pada masa itu, penubuhan organisasi sedemikian rupa terpaksa dibuat dengan hati-hati oleh sebab tujuannya mungkin disalahfahamkan sama ada kerajaan Persekutuan atau UMNO yang mewakili kaum Melayu yang merupakan sebuah organisasi politik yang kuat pada ketika itu (Low Chin Huat 1989: 40)

Apa yang menarik mengenai pandangan di atas ialah persamaan pandangan MacDonald yang disampaikan kepada Tan Cheng Lock dengan pandangan di atas. Besar kemungkinan Tan Cheng Lock sudah berbincang dengan H. S. Lee mengenai rancangan penubuhan MCA dan reaksi MacDonald. Low seterusnya menyatakan H. S. Lee mengadakan jamuan makan malam untuk meraikan Henry Gurney

pada 15 Disember 1948. Majlis ini dihadiri oleh 15 orang rakannya daripada Majlis Perundangan Persekutuan termasuk Yong Shook Lin dan Khoo Teck Ee.

Pada 19 Disember 1948, Henry Gurney telah menghantar telegram kepada Creech Jones, Setiausaha Negara Bagi Tanah Jajahan di London memaklumkan bahawa:

*I have recently had long and frank talks with the Chinese members of the Legislative Council and representatives of mining and rubber interests with a view to obtaining more active help from the Chinese against terrorists.*

*2. Steps are now being taken by leading Chinese to form a Malayan Chinese Association open to all who have made their home in the Federation with chief object of co-operating with the Government and with other communities in restoring peace and good order in the country. Rules are now being drafted and will be discussed with me in draft before further action being taken, and Chinese members of the Legislative Council have undertaken to start to enlist support actively for this move in their districts at once. I have mentioned this development to Dato' Onn and I'm satisfied that it will be helping in forthcoming Malay-Chinese conversation on long term problems (Stockwell 1995: 88).*

Dalam kebanyakan tulisan, peranan H. S. Lee dan rakan-rakannya dalam Majlis Perundangan Persekutuan dalam penubuhan MCA agak jelas. Tetapi peranan Tan Cheng Lock agak kabur atau seolah-olah kurang menonjol. Ini disebabkan beliau tidak menjadi ahli dalam Majlis Perundangan Persekutuan dan kegiatan Tan Cheng Lock ke arah penubuhan MCA tidak jelas pada pandangan para penulis. Pada hakikatnya Tan Cheng Lock sebenarnya turut memainkan peranan aktif dalam usaha ke arah penubuhan MCA. Misalnya, beliau berusaha mendapat sokongan daripada konsul China dan masyarakat Cina di Perak. Tan Cheng Lock telah mengirim dokumen mengenai cadangan penubuhan MCA kepada Tuan Haji Ibrahim T. Y. Ma, Perak pada 6 Januari 1949. Haji Ibrahim Ma mengirim balas surat Tan pada 24 Januari. Ma menulis:

*I have received your documents sent to me under registered cover previously and found them very constructive and instructive... With reference to the Malayan Chinese Association, I understand that it is going to be pan-Malayan Chinese affairs. It would be very wise that the movement should include all and every one of Chinese, either born or domiciled here who have the welfare of the country at heart, so that no neglect will occur to the interest of any section of the community (Tan Cheng Lock Papers).*

Dalam suratnya kepada Haji Ibrahim Ma bertarikh 7 Februari 1949, Tan Cheng Lock menjelaskan bahawa beliau telah memberi beberapa salinan Perlembagaan Persatuan Cina Seberang Laut (OCA) yang dibentuknya di India dan juga perlembagaan cadangan pembentukan Kesatuan Cina Melaka yang dirangka oleh anaknya, Tan Siew Sin. Tan Cheng Lock juga menjelaskan bahawa dokumen-dokumen ini akan digunakan oleh Yong Shook Lin bagi merangka draf perlembagaan MCA. Walau bagaimanapun, beliau sendiri tidak menjadi *convenor* bagi penubuhan MCA kerana beliau bukan ahli Majlis Perundangan Persekutuan. Tetapi anaknya Tan Siew Sin terlibat secara langsung dan menjadi ahli Majlis Perundangan Persekutuan dan juga salah seorang *convenor* bagi penubuhan MCA. Notis untuk mengadakan perjumpaan bagi menubuhkan MCA dikeluarkan pada 16 Februari dibuat atas nama 16 ahli Majlis Perundangan Persekutuan selaku *convenor* daripada keturunan Cina yang terdiri daripada Lee Tiang Keng, Ee Yew Kim, H. S. Lee, Tan Siew Sin (anak Tan Cheng Lock), Yong Shook Lin, Khoo Teck Ee, Toh Eng Hee, Khoo Khooon Huat, Lee Woon Mun, Leung, Liew Kwong Hon, Ng Sui Cam, B. H. Oon, Woo Ka Lim dan Lim Khye Seng yang secara tidak langsung mewakili masyarakat Cina di Tanah Melayu. H. S. Lee, yang juga Presiden Dewan Perniagaan Cina Selangor dan Perhimpunan Cina Selangor bertindak sebagai tuan rumah.

Sebagai persiapan kepada kelahiran MCA, MacDonald, Gurney dan Gimson telah berbincang dan memutuskan untuk mengharamkan parti-parti Cina yang dianggap boleh mengancam keselamatan Tanah Melayu dan Singapura kecuali Kuomintang yang dianggap oleh MacDonald ...*which in any case now appears to be dying naturally* (Telegram daripada Pesuruhjaya-Jeneral kepada Setiausaha Negara Bagi Tanah Jajahan di London bertarikh 25 Februari 1949 dalam Malcolm MacDonald Papers). Menurut MacDonald:

*It is most desirable that the new Malayan Chinese Association should commence with a clear understanding that local Governments will not tolerate Communist intervention from China in support of Malayan bandits. This action will also counterbalance TAN KAH KEE's recent ill-judged telegram of congratulation to Communist leaders in China which has created some dismay and uncertainty in Chinese circles in the Federation* (Malcolm MacDonald Papers).

## Mesyuarat Pelancaran dan Penubuhan MCA

Pada 27 Februari 1949 satu majlis pelancaran penubuhan MCA diadakan di Dewan Perhimpunan Cina Selangor, Kuala Lumpur. Yong Tham Quee daripada Sekretariat Hal Ehwal Orang Cina telah menawar diri menjadi jurubahasa dengan dua pegawai lain. Pegawai-pegawai Hal Ehwal Orang Cina ini juga telah membuat laporan lengkap mengenai mesyuarat ini untuk Sekretariat Hal Ehwal Orang Cina dan Kerajaan Tanah Melayu. Laporan ini memang sangat teliti. Misalnya sebahagian laporan menyebutkan:

*Facing the main entrance of the Selangor Chinese Assembly Hall, at the foot of the stage in the center, was a long table occupied by 12 of the 16 Chinese councilors, Messrs. Yong Shook Lin and Ng Swee Cam, Mrs. Oon and Dr. Lee Tiang Keng being absent on account of unavoidable circumstances or other engagements. On the table in front of the Chairman was a microphone with two loud speakers hanging on both sides some distance away inside the hall. Recording machine was working at the verandah outside the building in the charge of some officers from the Department of Broadcasting. Press reporters from various English and Chinese newspapers occupied a separate table by the side.*

Pulau Pinang dan Seberang Prai menghantar empat wakil yang terdiri daripada Lee Woon Mun, Lim Kai Seng, Ong Keng Seng dan Chan Foo Seng. Perak menghantar 18 wakil yang antara lain termasuk Lau Pak Khuan, Cheung Choo, Ong Chin Seong, Leong Yew Koh, Woo Kah Lim, Yong Nyee Fan, Hiew Khiao, Toh Eng How dan Dr. Wu Lien Teck. Kedah menghantar lima wakil termasuk Lee Pak Fun dan Jen Thoh. Negeri Sembilan pula menghantar 10 wakil termasuk Lee Siew Joo, Lee Foong Jee, Chin See Yin, Yap Mau Tatt dan Dr. Chong Ah Koon. Melaka menghantar sembilan wakil termasuk Tan Cheng Lock dan anaknya Tan Siew Sin, di samping Ee Yew Kim, Dr. Wong Kin Cheong dan Lim Kee Jin. Johor merupakan negeri kedua menghantar wakil teramai berjumlah 23 orang. Antara mereka termasuk Lee Kwok Wah, Ng Kiat Poh, Chan Shi Shi, Chiew Ping Kai, Chan King Kuan dan Lim Shio Eng. Pahang mengirim tujuh wakil termasuk Soong Seck Yong dan Ong Seong Teck dan Terangganu pula cuma dua, Woo Cheok Yu dan Chew Yow Fee. Kelantan tidak mengirim sebarang wakil kerana masalah pengangkutan.

Selangor selaku tuan rumah menghantar wakil teramai, yang mengikut laporan pegawai Hal Ehwal beratus-ratus jumlahnya. Antara

perwakilan Selangor termasuklah H. S. Lee, Khoo Teik Ee, Leung Cheung, Chong How Shin, Chong Khoon Lin, S. M. Yong, Lee Khee Hong, Ang Keh Tho, Siew Man, Hiew Man, Tang Sze Wing, Leung Chee Cheong dan Teh Chek Meng. Semua ahli Jawatankuasa Dewan Perniagaan Cina Selangor turut hadir sebagai perwakilan. Rawang, Kepong, Kajang, Banting dan Kelang juga menghantar wakil. Ini bermakna jika H. S. Lee ingin menjadi Presiden MCA beliau tidak perlu mendapat sokongan daripada perwakilan negeri lain jika pemilihan presiden dibuat berasaskan pengundian.

Lee memang turut memainkan peranan penting dalam majlis pelancaran dan mesyuarat pembentukan MCA. H. S. Lee mencadangkan Ee Yew Kim menjadi pengerusi majlis dan disokong oleh Khoo Teik Ee. Perlu dinyatakan bahawa Ee Yew Kim adalah seorang tokoh Cina Peranakan Melaka, Presiden SCBA dan rakan seperjuangan Tan Cheng Lock. Dalam kata-kata aluannya, Ee Yew Kim menyatakan: *Special factors and circumstances pertaining particularly to the Chinese community had made collective action imperative for the well-being of the Chinese in the Federation in relation to the Government on the one hand and other sister [Malay] community on the other...* Daripada kenyataan ini jelas bahawa isu politik dan bukannya isu sosial atau kebajikan yang mendorong komuniti Cina membentuk MCA. Dalam erti kata lain komuniti Cina perlu menjalinkan hubungan yang baik dan persefahaman dengan tujuan untuk mendapat peluang menjadi warga negara dan memperoleh hak-hak politik.

Tan Cheng Lock pula mengemukakan usul penubuhan MCA dengan menyebutkan bahawa *The people of Malaya can only constitute a nationality if the different communities making up its mix population are united among themselves by common sympathies and fellow-feeling and reconcile themselves to living together in peace and harmony under rights and law.* H. S. Lee (wakil Selangor), Dr. Wu Lian Teck (Perak), Ng Kiat Poh dan Chan Keng Chuan (kedua-dua dari Johor) dan Dr. Chong Ah Koon (Negeri Sembilan). H. S. Lee menyokong usul pembentukan MCA dengan memberi ucapan:

*The objects of the proposed association have been clearly stated in the draft rules and must have been clearly considered by thoses who are present here. It can fairly be stated that such objects would not only meet with your approval but would also meet with the approval of all the Malayan Chinese who do not happen to be present at this hall today.*

*As we believe in democracy we must do our best through this association, when formed to promote and assist in the maintenance of peace and good order in order to attain by legal or constitutional means the orderly progress in Malaya whose ultimate goal is according to the British declared policy, self-government.*

*Today may only be the birth of this association. It still has to go through its infancy, its childhood and ultimately it will reach matured age. It therefore requires very careful nursing and support from those well-wishers so that it will be able to play an important part in the prosperity and well-being of not only the Malayan Chinese themselves but of all the other races who have similar objects as our own (CO 717/182, 1949).*

Dr. Wu Lian Teck yang juga merupakan rakan rapat Tan Cheng Lock pula menyatakan “ [we] rejoice in the formation of MCA whose 4 objectives as stated in the Constitution will assuredly help to promote good-will, progress and peace among all the races inhabiting this prosperous corner of Asia” (CO 717/182, 1949).

Pada sebelah petang mesyuarat disambung untuk membincangkan draf perlembagaan atau peraturan-peraturan persatuan ini. Yong Tham Quee daripada Sekretariat Hal Ehwal Cina Kuala Lumpur melaporkan majlis berkenaan menjadi tegang dan berada dalam suasana kelim kabut apabila isu ini dibahaskan dan secara sindiran ia menyatakan “*It was good thing there were no ink-pots on the table*” (CO 717/182, 1949).

Mesyuarat bermula dengan Pengerusi mempelawa para perwakilan menimbang dan jika sesuai menerima draf peraturan-peraturan MCA yang dikemukakan. S. M. Yong, perwakilan dari Selangor mencadangkan supaya beberapa pindaan dibuat terutama yang menyentuh alamat persatuan, kewangan dan komposisi anggota Jawatankuasa Agung. Tetapi Khoo Teik Ee mencadangkan supaya draf tersebut diterima dahulu dan perincian dibuat kemudian. H. S. Lee juga menyokong cadangan ini. Tetapi S. M. Yong masih tidak berpuas hati dan menyatakan:

*All states have criticized the draft rules which cannot be amended so easily when once adopted. We cannot accept what is given to us. I agree that there should be an association now, but the draft rules cannot be adopted without amendments. These rules were drafted in a private house of a private person by only a few person. How can we accept them? (CO 717/182, 1949).*

Khoo Teik Ee pula mencelah:

*What is wrong if the rules were drafted by few persons in a private house? Some one must draft the rules in some place. What difference can it make if the rules were drafted in a private house or in a public place? (CO 717/182, 1949).*

Seterusnya pegawai Hal Ehwal Orang Cina melaporkan:

*At this stage, the situation become tense. The atmosphere at that time was quite different from that in the forenoon. Mr. Khoo Teik's face was flushed with anger. He was trying to stand up while Mr. Yong was still jabbering to the microphone with many "I submit" (Court expression). Suddenly, Mr. Tan Siew Sin stood up, banged the table with his fist and shouted "Shut-up". This was followed by some one at the table who shouted "Get out," and yet another gentleman, Mr. Leung Yew Koh, shouted "Don't be a fool." Here many seemed to have said something or other in a jumble of words while Mr. Yong asked them not to get angry (CO 717/182, 1949).*

Ee Yew Kim selaku Pengerusi mesyuarat akhirnya dapat mententeramkan majlis dan mengemukakan usul Khoo Teik Ee dan disokong oleh 90 peratus daripada perwakilan. H. S. Lee kemudian mengemukakan usul bagi memilih ahli jawatankuasa sementara untuk selama tiga bulan sebelum jawatankuasa tetap dibentuk. Usul tersebut disokong oleh Chan Foo Seng dari Pulau Pinang dan diterima sebulat suara. Lee juga mencadangkan Tan Cheng Lock sebagai Presiden dan diterima oleh hadirin kecuali Chan Foo Seng. Chan membantah pemilihan Tan Cheng Lock kerana Tan tidak memahami bahasa Cina dan kerana itu dianggap tidak sesuai. H. S. Lee sendiri selaku Presiden MCA cawangan Selangor secara otomatis menduduki jawatan Naib Presiden MCA. Perlu dinyatakan, mengikut draf cadangan perlembagaan MCA, sebelas jawatan Naib Presiden diwujudkan. Mereka terdiri daripada presiden MCA peringkat negeri. Tetapi memandangkan Tan Cheng Lock dari Melaka telah dipilih sebagai Presiden jawatan Naib Presiden, maka untuk Melaka ditangguhkan. Yong Shook Lin dan Leung Cheung Ling dipilih sebagai Setiausaha Bersama dan Khoo Tek Ee pula sebagai Bendahari. Ahli-ahli jawatankuasa pula terdiri 12 orang dari Perak, 11 Pulau Pinang dan Seberang Prai, 11 Selangor, 11 Johor, enam Kedah dan Perlis, enam Negeri Sembilan, enam Melaka, enam Pahang dan Kelantan dan Terengganu masing-masing diperuntukkan dua. Mereka akan dipilih oleh MCA peringkat negeri.

Pemilihan Tan Cheng Lock sebagai Presiden MCA disambut baik oleh pegawai-pegawai British. Sekretariat Hal Ehwal Orang Cina

menganggap dua sahaja tokoh yang layak memegang jawatan ini, iaitu Tan Cheng Lock dan H. S. Lee. H. S. Lee ditolak oleh perwakilan Perak (kecuali Lau Pak Khuan), Negeri Sembilan dan Johor. Tan Cheng Lock pula mendapat sokongan H. S. Lee dan perwakilan-perwakilan lain. Mengenai Tan Cheng Lock, seorang pegawai Hal Ehwal Orang Cina mengulas:

*Tan Cheng Lock has always been regarded as a sincere man by the Chinese; his aim has been the political unification of all races of Malaya. In 1946 and 1947 he was surrounded by members of the Malayan Democratic Union and other exponents of left-wing politics, and supported their policies as the Chairman of the Pan Malayan Council of Joint Action. When the emergency began, however, he was left alone except in Malacca and in some what dubious position. It is possible that he regrets his earlier association with these promoters of violence... (CO 717/182, 1949).*

*The position at present is that he [Tan Cheng Lock] commands considerable respect amongst the Chinese. He is 66 years old, and he has experience in Malayan politics, he is able to rise above the arguments of the different dialect groups in Chinese society. He is sincere in his efforts to do the best for the Chinese in Malaya and to encourage co-operation with the Malays. He has therefore a strong influence with the moderate Chinese opinion. He is still independent and will support the Government if he is convinced that Government desires to treat the Chinese fairly (CO 717/182, 1949).*

Di antara objektif MCA ialah: (a) memupuk dan memelihara hubungan kaum; (b) menjaga kepentingan dan kebajikan masyarakat Cina dalam aspek sosial, ekonomi, politik berasaskan lunas-lunas perlembangan dan undang-undang dan (c) memelihara undang-undang dan peraturan supaya Tanah Melayu dapat mencapai keamanan dan kemajuan secara teratur. Selaku pemimpin MCA kegiatan-kegiatan Tan Cheng Lock yang awal tertumpu kepada penyelesaian konflik perkauman melalui Jawatankuasa Hubungan Kaum (CLC). Beliau berjaya menyakinkan Dato' Onn Jaafar, Presiden UMNO untuk menerima masyarakat Cina sebagai rakan pembina negara.

## Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, bukti-bukti yang diperoleh dan dikemukakan dapat dianggap baru dan memadai untuk menyatakan bahawa Tan Cheng Lock adalah pengasas Persatuan Cina Malaya atau MCA. Tan Cheng Lock ialah orang pertama yang mengemukakan idea ini pada 1943 semasa di India. Beliau juga meneruskan usaha menyatukan

orang Cina sejak kepulangannya ke Tanah Melayu selepas tamat Perang Dunia Kedua. Tan Cheng Lock mengemukakan kembali idea ini pada 5 Disember 1948 kepada Dewan Perniagaan Cina Melaka dan juga kepada Malcolm MacDonald. MacDonald juga berbincang dengan Gurney mengenai penubuhan MCA. Gurney juga berbincang dengan H. S. Lee dan 15 ahli Malis Perundangan Persekutuan Tanah Melayu pada 15 Disember. Perkara ini dimaklumkan kepada Setiausaha Negara bagi Tanah Jajahan pada 19 Disember 1949. Salah seorang ahli Majlis Persekutuan Tanah Melayu, iaitu Tan Siew Sin adalah anak Tan Cheng Lock yang turut terlibat bersama bapanya dalam penggubalan draf perlembagaan MCA. Tan Cheng Lock mengirim dokumen mengenai penubuhan MCA kepada Tuan Haji Ibrahim Ma yang membuktikan beliau dan anaknya Tan Siew Sin terlibat dalam penubuhan MCA. Usaha Tan Cheng Lock menggubal draf perlembagaan asal MCA tidak pernah disebut oleh sebarang penulis.

Bukti-bukti yang kuat menunjukkan Tan Cheng Lock terlibat dalam penubuhan MCA ialah kenyataan bahawa beliau memberikan dua draf peraturan atau perlembagaan *Overseas Chinese Association* dan *Melaka Chinese Union* kepada Yong Shook Lin untuk dijadikan panduan dalam penggubalan perlembagaan MCA. Tan Cheng Lock dan bukannya H. S. Lee yang membaca usul penubuhan MCA. Reaksi Tan Siew Sin semasa mesyuarat penubuhan MCA dengan jelas menunjukkan dia dan bapanya terlibat dalam penggubalan draf perlembagaan MCA. Tan Siew Sin tidak dapat menahan kemarahannya apabila S. M. Yong mengkritik dan menolak draf perlembagaan MCA. Menurut S. M. Yong, draf ini dibuat oleh satu dua orang "... *in a private house of a private person*". Jika kritikan atau sindiran S. M. Yong ditujukan kepada Yong Shook Lin reaksi Tan Siew Sin pasti lebih tenang. Kemarahan Tan Siew Sin boleh diibaratkan seperti peribahasa Melayu: 'Siapa yang makan cili dialah terasa pedas.' Akhirnya bukti Tan Cheng Lock memainkan peranan penting dalam usaha menubuhkan MCA ialah tindakan para perwakilan yang telah memberi penghormatan dan kepercayaan kepada Tan Cheng Lock untuk menjadi Presiden dan memimpin MCA. Peranan H. S. Lee yang jelas adalah untuk mengemblem tenaga masyarakat Cina dalam usaha merealisasikan idea Tan Cheng Lock. Peranan tokoh-tokoh lain termasuk pegawai-pegawai British dan restu daripada Dato' Onn Jaafar turut memberi sumbangan kepada kelahiran MCA. Akhirnya dapatlah disimpulkan bahawa Tan Cheng Lock memainkan peranan penting dalam penubuhan MCA dan menjadi pengasasnya.

## Rujukan

- CO 1030/310. Eastern Original Correspondence. 1950-6.
- CO 1022/81. South East Asian Department. Original Correspondence 1950-6. PRO. London: Report on Recent Political Developments by The Officer Administrating The Government.
- CO 717. Federated Malay States. Original Correspondence. 1920-51.
- Harper, T. N. 1999. *The end of empire and the making of Malaya*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Heng, Pek Khoon. 1988. *Chinese Politics in Malaysia: A history of the Malaysian Chinese Association*. Singapura: Oxford University Press.
- Low, Chin Huat. 1898. "Sejarah perjuangan Tun H. S. Lee dalam bidang politik 1900-1955". Latihan Ilmiah. Bangi: UKM.
- Malcolm MacDonald Papers*. Department of Palaeography and Diplomatic. University of Durham (England).
- Oong Hak Ching. 2000. *Chinese politics in Malaya, 1942-1955. The Dynamics of British policy*. Bangi: Penerbit UKM.
- Scott-Ross, Alice. 1990. *Tan Dato' Sir Cheng Lock Tan*. Singapura: Alice Scott-Ross, part II: *The communist insurrection 1948-1953*. British documents on the end of Empire. London: HMSO.
- Tan Liok Ee. 1997. Tan Cheng Lock. Dlm. Abdullah Zakaria Ghazali dan Adnan Haji Awang (Pnyt.) *Biografi tokoh-tokoh pilihan Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- TCL. *Tan Cheng Lock papers*. Singapura: Institute of Southeast Asian Studies Library.
- The Straits Budget*. 1950-1953.
- The Times*. 1988. June 30. London.
- Utusan Melayu*. Januari-Februari 1952.

## BAB 8

---

# Potret Seorang Nasionalis Kiri: Kamarulzaman Haji Teh

Mohamed Salleh Lamry

### Pengenalan

Gerakan nasionalisme yang muncul dan berkembang di Malaya selepas Perang Dunia Kedua secara mudah boleh dibahagikan kepada dua aliran utama: aliran kanan dan aliran kiri. Aliran kanan yang diistilahkan juga sebagai nasionalisme konservatif diwakili oleh UMNO, sementara aliran kiri yang dilabelkan sebagai nasionalisme progresif atau radikal diwakili oleh Parti Komunis Malaya (PKM) dan Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) serta badan yang pada asalnya merupakan sayap pemuda dan sayap wanita PKMM, iaitu Angkatan Pemuda Insaf (API) dan Angkatan Wanita Sedar (AWAS) dan badan yang bersekutu dengan PKMM, seperti Barisan Tani Malaya (BATAS). Dengan pembahagian gerakan nasionalisme kepada dua aliran utama itu, maka pejuang kemerdekaan yang menjadi pemimpin dan aktivis gerakan nasionalisme itu dengan sendirinya terbahagi kepada dua golongan juga, iaitu golongan nasionalis kiri dan golongan nasionalis kanan.

Dengan kejayaan UMNO menentang gagasan Malayan Union pada 1946 dan kemudiannya mengambil alih kuasa politik dan pentadbiran daripada penjajah Inggeris pada 1957, maka golongan nasionalis kananlah yang diberi pengiktirafan sebagai pejuang kemerdekaan negara ini. Sebaliknya, golongan nasionalis kiri yang tidak berjaya mengambil alih kuasa politik dan pentadbiran daripada penjajah Inggeris tidak diberi pengiktirafan yang sewajarnya sebagai pejuang kemerdekaan, walaupun sebenarnya merekalah yang lebih awal melibatkan diri dalam perjuangan kemerdekaan, dan malah menjadi pelopor perjuangan tersebut.

PKMM yang ditubuhkan pada akhir 1945 misalnya, dengan tegas menyatakan bahawa matlamat penubuhannya adalah untuk mencapai kemerdekaan, sedangkan UMNO yang ditubuhkan pada 1946 pada mulanya hanya berjuang untuk menentang Malayan Union dengan slogannya 'Hidup Melayu' dan bukan untuk mencapai kemerdekaan.

Sikap tidak mengiktiraf perjuangan golongan nasionalis kiri ini perlulah dibetulkan. Dengan itu, setelah hampir setengah abad negara ini mencapai kemerdekaan, sejarah politik negara ini patut ditinjau semula dengan memberi penilaian yang objektif dan saksama kepada peranan golongan nasionalis kiri yang telah dipinggirkan dan diabaikan selama ini.

Sebagai satu usaha untuk memberi pengiktirafan kepada peranan golongan nasionalis kiri dalam perjuangan kemerdekaan, maka bab ini ingin memperkenalkan dan memerihalkan perjuangan salah seorang tokoh nasionalis kiri tersebut, iaitu Kamarulzaman Haji Teh yang pernah menjadi Ketua API Pahang dan pada masa yang sama menjadi salah seorang kader penting Melayu PKM. Peranan dan sumbangan Kamarulzaman dalam perjuangan kemerdekaan wajar diberi pengiktirafan kerana dia bukan sahaja pernah menjadi pejuang politik sepenuh masa, malah telah menghabiskan umur mudanya dalam penjara dan di bawah tahanan politik dalam masa yang sangat panjang. Dia dipenjarakan selama 14 tahun dan kemudian dikenakan sekatan tempat tinggal di bawah ISA selama lapan tahun.

Maklumat tentang Kamarulzaman yang dikemukakan dalam bab ini terutamanya diperoleh daripada temu ramah penulis dengan Kamarulzaman pada 1981-2 dan pada 2000, dan daripada catatan tentang riwayat hidup Kamarulzaman yang disediakan oleh beliau sendiri.

## Kajian Lepas

Setakat ini, kajian tentang golongan nasionalis kiri dan tokoh-tokohnya di negara ini sebenarnya masih sangat terbatas. Antara kajian penting yang telah diterbitkan ialah kajian Cheah Boon Kheng (1979), Firdaus Haji Abdullah (1985), Ramlah Adam (1994, 1996) dan Abdul Latiff Abu Bakar (1977).

Kajian Cheah Boon Kheng ialah tentang barisan bersatu komunis antara 1945 hingga 1948, iaitu sebelum PKM melancarkan perjuangan bersenjata mulai pertengahan 1948. Dia menghuraikan kisah perjuangan

PKM dan beberapa barisan bersatunya yang terkenal dengan melihat dasar PKM dan tokoh yang terlibat tetapi tidak menerangkan sebab-sebab dan peristiwa yang membawa kepada perjuangan bersenjata itu. Satu perkara menarik yang didedahkan oleh Cheah Boon Kheng ialah barisan bersatu PKM telah melibatkan beberapa orang nasionalis kiri Melayu yang kemudiannya dikenali juga sebagai kader PKM. Antara mereka termasuklah Rashid Maidin, Abdullah C. D. dan Musa Ahmad.

Firdaus Abdullah mengkaji asal usul dan perkembangan golongan nasionalis radikal atau nasionalis kiri dalam politik Melayu sejak sebelum Perang Dunia Kedua hingga selepas Merdeka. Golongan ini, antara lain, bergerak secara berorganisasi melalui KMM sebelum Perang Dunia Kedua, melalui PKMM, API dan AWAS selepas Perang Dunia Kedua, dan melalui PAS dan PRM selepas Merdeka. Selepas organisasi kiri ini diharamkan oleh penjajah Inggeris pada zaman darurat, beberapa orang bekas ahli PKMM dan API meninggalkan bidang politik, dan bergerak dalam bidang bukan politik, misalnya dalam Angkatan Sasterawan 50 (ASAS 50).

Kajian Ramlah Adam dan Abdul Latif Bakar adalah tentang tiga orang tokoh utama nasionalis kiri Melayu: Burhanuddin Al-Helmy (Dr. Burhanuddin), Ahmad Boestamam dan Ishak Haji Muhammad. Ramlah Adam mengkaji biografi Burhanuddin Al-Helmy dan Ahmad Boestamam sebagai tokoh politik, sementara Abdul Latif Bakar, di samping mengkaji riwayat hidup Ishak Haji Muhammad, juga mengkaji pemikiran politik tokoh tersebut.

Riwayat hidup dan sejarah perjuangan kebanyakan tokoh kiri yang lain, termasuk Kamarulzaman Teh memang belum ditulis oleh sesiapa. Setelah begitu lama diabaikan, hanya baru-baru ini terdapat catatan ringkas tentang latar diri dan sejarah perjuangan Kamarulzaman dalam Suriani Abdullah (1999: 268-9). Oleh itu, tujuan bab ini adalah untuk menghuraikan biografi Kamarulzaman sebagai seorang nasionalis kiri dengan lebih terperinci lagi.

## Tempat Kajian

Kajian ini dijalankan di Daerah Temerloh, tempat Kamarulzaman dilahirkan dan dibesarkan, tempat dia bersekolah dan berjuang dalam arena politik, dan tempat dia menghabiskan masa tuanya setelah dia tidak lagi berupaya meneruskan aktivitinya sebagai ahli politik.

Daerah Temerloh, yang terletak di bahagian tengah negeri Pahang, sebenarnya mempunyai sejarah politik dan latar belakang politik yang

menarik dan istimewa. Sejarah politik dan latar belakang politiknya yang agak istimewa, yang tidak terdapat di daerah lain, mungkin merupakan faktor tempatan atau dalaman yang sedikit sebanyak mendorong kemunculan tokoh nasionalis kiri seperti Kamarulzaman. Antara keistimewaan sejarah politik dan latar belakang politik Temerloh ialah:

Pertama, ketika Inggeris mula-mula campur tangan dalam politik dan pentadbiran Pahang pada akhir abad ke-19, Dato' Bahaman, salah seorang pembesar dari daerah Temerloh telah bangkit memelopori gerakan penentangan terhadap Inggeris. Meskipun perjuangan itu gagal namun semangat penentangan dan semangat antikolonial itu telah diwarisi oleh generasi yang berikutnya, malah gerakan penentangan itu merupakan sumber ilham utama kepada anak-anak muda seperti Kamarulzaman, yang berjuang menentang Inggeris selepas Perang Dunia Kedua.

Kedua, Temerloh adalah tempat kelahiran dua orang tokoh utama nasionalis kiri, iaitu Ibrahim Yaakob yang menjadi pemimpin utama KMM dan Ishak Haji Mohammad yang pernah memimpin PKMM. Peranan yang dimainkan oleh kedua-dua orang tokoh ini tidak syak lagi banyak mendorong kelahiran gerakan kiri yang kuat dan pemimpin kiri yang aktif dan komited dengan perjuangan kemerdekaan di Temerloh.

Ketiga, pada zaman pendudukan Jepun, Pahang Barat yang bersempadan dengan daerah Temerloh adalah tempat terletaknya Ibu Pejabat Malayan People's Anti-Japanese Army (MPAJA), iaitu pasukan bersenjata yang dibentuk oleh PKM untuk melawan Jepun. Di daerah Temerloh, MPAJA bukan sahaja dapat menarik sebilangan pemuda Melayu, termasuk Kamarulzaman menyertai gerakan itu, tetapi juga menjadi ahli PKM. Penglibatan Kamarulzaman dengan MPAJA dan PKM ini kemudiannya mendorong dia memainkan dua peranan pada masa yang sama: di samping menjadi pemimpin API, dia juga menjadi kader penting PKM.

## Kelahiran, Persekolahan dan Pekerjaan Awal

Kamarulzaman dilahirkan pada bulan Disember 1919 di Kampung Broga, Mukim Sanggang, Daerah Temerloh, dan merupakan anak sulung kepada pasangan Cikgu Teh bin Tok Bakar dan isterinya Siteh binti Ali. Bapanya seorang guru sekolah Melayu lepasan Maktab

Perguruan Melaka, manakala ibunya seorang suri rumah sepenuh masa. Kamarulzaman mempunyai dua orang adik perempuan dan seorang adik lelaki.

Cikgu Teh, bapa Kamarulzaman adalah anak sulung kepada Tok Bakar, Penghulu Mukim Lebak, Daerah Temerloh. Pada masa itu, cikgu dan penghulu merupakan orang yang dihormati dan mempunyai status yang tinggi dalam masyarakat Melayu. Oleh itu, sebagai anak cikgu dan cucu penghulu, Kamarulzaman mewarisi status orang yang dipandang tinggi dan dihormati dan juga berkuasa (dalam kes datuknya). Status warisan ini memberinya beberapa kelebihan dan keberuntungan, khasnya dalam beberapa peristiwa tertentu.

Sebagaimana kebanyakan anak Melayu kampung yang lahir pada zaman penjajahan, Kamarulzaman memulakan pendidikan formalnya di sekolah rendah aliran Melayu. Setelah tamat darjah lima, iaitu darjah yang tertinggi di sekolah aliran Melayu pada masa itu, dia terpilih memasuki '*Special Malay Class*' yang ditempatkan di sebuah sekolah Inggeris, iaitu Sekolah Clifford, Kuala Lipis. Ketika itu Kuala Lipis ialah ibu negeri Pahang.

Tidak dapat dipastikan sama ada Kamarulzaman terpilih belajar di sekolah Inggeris semata-mata kerana dia seorang pelajar yang pandai, ataupun kerana dia anak cikgu dan cucu penghulu; kerana pada masa itu anak penduduk kampung di Pahang yang terpilih belajar ke sekolah Inggeris umumnya memang terdiri daripada anak elit kampung, seperti anak ketua kampung, penghulu dan cikgu. Walau bagaimanapun, Kamarulzaman percaya bahawa dia terpilih kerana dia seorang pelajar yang pandai, yang memperoleh markah yang tinggi dalam peperiksaan akhir darjah lima sekolah Melayu.

Kamarulzaman belajar di Sekolah Clifford, Kuala Lipis sehingga darjah tujuh sahaja. Dia lulus peperiksaan darjah tujuh (Junior Cambridge) pada 1937, tetapi tidak meneruskan pelajarannya ke peringkat yang lebih tinggi di sekolah aliran Inggeris tersebut.

Pada tahun-tahun terakhir persekolahannya, Kamarulzaman meminati pelajaran sejarah. Daripada buku-buku sejarah itu dia mendapat maklumat tentang perjuangan kaum buruh menentang kaum kapitalis dan tentang perjuangan rakyat di tanah jajahan menentang kemasukan penjajah. Salah satu buku sejarah Tanah Melayu yang tajuknya tidak disenangi oleh Kamarulzaman dan sedikit sebanyak mendorongnya bersikap antipenjajah ialah buku *British Malaya*. Dia tidak dapat menerima Tanah Melayu atau negeri-negeri Melayu

dinamakan *British Malaya*, yang membayangkan bahawa negeri ini dikuasai dan 'dimiliki' oleh orang Inggeris.

Kamarulzaman memasuki Sekolah Pertanian Serdang selama dua tahun (1938-9) setelah berhenti dari Sekolah Clifford, Kuala Lipis. Kebetulan ketika dia belajar di Sekolah Pertanian itu, sebuah parti politik Melayu, iaitu KMM ditubuhkan di Kuala Lumpur, dan Naib Yang Dipertua parti itu, Mustapha Husain bertugas sebagai salah seorang guru di sekolah itu. Sebagai pelajar Sekolah Pertanian itu, Kamarulzaman memang berpeluang berjumpa dengan Mustapha Husain dan mengikuti pelajaran yang disampaikan. Namun, Kamarulzaman tidak dapat mengingat lagi sama ada semasa belajar di situ dia pernah berbincang tentang politik dengan Mustapha Husain, dan sama ada penglibatannya dalam politik kiri kemudiannya adalah kerana pengaruh gurunya itu.

Setelah tamat belajar di Sekolah Pertanian Serdang, Kamarulzaman berpeluang bekerja di Pusat Percubaan Pertanian, yang juga terletak di Serdang, sebagai Pegawai Rendah Pertanian, antara 1940 hingga 1941. Walau bagaimanapun, kedatangan Jepun pada akhir 1941 memaksa Kamarulzaman melepaskan pekerjaannya lalu balik ke Temerloh, setelah Pusat Percubaan Pertanian itu ditutup pada awal pendudukan Jepun.

Selepas balik ke Temerloh, Kamarulzaman tidak mencari pekerjaan lain dan tidak balik ke Serdang untuk bekerja apabila Pusat Percubaan Pertanian itu dibuka semula kerana dalam masa pendudukan Jepun dia telah melibatkan diri secara aktif dengan gerakan politik anti-Jepun. Dia juga tidak pernah bekerja semula sebagai kakitangan kerajaan setelah pendudukan Jepun berakhir pada 1945 kerana penglibatannya dalam perjuangan antipenjajahan telah mendorongnya menjadi ahli politik sepenuh masa.

## Berjuang di Jalan Kiri

Tempoh penglibatan Kamarulzaman dalam perjuangan kemerdekaan di luar penjara sebenarnya tidaklah begitu panjang kerana dia bukan sahaja tokoh politik peringkat pertengahan yang terawal ditangkap dan dipenjarakan di bawah Undang-Undang Darurat, malah tokoh politik yang paling lama dipenjarakan dan kemudiannya dikenakan tahanan politik (di bawah ISA atau Akta Keselamatan Dalam Negeri). Oleh itu, jika dimasukkan penglibatan politik dalam zaman pendudukan Jepun,

kedudukan dan peranan Kamarulzaman dalam perjuangan antipenjajahan atau menuntut kemerdekaan, hanyalah seperti berikut:

1. sebagai aktivis MPAJA dan ahli PKM
2. sebagai Ketua Barisan Pemuda Persatuan Melayu Pahang
3. sebagai Ketua API Pahang, dan
4. sebagai kader penting PKM (wakil terbuka PKM bagi kawasan Pantai Timur).

### Sebagai Aktivis MPAJA dan Ahli PKM

Pada zaman pendudukan Jepun, Kamarulzaman telah melibatkan diri dengan gerakan MPAJA atas ajakkan kawannya, seorang Cina yang terlebih dahulu menyertai gerakan itu. Kawannya itu, yang namanya dirahsiakan oleh beliau, adalah juga seorang anggota PKM.

Sepanjang penglibatannya dengan MPAJA, Kamarulzaman bertugas di bahagian penerangan gerakan itu, yang beribu pejabat di Bentong, Pahang. Dengan bertugas di bahagian penerangan MPAJA, Kamarulzaman bukan sahaja berpeluang menjalin persahabatan dengan beberapa orang anggota PKM yang menyertai gerakan itu tetapi juga dapat membaca bahan bacaan yang berkaitan dengan ideologi dan perjuangan komunis yang terdapat di situ. Pengalamannya semasa berjuang bersama dengan orang PKM dalam MPAJA diduga banyak mempengaruhi sikap dan pendirian politiknya dan menentukan haluan politiknya selepas itu.

Satu perkara lagi, yang tidak kurang pentingnya, persahabatannya dengan anggota PKM dan penglibatannya dalam gerakan MPAJA itu telah mendorong Kamarulzaman untuk menjadi anggota PKM. Menurut Suriani Abdullah (1999: 268), Kamarulzaman telah diterima masuk PKM pada 1943. Kamarulzaman mungkin merupakan salah seorang daripada orang Melayu tempatan yang terawal menjadi ahli PKM. Oleh itu, tidaklah menghairankan jika kemudiannya Kamarulzaman muncul sebagai kader penting Melayu PKM bersama-sama dengan Abdullah C. D., Rashid Maidin, Musa Ahmad dan Wahi Anuar.

### Sebagai Ketua Barisan Pemuda Persatuan Melayu Pahang

Penglibatan Kamarulzaman dalam Persatuan Melayu Pahang bermula pada akhir 1945. Pada masa itu sekumpulan pegawai kerajaan dari daerah Temerloh dan Bentong yang sebelumnya menjadi pemimpin

dan anggota aktif persatuan itu berusaha menghidupkan semula persatuan itu kerana badan itu tidak bergerak sepanjang zaman pendudukan Jepun. Mereka berusaha menghidup dan menggerakkan semula persatuan itu dalam konteks kebangkitan orang Melayu menentang rancangan Malayan Union. Ketika diadakan perjumpaan untuk menghidupkan semula persatuan itu, Kamarulzaman turut hadir dan terpilih menjadi Ketua Barisan Pemuda, iaitu sayap pemuda persatuan itu.

Tidak dapat dipastikan mengapa Kamarulzaman, seorang bekas aktivis MPAJA dan seorang anggota PKM turut melibatkan diri dengan Persatuan Melayu Pahang yang dipimpin oleh 'golongan feodal' dan lebih mewakili 'aliran kanan' dalam gerakan nasionalisme Melayu. Namun, apa yang boleh diduga adalah sebagai seorang pemuda Melayu, Kamarulzaman turut dibawa oleh arus penentangan orang Melayu yang begitu kuat terhadap rancangan Malayan Union kerana pada peringkat awalnya tokoh-tokoh gerakan kiri Melayu (khususnya pemimpin PKMM) juga turut menghadiri kongres Melayu pertama dan kedua yang diadakan di Kuala Lumpur dan Johor Bahru untuk menunjukkan penentangan orang Melayu terhadap rancangan itu.

Setelah dipilih menjadi Ketua Barisan Pemuda, Kamarulzaman dengan cepat menggerakkan sayap pemuda Persatuan Melayu Pahang sehingga menjadi lebih aktif daripada badan induknya. Kegiatan utama Barisan Pemuda adalah mengadakan pertunjukan pentas yang diberi nama 'Sandiwara Rakyat' di kampung-kampung di sekitar bandar Temerloh. Sandiwara Rakyat itu diisi dengan drama pendek, lawak jenaka dan nyanyian lagu-lagu patriotik, dan di tengah-tengah pertunjukan pentas itu akan diselangi dengan 'ceramah politik' oleh Kamarulzaman sendiri.

Melalui ceramah-ceramahnya pada masa itu Kamarulzaman sudah memperlihatkan bahawa dia adalah seorang pejuang kemerdekaan yang radikal dan revolusioner. Walaupun pada masa itu perjuangan majoriti orang Melayu pada pokoknya lebih tertumpu pada perjuangan untuk menghapuskan Malayan Union sahaja tetapi dalam ceramah-ceramahnya Kamarulzaman sudah membangkitkan semangat orang Melayu di Temerloh supaya berjuang menuntut kemerdekaan, dan bukan setakat berjuang menentang rancangan Malayan Union sahaja.

Aktiviti Kamarulzaman dan kawan-kawannya boleh dikatakan dibiarkan sahaja oleh pemimpin kanan Persatuan Melayu Pahang yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan kerajaan, walaupun pada umumnya mereka tidak bersikap anticolonial seperti Kamarulzaman.

Walau bagaimanapun, Kamarulzaman tidak berpuas hati dengan sikap pemimpin kanan Persatuan Melayu Pahang yang ketika itu umumnya belum mahu berjuang untuk menuntut kemerdekaan. Oleh itu, apabila PKMM ditubuhkan di Temerloh pada awal 1946, dia dengan cepat bertukar haluan menyokong 'parti kiri' itu, dan meninggalkan Barisan Pemuda Persatuan Melayu Pahang.

### Sebagai Ketua API Pahang

Pada awal 1946 Dr. Burhanuddin, Yang Dipertua PKMM melawat Temerloh dalam usahanya mengembangkan kegiatan dan pengaruh parti itu. Bersempena dengan kedatangan Dr. Burhanuddin itu satu perjumpaan ramai untuk menubuhkan cawangan PKMM telah diadakan di bandar Temerloh. Ketika diadakan pemilihan jawatan kuasa penaja PKMM Temerloh, Kamarulzaman yang turut menghadiri perjumpaan itu telah terpilih sebagai ketua Angkatan Pemuda Insaf (API) yang merupakan sayap pemuda parti itu.

Setelah dipilih menjadi Ketua Penaja API Temerloh, Kamarulzaman mengadakan perjumpaan untuk menubuhkan cawangan API di daerah itu. Antara orang yang menghadiri perjumpaan itu ialah kawan-kawan Kamarulzaman yang sebelumnya memegang jawatan pimpinan dalam Barisan Pemuda, dan merekalah yang terpilih menjadi pemimpin API Temerloh bersama-sama dengan Kamarulzaman.

Pada peringkat awalnya, ada dua kegiatan utama yang dijalankan oleh Kamarulzaman dan rakan-rakannya setelah dia memimpin API Temerloh. Pertama, mengadakan 'Sandiwara Rakyat' (yang diselangi dengan ceramah politik). Kedua, menubuhkan ranting atau sel API di samping menolong menubuhkan ranting AWAS, iaitu sayap wanita PKMM, di kampung-kampung di sekitar bandar Temerloh.

Mengenai kegiatan pertama, apa yang dilakukan oleh Kamarulzaman tidaklah begitu berbeza dengan apa yang dilakukannya ketika memimpin Barisan Pemuda sebelum itu. Dia biasanya hanya berceramah, sementara tugas berlakon, menyanyi dan melawak diserahkan kepada kawan-kawannya.

Keaktifan Kamarulzaman dan kawan-kawannya menjalankan dua kegiatan di atas telah menonjolkan nama Kamarulzaman sebagai seorang pemimpin muda yang berkebolehan dan berwibawa. Oleh itu, apabila API Pahang mengadakan mesyuarat perwakilan bagi peringkat negeri Pahang di Benta, Kuala Lipis pada awal 1946, Kamarulzaman dipilih menjadi Ketua API Pahang.

Pada awal 1946 juga Ahmad Boestamam, Ketua API Malaya melakukan lawatan ke Pahang, termasuk ke daerah Temerloh. Antara tujuan lawatan Ahmad Boestamam adalah untuk merasmikan penubuhan API Temerloh. Bersempena dengan perasmian itu, satu rapat umum yang dihadiri oleh ahli dan penyokong API diadakan di bandar Temerloh. Satu perkara yang menarik dalam upacara perasmian API Temerloh itu ialah, selain Kamarulzaman dan Ahmad Boestamam, turut juga berucap ialah Liew Yip Pan yang diperkenalkan sebagai wakil PKM. Ini menunjukkan bahawa pada masa itu telah ada hubungan dan kerjasama antara API Temerloh dengan PKM.

Selepas API Temerloh dirasmikan, Kamarulzaman dan kawan-kawannya terus bergerak dengan aktif. Selain mengadakan 'Sandiwara Rakyat' (yang diselangi dengan ceramah politik), Kamarulzaman juga memberi kursus politik kepada ahli API dan AWAS Temerloh. Di samping itu, sebagai Ketua API Pahang, dia juga mengarahkan supaya dua aktiviti baru, iaitu latihan berpidato dan latihan berkawad, dijalankan oleh ahli API di sel masing-masing.

Kursus politik untuk ahli API dan AWAS dijalankan oleh Kamarulzaman apabila dia melakukan lawatan ke sel API dan AWAS, khususnya di Daerah Temerloh. Bahan kursus yang disediakan sendiri, antara lain merupakan petikan daripada akhbar *Suara Rakyat*, tertumpu kepada perjuangan menentang penjajahan. Walaupun mungkin tidak disedari oleh ahli API dan AWAS yang mengikuti kursus itu, sejak masa itu Kamarulzaman yang telah terpengaruh dengan idea asas Marxisme, seperti idea 'perjuangan kelas', sudah pun menggunakan perspektif perjuangan kelas dalam kursus dan ceramah politik yang di berikannya.

Tidak lama selepas API Temerloh dirasmikan iaitu pada pertengahan 1946, atas inisiatif Kamarulzaman, API Temerloh mendirikan markasnya di Kampung Lubok Kawah, mukim Sanggang. Kampung itu terletak di tepi Sungai Pahang, kira-kira 10 kilometer ke utara bandar Temerloh. Sejak itu, pelbagai kegiatan dijalankan oleh API Temerloh, seperti mesyuarat, kursus dan ceramah politik, di markas tersebut. Mulai masa itu juga Kampung Lubok Kawah menjadi salah satu pusat gerakan politik kiri bagi Daerah Temerloh.

Semasa memainkan peranan sebagai pemimpin API, Kamarulzaman boleh dikatakan telah menjadi aktivis politik sepenuh masa. Dia tidak mempunyai sebarang pekerjaan tetap untuk menyara hidupnya, walaupun dia mendirikan rumah tangga pada 1947. Oleh sebab itu,

perbelanjaan hidupnya. khasnya makan minumannya. banyak bergantung pada bantuan kawan dan sumbangan parti sahaja.

Setelah API diharamkan pada 1 Julai 1947, boleh dikatakan semua bekas ahli API Temerloh memasuki PETA, iaitu sebuah organisasi pemuda yang ditubuhkan oleh Wahi Anuar, bekas pemimpin API Selangor pada awal bulan Oktober 1947. Dengan itu, semua ranting API dalam daerah Temerloh bertukar menjadi ranting PETA, dan markas API di Lubok Kawah bertukar menjadi markas PETA Temerloh.

Kamarulzaman juga ikut memasuki PETA dan terus memainkan peranan sebagai pemimpinnya tetapi tidak memainkan peranan itu secara terbuka. Antara sebabnya ialah dia telah membuat kenyataan secara terbuka ketika berucap dalam Kongres BATAS yang diadakan di Kajang, Selangor kira-kira dua bulan sebelum itu bahawa dia adalah 'wakil PKM' bagi kawasan Pantai Timur. Oleh itu, untuk mengelakkan kecurigaan daripada orang ramai, pada lahirnya pimpinan PETA Temerloh dan Pahang dilaksanakan oleh orang lain. Walau bagaimanapun, dia masih mengadakan hubungan secara sulit dengan ahli-ahli PETA, malah terus memainkan peranan sebagai pemimpin PETA Pahang yang sebenar di belakang tabir.

### Sebagai Kader PKM

Pada awal 1946 PKM telah menghimpunkan 'kader peringkat rendah' Melayu dari beberapa negeri di Kuala Lumpur dan membentuk Jabatan Kerja Melayu PKM (Abdullah 1998: 47). Antara mereka yang menyertai perhimpunan itu termasuklah Kamarulzaman Haji Teh. Jabatan Kerja Melayu itu dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu Bahagian Utara, Selatan dan Timur. Bahagian Utara diketuai oleh Rashid Maidin. Bahagian Selatan diketuai oleh Abdullah C. D. yang merangkap Setiausaha Jabatan Kerja Melayu. Bahagian Timur diketuai oleh Kamarulzaman yang merangkap Setiausaha bagi negeri Pahang. Jadi sejak masa itu Kamarulzaman sudah menjadi kader penting Melayu PKM, yang kedudukannya setaraf dengan Rashid Maidin dan Abdullah C. D.

Walaupun bagaimanapun, penglibatan Kamarulzaman dalam PKM dan aktiviti sebagai kader PKM dilakukannya secara sulit. Walaupun pada masa itu, PKM adalah sebuah pertubuhan yang sah dan boleh bergerak secara terbuka tetapi Kamarulzaman menyatakan bahawa kegiatannya dalam PKM adalah kegiatan 'bawah tanah'. Oleh itu,

anggota API dan badan kiri yang lain di Temerloh ketika itu tidak mengetahui hal itu sehinggalah Kamarulzaman berucap sebagai wakil PKM dalam Kongres BATAS di Kajang pada bulan Julai 1947 (Abdullah 1998: 43).

Sebagai kader penting PKM, tentu sahaja Kamarulzaman perlu memahami teori Marxisme yang menjadi asas ideologi parti itu. Oleh itu, Kamarulzaman adalah antara pemimpin kiri Melayu yang pernah mengikuti kursus bersiri tentang Marxisme yang diselenggarakan oleh Alimin, seorang pemimpin komunis dari Indonesia di Kuala Lumpur. Tokoh kiri Melayu yang lain, yang mengikuti kursus itu termasuklah Abdullah C. D., Rashid Maidin, Musa Ahmad, Wahi Anuar, Shamsudin Salleh, Shamsiah Fakeh dan lain-lain (Abdullah 1998: 48).

Sebagai Ketua Jabatan Kerja Melayu Bahagian Timur, antara tugas tetap Kamarulzaman adalah menghadiri mesyuarat bulanan di Kuala Lumpur. Biasanya Jabatan Kerja Melayu mengeluarkan arahan atau maklumat penting melalui mesyuarat tersebut. Dalam kunjungan setiap bulan ke Kuala Lumpur itu Kamarulzaman bukan sahaja dapat bertemu dan berkenalan dengan kader Melayu yang lain tetapi juga dengan pemimpin penting PKM, termasuk Chin Peng yang ketika itu menjadi Setiausaha Agung PKM.

Sebagai Setiausaha Jabatan Kerja Melayu bagi peringkat negeri Pahang pula, Kamarulzaman bertanggungjawab merekrut anggota baru Melayu dari negeri itu. Oleh itu, mulai akhir 1946 Kamarulzaman memilih kira-kira 15 orang pemimpin dan ahli API Temerloh sebagai simpatisan PKM. Mereka umumnya terdiri daripada pengikutnya yang aktif, bersemangat dan selalu patuh pada arahnya. Setelah beberapa bulan menjadi simpatisan, mereka dinaikkan taraf menjadi calon anggota. Dalam tempoh pencalonan, mereka diberi kursus ringkas oleh Kamarulzaman sendiri tentang pelbagai perkara yang berkaitan dengan perjuangan komunis. Antaranya tentang perjuangan parti komunis di Russia, China dan Eropah Timur, perkembangan parti komunis di Indonesia dan Malaya dan cara-cara menentang penjajah, sama ada secara damai atau secara kekerasan. Setelah menjalani tempoh pencalonan kira-kira empat bulan, mereka disahkan menjadi anggota penuh PKM dalam satu upacara mengangkat sumpah yang diadakan di bandar Temerloh. Upacara mengangkat sumpah itu turut dihadiri oleh seorang wakil pucuk pimpinan PKM.

Setelah Alimin pulang ke Indonesia, beliau menghantar seorang sahabatnya bernama Sulaiman (lebih dikenali dengan nama samaran

Suparto) untuk meneruskan usaha memberi kefahaman tentang Marxisme dan perjuangan komunis kepada ahli PKM Melayu di Malaya. Bersempena dengan kedatangan Suparto itu, Kamarulzaman mengambil kesempatan membawa Suparto datang ke Temerloh untuk memberi kursus politik kepada anggota API Temerloh yang baru menjadi ahli PKM.

Apabila PETA mengadakan kongres nasionalnya di Temerloh pada akhir Mac 1948, Kamarulzaman turut hadir dan berucap sebagai wakil PKM. Antara ucapannya yang dirakamkan oleh pihak polis dan termuat dalam *Political Intelligence Journal* No.7, 15 April 1948, halaman 210 (Mahmud 1992: 32) adalah seperti berikut (terjemahannya):

*Independence, comrades, must be fought for and sacrifices made by everyone of you in PETA. I feel certain that you shall not become traitors in the cause to disrupt the British imperialist policy in Malaya. Those who support imperialism form only a small fraction of the people — they are the privileged class. With the support of democratic ally, PETA can hope to win in this struggle. The Communist Party supports your aim to establish a government of the people for the people in this country because we have been working for it for the last twenty years. PETA should work in close cooperation with all progressive parties in this country. It must also beware of imperialist plans to obstruct its progress. When Malaya has attained complete independence, the people shall judge your efforts and reward you. From now onwards you must keep abreast with the progressive youths of the world.*

Apabila Jabatan Kerja Melayu PKM memutuskan untuk membina 'kem latihan' atau 'Sekolah Parti' di dalam hutan di negeri Pahang pada bulan Mei 1948, Kamarulzaman ditugaskan untuk membina kem itu. Atas arahan Kamarulzaman, pembinaan kem itu dilaksanakan oleh sekumpulan bekas ahli API/PETA dari kampung Lubok Kawah di dalam hutan berhampiran kampung itu, dan mula digunakan pada akhir Mei 1948.

Kem latihan itu, yang kemudiannya dikenali dengan nama 'Kem Semalaya', telah menjadi tempat perhimpunan 36 orang kader Melayu PKM dari 'markas besar' dan dari pelbagai negeri di Semenanjung Tanah Melayu. Antara mereka dari markas besar termasuklah Abdullah C. D., Rashid Maidin, Musa Ahmad, Wahi Anuar dan Kamarulzaman.

Kem latihan itu dipimpin oleh Chen Nan, wakil Jawatankuasa Pusat PKM yang bertanggungjawab terhadap bahagian Melayu parti itu. Chen Nan yang memakai nama samaran 'Haji Hashim' dan nama panggilan 'Komrad Haji' memberi kursus tentang politik dan organisasi.

Dia dibantu oleh Hong Yi, bekas anggota MPAJA yang memberi latihan ketenteraan.

Dalam perhimpunan kader-kader Melayu di Kem Semalaya itu, telah diputuskan bahawa selepas itu mereka akan menubuhkan pasukan bersenjata Melayu yang akan menjadikan Negeri Pahang sebagai pusat pasukan induk dan kader-kader penting. Susunan kepimpinan pasukan Melayu itu juga telah diputuskan pada masa itu, iaitu Abdullah C. D. sebagai komisar politik, Kamarulzaman sebagai panglima, Rashid Maidin dan Wahi Anuar sebagai naib panglima, dan Musa Ahmad sebagai pegawai politik (Abdullah 1998: 71).

Walau bagaimanapun, kem latihan itu terpaksa ditutup setelah berjalan selama dua minggu kerana mereka mendapat maklumat bahawa pihak penjajah Inggeris akan mengisytiharkan Undang-Undang Darurat pada sekitar masa itu (pertengahan Jun 1948). Berikutan dengan itu, semua kader dari luar Pahang diarahkan pulang ke negeri masing-masing. Abdullah C. D. dan Rashid Maidin juga meninggalkan Temerloh untuk menjalankan tugas di tempat lain. Dengan itu, tinggallah Kamarulzaman, Musa Ahmad dan Wahi Anuar di Temerloh untuk menyusun penduduk Temerloh menjadi 'lasykar rakyat' dan berjuang secara bersenjata di bawah pimpinan PKM.

Walau bagaimanapun, malang bagi Kamarulzaman, dia telah ditangkap di Bandar Temerloh pada hari pertama undang-undang darurat berkuatkuasa di seluruh negara (21 Jun 1948) kerana dia didapati membawa sepucuk pistol. Dengan penangkapan itu, Kamarulzaman bukan sahaja tidak jadi memainkan peranan sebagai pemimpin pasukan bersenjata Melayu, malah perjuangannya untuk membebaskan tanah air daripada cengkaman penjajah juga telah terhalang dan berakhir setakat itu sahaja.

## Menjalani Hukuman Penjara dan Tahanan ISA

Dalam perbicaraan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, Kamarulzaman didapati bersalah dan dijatuhi hukuman gantung sampai mati mengikut Undang-Undang Darurat kerana dia memiliki sepucuk pistol semasa ditangkap. Pembelaan diri yang dikemukakannya bahawa dia adalah seorang pejuang kemerdekaan tidak dapat melepaskan dirinya daripada hukuman gantung. Walau bagaimanapun, dia bernasib baik kerana mendapat pengampunan daripada Sultan Pahang, dan hukuman itu diubah menjadi penjara seumur hidup (yang bererti selama 20 tahun

tetapi kemudiannya dipendekkan kepada 14 tahun sahaja). Dia menjalani hukuman di Penjara Pudu selama tiga tahun, dan di Penjara Temiang, Seremban selama 11 tahun yang berikutnya.

Menjelang tahun ketiga dia berada di Penjara Pudu, isterinya yang dikahwininya kira-kira setahun sebelum dia ditangkap telah meminta fasakh (pembatalan perkahwinan). Walaupun hal itu menyedihkan Kamarulzaman tetapi dia memahami tidak semua isteri sanggup berpisah dengan suami dan tidak menerima apa-apa nafkah daripada suami dalam masa yang begitu lama. Oleh itu, dia memenuhi permintaan isterinya dengan rela hati.

Kira-kira tiga bulan sebelum Kamarulzaman keluar dari Penjara Temiang, Seremban, dia telah dikunjungi oleh dua orang pegawai polis dari Cawangan Khas, Kuala Lumpur. Mereka mengemukakan beberapa soalan yang berkaitan dengan aktiviti politik Kamarulzaman sebelum dia ditangkap pada 1948 dahulu. Antara soalan itu ialah:

1. Mengapa ahli API memakai uniform dan mengadakan perbarisan?
2. Kenapa API menggunakan slogan perjuangan 'merdeka dengan darah'?
3. Adakah API mempunyai hubungan dengan PKM?

Kamarulzaman tidak begitu berminat untuk menjawab soalan seperti itu. Lagi pun dia telah berulang kali ditanya dengan soalan seperti itu ketika dia mula-mula ditahan dahulu. Oleh itu, dia hanya memberi jawapan ringkas, atau mengelak daripada memberi jawapan yang dikehendaki oleh pegawai polis tersebut. Terhadap soalan pertama, dia hanya memberi jawapan, "Pergerakan Pemuda UMNO pun memakai uniform juga." Terhadap soalan kedua dan ketiga, dia mengelak daripada memberi jawapan, dan hanya menyatakan, "Soalan itu patut ditanya kepada Ahmad Boestamam kerana dialah Ketua API Malaya."

Walau bagaimanapun, pegawai polis yang menyoal siasat Kamarulzaman mungkin mendapati bahawa Kamarulzaman masih berpegang teguh kepada ideologi komunis dan masih yakin dengan perjuangannya pada masa yang lalu. Dengan itu, berdasarkan laporan mereka, Kamarulzaman telah dikenakan sekatan tempat tinggal di bawah ISA sebaik sahaja hukuman penjara yang dijalaninya berakhir pada 1 Mei 1962.

Untuk menjalani sekatan tempat tinggal itu, Kamarulzaman pada mulanya ditempatkan di rumah seorang pegawai polis Cawangan Khas di Kampung Baru, Kuala Lumpur. Di situ dia tinggal selama kira-kira dua tahun.

Sebagai seorang tahanan di bawah ISA, Kamarulzaman dikehendaki mematuhi beberapa syarat yang menyekat kebebasannya, antaranya:

1. Dia mesti berada dan tinggal di Daerah Polis tempat dia ditahan, dan tidak boleh meninggalkan atau keluar dari daerah itu tanpa kebenaran pegawai polis yang menjaga daerah itu.
2. Dia tidak boleh memberi ucapan dalam perjumpaan ramai atau memegang jawatan atau mengambil bahagian dalam aktiviti atau bertindak sebagai penasihat dalam sebarang kesatuan sekerja atau parti politik, atau mengambil bahagian dalam sebarang aktiviti politik, kecuali mengundi dalam pilihan raya.
3. Dia tidak akan mengadakan perhubungan dengan seorang tahanan atau bekas tahanan yang dilepaskan dengan bersyarat atau tanpa syarat (mengadakan perhubungan bererti tinggal di tempat yang sama, bercakap, atau berutus surat atau mengadakan sebarang bentuk hubungan dengan mereka).

Di samping itu, dia juga mesti melaporkan diri di balai polis yang ditentukan (ketika itu Balai Polis High Street, Kuala Lumpur) pada masa dan tarikh yang ditentukan oleh pihak yang berkuasa.

Setelah dua tahun dikenakan sekatan tempat tinggal di Kuala Lumpur, Kamarulzaman dibenarkan pulang ke Temerloh dan tinggal dengan keluarganya (salah seorang adik perempuannya). Akan tetapi, syarat-syarat yang dikenakan ke atasnya sangatlah ketat. Pada masa mula-mula tinggal di Temerloh, dia dikehendaki melaporkan diri di Balai Polis Temerloh seminggu sekali, pada tiap-tiap hari Isnin, antara pukul 5.00 hingga pukul 6.00 petang. Syarat ini hanya dilonggarkan sedikit setahun kemudian, apabila dia dikehendaki melaporkan diri sebulan sekali, dan tidak lagi seminggu sekali. Selain itu, syarat-syarat yang berkaitan dengan sekatan tempat tinggal, larangan berpolitik dan larangan berhubung dengan bekas tahanan masih dikenakan ke atas dirinya, dan hanya dilonggarkan secara beransur-ansur setiap dua tahun, sebelum dia dibebaskan terus pada 1 Mei 1970.

## Selepas Dibebaskan daripada Tahanan ISA

Selepas dibebaskan daripada sekatan tempat tinggal di bawah ISA, ketika berumur 51 tahun, Kamarulzaman memulakan hidup baru dengan bekerja sebagai Setiausaha sebuah syarikat bas di Bandar Temerloh. Namun, dunia politik kiri masih menarik minat

Kamarulzaman dan memaksanya melepaskan jawatan itu apabila dia ditawarkan bertanding sebagai calon Partai Sosialis Rakyat Malaya (PSRM) bagi Kawasan Parlimen Temerloh dalam pilihan raya umum 1974.

Dalam pilihan raya itu, Kamarulzaman tewas dalam pertandingan satu lawan satu dengan Hamzah Abu Samah, calon Barisan Nasional (BN) yang ketika itu seorang menteri Kerajaan Pusat. Salah satu isu yang dijadikan bahan kempen oleh BN untuk mempengaruhi pengundi supaya menolak Kamarulzaman ialah latar belakang Kamarulzaman sebagai seorang 'bekas komunis'.

Walau bagaimanapun, kekalahan dalam pilihan raya itu tidak mematahkan semangat Kamarulzaman untuk terus berjuang dalam parti politik kiri. Dia terus bergerak dalam PSRM dan pernah terpilih menjadi Ahli Jawatankuasa Pusat PSRM dari 1981 hingga 1989, di samping memimpin PSRM bagi peringkat negeri Pahang. Namun, peranan yang dimainkan oleh Kamarulzaman tidak banyak membantu perkembangan PSRM, termasuk di negeri Pahang kerana pada 1980-an gerakan dan parti politik kiri tidak lagi menarik perhatian rakyat Pahang seperti pada zaman penjajahan dahulu.

Selepas berhenti daripada syarikat bas dahulu, Kamarulzaman tidak lagi bekerja secara tetap. Makan minum dan belanja hidupnya banyak bergantung pada bantuan adik-adiknya selama berpuluh tahun.

Pada akhir 2000, ketika umurnya telah melepasi 80-an, kesihatan Kamarulzaman sudah begitu merosot, khasnya matanya telah kabur dan kakinya telah lemah. Dia tinggal seorang diri di pondok kecil yang didirikan oleh adik iparnya di Kampung Lebak, tempat asal datuk dan bapanya. Dia tidak lagi berupaya keluar rumah, jika tidak dipapah dan dibawa oleh orang lain. Atas pertolongan dan bantuan pemimpin-pemimpin Parti Rakyat Malaysia (PRM) dan orang yang bersimpati dengannya, Kamarulzaman pernah ditempatkan di sebuah Rumah Penjagaan Orang Tua di Kuala Lumpur pada 2001 dan 2002.

Pada bulan Ogos 2002, ketika kesihatannya semakin merosot, Kamarulzaman meminta dibawa ke Sukhirin, di wilayah Narathiwat, Selatan Thailand untuk bertemu dengan kawan-kawan lamanya yang pernah menjadi pemimpin dan anggota Rejimen ke-10. Dengan kehendak Allah S.W.T., dia menghembuskan nafasnya yang terakhir di sana pada 5 November 2002. Seperti Bahaman, pejuang kemerdekaan yang mendahuluinya, dia dikebumikan di bumi asing, di Thailand, dan tidak di tanah airnya sendiri. Begitulah Kamarulzaman mengakhiri riwayat hidupnya.

## Kesimpulan

Dalam usaha untuk menilai semula sejarah politik negara ini, bab ini cuba menghuraikan kisah perjuangan Kamarulzaman Haji Teh sebagai contoh seorang ahli politik daripada golongan nasionalis kiri yang peranannya dalam perjuangan kemerdekaan patut diberi pengiktirafan. Meskipun dia tidak gugur di medan perjuangan bersenjata atau mati di tali gantung tetapi dia telah menghabiskan umur mudanya (lebih daripada 20 tahun) dalam penjara British dan sebagai seorang tahanan politik. Walaupun dia hanya menjadi Ketua API Pahang tetapi pada masa yang sama dia adalah seorang kader penting PKM yang kedudukannya setaraf dengan Abdullah C. D. dan Rashid Maidin, yang masing-masing kemudian menjadi Pengerusi PKM dan Ahli Jawatankuasa Pusat PKM. Pada 1948 dia sudah pun dicadangkan untuk menjadi salah seorang pemimpin pasukan bersenjata Melayu yang bakal dibentuk oleh PKM. Sekiranya dia tidak ditangkap pada bulan Jun 1948, tempat beliau bukanlah dalam penjara atau tempat tahanan politik tetapi di medan 'perang gerila' bersama-sama dengan Abdullah C.D., Rashid Maidin dan kawan-kawannya yang lain.

## Rujukan

- Abdul Latif Abu Bakar. 1977. *Ishak Haji Muhammad: Penulis dan ahli politik sehingga 1948*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Abdullah C. D. 1998. *Perang anti-British dan perdamaian*. Hong Kong: Nan Dao Publisher.
- Ahmad Boestamam. 1972. *Merintis jalan ke puncak*. Kuala Lumpur: Pustaka Kejora.
- Cheah Boon Kheng. 1979. *The masked comrades – A study of communist united front in Malaya, 1945-1948*. Singapura: Times Book International.
- Firdaus Haji Abdullah. 1985. *Radical Malay politics – Its origins and early development*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications.
- Mahmud Embong. 1992. Komunisme dan orang Melayu, 1924-1949. Dlm. Kobkua Suwannathat-Pian, Rohany Nasir & Mohammad Agus Yusof (penyt.) *Dua dekad penyelidikan sejarah-bahasa dan kebudayaan*: 21-29. Bangi: Penerbit UKM.
- Ramlah Adam. 1994. *Ahmad Boestamam – Satu biografi politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ramlah Adam. 1996. *Burhanuddin Al-Helmy – Suatu kemelut politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Suriani Abdullah. 1999. *Rejimen ke-10 dan kemerdekaan*. Hong Kong: Nan Dao Publisher.

# Penyelesaian Konfrontasi Indonesia-Malaysia 1966: Isu dan Kontroversi

Mohamad Rodzi Abd Razak

## Pengenalan

Tahun 1963 hingga 1966 merupakan tempoh penting dalam perkembangan sejarah hubungan antara Malaysia dengan Indonesia. Dalam jangka masa tersebut, hubungan kedua-dua negara yang dianggap bersaudara berada dalam keadaan tegang ekoran isu penubuhan Malaysia dan dasar konfrontasi yang dilancarkan oleh Indonesia. Pemutusan hubungan diplomatik untuk tempoh hampir tiga tahun melambangkan ketegangan yang wujud antara kedua-dua negara akibat wujudnya perbezaan dari segi prinsip pemerintahan, kepimpinan dan dasar luar. Konfrontasi Indonesia-Malaysia bermula pada 16 September 1963 dan meliputi aspek ekonomi, pencerobohan tentera, kegiatan subversif serta propaganda politik. Konfrontasi yang dilancarkan ekoran penentangan terhadap penubuhan Malaysia itu hanya berakhir pada 11 Ogos 1966. Sepanjang tempoh tersebut, hubungan diplomatik kedua-dua negara terputus dan berada dalam keadaan tegang. Pelbagai usaha dilakukan oleh pelbagai pihak untuk memulihkan kembali hubungan namun kebanyakannya menemui jalan buntu, khususnya sehingga Oktober 1965. Peristiwa Gerakan September 30 (GESTAPU) yang berlaku pada 1 Oktober 1965 menjadi titik penting kepada pemulihan hubungan kedua-dua negara kerana selepas tempoh itu konfrontasi Indonesia terhadap Malaysia menjadi kendur.

Walaupun peristiwa yang boleh disifatkan sebagai tragedis ini telah berlalu empat dekad yang lalu, namun masih terdapat ruang-ruang yang boleh dibincangkan mengenai peristiwa berkenaan dalam konteks semasa. Menjelang akhir 2002 umpamanya, terdapat beberapa masalah yang melibatkan hubungan Malaysia-Indonesia terutamanya

mengenai isu pendatang tanpa izin sehingga timbul desas-desus terhadap kemungkinan tercetusnya *konfrontasi kedua* (Mohamad Rodzi 2002 : 931-2). Di samping itu, sumber-sumber primer khususnya dokumen milik bekas kuasa penjajah seperti Britain dan Amerika Syarikat juga telah dipaparkan untuk rujukan umum bagi membolehkan interpretasi baru dilakukan terhadap isu ini, termasuk isu surat rahsia yang menjadi pencetus kepada kontroversi penyelesaian konfrontasi Indonesia-Malaysia. Berteraskan situasi berkenaan, bab ini membincangkan satu daripada aspek penting konfrontasi Indonesia-Malaysia, iaitu proses perdamaian yang membolehkan hubungan kedua-dua negara terjalin baik sehingga kini. Walau bagaimanapun, tumpuan akan dihalakan kepada beberapa usaha damai utama yang dijalankan oleh pihak tertentu serta usaha-usaha akhir yang dijalankan oleh kedua-dua negara sehingga hubungan diplomatik dipulihkan, termasuklah kontroversi yang timbul selepas itu.

## Latar Belakang Konfrontasi

Sebelum meneliti dengan lebih lanjut mengenai isu-isu dan proses penyelesaian konfrontasi Indonesia-Malaysia ini, penulis akan memaparkan sepintas lalu perkembangan konflik berkenaan sebagai asas pemahaman terhadap isu berkenaan. Dasar konfrontasi Indonesia terhadap Malaysia adalah sebahagian daripada konflik yang tercetus di rantau Asia Tenggara dengan asasnya telah terbentuk sejak berakhirnya Perang Dunia Kedua lagi. Isu konfrontasi sememangnya unik kerana isu itu melibatkan konflik dua negara berjiran yang dianggap bersaudara atas persamaan yang wujud dari segi keturunan, bahasa, agama dan kebudayaan. Di samping itu, konflik ini juga berbeza daripada kelaziman konflik lain kerana konflik berkenaan tidak bersifat peperangan terbuka walaupun hubungan diplomatik diputuskan. Pengkaji-pengkaji sebelum ini telah mengemukakan pandangan masing-masing mengenai konfrontasi antara Indonesia dengan Malaysia. Selain itu, isu ini juga dilihat dalam konteks yang berbeza antara pemimpin kedua-dua negara.

Di pihak Malaysia, terdapat beberapa sebab mengapa Indonesia melancarkan konfrontasi ke atas negara ini. Menurut Tun (Dr.) Ismail, faktor pertama ialah keinginan Indonesia untuk meluaskan wilayah mereka sebagai Negara Kesatuan di Asia Tenggara yang meliputi negara-negara di Asia Tenggara hingga ke Madagaskar dan Kepulauan

Polinesia (*UMNO 20 Tahun* 1966: 13). Namun begitu, akibat masalah dalaman, Indonesia gagal merealisasikan matlamat itu dan hanya berupaya menghadkan tindakan mereka kepada kegiatan subversif khususnya di Tanah Melayu, Singapura dan Brunei. Lanjutan itu juga, kegiatan subversif yang dijalankan itu berjaya mempengaruhi pihak tertentu seperti Parti Rakyat Tanah Melayu dan Parti Rakyat Brunei. Menurut Tun Ismail juga, tindakan subversif yang disalurkan melalui kedutaan Indonesia juga bertujuan menggalakkan pertubuhan-pertubuhan tertentu agar menghormati Indonesia bagi mendapatkan ilham. Sementara itu, bagi Tunku Abdul Rahman pula, penubuhan Malaysia adalah perlu untuk tujuan jaminan ekonomi dan keselamatan rantau ini dan matlamat tersebut perlu direalisasikan walaupun mendapat tentangan pihak lain.

Di pihak Indonesia, kepimpinan negara itu khususnya Presiden Sukarno menganggap Malaysia sebagai alat neo-kolonialisme. Pengisytiharan yang dibuat pada 14 Februari 1963 oleh Presiden Sukarno jelas menunjukkan penentangan Indonesia kepada penubuhan Malaysia secara rasmi. Gagasan Malaysia didakwa sebagai projek kolonial atau *nekolim* yang merangkumi neo-kolonialisme, kolonialisme dan imperialisme yang merupakan lanjutan kolonialisme British di Asia Tenggara (Weinstein 1969: 3) Tanggapan bahawa Malaysia merupakan neo-kolonialisme terbukti apabila Sukarno pernah menyatakan:

Why is it that from beginning we said we did not agree with the formation of Malaysia?...because we are convinced that Malaysia is neo-colonialism (Leifer 1983: 79).

Justeru itu, penubuhan Malaysia didakwa sebagai usaha British dan bukannya aspirasi rakyat Tanah Melayu, Singapura, Sarawak dan Sabah (Weinstein 1969: 3). Selain itu, Indonesia juga beranggapan bahawa Malaysia tidak merdeka sepenuhnya tetapi hanya sebagai wajah baru bagi British (Hindley 1964: 906). Indonesia juga berpendapat Malaysia akan menjadi alat eksploitasi ekonomi bagi kepentingan British serta sebagai *old established force* seperti yang diistilahkan oleh Sukarno. Tunku Abdul Rahman pula dianggap sebagai alat untuk British mencapai matlamat mereka. Perkara ini dijelaskan oleh Sukarno dalam ucapannya di Bandung pada 11 Julai 1963. Beliau antara lain menyebut:

Terbentuknya Malaysia oleh Tunku Abdul Rahman dan pihak Inggeris, bagi kita merupakan konfrontasi terhadap revolusi Indonesia, konfrontasi terhadap keselamatan kita dan terhadap cita-cita yang sejak lama kita laksanakan (Hidayat Mukmin 1991: 91).

Di samping itu, pembentukan Malaysia juga didakwa sebagai usaha menyekat kedaulatan Indonesia di samping cubaan untuk menghalang kesatuan yang dipimpin oleh negara itu. Pemimpin Indonesia mengambil contoh daripada pemberontakan Darul Islam terhadap Indonesia pada 1948-62 yang dikatakan menerima bantuan Barat. Di samping itu, pemberontakan PRRI-Permesta juga dikatakan mendapat sokongan Barat melalui Tanah Melayu, Singapura dan Sabah (Hindley 1964: 907).

Terdapat juga pengkaji yang mengemukakan pandangan masing-masing berhubung dasar konfrontasi Indonesia-Malaysia. Menurut John O. Sutter, dasar konfrontasi Indonesia dipengaruhi oleh tiga faktor. Pertama, PKI dianggap tidak gembira kerana pemberontakan komunis di Tanah Melayu telah dapat dikurangkan melalui pengisytiharan darurat 1948-60 (Sutter 1966: 527). Dengan menganggap Malaysia sebagai neo-kolonialis dan neo-imperialis, PKI menjangkakan mereka bakal mendapat sokongan di Indonesia. Mereka telah menyokong penyatuan negeri-negeri Borneo sebagai Negara Kesatuan Kalimantan Utara (NKKU) kerana gerakan komunis di Sarawak akan meningkat. Faktor kedua menurut Sutter dan banyak juga disentuh oleh pengkaji lain ialah pandangan Sukarno yang menganggap Malaysia sebagai neo-kolonialis. Faktor ketiga pula diasaskan kepada kebimbangan pemimpin tentera Indonesia terhadap kemungkinan Malaysia akan dikawal oleh kaum Cina, dan akhirnya akan didominasi pula oleh negara China Komunis (Sutter 1966: 527). Sebagai parti yang berpengaruh dalam kabinet Indonesia, melalui dasar NASAKOM, PKI dianggap berjaya mempengaruhi Sukarno untuk melancarkan konfrontasi (Mackie 1974: 225). PKI adalah parti politik pertama Indonesia yang secara terbuka menentang Gagasan Malaysia melalui akhbar *Harian Rakyat*. Mereka juga secara rasmi meluluskan resolusi menentang Malaysia dalam perhimpunan ketiga parti itu pada 30-31 September 1961 di Jakarta (Kunaseelan 1996: 137).

Pandangan PKI berhubung isu dominasi China turut dikongsi oleh Mohamad Hatta yang menyatakan penguasaan kaum Cina akan menyebabkan Malaysia menjadi *Second China* (China Kedua) dan berkemungkinan menggugat keselamatan Indonesia (Mohammad Hatta

1965: 140-1). Atas dasar kebimbangan terhadap dominasi kaum Cina ini jugalah, maka Tentera Nasional Indonesia (TNI) menyokong dasar konfrontasi Sukarno kerana bimbang Malaysia akan berada di bawah pengaruh komunis (Hindley 1964: 906). Sementara itu, terdapat juga pendapat yang menyatakan bahawa konfrontasi yang dilancarkan oleh Sukarno itu merupakan suatu pendekatan bagi beliau mengatasi masalah dalaman yang semakin sukar diatasi. Menurut Legge (1972: 359), dasar konfrontasi Indonesia terhadap Malaysia turut didorong oleh keinginan Sukarno untuk menutup kegagalan beliau memerintah Indonesia dengan berkesan. Dalam hal ini, konfrontasi dilancarkan untuk mengalihkan pandangan rakyat negara itu daripada permasalahan dalaman kepada isu antarabangsa, khususnya pandangan rakyat yang semakin ramai menganggur dan terhimpit dalam kemiskinan.

Di samping itu, Sukarno juga ingin mengalihkan perhatian golongan tentera, PKI dan parti-parti lain dalam mainanimbangan kuasanya. Dengan mengalihkan perhatian (rakyat, tentera dan parti-parti politik) yang mencabar kekuasaannya itu, masalah dalaman akan dapat diatasi buat sementara. Dahulunya, isu Irian Barat telah berjaya dimanipulasikan oleh Sukarno tetapi selepas perkara itu berjaya diatasi, satu isu baru perlu diwujudkan. Justeru itu, konfrontasi yang bermatlamat *Ganyang Malaysia* dicetuskan bagi membolehkan penerusan helah politiknya dan perkembangan ini juga dikaitkan dengan sikap Sukarno yang tidak serius dalam perundingan perdamaian untuk menamatkan konfrontasi.

Walaupun kajian mengenai konfrontasi Indonesia-Malaysia telah banyak dilakukan, namun kebanyakan sumber yang digunakan adalah sumber kedua. Selain itu, persoalan terhadap peranan dan penglibatan kuasa Barat berkenaan topik ini juga kurang disentuh secara mendalam ekoran ketiadaan bukti yang kukuh mengenainya. Kajian yang berasaskan tema sebegini dilaksanakan oleh Poulgrain (1998) dalam bukunya, *The Genesis of Konfrontasi: Malaysia Brunei Indonesia 1945-1965* yang turut menggunakan sumber dokumen sebagai rujukan. Di samping itu, kajian terbaru yang berorientasikan kepada penggunaan sebahagian besar sumber dokumen dilaksanakan oleh sarjana tempatan, iaitu Nik Anuar Nik Mahmud (2000) melalui buku, *Konfrontasi Malaysia-Indonesia*.

Terdahulu, terdapat pengkaji lain yang turut meneliti konflik berkenaan. Mackie (1974), *Konfrontasi: The Indonesia-Malaysia Dispute 1963-1966*, misalnya, merupakan antara pengkaji terawal

yang cuba meneliti topik ini secara mendalam. Sebelum itu, Weinstein (1969), *Indonesia Abandons Confrontation* walaupun turut menyentuh persoalan ini tetapi lebih memberikan tumpuan kepada perkembangan dasar luar Indonesia. Di Malaysia, Kunaseelan Muniandy (1996), *Hubungan Malaysia-Indonesia 1957-1970* juga menyentuh isu ini tetapi hanya dibincangkan sebagai sebahagian daripada bab sahaja. Sementara itu, Noraini Hj. Bidin (1997) pula lebih menumpukan kepada propaganda yang dijalankan melalui media massa sewaktu berlangsungnya konflik tersebut. Syed Othman Syed Omar (1999), *Tentera Malaysia Dalam Era Konfrontasi* lebih menumpukan kepada peranan tentera Malaysia dalam konflik tersebut tetapi kurang membincangkan persoalan utama yang lain. Bagi meneliti perkembangan konflik ini dengan lebih mendalam, sumber-sumber berkenaan boleh dijadikan rujukan susulan memandangkan bab ini hanya akan menumpukan perhatian terhadap proses perdamaian.

## Usaha ke arah Perdamaian

Memandangkan perkembangan konfrontasi yang meletus antara Malaysia dengan Indonesia semakin meningkat, pelbagai pihak telah tampil untuk menjadi orang tengah bagi menamatkan konflik tersebut. Secara umumnya terdapat tiga usaha damai utama peringkat awal yang cuba dilakukan oleh pihak terlibat bagi menyelesaikan konfrontasi. Rundingan tersebut ialah, pertama, melalui peranan Robert Kennedy yang menjadi utusan khas Amerika Syarikat; kedua, melalui persidangan peringkat menteri di Bangkok dan ketiga, melalui Sidang Kemuncak Tiga Penjuru kali kedua yang diadakan di Tokyo. Usaha-usaha ini merupakan langkah mencari perdamaian sebelum teretusnya peristiwa Gerakan September 30 (GESTAPU) di Indonesia yang dianggap sebagai titik tolak kepada kejatuhan Sukarno dan juga dianggap sebagai batu loncatan kepada penamatan dasar konfrontasi Indonesia terhadap Malaysia.

## Peranan Amerika Syarikat

Antara langkah awal yang cuba dilakukan untuk menyelesaikan konflik Malaysia-Indonesia, diambil oleh pihak ketiga, iaitu Amerika Syarikat yang telah menghantar wakil khas mereka, iaitu Robert Kennedy yang juga menjadi Peguam Negaranya bagi menjalankan usaha perundingan

menamatkan konfrontasi dan peranan yang dimainkan oleh Presiden Kembro, Putera Norodom Sihanouk. Petanda awal bagi membolehkan proses rundingan dijalankan bermula selepas pertemuan antara Presiden Sukarno dengan Presiden Macapagal dari Filipina di Manila pada 7 Januari 1964. Mereka mengadakan perbincangan dan menyatakan persetujuan untuk bertemu dengan Tunku Abdul Rahman bagi menamatkan konfrontasi menerusi kerjasama dalam permuafakatan MAPHILINDO (Kunaseelan 1996: 206). Sukarno kemudiannya bertemu dengan Robert Kennedy di Tokyo yang menyatakan keinginannya untuk membantu menyelesaikan isu konfrontasi secara rundingan. Kennedy kemudiannya melawat Malaysia pada 21 Januari 1964, dan turut bertemu dengan Putera Norodom Sihanouk yang sedang melawat Malaysia pada ketika itu (*Warta Negara* 22 Januari 1964). Hasil usaha kedua-dua pemimpin tersebut membawa kepada pertemuan tiga penjurua Menteri-menteri Luar Malaysia, Indonesia dan Filipina di Bangkok pada Februari 1964.

Pada tahap ini juga, Tunku Abdul Rahman telah mengadakan pertemuan dengan Presiden Macapagal di Phnom Penh dari 10 hingga 12 Februari 1964 hasil perancangan yang dibuat oleh Sihanouk. Dalam pertemuan tersebut, antara isu yang dibincangkan ialah tuntutan Filipina terhadap Sabah dan persetujuan kedua-dua negara menjalinkan semula hubungan diplomatik pada peringkat konsul. Dalam pada itu, Tunku Abdul Rahman turut mengadakan pertemuan dengan Robert Kennedy dan beliau telah menjelaskan bahawa Indonesia perlu terlebih dahulu mengundurkan tenteranya dari wilayah Borneo sebelum sebarang usaha rundingan diadakan. Kennedy pula menyatakan bahawa Sukarno juga ingin mengadakan rundingan dan menjalankan gencatan senjata di Borneo dengan syarat British juga mengundurkan tenteranya dari wilayah berkenaan. Cadangan itu dipersetujui oleh Tunku Abdul Rahman dan sehubungan dengan itu gencatan senjata dijalankan dan Thailand diberi peranan sebagai pengawas berkecuali.

Robert Kennedy kemudiannya menjalankan pula rundingan dengan Sukarno yang menyatakan persetujuannya pada 22 Januari 1964 untuk melaksanakan gencatan senjata bagi membolehkan isu Malaysia diselesaikan secara rundingan (Kunaseelan 1996: 206) Namun begitu, kenyataan Sukarno dianggap tidak serius oleh Malaysia kerana wujud kekaburan terhadap pendirian negara itu ekoran pelaksanaan dasar konfrontasi yang masih berterusan. Gencatan senjata yang dibuat itu gagal mencapai matlamatnya, malah kedua-dua negara terus tuduh-

menuduh antara satu sama lain. Isu perdamaian berterusan sehingga ke pertengahan 1964. Ahmad Nordin, jurucakap Kementerian Luar Malaysia misalnya menganggap usaha perundingan tidak dapat dijalankan kerana adanya sikap negatif Indonesia. Kenyataan itu dibuat bagi mengulas pandangan Dr. Subandrio yang menyatakan bahawa krisis dengan Malaysia tidak dapat diselesaikan selagi Malaysia ditegakkan dengan benet British. Ahmad Nordin pula mendakwa Indonesia sengaja memanjangkan isu itu dan beliau turut mempertikaikan pengekalan gerila-gerila negara itu di kawasan Malaysia (*Berita Harian* 1 April 1964). Malaysia antara lain mempertikaikan keengganan Sukarno menamatkan dasar konfrontasi bagi membolehkan rundingan dibuat dan sehubungan dengan itu juga Indonesia didakwa tidak berminat untuk menyelesaikan masalah tersebut secara damai (Mackie 1974: 225).

### Rundingan Menteri-menteri Luar

Ekoran daripada peranan yang dimainkan oleh Robert Kennedy, satu rundingan peringkat Menteri-menteri Luar Malaysia, Indonesia dan Filipina diadakan di Bangkok pada bulan Februari 1964. Dalam rundingan itu, Malaysia diwakili oleh Tun Abdul Razak, Indonesia diwakili oleh Dr. Subandrio, Salvador P. Lopez mewakili Filipina manakala Menteri Luar Thailand, Thanat Koman mempengerusikan rundingan tersebut. Walaupun pada awalnya Malaysia enggan menyertainya ekoran keengganan Indonesia menamatkan dasar konfrontasi tetapi selepas didesak oleh Kennedy serta jaminan daripada Thanat Koman yang menyatakan keinginan Sukarno dan Macapagal untuk berdamai maka Malaysia bersetuju menghantar wakilnya ke rundingan tersebut (Mackie 1974: 225). Isu utama yang dibincangkan dalam rundingan tersebut merangkumi pelaksanaan gencatan senjata dan pengunduran tentera dari wilayah Malaysia. Indonesia dan Malaysia terus bertelagah dalam rundingan ini akibat wujudnya pertentangan dari segi penyelesaian konflik. Indonesia menuntut agar masalah politik perlu diatasi terlebih dahulu sebelum gencatan senjata dan pengunduran tentera dijalankan manakala Malaysia pula berpendapat sebaliknya.

Rundingan ini bagaimanapun gagal ekoran pertelagahan yang wujud antara Malaysia dengan Indonesia. Namun begitu, antara persetujuan penting yang dicapai ialah ketiga-tiga negara bersetuju

mengeluarkan kenyataan bersama, khususnya yang melibatkan gencatan senjata di wilayah Borneo bagi mengekalkan permuafakatan yang wujud dalam MAPHILINDO sebagaimana yang terkandung dalam fasal 6 kenyataan bersama yang dikeluarkan pada 11 Februari 1964. Persetujuan juga dicapai untuk menjemput Setiausaha Agung PBB bagi melantik Thailand mengawasi gencatan senjata.

Lanjutan daripada rundingan peringkat pertama, rundingan peringkat kedua diadakan sekali lagi berlangsung di Bangkok walaupun pada masa yang sama konfrontasi Malaysia-Indonesia masih berterusan. Rundingan yang bermula pada 2 Mac 1964 masih berkisar kepada isu gencatan senjata dan pengunduran tentera. Malaysia dan Indonesia masih bertelagah dalam menangani isu berkenaan kerana Malaysia mengekalkan tuntutan agar pengunduran tentera dilaksanakan terlebih dahulu sebelum rundingan lanjut dijalankan (Kunaseelan 1996: 209). Malaysia menganggap masalah pengunduran tentera tidak mempunyai kaitan dengan soal politik kerana masalah pencerobohan melibatkan kedaulatan dan kemerdekaan sesebuah negara (*Berita Harian* 7 Mac 1964). Justeru itu, Malaysia juga melihat isu mempertahankan kedaulatan perlu diutamakan dalam usaha menyelesaikan konflik antara kedua-dua negara. Sebaliknya, Indonesia pula menuntut untuk menyelesaikan isu politik terlebih dahulu dan kemudiannya mencadangkan pula agar proses tersebut dijalankan seiringan. Indonesia mencadangkan penyelesaian melalui proses yang berperingkat-peringkat tetapi secara serentak, iaitu 20 peratus pengunduran tentera dan 20 peratus penyelesaian politik tetapi cadangan itu ditolak oleh Malaysia kerana pendirian Malaysia berhubung aspek kedaulatan sesebuah negara yang perlu dihormati oleh negara lain dan menuntut Indonesia mengundurkan tentera mereka tanpa syarat sebelum penyelesaian politik dijalankan (*Berita Harian* 7 Mac 1964).

Malaysia menolak cadangan itu kerana menganggapnya sebagai paksaan tetapi akhirnya menyetujui cadangan Thailand dan Filipina untuk menjalankan proses pengunduran secara berperingkat-peringkat walaupun Indonesia tidak menyatakan persetujuan terhadap cadangan tersebut. Malaysia yang diwakili oleh Tun Razak pada mulanya menolak cadangan Thailand dan Filipina kerana bimbang pelaksanaan pengunduran secara demikian tidak akan berkesan tetapi akhirnya bersetuju selepas terdapat beberapa penambahan persetujuan yang turut merangkumi pengunduran tentera ke kawasan masing-masing. Proses penyelesaian akan dijalankan secara berterusan dan persetujuan

untuk mengadakan sidang kemuncak antara pemimpin utama ketiga-tiga negara selepas semua urusan pengunduran tentera dilaksanakan (*Straits Times* 6 Mac 1964). Dalam usaha menyelesaikan masalah tersebut, Macapagal mencadangkan pula penubuhan Suruhanjaya Damai Afro-Asia yang dipersetujui oleh Sukarno tetapi Tunku Abdul Rahman hanya menerima cadangan tersebut secara dasar sahaja.

Ringkasnya, rundingan peringkat kedua juga menemui kegagalan akibat ketiadaan toleransi antara Malaysia dengan Indonesia bagi menamatkan sengketa yang tercetus. Dasar konfrontasi Indonesia pula semakin meningkat melalui siri-siri pencerobohan yang berterusan yang memaksa Malaysia mengancam untuk membuat aduan kepada PBB jika keadaan tersebut berterusan. Namun begitu, pada 19 April 1964, Tunku Abdul Rahman sekali lagi menyatakan kesediaannya untuk berunding dengan Sukarno tetapi Sukarno perlu menulis dahulu cadangan-cadangan untuk dipertimbangkan, berunding secara jujur dan berdamai dengan menamatkan konfrontasi terhadap Malaysia (*Berita Harian* 20 April 1964). Cadangan itu bagaimanapun disambut dingin oleh Indonesia dan ini menyebabkan konfrontasi kedua-dua negara berterusan.

Dalam pada itu, perkembangan politik di Malaysia memberikan tekanan kepada Indonesia kerana Parti Perikatan pimpinan Tunku Abdul Rahman telah menang besar dalam pilihan raya yang diadakan pada 25 April 1964. Parti itu memenangi 84 daripada keseluruhan 104 kerusi yang dipertandingkan (*Berita Harian* 27 April 1964). Kemenangan ini dianggap memberi makna besar kepada kerajaan Malaysia kerana isu konfrontasi telah dimainkan oleh Parti Perikatan sepanjang kempen pilihan raya. Antara lain, mereka menjelaskan jika penduduk mengundi pembangkang bererti rakyat menyokong Indonesia dan jika memilih kerajaan Perikatan bererti menyokong proses pemantapan negara (Mackie 1974: 252). Kemenangan tersebut kemudiannya dimanipulasikan oleh Malaysia kepada masyarakat antarabangsa sebagai tanda penerimaan rakyat negara ini terhadap penubuhan Malaysia.

Di samping itu, Indonesia juga terus tertekan selepas Filipina menjalinkan kembali hubungan diplomatik dengan Malaysia secara konsul pada 18 Mei 1964. Dengan keadaan itu, Indonesia tampak bersendirian kerana permuafakatan mereka bersama Filipina telah terurai. Perkembangan tersebut dianggap satu kemenangan dalam diplomasi Malaysia kerana Filipina adalah sekutu rapat Indonesia

dalam penentangan terhadap Malaysia dan secara langsung memberi tekanan terhadap dasar konfrontasi Indonesia (*Berita Harian* 13 Mac 1964). Filipina kemudiannya memainkan peranan penting untuk memulihkan hubungan Malaysia-Indonesia dengan mencadangkan rundingan melalui sidang kemuncak, rundingan peringkat menteri dan seterusnya proses mengundurkan tentera melalui peranan yang dimainkan oleh Setiausaha Luarnya, Salvador Lopez (*Penyata Rasmi Dewan Rakyat* 6 Julai 1964: 640). Usaha Lopez disambut baik oleh Malaysia kerana sebelum itu telah terdapat pengumuman kerajaan Filipina untuk menyalinkan semula hubungan dengan Malaysia melalui saluran konsul.

Melalui peranan Lopez, kedua-dua pihak bersetuju mengadakan rundingan di Bangkok bagi membuka jalan penyelesaian. Rundingan di Bangkok membuahkan hasil yang baik kerana pihak tentera kedua-dua negara bersetuju menerima cadangan Thailand agar proses pengunduran tentera dilakukan melalui dua pusat pemeriksaan, iaitu setiap satu di sempadan Indonesia dengan Sarawak dan Sabah. Sebelum itu Malaysia menuntut sebanyak 32 pusat pemeriksaan diadakan dengan pengunduran dibuat secara terbuka manakala Indonesia pula menuntut pengunduran dibuat secara sulit. Thailand pula diberi peranan sebagai pemerhati dalam proses pengunduran tersebut (Mackie 1974: 232). Ekoran daripada kejayaan itu terbukalah jalan ke arah sidang kemuncak yang dijadualkan di Tokyo pada pertengahan bulan Jun 1964.

### Sidang Kemuncak Tokyo

Sidang kemuncak antara Malaysia, Indonesia dan Filipina bermula pada 21 Jun 1964. Tunku Abdul Rahman pada mulanya enggan menyertai sidang tersebut kerana menganggap Indonesia hanya pandai berjanji tetapi tidak mengotakannya. Oleh itu, beliau tidak bersamasama rombongan Malaysia ke Tokyo yang diketuai oleh Tun Razak pada 12 Jun. Beliau hanya bertolak ke sana pada 14 Jun. Sementara itu, rombongan Indonesia yang diketuai oleh Sukarno telah berada di Tokyo sejak 8 Jun 1964. Sidang yang sepatutnya menjadi medan mesyuarat bagaimanapun bertukar menjadi saluran untuk Sukarno dan Tunku Abdul Rahman menyambung perbalahan mereka. Sukarno secara terbuka mengumumkan yang beliau menolak Malaysia kerana negara itu ditubuhkan tanpa mematuhi Perjanjian Manila (Mackie

1974: 233). Malaysia pula menuntut agar tentera Indonesia diundurkan dalam masa empat minggu tetapi tuntutan itu tidak diterima oleh Indonesia, dan perkara ini dianggap sebagai faktor yang menggagalkan sidang tersebut. Untuk mengatasi masalah tersebut, Presiden Macapagal mencadangkan penubuhan Suruhanjaya Damai Afro-Asia yang dianggotai oleh empat negara sebagai negara pendamai. Cadangan itu dipersetujui oleh Sukarno tetapi Tunku Abdul Rahman menerimanya secara dasar sahaja kerana beliau mengekalkan tuntutan agar pengunduran tentera dilaksanakan terlebih dahulu sebelum rundingan penyelesaian politik dijalankan (Penyata Rasmi Dewan Rakyat 6 Julai 1964: 638-52).

Akhbar di Malaysia ketika mengulas perkembangan sidang tersebut menganggap Sukarno telah memecahkan tembelangnya kerana berdolak-dalik dalam usaha menamatkan konfrontasi. Sukarno dikatakan datang untuk mendapatkan hiburan dan bukannya untuk menyelesaikan sengketa. Tunku Abdul Rahman pula sebaliknya dipuji kerana dianggap bersikap jujur dan serius dalam menangani isu tersebut dan Malaysia dianggap berjaya memperlihatkan kepada dunia berhubung sikap Indonesia terhadap Malaysia.

Dengan perkembangan tersebut, maka Sidang Kemuncak Tokyo juga gagal mencari jalan penyelesaian bagi menamatkan konfrontasi Indonesia terhadap Malaysia. Sehubungan dengan itu, perancangan untuk mengundurkan tentera tidak dapat dilaksanakan dan ini bermakna dasar konfrontasi Indonesia akan berterusan, malah Sukarno menjelaskan bahawa negaranya akan meningkatkan dasar tersebut sehingga Malaysia dihancurkan (*Berita Harian* 25 Jun 1964). Walaupun selepas itu terdapat usaha lain yang cuba dilakukan namun tidak mendatangkan hasil yang positif kerana wujudnya pertentangan pendapat dan ketiadaan toleransi yang berterusan antara pemimpin kedua-dua negara khususnya Sukarno dan Tunku Abdul Rahman yang berpegang teguh kepada prinsip masing-masing dalam menangani isu ini.

Antara usaha tersebut ialah persetujuan Subandrio pada Februari 1965 untuk mengadakan rundingan damai melalui rundingan peringkat menteri dan sidang kemuncak bagi menamatkan permusuhan terhadap Malaysia (*Straits Times* 12 Mac 1965). Dalam usaha ini, Thanat Koman sekali lagi cuba menjadi orang tengah bagi menguruskan perundingan yang dijadualkan di Bangkok. Namun begitu, rundingan tersebut tidak menjadi kenyataan selepas Sukarno enggan hadir kerana

terkilan dan merasa terhina dengan kritikan Ghazali Shafie yang mendakwa Indonesia tidak berlaku jujur dalam rundingan-rundingan sebelum ini (*Straits Times* 7 Mac 1965). Selepas itu, kerajaan Jepun pula cuba menjadi pendamai apabila mereka menghantar Naib Presiden Parti Liberal Demokratik, Shojiro Kawashima sebagai wakil khas ke Malaysia dan Indonesia. Beliau cuba mengatur pertemuan antara Tunku Abdul Rahman dengan Sukarno di Tokyo pada bulan Mei 1965 (Kunaseelan 1996: 225). Dalam lawatannya ke Malaysia, Shojiro Kawashima menyatakan kesediaan Sukarno untuk menemui Tunku Abdul Rahman di Tokyo (*Berita Harian* 21 April 1965). Sukarno juga dilaporkan menyebut yang beliau tidak memusuhi Malaysia tetapi menentang putar belit British yang memperalatkan Malaysia untuk kepentingan negara mereka. Harapan perdamaian melalui usaha berkenaan juga tidak tercapai kerana Sukarno sekali lagi tersinggung ekoran ucapan Tunku Abdul Rahman pada 11 April 1965 yang menyatakan Indonesia melancarkan konfrontasi akibat tekanan komunis dan Malaysia ditentang kerana negara ini mempunyai dasar antikomunis. Tunku Abdul Rahman selanjutnya menjelaskan tindakan Indonesia untuk berunding tidak lebih sebagai muslihat sedangkan tujuan sebenar mereka adalah untuk mengganyang Malaysia. Dengan perkembangan itu bermakna segala usaha perundingan tidak dapat dijalankan dan dasar konfrontasi berterusan sehinggalah tercetusnya peristiwa rampasan kuasa atau lebih dikenali sebagai GESTAPU di Indonesia pada 1 Oktober 1965 yang membuka jalan ke arah rundingan yang lebih positif antara Malaysia dengan Indonesia bagi menamatkan konfrontasi.

### Rundingan Bangkok

Rundingan di Bangkok dari 30 Mei sehingga 1 Jun 1966 merupakan pemangkin kepada pemulihan hubungan Malaysia-Indonesia. Dalam rundingan tersebut, rombongan Malaysia diketuai oleh Tun Abd Razak manakala Adam Malik mengetuai delegasi Indonesia. Perbincangan peringkat awal dalam rundingan tersebut telah menghasilkan dua formula penting untuk Malaysia dan Indonesia menamatkan persengketaan, iaitu:

1. Jika Indonesia mahu melanjutkan perhubungan secara langsung, pertukaran perwakilan ditangguhkan sehingga Ogos.
2. Malaysia akan memberi peluang kepada penduduk Sabah dan Sarawak untuk menentukan semula pendirian mereka untuk kekal

dalam Malaysia. Pilihan raya pada 1967 akan dibuat secara *in itself constitute*. Indonesia pula menuntut diadakan referendum secara demokrasi dan mereka akan menerima hasil pengundian tersebut (FO371/187564).

Merujuk kepada konfrontasi ketenteraan pula, Malaysia mahu ditamatkan segera segala bentuk permusuhan bagi membolehkan pertukaran pegawai awam dan tentera antara Kuala Lumpur dengan Jakarta dilakukan dengan segera.

Pada peringkat awal ini juga, Malaysia dan Indonesia bersetuju terhadap perjanjian yang berasaskan *Exchange of Notes* (FO371/187564). Tun Razak dan Adam Malik akan menandatangani perjanjian tersebut apabila kenyataan rasmi mengenainya dikeluarkan. Walaupun pada peringkat ini keputusan perbincangan tersebut masih dirahsiakan namun Tun Razak telah memaklumkan kepada pegawai Britain di Bangkok beberapa perkara penting yang mempunyai persamaan dengan hasil perjanjian yang dipersetujui oleh kedua-dua negara. Pada akhir rundingan, kedua-dua negara bersetuju terhadap tiga prinsip untuk memulihkan hubungan:

1. Kedua-dua negara bersetuju menamatkan permusuhan yang wujud.
2. Hubungan diplomatik akan dipulihkan selepas perjanjian pemulihan hubungan ditandatangani.
3. Tinjauan terhadap pandangan penduduk Sabah dan Sarawak akan dilakukan secepat mungkin bagi menentukan pendirian mereka terhadap Malaysia (FO371/187564).

Satu keputusan penting yang turut dipersetujui ialah kesediaan Adam Malik untuk memulihkan hubungan Indonesia-Malaysia terlebih awal tanpa perlu menunggu keputusan pengundian di Sabah dan Sarawak. Persetujuan yang disambut baik oleh kerajaan Malaysia dan Indonesia itu bagaimanapun ditentang oleh Presiden Sukarno kerana Malaysia masih dianggap sebagai neo-kolonialisme memandang pendirian rakyat Sabah dan Sarawak belum diselesaikan.

## Perjanjian Damai

Hasil persetujuan yang dicapai di Bangkok mewujudkan perkembangan yang lebih positif selepas itu. Adam Malik dalam kenyataannya kepada media selepas kembali dari Bangkok menyatakan rasa

gembiranya terhadap hasil perundingan tersebut. Walau bagaimanapun, beliau masih tidak berpuas hati sepenuhnya kerana terdapat banyak masalah yang perlu diselesaikan khususnya di pihak Indonesia sebelum konfrontasi ditamatkan (Weinstein 1969: 59). Persidangan di Bangkok hanya mencapai asas bagi penyelesaian tersebut kerana kedua-dua negara akan mengadakan perbincangan lanjut sebelum disusuli dengan perjanjian muktamad. Adam Malik turut menegaskan bahawa konfrontasi akan ditamatkan sepenuhnya setelah hasil perjanjian tersebut disahkan (FO371/187565). Hubungan Indonesia-Malaysia juga dianggap kembali berada dalam keadaan baik dan dijangka bertambah erat apabila hubungan diplomatik dipulihkan selepas perjanjian damai. Selaras dengan semangat perjanjian tersebut, Tun Razak mengumumkan bahawa Malaysia tidak akan meminta Britain mengundurkan tentera mereka dari Malaysia tetapi akan dilakukan sendiri oleh negara berkenaan (FO371/187565). Menurut Tun Razak, tentera Britain akan diundurkan dari Sabah dan Sarawak selepas perjanjian menamatkan konfrontasi ditandatangani. Dengan keadaan tersebut, Malaysia akan mengambil alih tanggungjawab keselamatan dalam negeri di kedua-dua wilayah serta mengawal kegiatan subversif. Cadangan tersebut kemudiannya dipersetujui oleh Britain dan akan mula mengundurkan tenteranya selepas Indonesia mengesah dan melaksanakan Perjanjian Bangkok (FO371/187565).

Bermula daripada persetujuan di Bangkok itu, tempoh seterusnya boleh dianggap sebagai usaha untuk mendapatkan pengesahan kerajaan sebelum perjanjian damai ditandatangani. Masalah ini tertumpu di pihak Indonesia kerana kesukaran untuk memperoleh pengesahan daripada Sukarno. Ketika pertemuannya dengan Sukarno selepas kembali dari Bangkok, Adam Malik memaklumkan bahawa konfrontasi telah berakhir. Kenyataan tersebut menimbulkan kemarahan Sukarno dengan mengangap Adam Malik dan Suharto sebagai pengecut dan takut untuk berperang dengan Malaysia. Pendirian Sukarno itu kemudiannya dibalas oleh Adam Malik dengan menyatakan bahawa Sukarno perlu meneruskan penentangan tersebut secara bersendirian jika beliau masih ingin mengekalkan dasar berkenaan (Weinstein 1969: 60).

Halangan daripada Sukarno menyebabkan Indonesia tidak dapat mengesahkan persetujuan di Bangkok dengan segera seperti yang dilakukan oleh Malaysia. Pada 8 Jun, Indonesia mengumumkan perbincangan untuk menyelesaikan konfrontasi telah selesai. Suharto

akan mengambil peranan dalam perundingan peringkat akhir dengan Malaysia, terutamanya dalam isu-isu yang memerlukan penjelasan dan penyelesaian. Menurut pengumuman itu, Suharto akan mengendalikan peranan bagi pihak tentera dalam penyelesaian persengketaan tersebut (Weinstein 1969: 60). Pengumuman itu bagaimanapun tidak seiring dengan pandangan Sukarno dalam ucapan beliau pada 17 Ogos. Menurut Sukarno, beliau menentang perjanjian di Bangkok terutamanya dalam aspek pemulihan hubungan diplomatik kerana pilihan raya belum diadakan di Sabah dan Sarawak (FO371/187565). Sukarno juga menjelaskan bahawa beliau menolak perjanjian pemulihan hubungan dengan Malaysia sehingga pilihan raya diadakan. Adam Malik dan Suharto sebaliknya melaporkan kerajaan Indonesia menyokong perjanjian tersebut sebelum diadakan pilihan raya terlebih dahulu. Ucapan Sukarno yang mempertikaikan pengesahan perjanjian Bangkok itu kemudiannya menimbulkan persoalan, siapakah yang bertanggungjawab melaksanakannya kerana Sukarno masih dianggap mempunyai kuasa di negara itu?

Jawapan kepada persoalan tersebut mungkin boleh dikaitkan dengan peranan yang dimainkan oleh Adam Malik. Pada 7 Jun, Adam Malik telah menemui James Murray bagi menyatakan permasalahan beliau mendapatkan kelulusan daripada Sukarno. Beliau bagaimanapun telah memaklumkan bahawa klausa penamatan permusuhan telah pun dilaksanakan (FO371/187565). Dalam pertemuan itu, Adam Malik menyatakan harapan beliau agar sidang Majlis Permesyuaratan Rakyat Sementara (MPRS) pada akhir bulan Jun meluluskan perjanjian Bangkok tetapi pada masa yang sama masalah masih tertumpu kepada usaha untuk mendapatkan kelulusan Sukarno. Dalam pertemuan itu, Adam Malik menjelaskan bahawa beliau telah memujuk Suharto untuk mengesahkan perjanjian tersebut berasaskan mandat 11 Mac sekiranya Sukarno enggan melakukannya. Suharto menyatakan kesediaan untuk melakukannya jika sesuatu berlaku dalam perbincangan beliau dengan Ghazali Shafie yang menuntut beliau memberikan keputusan untuk menyelesaikan persengketaan (FO371/187565). Sementara itu, Ghazali Shafie telah menemui Suharto pada 10 Jun untuk membincangkan pelaksanaan persetujuan di Bangkok, pengunduran tentera dan operasi bersama menentang China komunis. Dalam pertemuan tersebut mereka tidak mencapai kata putus terhadap permasalahan pilihan raya di Borneo tetapi Suharto memberi jaminan tiada perubahan besar akan dilakukan terhadap persetujuan yang dicapai di Bangkok.

Kerjasama antara Adam Malik dan Suharto dengan Britain dan Amerika Syarikat juga dapat dikaitkan dengan kenyataan mereka yang menganggap penamatan konfrontasi akan membolehkan Indonesia memulihkan kestabilan ekonomi mereka. Kenyataan tersebut disifatkan sebagai tanda Indonesia akan menerima bantuan asing sebagai *hadiah* menamatkan konfrontasi. Dengan tamatnya konfrontasi, mereka berharap bantuan ekonomi Barat akan masuk semula ke Indonesia yang sebelum ini dipinggirkan oleh dunia. Akhbar *Indonesian Herald* dalam mengupas isu ini antara lain menyatakan:

*If peaceful conditions develop from the present situation in Southeast Asia this will suit the Commonwealth Britain and the United States quite well. What we expect from the West is that they assume a proper long term role in this region in terms of economic assistance, political non-intervention and military withdrawal with the aim of strengthening the independence of the Southeast Asia countries in particular and of Asian nations in general (Weinstein 1969: 74).*

Sementara itu dalam perkembangan di Malaysia, pada 7 Jun 1966 selepas mesyuarat kabinet secara rasmi, Tun Razak mengumumkan keputusan kerajaan Malaysia meluluskan perjanjian menamatkan konfrontasi yang termeterai di Bangkok (FO371/187565). Walau bagaimanapun, perjanjian itu tidak dapat didedahkan kepada umum sehingga kelulusan yang sama dilakukan oleh Indonesia. Selain itu, Malaysia turut mengharapakan kerjasama Indonesia dari segi keselamatan kerana selepas konfrontasi berakhir ancaman terhadap keselamatan Malaysia akan datang daripada pihak komunis di Sabah dan Sarawak. Tun Razak juga turut menjelaskan bahawa persediaan sedang dilakukan untuk mengundurkan tentera Komanwel di Borneo yang akan dilakukan sebaik sahaja perjanjian menamatkan konfrontasi dimeterai.

Pada 8 Julai, Adam Malik menyatakan Indonesia tidak akan menandatangani perjanjian dengan Malaysia sehingga pembentukan kabinet *Ampera*. Keputusan tersebut dianggap penting kerana perhatian semua pihak akan tertumpu kepada kabinet baru itu dengan keputusan menamatkan konfrontasi bakal ditentukan sehingga kedudukan kabinet ditetapkan. Di samping itu, keputusan tersebut juga bertujuan mendapatkan pengiktirafan bahawa keputusan menamatkan konfrontasi merupakan tindakan bijak yang pertama dilaksanakan oleh kabinet baru tersebut (FO371/187565). Tafsiran itu mempunyai asas kerana selepas pembentukan kabinet *Ampera* pada 28 Julai, Suharto

menjelaskan penyelesaian akhir konfrontasi akan dijalankan dalam tempoh dua minggu.

Justeru itu, walaupun Sukarno dalam ucapannya pada 28 Julai (yang disifatkan sebagai usaha terakhir untuk menghalang konfrontasi ditamatkan) telah merujuk kepada permasalahan wilayah Borneo yang belum diselesaikan. Pandangan tersebut bagaimanapun disambut dengan kenyataan rasmi oleh Indonesia bahawa pandangan Sukarno itu tidak melambangkan pendirian Indonesia (FO371/187565). Malaysia pula dalam reaksinya memilih untuk menghormati pandangan Sukarno itu tetapi pada masa yang sama menganggap pandangan itu sebagai daya terakhir oleh seorang tua yang kehilangan sedikit kuasa yang dimilikinya (FO371/187565). Sukarno juga mendakwa beliau terpaksa bertegas dengan kenyataannya itu untuk memberikan lebih kekuatan kepada Suharto dan untuk memperbaiki kedudukan penawaran beliau dengan Kuala Lumpur.

Walau apa pun penentangan yang dikemukakan oleh Sukarno dan penyokong-penyokongnya, namun perbincangan akhir untuk mengesahkan Perjanjian Bangkok bagi pihak Indonesia dilakukan secara rasmi dalam mesyuarat pada 30 Julai. Selepas mesyuarat itu, pengisytiharan dibuat yang menyatakan Suharto akan mengutuskan wakil perunding terakhir ke Kuala Lumpur dengan segera (FO371/187565). Pada 3 Ogos pula, selepas pertemuan dengan Sukarno, Suharto telah mengumumkan bahawa konfrontasi akan ditamatkan dengan segera. Keesokannya, Ali Moertopo telah mengiringi kumpulan pegawai Malaysia ke Jakarta untuk mengadakan persiapan menandatangani perjanjian damai antara Malaysia dengan Indonesia.

Selanjutnya pada 9 Ogos 1966, Suharto dan Adam Malik mengumumkan bahawa Tun Razak akan hadir ke Jakarta dalam tempoh dua hari untuk menandatangani persefahaman yang terbentuk di Bangkok sebagai wakil kerajaan Malaysia. Majlis tersebut berjalan seperti yang dirancangkan. Pada 11 Ogos 1966, Tun Razak yang mewakili Malaysia dan Adam Malik bagi pihak Indonesia telah menandatangani perjanjian memulihkan hubungan kedua-dua negara dan sekaligus mengakhiri konfrontasi yang tercetus sejak 1963.

Perjanjian tersebut mengandungi tiga perkara utama yang menandakan episod baru dalam sejarah hubungan Malaysia dan Indonesia. Perkara penting yang dipersetujui dalam perjanjian tersebut ialah:

1. Satu pilihan raya bebas akan diadakan bagi menentukan pendirian penduduk Sabah dan Sarawak terhadap kedudukan mereka di dalam Malaysia.
2. Kedua-dua negara menyatakan persetujuan memulihkan hubungan diplomatik dan pertukaran diplomat antara kedua-dua negara akan dilaksanakan secepat mungkin.
3. Sebarang bentuk permusuhan antara Malaysia dan Indonesia akan ditamatkan (FO371/187567).

Kesan daripada perjanjian tersebut, hubungan kedua-dua negara dieratkan semula seperti zaman sebelum tercetusnya konfrontasi. Tun Razak juga menyatakan persetujuan untuk mengadakan pilihan raya di Sabah dan Sarawak selewat-lewatnya pada 1967 dan sebahagian daripada tentera British di Malaysia akan diundur dengan segera. Indonesia pula turut berjanji untuk mengundurkan tentera dan sukarelawan negara itu di Borneo sebagai penghormatan terhadap perjanjian itu.

Secara keseluruhannya dasar konfrontasi Indonesia terhadap Malaysia yang dianggap bermula selepas meletusnya Pemberontakan Brunei 1962 dan memuncak pada 16 September 1963, iaitu pada hari penubuhan Malaysia telah berjaya ditamatkan sepenuhnya melalui perjanjian damai tanggal 11 Ogos 1966. Walaupun pada dasarnya konfrontasi ditamatkan secara rasmi namun bekas presiden negara itu, Sukarno terus mengekalkan pendirian terhadap dasar konfrontasinya. Sukarno yang mendapat sokongan PNI dan RRC bagaimanapun tidak berupaya melakukan tindakan lanjut kerana beliau telah kehilangan kuasa *de facto* yang diambil alih oleh Suharto.

## Kontroversi Penyelesaian Konfrontasi

Selepas perjanjian damai ditandatangani, persoalan tentang hubungan diplomatik terus menjadi kontroversi. Sukarno menuntut kandungan perjanjian tersebut didedahkan kepada umum dan menyifatkan beliau mempunyai kuasa veto ke atas perjanjian Bangkok. Beliau juga mendakwa dalam perjanjian itu terdapat tambahan peruntukan secara sulit yang menyatakan Indonesia tidak akan mengiktiraf Malaysia sehingga pilihan raya diadakan di Sabah dan Sarawak. Dalam ucapannya pada 17 Ogos, Sukarno mengisytiharkan perjanjian tersebut sebagai *Bangkok agreement-as-improved* yang digabungkan dengan

penambahan yang dibuat oleh Indonesia (FO371/187567). Beliau juga merayu kepada penduduk Sabah dan Sarawak supaya membuat keputusan terbaik mereka dalam pilihan raya yang akan diadakan kerana keinginan untuk merdeka berada di tangan mereka.

Dakwaan Sukarno terhadap kewujudan penambahan peruntukan itu segera diumumkan dan disebar oleh pemimpin PNI dan Nahdatul Ulama. Sebelumnya, iaitu pada 12 Ogos, Sukarno telah menjelaskan kepada pemimpin PNI tentang keengganan beliau menandatangani Perjanjian Jakarta disebabkan perjanjian itu bertentangan dengan Perjanjian Bangkok (FO371/187567). Ekoran daripada itu, perbincangan terhadap isu penambahan peruntukan itu menjadi hangat dan pemimpin-pemimpin PNI dan NU terus membangkitkan perkara tersebut khususnya yang melibatkan permasalahan pilihan raya di Borneo.

Kewujudan penambahan peruntukan seperti yang didakwa oleh Sukarno itu bagaimanapun dinafikan oleh kerajaan Malaysia dan Indonesia. Tun Razak dalam reaksinya menyatakan tidak terdapat sebarang rahsia dalam Perjanjian Jakarta (FO371/187565). Menurut beliau, perjanjian yang ditandatangani di Jakarta adalah sama dengan persetujuan yang dicapai di Bangkok. Tunku Abdul Rahman turut menyatakan perkara yang sama dan disokong oleh Adam Malik. Dalam sidang Parlimen Malaysia pada 22 Ogos 1966, Tunku Abdul Rahman menyatakan:

...inilah sahaja satu-satunya perjanjian yang ditandatangani oleh Tun Abdul Razak... dalam pengetahuan kita, tidak ada sebarang perubahan pun. Orang itu juga yang menandatangani di Bangkok yang mendapat kuasa daripada kerajaan mereka sendiri dan orang itu juga yang menandatangani di Djakarta dan apabila ditandatangani, tidak ada janji lain melainkan perjanjian yang tertulis dan ditandatangani di Bangkok juga... (Penyata Dewan Rakyat III(6), 1966: 1175-8).

Kenyataan tersebut bagaimanapun boleh dipertikaikan kerana pemerhatian terhadap sumber dokumen menunjukkan wujudnya konspirasi dalam perkara tersebut. Kewujudan peruntukan tambahan dalam perjanjian damai itu terdapat kebenaran kerana Ghazali Shafie dalam pertemuannya dengan Pesuruhjaya Tinggi Britain, M. Walker pada 21 Jun 1966 telah memaklumkan tentang perkara tersebut. Menurut beliau, selepas kesukaran yang dihadapi oleh Tun Razak untuk bertukar utusan diplomatik bagi menentukan semula pendirian penduduk Sabah dan Sarawak melalui persefahaman bertulis secara

rahsia mengenai Perjanjian Bangkok, Malaysia telah memutuskan untuk:

*...to suggest instead that the "understanding" should simply be that the exchange of diplomatic missions should take place when two governments by agreement so decided (FO371/187566).*

Selanjutnya dalam pertemuan beliau dengan Pesuruhjaya Tinggi Australia, New Zealand dan Timbalan Pesuruhjaya Tinggi British pada 5 Ogos, Ghazali Shafie telah memaklumkan bahawa Perjanjian Bangkok telah dipersetujui secara rasmi (FO371/187566). Beliau turut menjelaskan perjanjian tersebut mungkin akan ditandatangani pada 11 Ogos dengan Tun Razak mewakili Malaysia. Dalam pertemuan ini juga Ghazali Shafie memaklumkan bahawa Adam Malik akan menandatangani surat rahsia kepada kerajaan Malaysia yang menyatakan persetujuan kerajaan Indonesia terhadap Artikel 2 (perjanjian berkaitan diplomatik dan pertukaran diplomat) akan diikuti segera selepas Artikel 1 (penentuan semula pendirian penduduk Sabah dan Sarawak). Surat itu juga:

*record the agreement of the Indonesian and Malaysian Governments to maintain direct and regular contact with each other in the meantime (FO371/187566).*

Dalam pertemuan itu, Ghazali Shafie telah menjelaskan bahawa surat tersebut menjadi senjata bagi Sukarno untuk mengecam Suharto sejak dia membocorkan surat tersebut dan akan membuat pengisytiharan pada 17 Ogos. Walau bagaimanapun menurut Ghazali Shafie, Suharto telah memberi jaminan kepada Malaysia melalui Ali Moertopo bahawa Malaysia tidak perlu bimbang jika Sukarno membangkitkan perkara tersebut kerana hal itu merupakan perhitungan terakhir (*final showdown*) antara mereka (FO371/187565).

## Kesimpulan

Konfrontasi 1963-6 sesungguhnya merupakan titik hitam dalam hubungan Malaysia-Indonesia. Di samping mengorbankan nyawa, konfrontasi itu juga mengakibatkan kerugian ekonomi serta mencemarkan imej dua buah negara yang dianggap bersaudara. Mencari jalan penyelesaian bagi mendamaikan sengketa dua negara bersaudara bukanlah sesuatu yang mudah. Pengalaman konfrontasi menyerlahkan

bahawa tanpa toleransi dan semangat kerjasama, isu yang sepatutnya boleh diselesaikan di meja rundingan berlanjutan ke medan konflik yang lebih besar. Selain itu, konflik serantau juga sebenarnya mendorong campur tangan kuasa Barat yang sentiasa menunggu ruang untuk mengukuhkan kepentingan mereka di rantau ini. Sukarno umpamanya telah menjadi mangsa konspirasi yang telah pun diasaskan oleh kuasa Barat semenjak berakhirnya Perang Dunia Kedua (Kahin 1995). Selepas digulingkan dalam rampasan kuasa berdarah, bekas presiden dan negarawan Nusantara itu dipaksa menelan hakikat bahawa prinsip perjuangan semata-mata tidak memadai untuk menentang kuasa yang mempunyai kelebihan dari pelbagai aspek seperti ekonomi, politik, ketenteraan, subversif dan propaganda. Tercetusnya GESTAPU menyaksikan berlakunya peralihan kuasa daripada Sukarno kepada Suharto melalui Surat Perintah 11 Mac 1966. Perubahan kepimpinan tersebut memperlihatkan usaha menamatkan konfrontasi dijalankan secara intensif dan berjalan lancar, terutamanya selepas pembentukan kabinet baru Indonesia pada 4 April 1966 dengan pelantikan Adam Malik sebagai Menteri Luar. Daripada hasil usaha tersebut, konfrontasi berjaya ditamatkan secara rasmi pada 11 Ogos 1966. Justeru itu, dalam menangani permasalahan semasa dan akan datang kedua-dua negara perlu berhati-hati dan mengamalkan sikap berdiplomasi bagi mengelakkan tercetusnya konfrontasi kedua.

### Rujukan

*Berita Harian*. 20 April. 1964.

*Berita Harian*. 27 April. 1964.

*Berita Harian*. 1 April. 1964.

*Berita Harian*. 25 Jun. 1964.

*Berita Harian*. 7 Mac. 1964.

*Berita Harian*. 21 April. 1965.

Dewan Rakyat Malaysia. 1964. Statement by Deputy Prime Minister: Failure of the summit talks in Tokyo. *Penyata rasmi Dewan Rakyat*. 1 (5), 6 Julai.

Dewan Rakyat Malaysia. 1966. Kenyataan Perdana Menteri: Perjanjian antara Malaysia dengan Indonesia. *Penyata rasmi Dewan Rakyat III* (6). 22 Ogos.

FO371/187564. 1966. *Surat A. Rumbold kepada Foreign Office*. No. 400, 1 Jun.

- FO371/187564. 1966. *Surat A. Rumbold kepada Foreign Office*. No. 395, 1 Jun.
- FO371/187565. 1966. *Surat A. Rumbold kepada Foreign Office*. 2 Jun.
- FO371/187565. 1966. *Surat James Murray kepada Foreign Office*. 2 Jun.
- FO371/187565. 1966. *Surat James Murray kepada Foreign Office*. 7 Jun.
- FO371/187565. 1966. *Surat M. Walker kepada Commonwealth Office*. 17 Ogos.
- FO371/187565. 1966. *Surat M. Walker kepada Commonwealth Relations Office*. 3 Jun.
- FO371/187566. 1966. *Surat M. Walker kepada Commonwealth Office*. 5 Ogos.
- FO371/187566. 1966. *Surat M. Walker kepada Commonwealth Relations Office*. 21 Jun.
- FO371/187567. 1966. *Agreement to normalise relations between The Republic of Indonesia and Malaysia*.
- Hidayat Mukmin. 1991. *TNI dalam politik luar negeri: Studi kasus penyelesaian konfrontasi Indonesia-Malaysia*. Jakarta: Pustaka Sinar Harapan.
- Hindley, D. 1964. Indonesia's confrontation with Malaysia: A search for motives. *Asian Survey*. IV(6).
- Kahin, G. M. T & Audrey R. 1995. *Subversion as foreign policy: The secret Eisenhower an Dulles debacle in Indonesia*. New York: The New Press.
- Kunaseelan Muniandy. 1996. *Hubungan Malaysia-Indonesia 1957-1970*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Legge, J. D. 1972. *Sukarno: A political biography*. New York: Praeger Publishers.
- Leifer, M. 1983. *Indonesian foreign policy*. The Royal Institute of International Affairs. London: George Allen & Unwin Ltd.
- Mackie, J. A. C. 1974. *Konfrontasi : The Indonesia-Malaysia dispute 1963-1966*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Mohamad Rodzi Abd Razak. 2002. Hubungan Malaysia-Indonesia: Pengajaran dari peristiwa konfrontasi 1963-1966. Prosiding Simposium Kebudayaan Indonesia-Malaysia Kelapan. Universiti Kebangsaan Malaysia, 8-10 Oktober.
- Mohammad Hatta. 1965. One Indonesian view of the Malaysian issue. *Asian Survey*. V(3).
- Nik Anuar Nik Mahmud. 2000. *Konfrontasi Malaysia Indonesia*. Bangi: Penerbit UKM.
- Noraini Hj. Bidin. 1997. Konfrontasi Indonesia Malaysia (1963-1966): Peranan akhbar Melayu dalam menangani isu konfrontasi. Bangi: Jabatan Sejarah, UKM. (Latihan Ilmiah).

- Poulgrain, G. 1998. *The genesis of confrontation: Malaysia Brunei Indonesia 1945-1965*. London: C. Hurst & Co
- Straits Times*. 6 Mac. 1964.
- Straits Times*. 12 Mac. 1965.
- Straits Times*. 7 Mac. 1965.
- Sutter, J. O. 1966. Two faces of konfrontasi: "Crush Malaysia" and the GESTAPU. *Asian Survey*. VI(10).
- Syed Othman Syed Omar. 1999. *Tentera Malaysia dalam era konfrontasi*. Bangi: Penerbit UKM.
- UMNO 20 tahun*, Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu.
- Utusan Melayu*. 24 Jun. 1964.
- Warta Negara*. 22 Januari 1964.
- Weinstein, F. B. 1969. *Indonesia abandons confrontations: An inquiry into the functions of Indonesia foreign policy*. New York: Cornell University.

## Indeks

---

- budaya politik 19, 96
- competitive* 13
- cooperative* 13
- darurat 1948-60 165
- Dasar Ekonomi Baru (DEB) 109
- dasar penerapan nilai-nilai Islam 62
- dasar *unite and rule* 10
- daulat raja 98
- Dewan Undangan Negeri 29
- dual federalism* 14
- faktor kelas 52
- federalisme 9
- first past the post* 66
- fusion of power* 90
- gerrymandering* 75
- GESTAPU 162
- good governance* 9
- hegemoni politik 36
- imperialisme 164
- intdependent federalism* 14
- kaedah daftar asas 78
- kajian pendapat awam 40
- Kamarulzaman Haji Teh 21, 145
- kecenderungan politik 51
- kepentingan politik 85
- kepimpinan politik melayu 96
- kesatuan 10
- kolonialisme 164
- Konfrontasi Indonesia-Malaysia 162
- legitimasi politik 17
- Lee H. S. 20
- Majlis Kewangan Negara 30
- Majlis Raja-raja 28
- Majlis Tanah Negara 30
- Malay political hegemony* 19, 110
- Malayan Union* 101
- Marxisme 153
- nasionalis kiri 21
- nasionalisme 144
- konservatif 144
- progresif 144
- neo-imperialis 165
- neo-kolonialis 165
- neo-kolonialisme 16, 164
- Parlimen 29
- Parti Komunis Malaya 144
- Parti Komunis Melayu (PKM) 21
- Parti Rakyat Malaysia 31
- pejuang kemerdekaan 144
- pendaftaran
- pemilih 66, 77
- sepanjang tahun 88
- pendapat awam 39
- pengundi hantu 78
- pengundian
- satu kawasan-banyak undi 67
- pengundian
- satu kawasan-satu undi 67

- penyertaan politik 17
- penyokong UMNO dan PAS 50
- Perjanjian Jakarta 181
- Perjanjian Manila 172
- perjuangan kelas 153
- pilihan raya umum 1999 33
- PKI 165
- political will* 105
- politik
  - baru 9
  - consociational* 20
  - permuafakatan 20
  - wang 112
- Prapilihan Raya Umum 1999 38
- proportional representation* 66
- pungutan pendapat awam 39
- Putrajaya 25
- quasi-federal* 13
- Reaganism* 113
- Rundingan Bangkok 174
- sentralisasi kuasa 14
- sistem bermusim 88
- SPR 66
- SUHAKAM 121
- Suruhanjaya Damai Afro-Asia 173
- Tan Cheng Lock 20
- Thatcherism* 113
- union* 10
- unitari 14
- wa'dat 99
- Warna Kulit 50
- warna kulit' penyokong UMNO dan PAS 51